

BUKU RASMI TAHUNAN 2020


PERLIS
Bukit Kayu Hitam
P. Langkawi
Kangar
Kuala Perlis
Kuah
P. Payar
Alor Setar
Kuala Kedah
KEDAH
THAILAND
Tumpat
Kota Bharu
Pasir Mas
P. Perhentian
Besut
Tanah Merah
Jerteh
P. Redang
Sungai Petani
Keroh
PENANG
Jeli
Tasik Temenggor
Merang
Georgetown
Butterworth
Kulim
Penang Hill 830
Bukit Mertajam
Gerik
PERAK
G. Chamah 2171
Kuala Terengganu
Marang
P. Kapas
KELANTAN
Tasik Kenyir
Bt. Merah
Tasik Chenderoh
Taiping
Bt. Larut 1496
Gua Musang
TERENGGANU
Dungun
Kuala Kangsar
G. Korbu 2183
Ipoh
Taman Negara
G. Tahan 2187
Kerteh
Cameron Highlands 1524
Lumut
P. Pangkor
Teluk Intan
Kuala Lipis
Cherating
PAHANG
Jerantut
Raub
Kuantan
Fraser's Hill 1524
SELAT MELAKA
SELANGOR
Mentakab
Temerloh
Pekan
Tasik Chini
Genting Highlands 1772
Shah Alam
Kuala Lumpur
Pelabuhan Klang
Cyberjaya
NEGERI SEMBILAN
Tasik Bera
Pulau Tioman
P. Indah
Putrajaya
Seremban
Morib
Sepang
Seri Menanti
Gemas
P. Pemanggil
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)
Port Dickson
Taman Negara Endau Rompin
P. Rawa
P. Besar
P. Aur
G. Ledang 1276
Mersing
P. Tinggi
Cape Rachado
Ayer Keroh
MELAKA
JOHOR
P. Sibu
Melaka
P. Besar
Muar
Kluang
Tg. Leman
Batu Pahat
Kota Tinggi
Senai
Desaru
Johor Bahru
Tg. Belungkor
P. Kukup
Tg. Piai
SINGAPURA
MALA


U
P. Layang-Layang
P. Banggi
Limbuak
P. Malawali
Kudat
P. Jambongan
Jambongan
Teluk Labuk
P. Kanawi
Sandakan
LAUT SULU
LAUT CHINA SELATAN
Kota Kinabalu
P. Tiga Park
Tambunan
Beaufort
Keningau
SABAH
Labuan
Victoria
Tenom
Lahat Datu
P. Sakar
P. Tabawan
P. Timbun Mata
P. Gaya
Semporna
P. Mabul
P. Sipadan
Tawau
P. Sebatik
Bandar Seri Begawan
Lawas
Limbang
BRUNEI DARUSSALAM
Miri
Marudi
Long Semado
Long Pa Sia
Long Seridan
Bareo
LAUT SULAWESI
Bintulu
SARAWAK
Mukah
Belaga
Sibu
Sarikei
K. Rajang
Kapit
Bandar Sri Aman
INDONESIA
PETUNJUK
Sempadan Antarabangsa
Sempadan Negeri
Lebuh Raya Utara-Selatan
Lebuh Raya Timur-Barat
Jalan Raya
Jalan Keretapi
Lapangan Terbang
Pusat Peranginan Pantai
Pusat Peranginan Tanah Tinggi
Tasik
Ibu Negeri
Bandar
Taman Negara
Bt. ... Bukit
G. ... Gunung
P. ... Pulau
T. ... Tasik
Tg. ... Tanjung

BUKU RASMI TAHUNAN 2020

Diterbitkan di Malaysia oleh

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

KETUA PENGARAH
Jabatan Penerangan Malaysia
Tingkat 18, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Lot 4G9, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya, Malaysia

Tel : 03-8911 3440
Fax : 03-8911 4957
Laman web : www.penerangan.gov.my
Emel : webmaster@inform.gov.my

Cetakan Pertama 2021

Hak cipta © Jabatan Penerangan Malaysia © Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

ISSN 0126-8627

Dicetak di Malaysia oleh
Visual Print Sdn. Bhd.

NASKHAH PERCUMA

KOD QR

Imbas kod QR untuk bacaan

Penaung
YB Dato' Saifuddin bin Abdullah
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Penasihat
YBhg. Dato' Mohd Sukari bin Ab. Hamid
Ketua Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia

Sidang Pengarang

Ketua Editor
Wan Azizah binti Wan Omar

Penyelaras
Nurul Atiqah binti Ahmed
Shamalah Mukundan

Rekabentuk/ Cetakan
Visual Print Sdn. Bhd.

KANDUNGAN

DAULAT TUANKU 4

TITAH KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YDP AGONG 5

TINTA PERDANA MENTERI 6

CABARAN MALAYSIA 8

- YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin Angkat Sumpah Sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 10
- Pandemik COVID-19 12

PROFIL NEGARA 14

- Ringkasan Sejarah Malaysia 16
- Jata Negara 18
- Bendera Malaysia 20
- Lagu Kebangsaan 22
- Bunga Kebangsaan 23
- Agama Rasmi 24
- Bahasa Rasmi 25
- Mata Wang 25
- Demografi Penduduk 26
- Warna-warna Malaysia 27
- Perayaan dan Festival 28
- Kesenian dan Kebudayaan 29
- Lokasi 34
- Iklim 34
- Flora dan Fauna 35

PROFIL NEGERI DAN WILAYAH PERSEKUTUAN 42

- Terengganu 44
- Perlis 46
- Selangor 48
- Negeri Sembilan 50
- Johor 52
- Kelantan 54
- Perak 56
- Kedah 58
- Pahang 60
- Pulau Pinang 62
- Sabah 64
- Sarawak 66
- Melaka 68
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 70
- Wilayah Persekutuan Labuan 72
- Wilayah Persekutuan Putrajaya 74

PERLEMBAGAAN DAN SISTEM PEMERINTAHAN NEGARA 76

- Perlembagaan 78
- Sistem Pemerintahan Negara 82
- Badan Perundangan 83
- Badan Pemerintah 87
- Badan Kehakiman 89
- Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 90
- Pentadbiran Kerajaan Negeri 94
- Jentera Pentadbiran Di Peringkat Kerajaan Tempatan 101

EKONOMI MALAYSIA 2020 102

- Intipati Belanjawan 2021 105
- Ekonomi Malaysia 2020 158
- Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia Yang Diaudit Bagi Tahun 2020 159

LAPORAN KEMENTERIAN 160

- Jabatan Perdana Menteri 162
- Kementerian Alam Sekitar dan Air 176
- Kementerian Kewangan 184
- Kementerian Pengajian Tinggi 192
- Kementerian Kesihatan Malaysia 198
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia malaysia 208
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri 216
- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi 224
- Kementerian Luar Negeri 238
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna 246
- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi 254
- Kementerian Kerja Raya 262
- Kementerian Tenaga dan Sumber Asli 270
- Kementerian Perpaduan Negara 278
- Kementerian Pengangkutan 286
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar 294
- Kementerian Sumber Manusia 302
- Kementerian Pertahanan 310
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya 320
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 328
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan 334
- Kementerian Dalam Negeri 342
- Kementerian Wilayah Persekutuan 352
- Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi 360
- Kementerian Pendidikan Malaysia 370
- Kementerian Belia dan Sukan 378
- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan 386

PENGHARGAAN 399

DAULAT TUANKU

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
TUNKU HAJAH AZIZAH AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH BINTI
ALMARHUM AL-MUTAWAKKIL ALALLAH SULTAN ISKANDAR AL-HAJ



Institusi Yang di-pertuan Agong bukanlah sekadar simbol mahupun lambang. Ianya adalah merupakan asas perpaduan; penyatuan bangsa dan pencetus semangat patriotisme kebangsaan. Ianya adalah merupakan satu roh yang jika diwarisi dan dihayati oleh setiap anak watan; boleh menerbitkan rasa cinta dan kesetiaan kepada negara. Menyedari hakikat ini; beta akan berusaha dengan sedaya mungkin untuk mewujudkan perpaduan dan sikap tolerasi di antara semua kaum; bangsa dan agama. Beta akan mengutamakan rakyat; menghormati yang tua dan memuliakan yang muda. Semua ini akan beta zahirkan dengan penuh rasa tawaduk. Sesungguhnya; "ular yang menyusur akar; tidak sekali-kali akan hilang bisa-nya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah

Sumber: *Titah KDYMM SPB YDA Sempena Istiadat Pertabalan KDYMM SPB Yang Dipertuan Agong XVI*

Perpaduan rakyat yang berbilang kaum, agama dan wilayah inilah yang menjadi tunjang kekuatan kita sebagai sebuah negara bangsa yang berjaya. Oleh itu, perkukuhkanlah perpaduan, pupuk kerjasama yang lebih erat dan tingkatkan integrasi. InsyaAllah, dengan semangat perpaduan kaum dan integrasi nasional yang jitu, Malaysia yang kita cintai dan tumpahkan sepenuh taat setia ini akan terus berada di landasan yang kukuh untuk menempa lebih banyak kejayaan pada masa yang akan datang.

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin,
Perdana Menteri Malaysia Ke-8

Sumber: *Amanat YAB Perdana Menteri sempena Sambutan Hari Malaysia 2020*

YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN,
PERDANA MENTERI MALAYSIA KE-8




Marriott



CABARAN MALAYSIA

YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN ANGKAT SUMPAH SEBAGAI PERDANA MENTERI MALAYSIA KE-8

Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan melantik YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai Perdana Menteri kelapan (ke-8) selaras dengan Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia sebagai Perdana Menteri berlangsung di Balai Singgahsana Kecil, Istana Negara pada 1 Mac 2020 tepat jam 10.33 pagi. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin membaca ikrar angkat sumpah jawatan di hadapan Seri Paduka Baginda, kemudiannya menandatangani dokumen berkenaan disaksikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali dan Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat.







PANDEMIK COVID-19

Dunia pada hari ini berdepan cabaran yang begitu hebat akibat penularan virus COVID-19.

Malaysia antara negara yang turut terkesan dengan pandemik yang dahsyat ini sehingga melumpuhkan pelbagai sektor dalam negara. Tanggal 25 Januari 2020 mengesahkan kes pertama COVID-19 di Malaysia yang melibatkan tiga (3) warga China yang masuk ke Malaysia melalui Johor dari Singapura pada 23 Januari 2020. Ekoran daripada itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menasihatkan rakyat Malaysia khususnya supaya menangguhkan sebarang aktiviti pelancongan ke negara China memandangkan wabak COVID-19 didakwa berpunca dari Wuhan, China.

Pada peringkat awal penularan wabak ini, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah yang sewajarnya sebagai usaha untuk memerangi wabak ini daripada terus merebak. Oleh yang demikian, kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 16 Mac 2020 kepada seluruh negeri di Malaysia bagi tempoh 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 dengan mengambil kira 14 hari tempoh inkubasi virus COVID-19. Namun demikian, memandangkan bilangan kes positif tidak menunjukkan penurunan maka PKP fasa dua (2) telah disambung sehingga 14 April 2020.

Umum mengetahui bahawa pelaksanaan PKP merupakan satu tindakan pencegahan penularan dengan cara memutuskan rantaian COVID-19 terutamanya daripada individu telah positif dijangkiti kepada kontak sosial yang tidak dikenali. Hal ini bagaimanapun telah memberikan impak dan perubahan drastik kepada corak kehidupan sosial manusia. Kita tidak lagi bebas bergerak, bahkan sebahagian daripada kita terkurung di kediaman masing-masing. Keadaan



ini secara tidak langsung telah mengehadkan hampir keseluruhan aktiviti ekonomi dan menjejaskan pendapatan pelbagai golongan masyarakat. Terdapat syarikat yang tidak mampu bertahan sehingga terpaksa gulung tikar sekali gus menyebabkan para pekerja hilang punca rezeki dalam sekelip mata.

Sektor pelancongan, peruncitan, pengangkutan dan pendidikan antara yang turut terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Majoriti rakyat Malaysia terutamanya golongan yang berpendapatan rendah meluahkan rasa kebimbangan kerana sangat sukar untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam situasi yang semakin mencabar. Walau bagaimanapun, kerajaan bersikap peka dan bertindak pantas dengan memperkenalkan pelbagai pelan inisiatif yang efektif sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP bertujuan untuk membantu memulihkan ekonomi negara dan meringankan beban rakyat. Antara pelan yang dirancang dan dilaksanakan ialah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang merupakan penambahbaikan daripada Pakej Rangsangan Ekonomi yang diumumkan oleh kerajaan pada 27 Februari 2020.

Seiring dengan komitmen kerajaan, rakyat Malaysia juga perlu berganding bahu dalam proses mengadaptasi norma baharu dalam kehidupan seharian. Elakkan keberadaan di tempat awam yang sesak, amalkan penjarakan fizikal dengan kontak sosial yang sepatutnya, biasakan pemakaian pelitup muka dengan betul, kerapkan mencuci tangan dengan sabun dan pastikan tangan disanitasi dengan kerap setiap masa. Penyatuan rakyat menjadi perangsang kepada para petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus dalam mengekang pandemik COVID-19. Pengorbanan wira-wira tidak didendang ini wajar dihargai dan disanjung tinggi oleh semua pihak.





PROFIL NEGARA



RINGKASAN SEJARAH MALAYSIA

Sejarah Malaysia bermula pada zaman Kesultanan Melayu Melaka iaitu sekitar tahun 1400 Masihi.

Pada masa kegemilangannya, wilayah kesultanan ini meliputi sebahagian besar Semenanjung dan Pantai Timur Sumatera. Melaka muncul sebagai sebuah kerajaan yang gemilang kerana pemimpin yang berwibawa, sistem pentadbiran dan pemerintahan yang cekap di samping kedudukannya yang strategik berada di titik pertemuan di antara Asia Timur dengan Asia Barat. Keadaan ini membolehkan Melaka muncul sebagai pusat perdagangan utama khususnya bagi perdagangan rempah di Asia Tenggara. Islam pula muncul sebagai agama utama yang tersebar dan menjadi anutan utama penduduk Melaka kerana rajanya sendiri telah memeluk agama tersebut. Pada tahun 1511, Melaka jatuh ke tangan Portugis dan bermula dari tahun tersebut Tanah Melayu berada dalam era penjajahan. Selepas itu, Tanah Melayu jatuh ke tangan Belanda pada tahun 1641 dan akhirnya jatuh pula ke tangan British pada tahun 1824 melalui Perjanjian Inggeris-Belanda. British telah campur tangan dalam semua urusan pentadbiran Tanah Melayu yang sebelum ini diuruskan oleh Raja-raja Melayu dengan bantuan pembesar-pembesar negeri. Campur tangan British ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk tempatan. Individu-individu yang bangkit berjuang menentang penjajah di beberapa buah negeri ialah Dol Said, Tok Janggut, Datuk Bahaman, Rentap, Datuk Maharajalela, Rosli Dhoby termasuk beberapa orang tokoh yang lain.

Pada era 1920-an dan 1930-an, munculnya kesedaran politik dan semangat nasionalisme membangun dan penduduk Tanah Melayu telah mula mendapat pendidikan, sama ada dari Timur Tengah atau pendidikan tempatan.

Hasilnya, muncul golongan berpendidikan yang mula memperjuangkan semangat nasionalisme. Mereka menggunakan media cetak seperti akhbar, majalah, cerpen dan novel untuk menyebarkan ideologi masing-masing. Ada dalam kalangan mereka telah membentuk persatuan seperti Kesatuan Melayu Singapura (KMS) dan Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang bermatlamat mengusir penjajah dan membentuk kerajaan sendiri. Kemaraan tentera Jepun ke Tanah Melayu pada 8 Disember 1941 hingga 15 Februari 1942 menandakan bermulanya satu lagi era penjajahan di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, penjajahan Jepun ke atas Tanah Melayu berakhir pada 1945 setelah menyerah kalah ekoran pengeboman bom atom ke atas Hiroshima dan Nagasaki.

Pengunduran Jepun telah memberi ruang kepada Parti Komunis Malaya (PKM) untuk menguasai Tanah Melayu. PKM telah melancarkan serangan menggunakan kekerasan untuk menguasai Tanah Melayu dan turut membunuh tiga (3) orang pengurus peladang getah Eropah di Sungai Siput, Perak. Lantaran itu, pada bulan Jun 1948, Sir Edward Gent telah mengisytiharkan darurat di seluruh Tanah Melayu.

PKM tidak berjaya menakluki Tanah Melayu dan British kembali berkuasa. Pentadbiran Tentera British atau *British Military Administration* (BMA) berkuasa antara akhir Perang Dunia II hingga Penubuhan Malayan Union pada 1 April 1946. Pada 1 April 1946, British menubuhkan Malayan Union. Walau bagaimanapun, gagasan ini mendapat tentangan daripada orang Melayu kerana penghapusan institusi diraja dan hak keistimewaan orang-orang Melayu.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah menaikkan semangat perjuangan penduduk Tanah Melayu. Beliau telah menubuhkan Parti Perikatan pada 1952 bertujuan untuk membentuk kerajaan dan mentadbir sendiri Tanah Melayu. Parti Perikatan ini dianggotai oleh tiga (3) kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Perjanjian London yang ditandatangani pada 8 Februari 1956 adalah untuk membincangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Sekembalinya Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dari London, Tunku telah membuat pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di Padang Bandar Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956. Pada 31 Ogos 1957, Tunku Abdul Rahman telah mengisytiharkan kemerdekaan Tanah Melayu. Pada 27 Mei 1961 pula, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mencadangkan penggabungan lima (5) buah jajahan iaitu Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei untuk membentuk sebuah negara yang baharu. Pada 9 Julai 1963, wakil-wakil kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura bersetuju membentuk sebuah negara yang dinamakan MALAYSIA pada 16 September 1963 kecuali Brunei tidak menyertai penubuhan ini kerana beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan.

JATA NEGARA



Jata Negara merupakan lambang rasmi kerajaan Malaysia yang telah diperkenankan oleh Raja-raja Melayu dan diwartakan pada 27 Mei 1952. Jata Negara yang berkuat kuasa sehingga kini adalah melalui Warta Kerajaan P.U (B) 563: Statut-Statut lambang Negara Malaysia bertarikh 20 September 1990.

FAKTA JATA NEGARA



- **Bintang pecah 14** menandakan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan



- **Anak Bulan dan Bintang** sebagai lambang agama Islam yang diangkat sebagai agama bagi Persekutuan



- **Dua Ekor Harimau** menyokong perisai melambangkan keberanian, kegagahan dan kekuatan



- **Lima Bilah Keris** melambangkan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu



- **Jata Sarawak** melambangkan Sarawak



- **Jata Sabah** melambangkan Sabah



- **Pokok Pinang dan Jambatan Pulau Pinang** melambangkan negeri Pulau Pinang



- **Pokok Melaka** melambangkan negeri Melaka



- **Cogan "BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU"** ditulis dengan tulisan rumi di sebelah kiri dan tulisan jawi di sebelah kanan



- **Warna kuning pada awan-awan** adalah warna diraja bagi Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu



- **Bunga Raya** di tengah-tengah merupakan Bunga Kebangsaan Malaysia



- **Warna Merah, Hitam, Putih dan Kuning**
  - Hitam dan putih melambangkan warna bendera negeri Pahang;
  - Merah dan kuning melambangkan warna bendera negeri Selangor;
  - Hitam, putih dan kuning melambangkan warna bendera negeri Perak; dan
  - Merah, hitam dan kuning melambangkan warna bendera Negeri Sembilan.
  - Empat buah negeri ini adalah Negeri-negeri Melayu Bersekutu

KOD WARNA JATA NEGARA



- **Anak Bulan dan Bintang**

C: 0% M: 0%
Y: 100% K: 0%



- **Lima Bilah Keris**

C: 0% M: 100%
Y: 100% K: 0%

C: 0% M: 0%
Y: 100% K: 0%



- **Pokok Pinang dan Jambatan Pulau Pinang**

C: 100% M: 0%
Y: 0% K: 0%

C: 0% M: 0%
Y: 100% K: 0%

C: 50% M: 70%
Y: 0% K: 100%

C: 0% M: 0%
Y: 0% K: 0%

C: 100% M: 0%
Y: 100% K: 0%

C: 38% M: 75%
Y: 75% K: 0%



- **Dua Ekor Harimau**

C: 50% M: 70%
Y: 0% K: 100%

C: 0% M: 85%
Y: 100% K: 0%

C: 7% M: 59%
Y: 95% K: 0%

C: 0% M: 0%
Y: 100% K: 0%



- **Warna Merah, Hitam, Putih dan Kuning**

C: 0% M: 100%
Y: 100% K: 0%

C: 50% M: 70%
Y: 0% K: 100%

C: 0% M: 0%
Y: 0% K: 0%

C: 0% M: 0%
Y: 100% K: 0%



- **Bunga Raya**

C: 0% M: 100%
Y: 100% K: 0%

C: 50% M: 70%
Y: 0% K: 100%





- **Jata Sabah**

C: 100% M: 93%
Y: 20% K: 10%

C: 80% M: 41%
Y: 0% K: 0%

C: 45% M: 5%
Y: 0% K: 0%

C: 0% M: 93%
Y: 91% K: 0%

C: 2% M: 5%
Y: 32% K: 0%

C: 0% M: 0%
Y: 0% K: 0%



- **Pokok Melaka**

C: 86% M: 32%
Y: 83% K: 19%

C: 7% M: 59%
Y: 95% K: 0%

C: 7% M: 22%
Y: 94% K: 0%



- **Cogan "BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU" menggunakan font jenis BEBAS"**

C: 50% M: 70%
Y: 0% K: 100%

- **Awan-awan**

C: 0% M: 0%
Y: 100% K: 0%



- **Jata Sarawak**

C: 2% M: 15%
Y: 99% K: 0%

C: 12% M: 100%
Y: 100% K: 3%

C: 50% M: 70%
Y: 0% K: 100%

C: 0% M: 0%
Y: 0% K: 0%

Nota: C= *Cyan*, M=*Magenta*, Y= *Yellow*, K=*Black*

BENDERA MALAYSIA (JALUR GEMILANG)

Bendera merupakan lambang kepimpinan, simbol penghormatan, martabat dan kedaulatan bagi sesebuah negara.

Setiap negara mempunyai bendera yang tersendiri untuk mewujudkan perasaan bangga terhadap tanah air. Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat, bendera didefinisikan sebagai sepotong kain (lazimnya segi empat bujur) yang ada reka bentuk tertentu, digunakan sebagai lambang sesebuah negeri atau sebagai isyarat mahupun panji-panji.

Sejarah Bendera Malaysia

Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk pada tahun 1948. Satu (1) pertandingan mereka cipta bendera peringkat kebangsaan telah diadakan dan dikelolakan oleh satu (1) Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan pada bulan Mei 1948. Jawatankuasa ini telah menerima sebanyak 373 corak reka bentuk bendera dan telah dikemukakan kepada Majlis Perundangan Persekutuan pada 15 November 1949 untuk dibuat pertimbangan dan pemilihan. Dari jumlah tersebut, hanya tiga (3) pilihan reka bentuk yang berjaya dipilih ke peringkat akhir dan rekaan oleh Mohamed bin Hamzah, arkitek dari Jabatan Kerja Raya Johor telah mendapat pilihan majoriti. Pihak Majlis Perundangan Persekutuan telah meminta untuk pindaan dibuat terhadap bintang pecah lima (5) kepada bintang pecah 11 bagi menunjukkan perpaduan 11 negeri sebelum dibawa ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja.

Pemilihan bendera ini telah mendapat perkenan daripada Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada 22 dan 23 Februari 1950 setelah dibuat beberapa pindaan antaranya pada warna bulan sabit dan bintang dari warna putih ke warna kuning bagi melambangkan warna diraja. Akhirnya pada 19 April 1950, Majlis Perundangan Persekutuan telah meluluskan usul yang dibentangkan oleh Pemangku Ketua Setiausaha Negara mengenai Bendera Persekutuan Tanah Melayu, seperti yang diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja Melayu.

Pada 19 Mei 1950, reka bentuk bendera tersebut telah mendapat kelulusan King George IV. Bendera ini telah dikibarkan buat pertama kalinya di Istana Sultan Selangor di Kuala Lumpur pada 26 Mei 1950.



Reka bentuk asal Bendera Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1949

Apabila negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, upacara rasmi menaikkan Bendera Persekutuan Tanah Melayu ini diadakan di Padang Kelab

Selangor. Bendera ini telah dinaikkan dengan diiringi lagu kebangsaan 'Negaraku' yang buat pertama kali diperdengarkan kepada umum.



Bendera Persekutuan Tanah Melayu (1950-1963)

Sumber : *Jalur Gemilang. (2008). Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.*

Bendera Malaysia berasal daripada Bendera Persekutuan Tanah Melayu. Percantuman Sabah, Sarawak dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu telah menjadikan penambahan pada jalur dan bintang pecah dari 11 kepada 14 yang menunjukkan 14 buah negeri bermula 16 September 1963 dengan nama baharu negara iaitu Malaysia. Walaupun Singapura telah keluar daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965, namun jalur-jalur dan bintang pecah 14 terus dikekalkan sehingga hari ini yang melambangkan keanggotaan yang sama dalam persekutuan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan (terdiri daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya).

Setelah berkibar megah sejak tahun 1950, pada malam 31 Ogos 1997 sempena sambutan 40 tahun kemerdekaan negara. Tun Dr. Mahathir Mohamad yang merupakan Perdana Menteri Malaysia ketika itu telah mengukir sejarah dengan mengumumkan nama baharu bagi bendera Malaysia dikenali sebagai Jalur Gemilang.

Susunan Keutamaan Bendera

Susunan keutamaan Bendera Malaysia dan negeri-negeri ditentukan mengikut susunan keutamaan kedudukan susunan kekananan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua-Yang Di-Pertua Negeri seperti yang termaktub dalam Perkara 70, Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan itu, susunan keutamaan bendera yang diguna pakai pada tahun 2020 adalah seperti yang berikut:-



Sumber : *http://www.istiadat.gov.my/wp-content/uploads/2020/08/Susunan-keutamaan-bendera-04.06.2020.pdf*

LAGU KEBANGSAAN

Negaraku
Tanah tumpahnya darah ku
Rakyat hidup bersatu dan maju
Rahmat bahagia Tuhan kurniakan
Raja kita selamat bertakhta
Rahmat bahagia Tuhan kurniakan
Raja kita selamat bertakhta
**(Maestoso)*

Sejarah Lagu Negaraku

Lagu kebangsaan dicipta pada tahun 1957 dan pemilihan lagu ini dibuat oleh bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Irama 'Negaraku' dipetik daripada irama lagu negeri Perak, Allah Lanjutkan Usia Sultan. 'Negaraku' menekankan taat setia dan perpaduan rakyat untuk kemajuan negara. Lagu ini berperanan untuk membangkitkan semangat patriotik dan cintakan tanah air. Idea untuk mencipta lagu kebangsaan timbul ketika negara sedang bersiap menyambut hari kemerdekaan. Lagu kebangsaan perlu diperdengarkan dalam upacara pengisytiharan kemerdekaan yang ditetapkan pada 31 Ogos 1957.

Lantaran itu, pada bulan Februari 1957, satu (1) pertandingan mencipta lagu rasmi telah diadakan. Namun empat (4) lagu akhir yang disenarai pendek telah ditolak oleh Jawatankuasa Khas Pemilihan Lagu Kebangsaan (JKPLK) yang diketuai sendiri oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Beliau sebaliknya mengesyorkan lagu negeri Perak sebagai asas bagi mencipta lagu kebangsaan negara Malaysia. Cadangan itu telah dipersetujui oleh ahli JKPLK yang lain. Skor lagu 'Negaraku' telah disediakan oleh Alfonso Soliano, Pemimpin Orkestra Radio Malaya; D.S.P Croff, Pengarah Muzik, Pancaragam Polis Diraja; Kapten Lenthall, Pengarah Muzik Pancaragam Askar Melayu Port Dickson dan A.T Reed, Ketua Pengarah Radio Malaya. Seni kata lagu ini telah disediakan oleh Encik Saiful Bahri bin Alias yang telah memenangi RM1,000 melalui pertandingan mencipta seni kata yang ditawarkan kerajaan pada ketika itu.

Lagu kebangsaan 'Negaraku' diperdengarkan buat julung kalinya selepas detik 12 malam ambang 31 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor. Pada malam bersejarah tersebut, bendera Union Jack telah diturunkan dan digantikan dengan bendera Persekutuan Tanah Melayu, diiringi dengan lagu kebangsaan 'Negaraku'. Bermula daripada detik inilah, lagu 'Negaraku' terus kekal menjadi lagu rasmi negara.

[1] *Maestoso* bermaksud:
- Tempo agak lambat tetapi penuh keagungan
- Boleh dimainkan dengan orkestra & muzik grand piano

BUNGA KEBANGSAAN

Pada akhir tahun 1958, Kementerian Pertanian telah mengemukakan tujuh (7) jenis bunga untuk dipilih sebagai bunga kebangsaan.

Bunga-bunga berkenaan ialah bunga raya, bunga kenanga, bunga melur, bunga cempaka, bunga teratai, bunga mawar dan bunga tanjung. Untuk memilih bunga mana yang diangkat sebagai bunga kebangsaan, satu kajian telah dijalankan oleh Jabatan Penerangan untuk mendapatkan reaksi orang ramai. Kajian ini dijalankan oleh unit-unit bergerak Jabatan Penerangan di seluruh bandar dan desa di Semenanjung Malaysia.

Hasil kajian tersebut mendapati bahawa penduduk Pantai Timur memilih bunga mawar manakala penduduk Pantai Barat memilih bunga melur. Walau bagaimanapun, kerajaan memutuskan untuk memilih bunga raya berdasarkan kriteria seperti warna dan bentuknya yang menarik; nama panggilan yang sama dan mudah didapati di seluruh negara dan yang paling penting ia belum dijadikan bunga kebangsaan mana-mana negara lain di dunia pada ketika itu.

Berdasarkan kriteria-kriteria tersebut, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj selaku Perdana Menteri pada ketika itu telah mengisytiharkan bunga raya sebagai bunga kebangsaan pada 28 Julai 1960.



AGAMA RASMI

Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa "Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan".

Perkara 11 mengenai kebebasan beragama pula menyatakan "Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya dan tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkan agamanya". Ini bermakna walaupun Malaysia telah mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi, penduduk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan dan kepercayaan, bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing. Kebebasan ini membentuk perpaduan yang kukuh antara kaum dan ini telah dibuktikan dengan keamanan yang dikecapi oleh rakyat Malaysia selama ini.



BAHASA RASMI

Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa Bahasa Melayu yang dikenali juga sebagai Bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi yang tidak boleh dipertikai fungsi dan peranannya sebagai bahasa kebangsaan.

Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dimantapkan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Kepentingannya sebagai bahasa ilmu yang menjadi medium pengajaran dan pembelajaran telah membawa kepada pewartaan Akta Pendidikan 1961 (Pindaan 1996). Namun pada masa yang sama, masyarakat pelbagai kaum di Malaysia bebas menggunakan bahasa lain seperti Bahasa Mandarin oleh orang Cina dan Bahasa Tamil oleh orang India. Selain itu, Bahasa Inggeris masih mendominasi bahasa perdagangan dan perindustrian negara. Kerajaan Malaysia juga menggalakkan rakyatnya menguasai bahasa-bahasa antarabangsa yang lain khususnya dalam bidang pelancongan dan perdagangan antarabangsa.

MATA WANG

Ringgit Malaysia ialah unit mata wang Malaysia dengan kod mata wang MYR.

Ringgit merujuk kepada wang kertas yang mempunyai nilai RM100, RM50, RM20, RM10, RM5, dan RM1 manakala syiling pula merujuk kepada wang yang diperbuat daripada logam yang mempunyai nilai 50 sen, 20 sen, 10 sen, dan 5 sen. Penggunaan wang syiling 1 sen dihentikan pada 1 April 2008 berikutan pengenalan mekanisme membundarkan nilai kepada nilai lima sen terhampir.

Nama "Ringgit" berasal daripada sisi bergigi wang perak Sepanyol yang digunakan secara meluas pada zaman dahulu. Bermula Ogos 1975, nama Ringgit diterima secara rasmi sebagai nama khas mata wang Malaysia. Sebelum ini, wang dikenali sebagai dollar dalam Bahasa Inggeris dan ringgit dalam Bahasa Melayu. Namun, penggunaan simbol $ kekal digunakan sehingga ditukar kepada RM pada tahun 1993 dan terus digunakan sehingga ke hari ini.



DEMOGRAFI PENDUDUK

ANGGARAN PENDUDUK SEMASA, MALAYSIA, 2020



Kadar pertumbuhan penduduk tahunan
0.4 peratus

PENDUDUK MENGIKUT JANTINA



Nisbah jantina: **106**
lelaki bagi 100 perempuan

PERATUSAN PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN ETNIK



PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN UMUR

0-14 tahun	7.6 juta (23.5%)	7.6 juta (23.3%)
15-65 tahun	22.7 juta (69.8%)	22.8 juta (69.7%)
65+ tahun	2.2 juta (6.7%)	2.3 juta (7.0%)

29.2 tahun — Umur penengah meningkat daripada **28.9 tahun** pada 2019

2019 2020

Nota: * Anggaran
Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan pembundaran

PENDUDUK BERUMUR 60 TAHUN DAN LEBIH



Sumber: Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2020
Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumber : *www.dosm.gov.my*

WARNA-WARNA MALAYSIA

Makanan

Variasi merupakan perkataan yang sesuai apabila kita menggambarkan tradisi makanan di Malaysia.

Selain istimewa dengan kepelbagaian budaya dan etnik, Malaysia juga kaya dengan pilihan makanan. Gabungan makanan daripada kaum Melayu, Cina dan India sudah cukup untuk menyatupadukan semua kaum sehingga menu-menu yang disajikan dikenali sebagai hidangan Malaysia.

Masakan Melayu	Masakan Cina	Masakan India
 Nasi Lemak	 Kuih Bulan	 Tosai
 Rendang	 Dim Sum	 Idli
 Lemang	 Yong Tau Fu	 Muruku



PERAYAAN DAN FESTIVAL

Kekayaan budaya masyarakat majmuk di Malaysia terlihat lebih istimewa apabila bermacam-macam perayaan dan festival diraikan bersama dengan penuh muhibah sepanjang tahun.

Dalam setiap perayaan, tradisi mengadakan rumah terbuka telah membuka ruang kepada masyarakat pelbagai kaum untuk saling kunjung-mengunjungi antara satu sama lain bagi memeriahkan perayaan tersebut.

Perayaan Masyarakat Beragama Islam

- Hari Raya Puasa (Aidilfitri)
- Hari Raya Haji (Aidiladha)
- Israk dan Mikraj
- Maulidur Rasul
- Awal Muharam
- Nuzul Al-Quran

Perayaan Masyarakat Cina

- Tahun Baru Cina
- Chap Goh Meh
- Kuih Bulan/Tanglung
- Bulan Hantu
- Qing Ming
- Hari Wesak (Buddha)
- Hari Hol

Perayaan Masyarakat India

- Deepavali
- Thaipusam
- Ponggal
- Navarathiri
- Khartigai

Perayaan-Perayaan Lain

- Sambutan Tahun Baru
- Hari Pekerja
- Hari Kebangsaan
- Hari Malaysia
- Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
- Hari Keputeraan Raja/Sultan
- Good Friday
- Pesta Menuai
- Tamu Besar atau Pasar Tahunan
- Hari Gawai
- Hari Natal



KESENIAN DAN KEBUDAYAAN

Malaysia didiami oleh masyarakat berbilang kaum yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India yang merupakan kaum utama.

Setiap kaum mempunyai kesenian dan kebudayaan yang tersendiri. Keunikan sesuatu kaum ini boleh dilihat daripada seni tarinya. Tarian didefinisikan sebagai satu seni tari pergerakan badan, kaki dan tangan mengikut rentak muzik yang dimainkan. Langkah tari yang dipersembahkan oleh setiap kaum pastinya mempunyai sejarah dan tujuan yang tertentu.

Tarian Tradisional Melayu

Melayu adalah kaum utama di Malaysia. Kaum ini telah lama wujud sejak sekitar 3000 tahun sebelum Masihi. Terdapat banyak tarian Melayu; dari tarian Melayu Asli hingga ke tarian Melayu yang dipengaruhi (tarian Melayu dari negara lain seperti Indonesia dan Brunei) dari negara - negara lain (seperti India dan Arab) tetapi telah diadaptasikan ke dalam budaya Melayu. Apabila kita menyebut tarian tradisional Melayu, semua orang menyangkakan bahawa semua jenis tarian adalah di bawah satu kategori yang sama tetapi sebenarnya tarian tradisional Melayu terbahagi kepada beberapa kategori iaitu Tarian Istana, Dramatari, Tarian Moden dan Tarian Rakyat.

Tarian Ulik Mayang

Ulik Mayang pada asalnya hanyalah satu permainan persembahan yang biasanya dimainkan pada waktu malam bulan purnama penuh oleh masyarakat nelayan atau petani di Terengganu. Cara permainannya adalah dengan menghidupkan mayang yang terdiri daripada mayang, kemenyan, minyak dan bertih.

Nyanyian asal permainan ini ialah "Umbuk...Mayang Diumbuk, Umbuk Dengan Jala Jemala, Nak Ulik Mayang Diulik, Ulik Dengan Tuan Puteri" yang diulang beberapa kali. Ulik Mayang dikesan bermula lebih 100 tahun yang lalu. Ulik Mayang kemudiannya



dikoreografikan tarinya oleh saudara Mazlan Embong bersama Abdul Aziz Sulaiman sewaktu aktif dalam Persatuan Belia Darul Ehsan pada tahun 1971. Selepas itu, tarian ini begitu popular dalam kalangan masyarakat di Terengganu. Lagu dan melodinya juga diubah dan diperindahkan sedikit demi sedikit.

"Umbuk...Mayang Diumbuk, Umbuk Dengan Jala Jemala, Nak Ulik Mayang Diulik, Ulik Dengan Puteri...Tuannya Puteri." Gerak tari itu telah divisualkan hasil pemikiran mistik serta wujudnya penjelmaan puteri tujuh beradik.

Tarian Piring

Tarian Piring dipersembahkan dalam majlis perkahwinan. Tarian ini memiliki gerak tari yang menyerupai gerakan para petani semasa bercucuk tanam, membuat kerja menuai, dan sebagainya. Pergerakan tari ini melambangkan rasa gembira dan syukur para petani terhadap tanaman yang membuahkan hasil. Para penari lelaki dan perempuan menari dengan meletakkan sebuah piring di atas kedua-dua telapak tangan masing-masing. Para penari memijak kepingan piring pecah sambil menari sebagai penambahan unsur estetika dalam persembahan.

Tarian Zapin Kores

Zapin Kores ialah sebuah kesenian warisan Zapin Melayu yang terdapat di Kampung Kores, Batu Pahat, Johor. Perkataan Kores ialah istilah yang memberi maksud lekuk-lekuk sungai seperti lok sebilah keris. Pengasas Zapin Kores ialah Haji Husin Ahmad yang belajar menari daripada Dollah Pak Besar, seorang penduduk kampung yang berniaga buah pinang. Sewaktu berulang-alik ke Sumatera, beliau sempat mempelajari kesenian zapin yang kemudiannya dibawa balik ke Kampung Kores dengan variasi dan gaya sendiri. Zapin ini mempunyai ragam-ragam seperti Langkah Satu, Langkah Tak Jadi dan Langkah Pusing Melayang. Lagu-lagu yang menjadi iringan kepada zapin ini ialah lagu Lancang Kuning, Gunung Banang dan Hari Ribut. Keunikan Zapin Kores ialah pergerakan kaki kiri yang menyangkut betis kanan pada kiraan empat (4) manakala pada cara duduk terakhir ketika wainab, penari akan bertinggung dengan sebelah kaki



disimpuhkan.

Tarian Singa

Tarian Singa atau dalam Bahasa Cina dipanggil "Pinyin atau Wushi" merupakan tarian tradisional kaum Cina. Tarian ini dipersembahkan dengan meniru pergerakan singa sambil mengenakan kostum singa. Kostum singa ini dipakai dan dimainkan oleh dua (2) penari iaitu seorang di bahagian hadapan dan seorang lagi di bahagian belakang. Penari hadapan akan menggerakkan kepala di bahagian hadapan manakala pasangan penari akan memainkan bahagian belakang kostum singa tersebut. Kedua-dua penari itu akan bergerak seakan-akan singa di atas pentas yang disediakan. Tarian Singa ini biasanya diiringi oleh pukulan gong, drum, dan dentuman mercun yang dipercayai membawa tuah.

Tarian Klasik India

Kaum India sangat kaya dengan pelbagai jenis tarian suku kaumnya. Tarian India boleh dibahagikan kepada gaya klasik dan gaya tradisional. Antara tarian gaya klasiknya yang paling dikenali adalah Bharata Natyam, Kuchi Pudi, Odissi, Kathakali, Kathak, Mohini Attam dan Manipuri. Dua (2) daripada tarian yang paling popular dalam kalangan masyarakat India di Malaysia iaitu Bharata Natyam dan Odissi. Terdapat juga tarian India yang dikategorikan sebagai gaya tradisional iaitu Tarian Banghra (suku kaum Sikh).

Tarian Sumazau

Tarian Sumazau merupakan tarian tradisi suku kaum Kadazan Dusun di Sabah yang sering dipersembahkan pada Tadau Kaamatan yang bermaksud Hari Penuaian yang diraikan pada bulan Mei setiap tahun. Tarian ini diilhamkan daripada corak penerbangan burung helang yang disaksikan petani-petani yang berehat di sawah sewaktu musim menuai. Setiap penari yang menjayakan tarian ini hanya bergerak beberapa sentimeter sahaja daripada penari lain tanpa bersentuhan. Tarian ritualnya memenuhi pelbagai fungsi seperti mengucap kesyukuran yang berkaitan dengan kegiatan menanam dan menuai padi dan juga untuk menolak bala, menyemah semangat, dan mengubati penyakit. Tarian ini



ditarikan oleh kaum petani terdiri daripada lelaki dan perempuan dengan memakai pakaian tradisional mereka.

Tarian ini dimainkan dengan iringan paluan gong, biasanya enam (6) buah gong yang berbagai ukuran dan satu (1) gendang dengan rentak yang khusus. Tempoh dan rentak pukulan gong Sumazau adalah berbeza-beza mengikut daerah dan desa. Tarian ini ditarikan dengan kedua-dua tangan diangkat ke paras bahu dan dikibar-kibarkan umpama kipasan sayap burung, mengikut alunan rentak yang dimainkan dengan perlahan-lahan dan lemah lembut. Pasangan penari lelaki dan wanita menari berhadap hadapan dan mereka menggerak-gerakkan kaki dengan langkah kecil, sementara tumit kaki diangkat dan diturunkan mengikut irama lagu. Ketika menari tangan dikepakkan keluar, gerakannya turun naik seperti burung terbang.

Biasanya Sumazau ditarikan semasa menyambut hari keramaian dan di majlis jamuan, namun tujuan asal tarian ini ialah untuk menyambut kedatangan 'Bambaazon' (semangat padi) yang biasa dilakukan pada selepas menuai padi. Penari-penari Sumazau yang terdiri daripada kaum lelaki dan perempuan biasanya memakai pakaian serba hitam yang dihiasi dengan corak-corak menarik menggunakan benang berwarna emas. Penari perempuan dihiasi dengan selendang serta tali pinggang (tangkong) yang diperbuat



daripada duit syiling perak *(trade dollars).*

Penari lelaki biasanya akan memakai tanjak di samping pakaian serba hitam serta menyendang daun silad kering. Kini, tarian Sumazau ditarikan dalam banyak majlis keramaian seperti majlis-majlis perkahwinan, majlis-majlis keraian menyambut ketibaan orang-orang kenamaan, di mana ia turut juga ditarikan oleh semua yang hadir dengan tidak mengira suku kaum dan peringkat umur bagi memeriahkan majlis tersebut tanpa memakai pakaian tradisional hitam.

Langi Pinyambut

Langi Pinyambut lazimnya dipersembahkan ketika perayaan menuai di Sarawak. Tujuan tarian untuk menyambut padi kembali jiwa simangi padi dari ladang dan pada masa yang sama untuk meminta rahmat daripada tuhan tampa supaya akan ada beras yang mencukupi bagi tiap-tiap badan untuk seluruh tahun. Langi Pinyambut juga dilakukan untuk menyambut tetamu jemputan ke kampung-kampung. Tiada sekatan ke atas bilangan penari.

LOKASI

Malaysia merupakan sebuah negara persekutuan yang terletak di Asia Tenggara.

Malaysia mempunyai dua (2) kawasan utama yang terpisah oleh Laut China Selatan iaitu Semenanjung Malaysia (bersempadan Thailand di utara dan Singapura di selatan) dan Malaysia Timur (bahagian utara Pulau Borneo yang bersempadan dengan Indonesia di selatan dan Brunei di utara). Malaysia terletak berhampiran dengan garisan Khatulistiwa iaitu pada Garisan Lintang 1˚ dan 7˚ Utara dan Garisan Bujur 100˚ dan 119˚ Timur. Keluasan Malaysia meliputi 330,534 km^2.

IKLIM

Malaysia mengalami cuaca yang panas dan lembap sepanjang tahun. Purata suhu harian di seluruh Malaysia ialah antara 21˚C hingga 32˚C.

Lazimnya, iklim Malaysia dipengaruhi oleh angin yang bertiup dari Lautan Hindi (Angin Monsun Barat Daya pada Mei sehingga September) dan Laut China Selatan (Angin Monsun Timur Laut pada November hingga Mac). Hujan tahunannya adalah 80 peratus setahun iaitu antara 2,000 mm hingga 2,500 mm.

FLORA DAN FAUNA



Malaysia merupakan salah satu (1) daripada 12 negara 'mega kepelbagaian' di dunia mengikut Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025.

Kesemua negara ini mempunyai sekurang-kurangnya 60% daripada spesies yang diketahui dunia. Pulau Borneo yang terdiri daripada Sabah dan Sarawak telah disenaraikan sebagai kawasan utama endemisme.

Flora di Malaysia secara konservatifnya dianggarkan mengandungi lebih kurang 12,500 spesies tumbuhan berbunga dan lebih 1,100 spesies paku-pakis. Kebanyakannya adalah unik dan tidak ditemui di mana-mana tempat lain di dunia. Di Semenanjung Malaysia, lebih 26% daripada spesies pokok adalah endemik. Briofit, alga, liken dan kulat merupakan tumbuhan peringkat rendah. Kulat membentuk kepelbagaian tumbuh-tumbuhan utama negara tetapi jumlah bilangan spesiesnya tidak diketahui. Flora daratan didapati di pelbagai habitat dan ekosistem iaitu dari tanah rendah hingga ke puncak gunung yang tertinggi serta di pelbagai jenis hutan. Jenis hutan ini merupakan tempat bermulanya kepelbagaian biologi negara.

Lokasi Hutan Paya Laut terletak di persisiran laut dan mengalami air pasang dan surut. Spesies utama hutan ini adalah Rhizophora spp. (bakau). Tumbuhan di ekosistem ini lazimnya mempunyai sistem akar unik seperti akar jangkang dan pneumatofor serta struktur daun yang tebal. Hutan Simpan Paya Laut Matang adalah contoh terbaik hutan paya laut yang diuruskan secara mapan. Hutan Simpan Paya Laut Matang diuruskan di bawah sistem pengurusan hutan secara berkekalan dan diiktiraf sebagai pengurusan hutan paya laut yang terbaik di dunia.







Hutan Paya Gambut wujud di atas tanah gambut dengan kedalaman lebih kurang enam (6) meter. Antara spesies yang biasa terdapat di kawasan ini adalah Kempas, Bintangor, Meranti paya, Ramin, Nyatoh, Geronggang dan Resak.

Hutan Dipterokarpa Pamah terletak pada ketinggian tidak melebihi 300 meter dan mempunyai bilangan pokok yang padat dari pelbagai spesies. Meranti, Balau dan Kapur merupakan spesies utama di kawasan hutan ini. Hutan Dipterokarpa Bukit merupakan jenis hutan yang paling luas di Semenanjung Malaysia dan wujud pada ketinggian 300 hingga 750 meter. Spesies utama yang boleh dijumpai adalah Meranti Seraya, Keruing dan spesies Meranti. Hutan Dipterokarpa Atas pula terletak di ketinggian 750-1,200 meter. Meranti Bukit, Damar Minyak, Bintangor, Keruing, Balau Gunong, Balau Gajah dan Meranti Sarang Punai antara spesies pokok yang wujud pada jenis hutan ini.

Seterusnya, Hutan *Montane-Oak* yang berada pada ketinggian 1,200 hingga 1,500 meter. Spesies utama yang boleh ditemui di hutan ini adalah Mempening, Berangan dan Medang.

Spesies dipterokarpa jarang ditemui dan hanya sebilangan sahaja spesies dipterokarpa yang boleh ditemui seperti Keruing Gunong dan Resak.

Hutan yang terletak pada ketinggian melebihi 1,500 meter dikenali sebagai Hutan *Ericaceous*-Gunung. Pokok-pokok yang terdapat pada jenis hutan ini bersaiz kecil, bengkok dan rendah. Spesies dari famili *Ericacea* mendominasi lantai hutan ini. Selain

itu, buluh, paku-pakis dan lumut boleh ditemui di sini.

Tanah di Semenanjung Malaysia adalah berkeluasan 13,210,444 hektar manakala keluasan kawasan berhutan bagi Semenanjung Malaysia adalah seluas 5,734,083 hektar. Hutan Simpanan Kekal berkeluasan 4,812,326 hektar, Hutan Tanah Kerajaan berkeluasan 240,968 hektar, Rizab Hidupan Liar berkeluasan 662,903.56 hektar dan Rizab Berhutan Lain berkeluasan 4,884 hektar. Kawasan Tidak Berhutan di Semenanjung Malaysia pula berkeluasan sebanyak 7,476,361 hektar.

Sarawak pula mempunyai estet hutan kekal seluas 3.9 juta hektar manakala kawasan perlindungan sepenuhnya pula adalah seluas 867 ribu hektar. Bagi negeri Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah telah menubuhkan sejumlah 3.6 juta hektar kawasan hutan simpan atau 49.1% daripada keluasan tanah negeri.



Terdapat lapan (8) buah pusat ekopelancongan atau pelancongan ekologi Jabatan PERHILITAN yang ada di Malaysia dan boleh dilawati bagi menikmati keindahan semula jadi. Terdapat empat (4) di Pahang dan masing-masing satu (1) di Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Kelantan.

Kawasan ekopelancongan tersebut adalah seperti di bawah :

BIL.	NEGERI	KAWASAN
1	Pulau Pinang	Taman Negara Pulau Pinang
2	Selangor	Paya Indah Wetlands
3	Pahang	Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah
4	Pahang	Taman Negara Pahang, Kuala Tahan
5	Pahang	Taman Negara Pahang, Sungai Relau, Merapoh
6	Pahang	Tapak RAMSAR Tasek Bera
7	Terengganu	Taman Negara Terengganu, Tanjung Mentong
8	Kelantan	Taman Negara Kelantan, Kuala Koh

Sumber: Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia



Taman Negara Pulau Pinang



Paya Indah Wetlands, Selangor



Taman Negara, Pahang, Sungai Relau, Merapoh



Pusat Konserversi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Pahang

Hutan hujan Malaysia menjadi habitat kepada kepelbagaian biologi flora dan fauna daripada sekecil-kecil organisma mikroskopik dan bakteria hinggalah kepada spesies-spesies besar seperti mamalia, ikan dan burung.

Hingga kini lebih kurang 17,631 spesies tumbuhan merangkumi 377 alga, 1,387 briofit, 1,600 paku-pakis dan sekutunya, 61 gimnospirm, 4,180 monokot dan 10,026 dikot telah direkodkan. Spesies fauna yang direkodkan meliputi Mamalia 307, Burung 785, 242 amfibia, 567 reptilia, Ikan air tawar 449, 1,967 kupu-kupu, 12,000 spesies rama-rama dan 1,073 kumbang daun. Antara spesies mamalia yang tinggal di hutan Malaysia ialah orang utan, harimau, gajah, badak sumbu, tapir, kerbau liar, musang, harimau bintang, beruang dan dua (2) jenis rusa iaitu sambar dan kijang.

Harimau belang adalah spesies kucing terbesar di dunia yang hanya ditemui di Asia. Ia berasal dari famili Felidae dalam order karnivor. Harimau Siberia merupakan subspesies yang terbesar dan boleh membesar sehingga 3.3 meter panjang dan seberat 300 kilogram.











Manakala Harimau Sumatera merupakan subspesies terkecil dengan secara puratanya bersaiz 2.4 meter panjang dan seberat 120 kilogram. Haiwan istimewa lain yang terdapat di Malaysia ialah Monyet Belanda.

Di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 Akta 716, terdapat dua (2) tahap perlindungan hidupan liar yang disenaraikan dalam Jadual Pertama ialah senarai spesies hidupan liar yang dilindungi manakala Jadual Kedua ialah senarai spesies hidupan liar yang





dilindungi sepenuhnya. Data terbaharu yang dikeluarkan pada tahun 2016 dan telah dikemas kini pada 2017 untuk jumlah spesies yang dilindungi bagi kedua-dua jadual adalah seperti berikut: Mamalia - 434, Burung - 1239, Reptilia - 356, Amfibia - 37, Araknida - 6 dan Serangga - 69.

Ekosistem laut yang mengelilingi negara termasuk terumbu karang, amat kaya dengan pelbagai bentuk hidupan. Komuniti terumbu karang dianggap sebagai salah satu (1) komuniti yang pelbagai di dunia. Terumbu karang yang telah wujud lebih 450 juta tahun menjadi ekosistem marin yang paling kaya. Ia menjadi habitat kepada lebih sejuta spesies hidupan laut. Kepadatan ikan di kawasan berkenaan adalah 100 kali ganda lebih tinggi berbanding di laut luas. Antara flora laut termasuklah fitoplankton, rumpai laut dan rumput laut.

Habitat air tawar seperti anak sungai tanah rendah yang mengalir perlahan dan sungai tanah tinggi yang mengalir deras menampung pelbagai fauna invertebrata akua dan pelbagai jenis ikan. Fauna laut termasuk ikan, sotong katak, sotong, landak laut, kima raksasa, timun laut, kopepod, udang segestid, cacing tanah dan pelbagai lagi organisma kecil dan besar. Ikan air tawar merupakan antara ikan yang terkenal di Malaysia dan ia terdiri daripada ikan kelisa, ikan patin, ikan tilapia, sebarau, toman dan haruan. Habitat ikan laut dalam di perairan Malaysia amat menarik dengan pelbagai jenis ikan seperti *lionfish* yang juga dikenali sebagai *zebrafish* dan *clown fish*.








Hat Yai
Kota Baharu
Dungun
Kuala Lumpur
Malaysia
Keluang
Singkawang
Singapore
Melaka
Sawahlunto



PROFIL NEGERI DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



TERENGGANU

Terengganu Darul Iman merupakan salah sebuah negeri yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Di bahagian utara dan barat lautnya bersempadan dengan Kelantan manakala di bahagian selatan dan barat daya pula bersempadan dengan Pahang. Negeri ini amat dikenali sebagai destinasi pelancongan khususnya pulau-pulau yang indah terpelihara selain daripada industri kraf tangan seperti batik dan tembaga.

UNJURAN / POPULASI PENDUDUK SUKU KEEMPAT (ST4) 2020

Populasi	Kelahiran	Kematian
1,266,700	6,869	1,909

Nota: Bilangan kelahiran hidup dan kematian merujuk kepada angka permulaan. Jumlah penduduk merujuk kepada anggaran.

Ibu Negeri	Bandar Diraja	Parlimen	Dewan Undangan Negeri (DUN)
KUALA TERENGGANU	KUALA TERENGGANU	8	32



Sumber: *www.dosm.gov.my*

KELUASAN NEGERI DAN DAERAH



KELUASAN NEGERI

12,974 km²

Sumber: *www.data.gov.my*

LOKASI MENARIK

1. Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu
2. Tasik Kenyir, Hulu Terengganu
3. Pulau Perhentian, Besut
4. Rantau Abang, Dungun

PERLIS

Perlis Indera Kayangan terletak di utara Semenanjung Malaysia, bersempadan dengan negara Thailand dan negeri Kedah. Negeri ini juga adalah pengeluar beras negara selain dikenali sebagai negeri pengeluar gula. Negeri ini menjadi tumpuan pengunjung yang ingin membeli-belah di Padang Besar termasuk Kuala Perlis yang menjadi pintu masuk utama ke Pulau Langkawi.

UNJURAN / POPULASI PENDUDUK SUKU KEEMPAT (ST4) 2020

Populasi	Kelahiran	Kematian
255,300	1,115	529

Nota: Bilangan kelahiran hidup dan kematian merujuk kepada angka permulaan. Jumlah penduduk merujuk kepada anggaran.

Ibu Negeri	Bandar Diraja	Parlimen	Dewan Undangan Negeri (DUN)
KANGAR	ARAU	3	15



Sumber: *www.dosm.gov.my*

KELUASAN NEGERI DAN DAERAH



Padang Besar

THAILAND

PADANG BESAR



Gua Kelam, Kangar

PERLIS
795 km²

KANGAR

ARAU



Taman Anggur



Muzium Kota Kayang

KEDAH

KELUASAN NEGERI

795 km²

Sumber: *www.data.gov.my*

LOKASI MENARIK

1. Gua Kelam
2. Padang Besar
3. Taman Anggur Perlis
4. Muzium Kota Kayang

SELANGOR

Selangor Darul Ehsan terletak di tengah-tengah Semenanjung Malaysia di Pantai Barat dan mengelilingi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Negeri ini adalah antara negeri yang paling maju di Malaysia kerana di sini terletaknya pelabuhan dan lapangan terbang paling moden selain infrastruktur termaju yang lain.

UNJURAN / POPULASI PENDUDUK SUKU KEEMPAT (ST4) 2020

Populasi	Kelahiran	Kematian
6,554,800	22,840	6,759

Nota: Bilangan kelahiran hidup dan kematian merujuk kepada angka permulaan. Jumlah penduduk merujuk kepada anggaran.

Ibu Negeri	Bandar Diraja	Parlimen	Dewan Undangan Negeri (DUN)
SHAH ALAM	KLANG	22	56



Sumber: *www.dosm.gov.my*

KELUASAN NEGERI DAN DAERAH



Sky Mirror

PERAK

SABAK BERNAM
997 km²

HULU SELANGOR
1,746 km²

KUALA SELANGOR
1,178 km²

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

GOMBAK
635 km²



Farm In The City

KLANG
627 km²

PETALING
487 km²

HULU LANGAT
829 km²

KUALA LANGAT
858 km²

NEGERI SEMBILAN

SEPANG
556 km²



I-City



Litar Antarabangsa Sepang

KELUASAN NEGERI

7,930 km²

Sumber: *www.data.gov.my*



LOKASI MENARIK

1. Sky Mirrror, Kuala Selangor
2. Litar Antarabangsa Sepang, Sepang
3. Taman I-City, Shah Alam
4. Farm In The City, Seri Kembangan

NEGERI SEMBILAN

Negeri Sembilan Darul Khusus terletak di tengah wilayah semenanjung antara sempadan Selangor di bahagian timur, manakala sempadan Pahang dan Johor di bahagian selatan. Negeri ini terkenal dengan jolokan negeri berbudaya kerana pengaruh Minangkabau yang menjadikan negeri ini unik hingga muncul sebagai satu daripada tarikan pelancongan di Malaysia.

UNJURAN / POPULASI PENDUDUK SUKU KEEMPAT (ST4) 2020

Populasi	Kelahiran	Kematian
1,130,200	4,579	1,821

Nota: Bilangan kelahiran hidup dan kematian merujuk kepada angka permulaan. Jumlah penduduk merujuk kepada anggaran.

Ibu Negeri	Bandar Diraja	Parlimen	Dewan Undangan Negeri (DUN)
SEREMBAN	SERI MENANTI	8	36



Sumber: *www.dosm.gov.my*

KELUASAN NEGERI DAN DAERAH



Muzium Tentera Darat



Taman Negeri Kenaboi



Hutan Lipur Gunung Datuk



Istana Seri Menanti

KELUASAN NEGERI

6,657 km²

Sumber: *www.data.gov.my*



LOKASI MENARIK

1. Istana Seri Menanti, Kuala Pilah
2. Muzium Tentera Darat, Port Dickson
3. Taman Negeri Kenaboi, Jelebu
4. Hutan Lipur Gunung Datuk, Rembau



JOHOR

Johor Darul Takzim yang bersempadan dengan Melaka, Pahang dan Singapura merupakan antara sebuah negeri yang pesat membangun di Malaysia. Negeri ini turut dianggap yang negeri termaju kerana dilengkapi pelbagai kemudahan infrastruktur dan prasarana moden yang membantu melonjakkan kedudukannya dalam sektor perindustrian dan perdagangan.

UNJURAN / POPULASI PENDUDUK SUKU KEEMPAT (ST4) 2020

Populasi	Kelahiran	Kematian
3,791,500	15,625	5,434

Nota: Bilangan kelahiran hidup dan kematian merujuk kepada angka permulaan. Jumlah penduduk merujuk kepada anggaran.

Ibu Negeri	Bandar Diraja	Parlimen	Dewan Undangan Negeri (DUN)
JOHOR BAHRU	MUAR	26	56



Sumber: *www.dosm.gov.my*

KELUASAN NEGERI DAN DAERAH



Taman Negara Endau-Rompin



Pulau Rawa



Masjid Jamek Sultan Abu Bakar



Desaru

PAHANG

NEGERI SEMBILAN

MELAKA

SEGAMAT **2,807 km²**

TANGKAK **970.3 km²**

MUAR **1,376 km²**

BATU PAHAT **1,873 km²**

KLUANG **2,865 km²**

MERSING **2,838.5 km²**

KOTA TINGGI **3,488.7 km²**

KULAI **753.8 km²**

PONTIAN **932.6 km²**

JOHOR BAHRU **1,064 km²**

SINGAPURA

KELUASAN NEGERI

19,166 km²

Sumber: *www.data.gov.my*



LOKASI MENARIK

1. Taman Negara Endau-Rompin
2. Desaru, Kota Tinggi
3. Masjid Jamek Sultan Abu Bakar, Johor Bahru
4. Pulau Rawa, Mersing

KELANTAN

Kelantan Darul Naim terletak di timur laut Semenanjung Malaysia, berhadapan dengan Laut China Selatan. Negeri ini sememangnya terkenal dengan keunikan budaya warisan seni seperti mak yong, wayang kulit dan dikir barat. Selain itu, negeri Cik Siti Wan Kembang ini juga turut menjadi tumpuan pengunjung yang ingin mendapatkan hasil kraf seperti batik, songket dan tembaga.

UNJURAN / POPULASI PENDUDUK SUKU KEEMPAT (ST4) 2020

Populasi	Kelahiran	Kematian
1,918,200	9,458	2,903

Nota: Bilangan kelahiran hidup dan kematian merujuk kepada angka permulaan. Jumlah penduduk merujuk kepada anggaran.

Ibu Negeri	Bandar Diraja	Parlimen	Dewan Undangan Negeri (DUN)
KOTA BHARU	KOTA BHARU	14	45



Sumber: *www.dosm.gov.my*

KELUASAN NEGERI DAN DAERAH



Istana Bukit Tanah



Pasar Siti Khadijah



Taman Negara Kuala Koh



Air Terjun Jeram Linang

KELUASAN NEGERI

15,105 km²

Sumber: *www.data.gov.my*



LOKASI MENARIK

1. Istana Bukit Tanah, Tumpat
2. Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu
3. Air Terjun Jeram Linang, Pasir Puteh
4. Taman Negara Kuala Koh, Gua Musang



PERAK

Perak Darul Ridzuan merupakan negeri kedua terbesar di Semenanjung Malaysia. Negeri ini tersohor dengan perlombongan bijih timah sejak sekian lama. Walau bagaimanapun, setelah industri timah dunia merudum, Perak telah merubah aktiviti ekonomi kepada pertanian sebelum turut muncul antara negeri perindustrian utama negara.

UNJURAN / POPULASI PENDUDUK SUKU KEEMPAT (ST4) 2020

Populasi	Kelahiran	Kematian
2,511,100	8,175	4,951

Nota: Bilangan kelahiran hidup dan kematian merujuk kepada angka permulaan. Jumlah penduduk merujuk kepada anggaran.

Ibu Negeri	Bandar Diraja	Parlimen	Dewan Undangan Negeri (DUN)
IPOH	KUALA KANGSAR	24	59



Sumber: *www.dosm.gov.my*

KELUASAN NEGERI DAN DAERAH



Lembah Lenggong



Stesen Kereta Api Ipoh



Menara Condong Teluk Intan



Bukit Larut

KEDAH

KELANTAN

HULU PERAK
6,563 km²

SELAMA
746 km²

KERIAN
958 km²

KUALA KANGSAR
2,541 km²

LARUT
& MATANG
1,349 km²

KINTA
1,305 km²

MANJUNG
1,171 km²

KAMPAR
670 km²

PERAK
TENGAH
1,279 km²

BATANG
PADANG
1,794 km²

PAHANG

HILIR
PERAK
1,728 km²

MUALLIM
934 km²

SELANGOR

KELUASAN NEGERI

21,038 km²

Sumber: *www.data.gov.my*

LOKASI MENARIK

1. Bukit Larut, Larut & Matang
2. Stesen Kereta Api Ipoh, Kinta
3. Lembah Lenggong, Hulu Perak
4. Menara Condong Teluk Intan, Hilir Perak

KEDAH

Kedah Darul Aman terletak bersempadan dengan Perak dan Pulau Pinang di selatan sementara Perlis dan Thailand di sebelah utara. Tersohor dengan jelapang padi negara, negeri ini terus maju dalam memodenkan sektor pertanian. Tambahan pula, sektor pelancongannya juga turut berkembang pesat kerana tarikan Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan antarabangsa selain daripada produk pelancongan berasaskan sejarah dan warisan seperti Muzium Arkeologi Lembah Bujang di Kuala Muda dan Pekan Rabu di Alor Setar.

UNJURAN / POPULASI PENDUDUK SUKU KEEMPAT (ST4) 2020

Populasi	Kelahiran	Kematian
2,191,000	8,801	3,587

Nota: Bilangan kelahiran hidup dan kematian merujuk kepada angka permulaan. Jumlah penduduk merujuk kepada anggaran.

Ibu Negeri	Bandar Diraja	Parlimen	Dewan Undangan Negeri (DUN)
ALOR SETAR	ANAK BUKIT	15	36



Sumber: *www.dosm.gov.my*

KELUASAN NEGERI DAN DAERAH



Pulau Langkawi

Kompleks Pekan Rabu

Muzium Arkeologi Lembah Bujang

Lata Mengkuang

KELUASAN NEGERI

9,425 km²

Sumber: *www.data.gy.my*

LOKASI MENARIK

1. Pulau Langkawi, Langkawi
2. Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Kuala Muda
3. Lata Mengkuang, Sik
4. Kompleks Pekan Rabu, Alor Setar

PAHANG

Pahang Darul Makmur merupakan negeri terbesar di Semenanjung Malaysia. Negeri ini dianugerahkan gunung yang menghijau, keindahan bukit bukau, kampung nelayan yang damai dan pasir pantai yang putih serta tasik yang unik dengan kisahnya yang tersendiri menjadikan negeri ini sebagai antara destinasi pelancongan utama negara.

UNJURAN / POPULASI PENDUDUK SUKU KEEMPAT (ST4) 2020

Populasi	Kelahiran	Kematian
1,682,300	6,337	2,212

Nota: Bilangan kelahiran hidup dan kematian merujuk kepada angka permulaan. Jumlah penduduk merujuk kepada anggaran.

Ibu Negeri	Bandar Diraja	Parlimen	Dewan Undangan Negeri (DUN)
KUANTAN	PEKAN	14	42



Sumber: *www.dosm.gov.my*

KELUASAN NEGERI DAN DAERAH



KELUASAN NEGERI

35,965 km²

Sumber: *www.data.gov.my*

LOKASI MENARIK

1. Pulau Tioman, Rompin
2. Cameron Highlands
3. Taman Rimba Kenong, Lipis
4. Tasik Chini, Pekan

PULAU PINANG

Pulau Pinang Pulau Mutiara terletak berhampiran dengan persisiran barat laut Semenanjung Malaysia. Negeri ini terdiri daripada bahagian pulau dan juga tanah besar yang dikenali sebagai Seberang Perai. Terdapat dua (2) jambatan yang menghubungkan pulau dengan tanah besar iaitu Jambatan Pulau Pinang yang berukuran sepanjang 13.5 kilometer dan Jambatan Kedua Pulau Pinang (Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'Adzam Shah) berukuran sepanjang 24 kilometer.

UNJURAN / POPULASI PENDUDUK SUKU KEEMPAT (ST4) 2020

Populasi	Kelahiran	Kematian
1,776,200	5,314	2,893

Nota: Bilangan kelahiran hidup dan kematian merujuk kepada angka permulaan. Jumlah penduduk merujuk kepada anggaran.

Ibu Negeri	Bandar Diraja	Parlimen	Dewan Undangan Negeri (DUN)
GEORGETOWN	-	13	40



Sumber: *www.dosm.gov.my*

KELUASAN NEGERI DAN DAERAH



Taman Burung



Taman Negara Pulau Pinang





Bukit Bendera



Pulau Aman

KELUASAN NEGERI

1,031 km²

Sumber: *www.data.gov.my*

LOKASI MENARIK

1. Bukit Bendera, Timur Laut
2. Taman Negara, Pulau Pinang
3. Taman Burung, Seberang Perai Tengah
4. Pulau Aman, Seberang Perai Selatan



SABAH

Sabah Negeri di Bawah Bayu merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia terletak di utara kepulauan Borneo, pulau ketiga terbesar di dunia. Negeri ini istimewa dengan keunikan penduduknya yang terdiri daripada 33 kumpulan peribumi yang kaya dengan lebih 50 bahasa dan 80 dialek etnik. Kadazan Dusun adalah kumpulan etnik yang terbesar di Sabah yang membentuk hampir 30% daripada keseluruhan jumlah penduduk.

UNJURAN / POPULASI PENDUDUK SUKU KEEMPAT (ST4) 2020

Populasi	Kelahiran	Kematian
3,910,800	12,433	3,709

Nota: Bilangan kelahiran hidup dan kematian merujuk kepada angka permulaan. Jumlah penduduk merujuk kepada anggaran.

Ibu Negeri	Bandar Diraja	Parlimen	Dewan Undangan Negeri (DUN)
KOTA KINABALU	-	25	73



Sumber: *www.dosm.gov.my*

KELUASAN NEGERI DAN DAERAH



Tanjung Simpang Mengayau



Gunung Kinabalu



Lembah Danum



Air Terjun Mahua



Pulau Mabul

KELUASAN NEGERI

73,902 km²

Sumber: *www.data.gov.my*



LOKASI MENARIK

1. Pulau Mabul, Semporna
2. Lembah Danum, Lahad Datu
3. Gunung Kinabalu, Kota Kinabalu
4. Tanjung Simpang Mengayau, Kudat
5. Air Terjun Mahua, Tambunan



SARAWAK

Sarawak Bumi Kenyalang merupakan satu (1) daripada dua (2) negeri di Malaysia Timur dan ia adalah negeri terbesar di Malaysia yang bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia dan Sabah. Negeri ini terkaya dengan hasil sumber ekonomi iaitu gas asli, petroleum, kayu balak dan kelapa sawit. Keseluruhan Sarawak mempunyai 27 kumpulan etnik utama antaranya ialah Iban, Melayu, Cina, Melanau dan Bidayuh.

UNJURAN / POPULASI PENDUDUK SUKU KEEMPAT (ST4) 2020

Populasi	Kelahiran	Kematian
2,821,900	8,844	3,685

Nota: Bilangan kelahiran hidup dan kematian merujuk kepada angka permulaan. Jumlah penduduk merujuk kepada anggaran.

Ibu Negeri	Bandar Diraja	Parlimen	Dewan Undangan Negeri (DUN)
KUCHING	-	31	82



Sumber: *www.dosm.gov.my*

KELUASAN NEGERI DAN DAERAH



Taman Negara Mulu



Pasar Sentral, Sibu

Taman Negara Niah



Pusat Hidupan Liar Semenggoh



Kubu Alice

KELUASAN NEGERI

124,450 km²

Sumber: *www.data.gov.my*



LOKASI MENARIK

1. Taman Negara Mulu, Miri
2. Pasar Sentral, Sibu
3. Kubu Alice, Sri Aman
4. Taman Negara Niah, Bintulu
5. Pusat Hidupan Liar Semenggoh, Kuching

MELAKA

Melaka Bandaraya Bersejarah terletak di barat Semenanjung Malaysia menghadap Selat Melaka bersempadan dengan Negeri Sembilan di utara dan Johor di selatan. Negeri ini masyhur dengan warisan sejarah dan mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Antara tarikan di negeri ini adalah aktiviti bersiar-siar menaiki beca di tengah kota dan menaiki *Melaka River Cruise* menyusuri Sungai Melaka.

UNJURAN / POPULASI PENDUDUK SUKU KEEMPAT (ST4) 2020

Populasi	Kelahiran	Kematian
935,000	3,530	1,474

Nota: Bilangan kelahiran hidup dan kematian merujuk kepada angka permulaan. Jumlah penduduk merujuk kepada anggaran.

Ibu Negeri	Bandar Diraja	Parlimen	Dewan Undangan Negeri (DUN)
BANDARAYA MELAKA	-	6	28



Sumber: *www.dosm.gov.my*

KELUASAN NEGERI DAN DAERAH



Dataran Keris



Taman Mini Malaysia



Kota A Famosa



Muzium Hang Tuah

KELUASAN NEGERI

1,713 km²

Sumber: *www.data.gov.my*



LOKASI MENARIK

1. Kota A Famosa, Melaka Tengah
2. Dataran Keris, Alor Gajah
3. Taman Mini Malaysia, Melaka Tengah
4. Muzium Hang Tuah, Jasin



WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Diisytiharkan pada 1 Februari 1974, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan sebuah kota raya yang unik. Kuala Lumpur dinamakan sebegitu kerana lokasinya yang menandakan titik pertemuan Sungai Klang dan Sungai Gombak. Ia dahulunya adalah sebuah bandar perlombongan kecil tetapi kini sudah bertukar menjadi sebuah bandar yang dipenuhi dengan bangunan-bangunan yang menakjubkan dan moden serta pencakar langit yang semakin meningkat dengan pesat sejak 15 tahun yang lalu.

UNJURAN / POPULASI PENDUDUK SUKU KEEMPAT (ST4) 2020

Populasi	Kelahiran	Kematian
1,769,300	6,396	2,396

Nota: Bilangan kelahiran hidup dan kematian merujuk kepada angka permulaan. Jumlah penduduk merujuk kepada anggaran.

Ibu Negeri	Bandar Diraja	Parlimen	Dewan Undangan Negeri (DUN)
KUALA LUMPUR	-	11	-



Sumber: *www.dosm.gov.my*

KELUASAN NEGERI DAN DAERAH



Dataran Merdeka



Zoo Negara





Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)



Tugu Negara



Planeterium Negara

KELUASAN NEGERI

243 km²

Sumber: *www.data.gov.my*



LOKASI MENARIK

1. Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)
2. Tugu Negara
3. Planetarium Negara
4. Zoo Negara
5. Dataran Merdeka



WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Wilayah Persekutuan Labuan telah diisytiharkan pada 16 April 1984. Bandar Labuan yang dahulunya dikenali sebagai Victoria pada zaman penjajahan adalah antara bandar yang paling bersih di Malaysia. Pulau ini mendapat pengisytiharan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir (*Offshore Financial Centre)* dan Pelabuhan Bebas Cukai pada 1 Oktober 1990.

UNJURAN / POPULASI PENDUDUK SUKU KEEMPAT (ST4) 2020

Populasi	Kelahiran	Kematian
99,700	424	72

Nota: Bilangan kelahiran hidup dan kematian merujuk kepada angka permulaan. Jumlah penduduk merujuk kepada anggaran.

Ibu Negeri	Bandar Diraja	Parlimen	Dewan Undangan Negeri (DUN)
LABUAN	-	1	-



Sumber: *www.dosm.gov.my*

KELUASAN NEGERI DAN DAERAH



Pulau Layang-Layang



Taman Marin



Surrender Point



Perkampungan Air



Muzium Labuan

KELUASAN NEGERI

92 km²

Sumber: *www.data.gov.my*



LOKASI MENARIK

1. Perkampungan Air
2. Muzium Labuan
3. Pulau Layang-Layang
4. Taman Marin
5. Surrender Point

WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Wilayah Persekutuan Putrajaya telah diisytiharkan secara rasmi pada 1 Februari 2001. Putrajaya terletak di lokasi yang strategik iaitu pada jarak 24 kilometer ke selatan Kuala Lumpur dan 20 kilometer di utara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang. Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dipindahkan ke Putrajaya bertujuan untuk mengurangkan tumpuan penduduk yang padat, kesesakan lalu lintas, jurang sosio-politik dan sosio-ekonomi.

UNJURAN / POPULASI PENDUDUK SUKU KEEMPAT (ST4) 2020

Populasi	Kelahiran	Kematian
113,300	511	56

Nota: Bilangan kelahiran hidup dan kematian merujuk kepada angka permulaan. Jumlah penduduk merujuk kepada anggaran.

Ibu Negeri	Bandar Diraja	Parlimen	Dewan Undangan Negeri (DUN)
PUTRAJAYA	-	1	-



Sumber: *www.dosm.gov.my*

KELUASAN NEGERI DAN DAERAH



Masjid Putra



Taman Botani Putrajaya



Astaka Morocco



Royal Floria



Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

KELUASAN NEGERI

49 km²

Sumber: *www.data.gov.my*



LOKASI MENARIK

1. Masjid Putra
2. Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)
3. Taman Botani Putrajaya
4. Royal Floria
5. Astaka Morocco





PERLEMBAGAAN DAN SISTEM PEMERINTAHAN NEGARA



PERLEMBAGAAN

Perlembagaan Malaysia juga dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Malaysia merupakan satu dokumen undang-undang bertulis yang dibentuk berasaskan kepada dua dokumen sebelumnya iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan 1957.

Perlembagaan Malaysia telah digubal berdasarkan nasihat daripada Suruhanjaya Reid hasil daripada kajian pada tahun 1956. Perlembagaan berkenaan berkuat kuasa sejurus selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Konsep Ketertinggian perlembagaan berdasarkan prinsip:

- Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi
- Menjadi punca kepada semua undang-undang
- Tidak ada sebarang institusi di Malaysia yang boleh mengatasi kuasa dan kedudukan Perlembagaan
- Semua undang-undang tidak boleh berlawanan dengan perlembagaan
- Mahkamah mempunyai kuasa membatalkan sesuatu undang-undang yang digubal oleh Parlimen jika bertentangan dengan perlembagaan
- Walaupun Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Negara, tetapi Baginda juga tertakluk kepada perlembagaan

Perlembagaan dibentuk dengan tujuan:

- Mewujudkan satu bentuk pemerintahan yang adil
- Mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh pemerintah



- Mengawal pergerakan kerajaan dan rakyat
- Alat untuk menyelesaikan masalah
- Menjamin riwayat negara bangsa
- Menjamin keamanan dan kestabilan negara

Perlembagaan Malaysia mengandungi 131 Perkara yang menyentuh pelbagai aspek pemerintahan. Perlembagaan Malaysia terbahagi kepada 16 Bahagian iaitu:

Bahagian I: Negeri-Negeri, Agama dan Undang-Undang Bagi Persekutuan Malaysia
Sebuah persekutuan yang dianggotai tiga belas (13) negeri dan tiga (3) Wilayah Persekutuan. Islam diiktiraf sebagai agama persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan secara aman dan harmoni. Perlembagaan adalah undang-undang utama persekutuan. Mana-mana undang -undang yang tidak mengikut Perlembagaan adalah tidak sah.

Bahagian II : Kebebasan Asasi

Bahagian ini menyatakan kebebasan-kebebasan asasi yang kita miliki, hak untuk hidup dan kebebasan, kebebasan daripada perhambaan dan menjadi buruh paksaan, kesamarataan di sisi undang-undang, kebebasan bergerak, kebebasan bercakap, berhimpun dan bersekutu, kebebasan agama, hak untuk berpendidikan, dan hak untuk memiliki harta.

Bahagian III : Kewarganegaraan

Seseorang itu menjadi warganegara Malaysia dengan cara, dilahirkan di sini, berkahwin dengan seorang lelaki warganegara Malaysia atau mempunyai seorang ibu atau bapa warganegara Malaysia, tinggal secara sah di dalam negara ini untuk suatu masa yang ditetapkan. Bahagian III juga menyatakan bagaimana seseorang boleh menamatkan dan dilucutkan kewarganegaraan.

Bahagian IV : Persekutuan

Bahagian ini memberi panduan kepada sistem kerajaan di Malaysia. Ketua utama persekutuan ialah Yang di-Pertuan Agong yang dipilih oleh Majlis Raja-Raja untuk lima tahun. Majlis Raja-Raja dianggotai oleh kesemua Raja-Raja negeri-negeri dan juga Yang di-Pertua Negeri bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja. Bahagian IV juga mewujudkan Kabinet dan Pejabat Perdana Menteri. Bahagian ini juga mewujudkan Parlimen yang terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong dan dua Dewan yang dikenali sebagai Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Bahagian V : Negeri-Negeri

Setiap negeri mempunyai perlembagaannya sendiri dan badan perundangan yang dikenali sebagai Dewan Undangan Negeri. Dewan Undangan Negeri mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang tertentu. Raja-Raja dan Yang di-Pertua Negeri mempunyai hak dan keistimewaan masing-masing.

Bahagian VI : Perhubungan Antara Persekutuan Dengan Negeri-Negeri

Bahagian ini menyatakan pembahagian kuasa antara persekutuan dan negeri-negeri. Terdapat perkara yang membolehkan Parlimen menggubal undang-undang dan terdapat pula perkara yang membolehkan Dewan Undangan Negeri menggubal undang-undang. Terdapat juga perkara tertentu di mana kedua-duanya boleh menggubal undang-undang.

Bahagian VII : Peruntukan Kewangan

Bahagian VII menyatakan bahawa kerajaan tidak boleh mengenakan cukai atau membelanjakan wang kecuali melalui kuasa undang-undang.

Bahagian VIII : Pilihan Raya

Bahagian VIII menyatakan hak-hak kita sebagai warganegara untuk mengundi pemimpin-pemimpin kita. Badan yang ditugaskan untuk menjalankan kesemua pilihan raya dan menyediakan daftar pemilih dikenali sebagai Suruhanjaya Pilihanraya. Suruhanjaya Pilihanraya ini dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Bahagian IX : Badan Kehakiman

Bahagian IX mewujudkan sistem kehakiman di Malaysia dan menyatakan perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh ditentukan oleh mahkamah-mahkamah di Malaysia. Bahagian IX juga menyatakan bagaimana hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan dilantik.

Bahagian X : Perkhidmatan-Perkhidmatan Awam

Bahagian ini mengenal pasti perkhidmatan awam di Malaysia, termasuklah pasukan polis, angkatan tentera dan perkhidmatan pelajaran. Ia juga merangkumi anggota perkhidmatan awam seperti yang berkhidmat untuk kementerian serta kerajaan-kerajaan persekutuan dan negeri-negeri. Pelantikan, kenaikan pangkat dan penamatan khidmat anggota perkhidmatan awam ditentukan oleh "suruhanjaya–suruhanjaya" dan anggota suruhanjaya-suruhanjaya ini secara umumnya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Bahagian X juga mewujudkan Pejabat Peguam Negara.

Bahagian XI: Kuasa Khas Menentang Perbuatan Subversif, Keganasan Terancang, Dan Perbuatan Dan Jenayah Yang Memudaratkan Orang Awam Dan Kuasa Darurat

Parlimen mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang yang boleh membelakangi hak-hak lain dalam Perlembagaan semasa darurat atau atas sebab-sebab keselamatan awam.

Bahagian XII : Am Dan Pelbagai

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan. Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab untuk memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan peribumi Sabah dan Sarawak serta memelihara kepentingan sah komuniti-komuniti lain. Bahagian ini juga menyatakan bagaimana pindaan boleh dilakukan ke atas perlembagaan.

Bahagian XIIA: Perlindungan Tambahan Bagi Negeri Sabah Dan Sarawak

Terdapat peruntukan khas untuk Sabah dan Sarawak, contohnya perizaban tanah peribumi bagi masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak.

Bahagian XIII: Peruntukan Sementara Dan Peralihan

Bahagian ini menerangkan bagaimana undang-undang yang digubal sebelum merdeka masih berkuat kuasa sehinggalah Parlimen menggubal undang-undang baharu untuk menggantikan mereka.

Bahagian XIV: Kecualian Bagi Kedaulatan, dsb., & Raja-Raja

Kedaulatan, kuasa, perogratif dan bidang kuasa Raja-Raja dipelihara dalam Bahagian XIV.

Bahagian XV: Prosiding Terhadap Yang di-Pertuan Agong Dan Raja-Raja

Di bawah Bahagian XV, prosiding oleh atau terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja-Raja harus dibawa ke hadapan "Mahkamah Khas ".

SISTEM PEMERINTAHAN NEGARA

Dalam sistem pemerintahan Malaysia, terdapat tiga (3) buah badan utama iaitu:

- **Badan Perundangan**
  Badan ini hanya membuat undang-undang dan tidak boleh menyerahkan kuasa ini kepada mana-mana pihak dan tidak boleh mempunyai kuasa lain;
- **Badan Pemerintah**
  Badan ini hanya menjalankan kuasa eksekutif dan tidak boleh membuat undang-undang dan penghakiman; dan
- **Badan Kehakiman**
  Badan ini hanya menjalankan penghakiman dan tidak boleh membuat undang-undang atau menjalankan kuasa eksekutif;

Ketiga-tiga badan ini mempunyai kuasa, bidang tugas dan peranan masing-masing. Namun begitu, Badan Perundangan dan Badan Pemerintah berkait antara satu sama lain kerana Malaysia mengamalkan sistem kerajaan di mana ahli-ahli Badan Perundangan adalah juga Badan Pemerintah. Contohnya, Jemaah Menteri bertanggungjawab kepada Badan Perundangan (Parlimen Malaysia). Badan Kehakiman sahaja merupakan sebuah badan berasingan dan bebas daripada politik, bagi menjamin keadilan di negara ini.

Komponen Utama Dalam Sistem Kerajaan Malaysia



BADAN PERUNDANGAN

Badan Perundangan (Parlimen Malaysia) memiliki kuasa menggubal undang-undang persekutuan dan juga negeri-negeri di dalamnya.

Parlimen terdiri daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dua Dewan iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Parlimen ialah badan kuasa perundangan untuk persekutuan yang membuat undang-undang yang boleh dikuatkuasakan di seluruh persekutuan. Parlimen juga mengawal kewangan kerajaan. Cukai-cukai dan kadar-kadar persekutuan boleh dinaikkan hanya dengan kuat kuasa Parlimen seperti yang dinyatakan dalam undang-undang persekutuan. Semua hasil yang diperoleh hendaklah dimasukkan ke dalam 'Kumpulan Wang Persekutuan Yang Disatukan' dan semua wang hanya boleh dibelanjakan dengan kuasa Parlimen. Parti yang memenangi kerusi majoriti dalam pilihan raya umum dan dapat sokongan majoriti di Dewan Rakyat akan membentuk kerajaan. Pemimpin parti majoriti yang mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli Dewan Rakyat dilantik sebagai Perdana Menteri.

Yang di-Pertuan Agong

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Negara yang mengambil keutamaan mengatasi semua orang dalam persekutuan dan tidak boleh dikenakan dakwaan



dalam apa-apa juga perbicaraan dalam mana-mana mahkamah. Yang di-Pertuan Agong dipilih oleh Majlis Raja-Raja Melayu mengikut peraturan yang termaktub dalam Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan. Yang di-Pertuan Agong akan memegang jawatannya selama lima tahun kecuali baginda meletakkan jawatan atau dilucutkan jawatannya oleh Majlis Raja-Raja.

Sebagai ketua utama negara, Baginda mempunyai kuasa eksekutif. Baginda berkuasa memanggil, membatalkan dan membubarkan Parlimen. Dalam melaksanakan kuasa, baginda mendapat nasihat daripada Jemaah Menteri. Yang di-Pertuan Agong boleh melaksanakan tiga (3) perkara mengikut budi bicara baginda sendiri iaitu melantik Perdana Menteri, tidak

mempersetujui pembubaran Parlimen dan meminta supaya diadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Raja-Raja. Baginda juga mempunyai kuasa mengampuni dan menangguhkan hukuman bagi kesalahan yang dibicarakan di mahkamah tentera dan bagi semua kesalahan yang dilakukan di dalam Wilayah Persekutuan. Baginda adalah Ketua Agama bagi Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

Dalam Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak. Selain memegang tampuk tertinggi dalam Angkatan Tentera Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong juga berperanan menentukan rizab orang Melayu dan bumiputera, jawatan perkhidmatan, biasiswa, bantuan keistimewaan pendidikan atau latihan, kadar permit atau lesen dan juga mengisytiharkan darurat.

Dewan Negara

Dewan Negara ialah majlis tertinggi yang berperanan membahaskan sesuatu rang undang-undang dengan lebih terperinci. Ia juga bertanggungjawab membincangkan perkara-perkara yang menjadi kepentingan umum. Mengikut Perkara 68, Perlembagaan Persekutuan, Dewan Negara tidak mempunyai kuasa menolak sesuatu rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat sebelum dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan. Walau bagaimanapun, Dewan Negara boleh menangguhkan pelaksanaan sesuatu rang undang-undang itu.

Dewan Negara mempunyai 70 orang ahli yang mana 44 orang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong daripada warganegara yang pada pendapat baginda telah berbakti dengan cemerlangnya atau telah mencapai taraf gemilang dalam perkhidmatan awam, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan, perkhidmatan masyarakat atau wakil-wakil kaum yang terkecil bilangannya atau yang boleh mewakili kepentingan Orang Asli. Wilayah Persekutuan dianggotai oleh empat (4) orang ahli iaitu dua (2) orang ahli mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seorang





Persidangan Dewan Negara

(1) ahli mewakili Wilayah Persekutuan Labuan dan seorang ahli mewakili Wilayah Persekutuan Putrajaya juga dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebanyak 26 orang lagi dipilih oleh Dewan Undangan Negeri dari 13 buah negeri di Malaysia, iaitu tiap-tiap negeri mengemukakan dua (2) orang ahli. Ahli Dewan negara digelar sebagai Senator.

Seorang Yang di-Pertua Dewan dan Timbalannya dipilih terlebih dahulu bagi mengendalikan persidangan dewan daripada kalangan ahli-ahli sendiri. Keanggotaan dewan ini dihadkan kepada warganegara yang berumur 30 tahun ke atas. Tempoh jawatan seseorang Ahli Dewan Negara ialah tiga tahun dan Ahli Dewan Negara boleh dilantik untuk kali kedua dan memegang jawatan senator bagi tempoh tiga (3) tahun lagi. Hanya dua (2) penggal sahaja dibenarkan bagi setiap senator memegang jawatannya. Tempoh memegang jawatan sebagai Ahli Dewan Negara ini tidaklah terjejas dengan pembubaran Parlimen. Parlimen diberi kuasa oleh perlembagaan untuk mengubah keahlian Dewan Negara, seperti menambah bilangan ahli-ahli dewan yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri menjadi tiga orang, memperuntukkan supaya ahli-ahli Dewan Negara itu dipilih oleh pengundi-pengundi, atau mengurangkan jumlah ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik.

Dewan Rakyat

Dewan Rakyat merupakan majlis khas untuk rakyat menyuarakan hasrat dan pendapat serta mendapatkan pembelaan menerusi wakil-wakil mereka. Ahli-ahli Dewan Rakyat dipilih secara langsung oleh rakyat keseluruhannya dalam pilihan



Dewan Rakyat



Persidangan Dewan Rakyat

raya umum. Yang di-Pertua dan Timbalannya dipilih oleh Dewan Rakyat. Namun demikian, terdapat pula satu syarat dalam perlembagaan yang membolehkan Yang di-Pertua dipilih dari luar Dewan Rakyat. Orang yang dipilih seperti ini dianggap sebagai ahli tambahan dewan dan satu tambahan kepada ahli yang dipilih. Keanggotaan Dewan Rakyat dihadkan kepada warganegara yang berumur 21 tahun ke atas dan tidak boleh menjadi ahli Dewan Negara. Tempoh dewan ini ialah lima (5) tahun. Walau bagaimanapun, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkuasa, menurut kebijaksanaannya, untuk membubarkan Parlimen sebelum tempoh tersebut iaitu setelah memperoleh nasihat daripada Perdana Menteri.

Ahli Dewan Rakyat pada masa ini ialah 222 orang yang mewakili kawasan pilihan raya di seluruh Malaysia. Pecahan kerusi Dewan Rakyat ialah 153 kerusi untuk negeri-negeri di semenanjung, 25 kerusi untuk Sabah dan 31 kerusi untuk Sarawak, sementara wilayah persekutuan pula 13 kerusi iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (11 kerusi), Wilayah Persekutuan Labuan (1 kerusi) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (1 kerusi).

BADAN PEMERINTAH

Badan pemerintah atau eksekutif merupakan badan yang bertanggungjawab melaksanakan kuasa-kuasa eksekutif mengikut perlembagaan dan undang-undang.

Mengikut Perkara 39, Perlembagaan Persekutuan, kuasa memerintah Persekutuan Malaysia adalah terletak pada Yang di-Pertuan Agong dan tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, kuasa ini boleh dijalankan oleh Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri. Parlimen boleh dengan undang-undang memberi tugas-tugas pemerintah kepada orang lain. Timbalan Yang di-Pertuan Agong ialah Timbalan Ketua Utama Negara. Apabila berlaku kekosongan disebabkan Yang di-Pertuan Agong tidak berupaya menjalankan tugas kerana sakit, tidak berada dalam Persekutuan Malaysia lebih daripada 15 hari atau kerana sebab-sebab lain maka Timbalan Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong.

Jemaah Menteri

Jemaah Menteri merupakan badan yang menjalankan kuasa eksekutif yang dipegang oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Di bawah Perkara 43, Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik barisan Jemaah Menteri untuk menasihatkan baginda dalam hal ehwal menjalankan tugas-tugasnya. Jemaah Menteri hendaklah dilantik seperti yang berikut:

a) Yang di-Pertuan Agong hendaklah terlebih dahulu melantik seorang daripada ahli Dewan Rakyat yang pada pendapat baginda mendapat kepercayaan sebilangan besar daripada ahli-ahli dewan itu sebagai Perdana Menteri untuk mengetuai Jemaah Menteri; dan
b) Atas nasihat Perdana Menteri, Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik menteri-menteri lain dalam kalangan ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Majlis Raja-Raja

Majlis Raja-Raja dianggotai oleh semua Raja Melayu dan Yang di-Pertua Negeri. Tugas majlis ini seperti yang tercatat dalam Perkara 38, Perlembagaan Persekutuan adalah untuk:

- Memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi persekutuan mengikut peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan.
- Mempersetujui atau tidak mempersetujui apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama meliputi seluruh persekutuan.
- Mempersetujui atau tidak mempersetujui apa-apa undang-

undang dan membuat atau memberi nasihat mengenai apa-apa pelantikan yang menurut perlembagaan memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja atau yang dikehendaki dibuat oleh atau selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.





Mesyuarat Majlis Raja2 yang berlangsung di Istana Negara

BADAN KEHAKIMAN

Badan Kehakiman adalah badan ketiga dalam sistem kerajaan Malaysia. Kuasa kehakiman ini terletak pada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah.

Kuasa Kehakiman juga terletak pada Mahkamah Agung yang mempunyai kuasa tertentu seperti yang termaktub dalam Perkara 126, 128 dan 130 Perlembagaan Persekutuan.

Fungsi Badan Kehakiman

Fungsi Badan Kehakiman bergantung pada taraf mahkamah-mahkamah seperti Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah. Mahkamah Tinggi terdiri daripada dua buah, iaitu Mahkamah Tinggi Malaya – sebuah bagi semenanjung Malaysia dan sebuah lagi bagi Sabah dan Sarawak (yang dahulunya dinamakan Borneo). Mahkamah Rendah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak terdiri daripada Mahkamah Seksyen, Mahkamah Majistret dan Mahkamah Penghulu di semenanjung manakala, Mahkamah Adat/Negeri di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, terdapat juga Mahkamah Juvana bagi membicarakan kanak-kanak dan mereka yang di bawah umur 18 tahun. Fungsi-fungsi ini dijalankan mengikut kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan kepada mahkamah-mahkamah tersebut.

Pelantikan Hakim

Hakim-hakim mahkamah atasan dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja. Bilangan hakim di negara ini ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan meskipun keanggotaan mereka boleh diubah atas titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Bagi memastikan pemilihan dan pelantikan hakim-hakim adalah telus demi menjaga integriti badan kehakiman, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman ditubuhkan dengan berkuat kuasanya Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695). Hakim-hakim mahkamah atasan yang terlibat ialah Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya, Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi.



Istiadat Menghadap & Pengurniaan Suratcara Pelantikan Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Persekutuan, Kuala Lumpur.



PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Komponen-komponen utama dalam jentera pentadbiran Kerajaan Persekutuan adalah seperti yang berikut:

A) Badan-badan kerajaan yang terdiri daripada :

   i) Badan-badan yang ditubuhkan di bawah kuasa Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan Negeri. Komponen-komponen yang terdapat di bawahnya ialah majlis-majlis, suruhanjaya-suruhanjaya dan Jabatan Audit.

   ii) Badan-badan yang ditubuhkan di bawah kuasa kerajaan dan pihak pentadbir. Komponen-komponen yang terdapat di bawahnya ialah kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, perbadanan awam, majlis-majlis dan jawatankuasa-jawatankuasa Kabinet.

B) Ahli-ahli politik yang memegang jawatan awam dan perjawatan dalam sektor awam:

Kabinet

Kabinet adalah sebuah badan yang melaksanakan kuasa eksekutif yang dipegang oleh Yang di-Pertuan Agong. Dasar atau polisi kabinet adalah tugas yang dilaksanakan oleh jentera pentadbiran kerajaan di peringkat persekutuan atau kerajaan pusat. Kabinet diketuai oleh Perdana Menteri dan dianggotai oleh menteri-menteri yang memegang portfolio tertentu.

Majlis

Terdapat dua bentuk Majlis dalam sistem kerajaan persekutuan iaitu majlis perundangan dan majlis yang ditubuhkan oleh kerajaan yang bertujuan untuk menyelaras urusan pentadbiran negara. Majlis Perundangan terdiri daripada Majlis Tanah Negara, Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan, Majlis Kewangan



Negara dan Majlis Angkatan Tentera. Majlis yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi melicinkan perjalanan jentera pentadbiran ialah Majlis Tindakan Negara, Majlis Ekonomi Negara dan Majlis Keselamatan Negara.

Kementerian

Kementerian merupakan sebuah badan kerajaan yang tertinggi dalam sistem jentera pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Kementerian bertanggungjawab bagi membentuk dasar, merancang, mengawal dan menyelaras perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas sesebuah kementerian. Sesebuah kementerian itu dipertanggungjawabkan kepada seorang menteri yang memegang sesuatu portfolio yang dibantu oleh timbalan menteri.

Setiap kementerian berfungsi membentuk dasar, merancang, mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan perkara-perkara berkaitan kementerian berkenaan. Kementerian juga berfungsi mengawal jabatan-jabatan atau badan-badan berkanun di bawah tanggungjawabnya. Pegawai tadbir utama sesebuah kementerian ialah Ketua Setiausaha (KSU). Tugas dan tanggungjawab KSU menyentuh perkara-perkara pembentukan dasar, merancang aktiviti, mengawal pelaksanaan aktiviti, menyelaras aktiviti kementerian dan menyelaras kegiatan jabatan atau badan-badan di bawah kementerian berkenaan. KSU juga berperanan sebagai penasihat kepada menteri mengenai pentadbiran dan bertanggungjawab penuh kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang merupakan Ketua Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Kabinet 2020 kini mempunyai 27 Kementerian seperti berikut:

1. Jabatan Perdana Menteri
2. Kementerian Alam Sekitar dan Air
3. Kementerian Kewangan
4. Kementerian Pengajian Tinggi
5. Kementerian Kesihatan Malaysia

6. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
7. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
8. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
9. Kementerian Luar Negeri
10. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
11. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
12. Kementerian Kerja Raya
13. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
14. Kementerian Perpaduan Negara
15. Kementerian Pengangkutan
16. Kementerian Pembangunan Luar Bandar
17. Kementerian Sumber Manusia
18. Kementerian Pertahanan
19. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
20. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
21. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
22. Kementerian Dalam Negeri
23. Kementerian Wilayah Persekutuan
24. Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi
25. Kementerian Pendidikan Malaysia
26. Kementerian Belia dan Sukan
27. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

Suruhanjaya

Perlembagaan Persekutuan membenarkan penubuhan dua (2) jenis suruhanjaya iaitu Suruhanjaya Tetap dan Suruhanjaya Sementara. Suruhanjaya Tetap ialah Suruhanjaya Pilihan Raya dan suruhanjaya-suruhanjaya perkhidmatan. Sementara Suruhanjaya Khas yang bersifat sementara diwujudkan bagi menyiasat atau menyelesaikan masalah dan perkara semasa. Suruhanjaya merupakan badan bebas dan berkecuali bagi memastikan tiada unsur campur tangan dan pengaruh. Ahli-ahlinya dilantik khas oleh Yang di-Pertuan Agong atas pertimbangan dan nasihat Perdana Menteri dan juga setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja. Bagi Suruhanjaya Tetap, tempoh lantikan adalah lima tahun atau mengikut budi bicara Yang di-Pertuan Agong. Antara suruhanjaya di peringkat persekutuan ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Pasukan Polis dan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Jabatan

Jabatan kerajaan ialah agensi peringkat perlaksanaan yang kedua tertinggi selepas kementerian. Jabatan telah wujud ketika zaman penjajahan British lagi. Semasa British memerintah negeri-negeri di Tanah Melayu, jabatan-jabatan kerajaan ditubuhkan bertujuan melaksanakan aktiviti-aktiviti di bawah sesebuah kementerian. Fungsi jabatan adalah berkaitan dengan pelaksanaan sesuatu dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Aktiviti harian jabatan kerajaan melibatkan pemberian khidmat kepada masyarakat secara langsung dalam pelbagai bidang. Setiap jabatan kerajaan mempunyai ibu pejabatnya sendiri yang kebanyakannya terletak di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Ibu pejabat jabatan berfungsi menggubal dasar-dasar, merancang, mengawas dan menyelaras aktiviti jabatan di

peringkat negeri dan daerah serta bertanggungjawab terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan kemajuan kerjaya pegawai dan kakitangan jabatan masing-masing.

Setiap jabatan kerajaan diketuai oleh seorang pegawai tadbir utama iaitu Ketua Pengarah Jabatan dan nama jawatan ini disesuaikan mengikut nama jabatan-jabatan yang berkenaan. Berdasarkan fungsi jabatan sebagai agen pelaksana dasar kerajaan, pegawai dan kakitangan kerajaan terdiri daripada mereka yang mempunyai kelayakan dan kriteria tertentu. Jawatan di peringkat pengurusan diisi oleh pegawai daripada perkhidmatan kumpulan iktisad, manakala jawatan-jawatan lain diisi oleh mereka yang mempunyai pengkhususan tersendiri.

Perbadanan Awam

Selain jabatan, kerajaan juga menubuhkan perbadanan-perbadanan awam. Perbadanan-perbadanan ini ditubuhkan bagi mengambil alih beberapa bidang tugas dan tanggungjawab yang pernah dilaksanakan oleh jabatan-jabatan kerajaan. Penubuhan perbadanan ini memberi kesan yang baik dengan mencantumkan faedah-faedah daripada kerajaan dengan faedah-faedah yang boleh diperoleh daripada syarikat swasta. Setiap perbadanan awam mempunyai pegawai-pegawainya sendiri. Pegawai tadbir utama dalam perbadanan awam dipanggil Pengurus Besar yang bertanggungjawab mengurus dan mentadbirkan perbadanan awam mengikut objektif-objektif korporatnya. Untuk melicinkan sistem pentadbiran, sesebuah perbadanan mempunyai bahagian-bahagian tertentu berdasarkan bidang tugas masing-masing. Setiap perbadanan mempunyai Lembaga Pengarah masing-masing. Bagi badan-badan berkanun, Ahli Lembaga Pengarah dilantik oleh menteri yang bertanggungjawab terhadap badan tersebut. Perbadanan awam terbahagi kepada dua iaitu badan-badan berkanun dan badan-badan bukan berkanun.

- **Badan Berkanun**
  Badan berkanun merupakan agensi kerajaan yang ditubuhkan oleh kerajaan mengikut akta-akta tertentu seperti Akta Parlimen atau Enakmen Negeri bagi tujuan melaksanakan tugas-tugas khusus, sejajar dengan objektif dan matlamat negara.

- **Badan Bukan Berkanun**
  Badan bukan berkanun ialah badan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. Badan bukan berkanun mempunyai kebebasan yang lebih luas sebab badan ini tidak tertakluk kepada langkah-langkah pengawalan kerajaan seperti yang dikenakan ke atas badan-badan berkanun. Tambahan lagi badan-badan bukan berkanun bebas mengadakan skim perjawatan masing-masing. Bagaimanapun, aktiviti perbadanan hendaklah selaras dengan peruntukan undang-undang atau akta-akta penubuhannya.

PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI

Setiap negeri mempunyai jentera pentadbiran sendiri. Sistem dan struktur pentadbirannya adalah sama di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali di Sabah dan Sarawak. Kuasa di bawah kerajaan negeri ialah kerajaan tempatan atau daerah.

Badan Pentadbiran Peringkat Negeri



Raja dan Yang di-Pertua Negeri

Raja dan Yang di-Pertua Negeri ialah institusi penting dalam jentera pentadbiran kerajaan negeri. Raja-Raja yang memerintah Johor, Kedah, Kelantan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu dikenali sebagai Sultan manakala Perlis dikenali sebagai Raja dan di Negeri Sembilan sebagai Yang di-Pertuan Besar. Seseorang Raja diwarisi secara turun-temurun dan ditentukan oleh adat yang berbeza bagi setiap negeri. Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak diperintah oleh Yang di-Pertua Negeri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Seseorang Raja menjalankan tugas berikut:

- Melantik seorang Menteri Besar.
- Tidak mempersetujui permintaan membubarkan Dewan Undangan Negeri.
- Meminta mengadakan Mesyuarat Majlis Raja-Raja tentang keistimewaan, kedudukan,

kemuliaan dan kebesaran raja-raja atau hal ehwal Islam.
- Melaksanakan tugas sebagai Ketua Agama Islam atau tugas yang berkaitan dengan adat istiadat orang Melayu.
- Melantik waris Permaisuri, Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja.
- Menentukan penerima pingat, gelaran, kemuliaan dan kebesaran di sisi adat Melayu dan menetapkan tugas-tugas yang berkenaan dengannya.
- Membuat peraturan mengenai balai-balai diraja atau istana.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Kuasa eksekutif di Semenanjung Malaysia dilaksanakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) atau EXCO atas nama Raja atau Yang di-Pertua Negeri. Di Sarawak, badan ini dikenali sebagai Majlis Tertinggi dan di Sabah dikenali sebagai Kabinet. MMK diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri yang dilantik oleh Sultan atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri dalam kalangan Ahli Dewan Negeri yang mendapat sokongan majoriti ahli-ahli dewan tersebut. MMK dianggotai oleh ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) yang telah dipilih dan tiga orang pegawai kerajaan, Pegawai Kewangan Negeri, dan Penasihat Undang-undang Negeri. Bilangan DUN yang menganggotai EXCO berbeza antara negeri mengikut Perlembagaan Negeri masing-masing.

Dewan Undangan Negeri

Kuasa Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah meluluskan undang-undang dan dipersetujui oleh Raja atau Sultan atau Yang di-Pertua Negeri. Seksyen 4, Jadual 8 Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan Dewan Undangan Negeri mesti mengandungi sebilangan ahli yang dipilih melalui pilihan raya. Peranan Raja atau Sultan atau Yang di-Pertua Negeri adalah sebagai pihak berkuasa perundangan yang hanya akan hadir pada masa-masa khas seperti pembukaan Dewan Undangan Negeri. Tugas utama Raja atau Sultan atau Yang di-Pertua Negeri adalah untuk memanggil DUN bermesyuarat, memberhentikan dan membubarkan DUN. Seseorang itu tidak boleh menjadi ahli DUN lebih daripada satu bahagian dalam pilihan raya pada sesuatu masa. DUN akan berjalan selama lima tahun daripada mesyuarat pertamanya. Apabila DUN dibubarkan, satu pilihan raya peringkat negeri akan diadakan dalam tempoh 60 hari di semenanjung dan 90 hari di Sabah dan Sarawak.

Jentera Pentadbiran Kerajaan Negeri

Bagi melancarkan pentadbiran, sesebuah negeri dibahagi kepada beberapa buah daerah. Daerah-daerah ini pula dibahagi kepada mukim-mukim. Di Sarawak, sebelum dibahagi kepada daerah, Sarawak dibahagi dahulu mengikut Bahagian. Ketua Bahagian dipanggil Residen dan Ketua Daerah dipanggil Pegawai Daerah. Di Sabah pula, negeri dibahagi kepada beberapa residensi dan setiap residensi dibahagi pula kepada daerah. Bagi perkhidmatan awam negeri, pelantikan dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri masing-masing kecuali Perlis, Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan

yang pelantikan pegawainya dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

Jabatan

Jabatan-jabatan yang terdapat di peringkat negeri dibahagikan kepada dua jenis, iaitu jabatan negeri dan cawangan jabatan persekutuan. Jabatan-jabatan negeri pula dibahagikan kepada dua jenis iaitu, jabatan negeri yang bertanggungjawab kepada kerajaan negeri dan jabatan negeri yang bertanggungjawab kepada kerajaan negeri dan persekutuan.

- **Jabatan Negeri di Semenanjung Malaysia**
  Jabatan negeri yang bertanggungjawab kepada kerajaan negeri merupakan jabatan yang menjalankan pentadbiran negeri. Jabatan-jabatan penting yang termasuk dalam kategori ini ialah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Kewangan Negeri, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri dan Unit Perancang Ekonomi Negeri.

- **Jabatan Negeri di Sabah dan Sarawak**
  Sabah dan Sarawak mempunyai bilangan jabatan yang lebih banyak kerana Perjanjian Malaysia 1963 telah memberi kuasa yang lebih kepada kedua-dua negeri itu berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Namun, menerusi proses penyatuan, kebanyakan jabatan itu telah beransur-ansur diletakkan di bawah tanggungjawab kerajaan persekutuan. Jabatan-jabatan utama negeri yang kekal di bawah tanggungjawab kerajaan negeri adalah sama seperti yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Perbezaan yang ada ialah jabatan utama negeri Sabah dikenali sebagai Jabatan Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di Sarawak tidak bertanggungjawab secara langsung terhadap hal-hal perkhidmatan awam negeri seperti yang terdapat pada pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di Semenanjung. Tugas tersebut di Sarawak, dijalankan oleh Pejabat Perjawatan Negeri.

- **Cawangan Jabatan Persekutuan**
  Cawangan-cawangan jabatan persekutuan seperti Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Imigresen Negeri bertanggungjawab kepada kerajaan persekutuan, tetapi tertakluk kepada usaha penyelarasan yang dilakukan oleh pentadbiran negeri. Untuk memenuhi keperluan negeri, ketua-ketua cawangan ini boleh dipanggil untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Majlis Tindakan Negeri di samping menjadi ahli dalam Jawatankuasa Pembangunan Negeri dan jawatankuasa negeri yang lain. Kedudukan cawangan jabatan persekutuan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah sama dengan kedudukan di Sabah dan Sarawak.

Suruhanjaya Negeri

Sama seperti kerajaan persekutuan, Kerajaan negeri juga boleh menubuhkan

suruhanjaya yang berbentuk tetap atau khas. Pelantikan ahli-ahli suruhanjaya dilakukan oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri atas nasihat Menteri Besar atau Ketua Menteri. Semua negeri kecuali Negeri Sembilan, Perlis, Melaka dan Pulau Pinang mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri yang bertanggungjawab tentang pelantikan jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri. Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, pelantikan ke jawatan-jawatan negeri dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

Perkhidmatan Awam Negeri

Setiap negeri mempunyai perkhidmatan awamnya sendiri. Bagi negeri Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu, perkhidmatan awam negeri meliputi semua jawatan. Bagi negeri-negeri selainnya, jawatan-jawatan tadbir diisi oleh Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) atau Perkhidmatan Tadbir Am (PTA). Pegawai-pegawai ini dipinjamkan oleh kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri.

Pejabat Setiausaha Persekutuan dan Pejabat Kewangan Persekutuan khusus bagi negeri Sarawak dan Sabah, kerajaan telah mewujudkan semula jawatan Setiausaha Persekutuan di samping jawatan Pegawai Kewangan Persekutuan yang sedia ada. Tugas utama Pejabat Setiausaha Persekutuan adalah untuk menyelaras dan mentadbir aktiviti jabatan-jabatan dan perbadanan awam persekutuan di negeri berkenaan. Pejabat ini juga bertanggungjawab untuk mengeratkan hubungan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri. Pejabat Kewangan Persekutuan bertanggungjawab kepada Kementerian Kewangan Persekutuan dalam menjalankan tugas-tugas kewangan seperti memeriksa anggaran belanjawan agensi-agensi persekutuan di Sabah dan Sarawak. Tujuan penubuhannya adalah untuk mempercepatkan proses membuat keputusan.

Perbadanan Awam Negeri

Kerajaan negeri mempunyai perbadanan awam yang merangkumi badan berkanun dan badan tidak berkanun yang merupakan syarikat kepunyaan kerajaan negeri. Hubungan badan-badan ini dengan kerajaan negeri dan agensi-agensi utama negeri adalah lebih kurang sama dengan perhubungan antara perbadanan awam persekutuan dengan kerajaan persekutuan dan agensi pusat. Perbadanan awam lain yang terdapat di peringkat negeri merupakan cawangan-cawangan perbadanan awam persekutuan. Sama seperti cawangan jabatan persekutuan, perbadanan ini bertanggungjawab kepada kerajaan persekutuan, tetapi tertakluk kepada usaha penyelarasan pentadbiran negeri.

Peringkat Pentadbiran Negeri

Pentadbiran setiap negeri di Semenanjung Malaysia dijalankan menerusi pelbagai peringkat. Peringkat-peringkat ini ialah :

Daerah

Pembahagian negeri mengikut daerah atau jajahan yang dimulakan oleh



pihak Inggeris berterusan hingga sekarang. Kebanyakan projek yang dirancang di peringkat persekutuan dan negeri dilaksanakan di peringkat daerah. Pejabat daerah dan tanah yang diketuai oleh Pegawai Daerah merupakan pejabat utama di peringkat ini. Bidang tanggungjawabnya adalah berkaitan dengan pentadbiran tanah, pentadbiran Majlis Daerah dan pengurusan aktiviti pembangunan, di samping menyelaraskan kegiatan semua cawangan agensi kerajaan negeri dan persekutuan di peringkat daerah. Kebanyakan agensi negeri dan persekutuan mempunyai cawangan di peringkat ini.

Mukim

Sesebuah daerah dipecahkan kepada beberapa buah mukim dan terdapat sebuah pejabat kerajaan yang diketuai oleh seorang penjawat awam yang dikenali sebagai Penghulu (Penggawa di Kelantan). Di peringkat ini, hanya beberapa buah jabatan dan perbadanan awam sahaja yang mempunyai cawangan masing-masing. Peranan utama seseorang Penghulu ialah untuk membantu Pejabat Daerah dan Tanah serta agensi-agensi kerajaan lain menjalankan program pembangunan dan menyelaraskan kegiatan-kegiatan di kampung-kampung di bawah seliaannya. Dahulu, jawatan Penghulu diwarisi mengikut keturunan atau dilantik daripada kalangan penduduk tempatan yang mempunyai pengaruh yang luas. Kini, penghulu dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri berasaskan kepada kebolehan dan kelulusan akademik. Oleh itu, mereka juga merupakan pegawai awam.

Kampung

Peringkat pentadbiran yang paling rendah ialah peringkat kampung yang diketuai oleh seorang Ketua Kampung (Penghulu di Kelantan dan Tok Sidang di Melaka) yang dilantik oleh kerajaan negeri melalui Pegawai Daerah. Ketua Kampung hanya diberi elaun dan mereka bukanlah sebahagian daripada penjawat awam. Seorang



Ketua Kampung bertanggungjawab untuk menjaga keamanan kampung dan menyelesaikan masalah peringkat kampung. Beliau turut berperanan menjadi penghubung antara Pegawai Daerah dan pembantu kepada Penghulu. Sementara itu, Ketua Kampung turut berfungsi untuk mempengerusikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Pembentukan JKKK bertujuan untuk memberi peluang kepada penduduk kampung mengambil bahagian yang aktif dalam proses perancangan dan pelaksanaan program dan projek pembangunan di kampung mereka. Badan ini juga menyatukan kampung dengan pentadbiran mukim, daerah dan negeri untuk mempercepatkan proses pembangunan dan penyelesaian masalah setempat.

Pentadbiran Negeri Sabah

Pentadbiran Negeri Sabah dibahagikan kepada dua peringkat iaitu daerah dan kampung. Peringkat daerah diketuai oleh Pegawai Daerah. Selain Penolong Pegawai Daerah, seseorang Pegawai Daerah dibantu oleh seorang Ketua Daerah yang bertanggungjawab terhadap segala aspek pentadbiran yang berkaitan dengan hal-ehwal suku-suku kaum di daerah berkenaan. Setiap suku kaum di sesebuah daerah diketuai oleh Ketua Anak Negeri. Ketua Anak Negeri bertanggungjawab kepada Ketua Daerah. Kesemua mereka ini merupakan sebahagian daripada pegawai awam. Sama seperti keadaan di Semenanjung Malaysia, setiap kampung di Sabah diketuai oleh Ketua Kampung yang bukan merupakan pegawai awam.

Pentadbiran Negeri Sarawak

Pentadbiran Negeri Sarawak pula dibahagikan kepada empat peringkat iaitu bahagian, daerah, daerah kecil dan kampung.

Bahagian

Negeri Sarawak dibahagikan kepada tujuh bahagian yang setiap satunya diketuai oleh seorang Residen sebagai Ketua Pentadbir Bahagian.



Pembahagian negeri mengikut bahagian hanya diadakan di Negeri Sarawak kerana kawasan negerinya yang luas. Setiap bahagian mempunyai beberapa orang Temenggung yang merupakan ketua masyarakat yang dilantik oleh kerajaan berasaskan kaum.

Daerah

Setiap bahagian dibahagikan pula kepada beberapa buah daerah yang setiap satunya diketuai oleh Pegawai Daerah. Ketua masyarakat digelar Pemanca yang bertanggungjawab kepada Pegawai Daerah dan Temenggung. Dalam sesebuah daerah pula terdapat daerah kecil yang diketuai oleh Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Tadbir Negeri Sarawak.

Kampung

Setiap kampung di Sarawak diketuai oleh seorang Penghulu yang dilantik oleh kerajaan. Sebelum gelaran Penghulu digunakan, Ketua Rumah Panjang digelar Tuai Rumah.

Sistem perancangan dan pelaksanaan di peringkat negeri juga serupa dengan sistem yang terdapat di peringkat persekutuan iaitu melibatkan dasar, perancangan, pelaksanaan, penyelarasan dan penilaian. Ia menjadi kebiasaan bahawa pihak negeri mengambil kira dasar-dasar yang wujud di peringkat persekutuan sebelum sesuatu dasar negeri dibentuk. Pembentukan dasar-dasar awam negeri dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang para anggotanya terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri serta dibantu oleh beberapa orang pegawai kanan kerajaan, iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Penasihat Undang-undang Negeri. Namun begitu sebelum sesuatu dasar itu dibentuk, kerajaan negeri juga menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa tertentu untuk mengkaji sesuatu dasar sebelum dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.



JENTERA PENTADBIRAN DI PERINGKAT KERAJAAN TEMPATAN

Sebelum penyusunan semula kerajaan tempatan, wujud enam (6) jenis penguasa tempatan di Malaysia iaitu :

1. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
2. Majlis Perbandaran
3. Majlis Bandaran
4. Lembaga Bandaran
5. Majlis Tempatan
6. Majlis Luar Bandar

Empat (4) jenis pihak berkuasa tempatan diwujudkan selepas penyusunan semula iaitu:

1. Dewan Bandaraya bagi bandar-bandar besar
2. Majlis Perbandaran bagi bandar-bandar sederhana
3. Majlis Tempatan bagi pekan-pekan dan kampung-kampung baharu;
4. Majlis Daerah bagi kawasan luar bandar

Kerajaan tempatan dibentuk untuk memberi peluang kepada penduduk tempatan mengambil bahagian dalam pengurusan kawasan-kawasan yang mereka diami. Peranannya melibatkan perancangan bandar, kerja raya, kemudahan-kemudahan awam, kesihatan awam dan perumahan awam. Kuasa utama yang terpenting bagi kerajaan tempatan adalah:

1. Kuasa untuk mengadakan undang-undang kecil
2. Mengutip cukai, kadar sewa dan lain-lain
3. Kuasa untuk mengadakan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan yang terletak dalam kawalannya sendiri





EKONOMI MALAYSIA 2020



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

INTIPATI
BELANJAWAN
2021

TEGUH KITA,
MENANG BERSAMA



EKONOMI NEGARA 2021 PADA HARGA MALAR 2015 (PERMINTAAN)

EKONOMI NEGARA 2021 PADA HARGA MALAR 2015 (PENAWARAN)

BELANJAWAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2021 (DARI MANA DATANGNYA)

BELANJAWAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2021 (KE MANA DIBELANJAKAN)

PERUNTUKAN TERPERINCI TEMA BELANJAWAN 2021

PENDEKATAN 6R – *Resolve, Resilience, Restart, Recovery, Revitalise* dan *Reform*

01 MATLAMAT PERTAMA : KESEJAHTERAAN RAKYAT

Strategi 1 : Pandemik COVID-19 dan Kesihatan Awam
Strategi 2 : Memelihara Kebajikan Golongan Rentan
Strategi 3 : Menjana dan Mengekalkan Pekerjaan
Strategi 4 : Mengutama Agenda Keterangkuman
Strategi 5 : Menjamin Kesejahteraan Hidup Rakyat

02 MATLAMAT KEDUA : KELANGSUNGAN PERNIAGAAN

Strategi 1 : Memacu Pelaburan
Strategi 2 : Memperkukuh Sektor-sektor Tumpuan
Strategi 3 : Mengutama Automasi dan Pendigitalan
Strategi 4 : Memudah Akses Pembiayaan

03 MATLAMAT KETIGA : KETAHANAN EKONOMI

Strategi 1 : Belanjawan Pengembangan
Strategi 2 : Agenda Pembangunan di bawah RMK-12
Strategi 3 : Memperkasa Peranan GLC dan Masyarakat Sivil
Strategi 4 : Menjamin Kelestarian Sumber
Strategi 5 : Perkhidmatan Awam



Belanjawan 2021 merupakan penzahiran konsep Prihatin Rakyat yang didokong teguh oleh Kerajaan Perikatan Nasional. Kebajikan dan kesihatan rakyat adalah keutamaan, manakala kelangsungan perniagaan serta ketahanan ekonomi menjadi pegangan demi mencapai kemakmuran bersama

YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
Perdana Menteri Malaysia



Saya percaya, rakyat Malaysia ialah bangsa yang berani dan berdaya tahan. Bila sepakat kita mampu melakukan yang luar biasa. Pemulihan perniagaan dan pengukuhan ekonomi mampu dicapai. Atas hakikat itulah Belanjawan 2021 ini mengangkat sebagai tema Teguh Kita, Menang Bersama

YB SENATOR TENGKU DATUK SERI UTAMA
ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan Malaysia

EKONOMI NEGARA 2021 PADA HARGA MALAR 2015 (PERMINTAAN)



[1]*Termasuk Perubahan dalam stok*

EKONOMI NEGARA 2021 PADA HARGA MALAR 2015 (PENAWARAN)



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

BELANJAWAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2021 (DARI MANA DATANGNYA)



[1]Terdiri daripada hasil dan pinjaman

BELANJAWAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2021 (KE MANA DIBELANJAKAN)

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN



PERBELANJAAN MENGURUS

[2] Tidak termasuk simpanan luar jangka
[3] Kumpulan Wang COVID-19 di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

PERUNTUKAN TERPERINCI

Perbelanjaan bagi tahun 2021 merupakan perbelanjaan terbesar dalam sejarah Malaysia



***RM2 bilion diperuntukkan bagi simpanan luar jangka**

UNJURAN	
Hasil	RM236.9 bilion (2021)
	RM227.3 bilion (2020)
KDNK	6.5% hingga 7.5% (2021)
	4.5% (2020)
Defisit fiskal	5.4% (2021)
	6% (2020)





TEGUH KITA
MENANG BERSAMA

PENDEKATAN 6R

1.



***Resolve* | Ketegasan**

Untuk meratakan lekuk jangkitan COVID-19

2.



***Resilience* | Ketahanan**

Pakej PRIHATIN dan PRIHATIN PKS Tambahan bernilai RM260 bilion ringgit telah diperkenalkan bagi menangani kesan penutupan ekonomi

3.



***Restart* | Memulakan Semula**

Pembukaan semula ekonomi secara beransur-ansur setelah lekuk jangkitan COVID-19 berjaya diratakan

4.



***Recovery* | Pemulihan**

Menggerakkan pakej rangsangan PENJANA berjumlah RM35 bilion dan KITA PRIHATIN bernilai RM10 bilion

5.



***Revitalise* | Memperkasa**

Merupakan Belanjawan 2021 yang dirangka berdasarkan tiga matlamat induk :

Pertama : Kesejahteraan Rakyat;

Kedua : Kelangsungan Perniagaan ; dan

Ketiga : Ketahanan Ekonomi

6.



***Reform* | Menyusun Semula**

- Berkaitan dengan agenda pembangunan lima tahun negara di bawah Rancangan Malaysia Ke-12
- Kerajaan akan memberi tumpuan kepada perbelanjaan pembangunan yang memberi manfaat besar kepada rakyat dan menyokong momentum pertumbuhan ekonomi

MATLAMAT BELANJAWAN 2021

MATLAMAT PERTAMA Kesejahteraan Rakyat

STRATEGI 1
Pandemik COVID-19 dan Kesihatan Awam

STRATEGI 2
Memelihara Kebajikan Golongan Rentan

STRATEGI 3
Menjana dan Mengekalkan Pekerjaan

STRATEGI 4
Mengutama Agenda Keterangkuman

STRATEGI 5
Menjamin Kesejahteraan Hidup Rakyat

MATLAMAT KEDUA Kelangsungan Perniagaan



STRATEGI 1
Memacu Pelaburan

STRATEGI 2
Memperkukuh Sektor-sektor Tumpuan

STRATEGI 3
Mengutama Automasi dan Pendigitalan

STRATEGI 4
Memudah Akses Pembiayaan

MATLAMAT KETIGA Ketahanan Ekonomi

STRATEGI 1
Belanjawan Pengembangan



STRATEGI 2
Agenda Pembangunan di bawah RMK-12

STRATEGI 3
Memperkasa Peranan GLC dan Masyarakat Sivil

STRATEGI 4
Menjamin Kelestarian Sumber

STRATEGI 5
Perkhidmatan Awam

MATLAMAT 1 : KESEJAHTERAAN RAKYAT

STRATEGI 01	Pandemik COVID-19 dan Kesihatan Awam
STRATEGI 02	Memelihara Kebajikan Golongan Rentan
STRATEGI 03	Menjana dan Mengekalkan Pekerjaan
STRATEGI 04	Mengutama Agenda Keterangkuman
STRATEGI 05	Menjamin Kesejahteraan Hidup Rakyat



MATLAMAT PERTAMA : KESEJAHTERAAN RAKYAT

STRATEGI 1 : Pandemik COVID-19 dan Kesihatan Awam

- **Akta Langkah-langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020**
  - Memberi pengecualian kepada rakyat yang tidak mampu memenuhi obligasi kontraktual seperti pembayaran sewa akibat penularan wabak ini
  - Pusat Mediasi COVID-19 ditubuhkan untuk membantu kumpulan B40 dan M40 serta perusahaan mikro yang bertikai berhubung obligasi kontraktual

- **Akta Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 membenarkan had statutori hutang kerajaan dinaikkan sementara sehingga 60%** daripada KDNK berbanding 55%
  - Menaikkan siling Kumpulan Wang COVID-19 kepada **RM65 bilion** daripada RM45 bilion
  - Tujuan membiayai pakej KITA PRIHATIN, bantuan tambahan bagi kesejahteraan rakyat, keperluan barisan hadapan dan perolehan vaksin

- **Peruntukan RM1 bilion untuk membendung gelombang ketiga COVID-19**
  - **RM475 juta** bagi pembelian bekalan *reagen*, kit saringan dan bahan guna habis khusus untuk kegunaan KKM
  - **RM318 juta** bagi penyediaan **peralatan** PPE dan ***hand sanitiser*** kepada petugas barisan hadapan KKM



  - **RM150 juta** kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara bagi menyelaras usaha memerangi COVID-19
  - **RM50 juta** bagi perolehan peralatan, bekalan ujian makmal dan ubat-ubatan di Hospital Pengajar Universiti
  - Menambah peralatan pengoperasian fasiliti pergigian, perkhidmatan klinik secara maya serta penyediaan fasiliti zon saringan dan termometer di kemudahan kesihatan bagi memenuhi SOP norma baharu

- Pemberian *one-off* **RM500** bagi **anggota barisan hadapan** KKM yang memanfaatkan **100 ribu petugas kesihatan**
  - Memanjangkan bantuan khas secara *one-off* kepada semua **petugas barisan hadapan lain diiktiraf Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebanyak RM300**



- Mendapatkan **sumber vaksin COVID-19 melalui penyertaan ke dalam program COVID-19 *Vaccine Global Access* atau COVAX**
  - Bekalan vaksin COVID-19 melibatkan kos melebihi **RM3 bilion**

- **Meluaskan skop pelepasan cukai bagi perbelanjaan rawatan perubatan meliputi perbelanjaan vaksinasi** seperti pneumokokal, influenza serta COVID-19
  - Pelepasan cukai ke atas perbelanjaan vaksinasi bagi diri sendiri, pasangan dan anak-anak terhad kepada **RM1,000**

- **Menaikkan had pelepasan cukai ke atas perbelanjaan rawatan perubatan diri, pasangan dan anak** bagi **penyakit serius** kepada **RM8,000** daripada RM6,000
  - Had pelepasan cukai bagi skop perbelanjaan **pemeriksaan kesihatan penuh** dinaikkan kepada **RM1,000** daripada RM500

- **Had pelepasan cukai ke atas perbelanjaan bagi rawatan perubatan, keperluan khas dan penjagaan ibu bapa** juga dinaikkan kepada **RM8,000** daripada RM5,000

- Peruntukan **RM24 juta** bagi menangani isu mental meliputi masalah tekanan perasaan, kegelisahan dan kemurungan melalui pengukuhan **Program Kesihatan Mental, Pencegahan Keganasan dan Kecederaan serta Penyalahgunaan Substans**

- **Memperluas perlindungan mySalam** ke atas tuntutan kos peranti perubatan seperti stent untuk jantung atau prostesis

- Perlindungan sosial kepada golongan B40 melalui Program **Baucar Perlindungan Tenang**
  - Penerima bantuan B40 akan diberi **baucar RM50** untuk membeli produk Perlindungan Tenang termasuk takaful hayat dan kemalangan diri
  - Melanjutkan **tempoh pengecualian duti setem** ke atas semua produk Perlindungan Tenang dengan sumbangan tahunan tidak melebihi RM100 ringgit untuk tempoh 5 tahun sehingga tahun taksiran 2025

- Melaksanakan **program imunisasi pneumokokal** untuk kanak-kanak dengan peruntukan **RM90 juta** yang memanfaatkan **500 ribu kanak-kanak**
  - Peruntukan **RM6 juta** untuk **perolehan ubat biologik bagi pelbagai jenis penyakit rheumatologi seperti *rheumatoid arthritis***

- Peruntukan **RM25 juta bagi program rawatan *Peritoneal Dialysis*** di rumah
  - Meningkatkan kualiti rawatan pesakit buah pinggang serta mengurangkan masa menunggu dan kesesakan di hospital

MATLAMAT PERTAMA : KESEJAHTERAAN RAKYAT

STRATEGI 2 : Memelihara Kebajikan Golongan Rentan



Langkah 1: Penambahbaikan Bantuan Kewangan

- Menaikkan **kadar bantuan kebajikan bulanan** melibatkan peruntukan **RM2.2 bilion** dan memanfaatkan lebih daripada **400 ribu penerima**
  - **Kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja** dinaikkan kepada **RM300** daripada RM250
  - **Kadar Bantuan Warga Emas** dan **Bantuan Penjagaan OKU** dan **Pesakit Kronik Terlantar** dinaikkan kepada **RM500** daripada RM350
  - **Kadar Elaun Pekerja OKU** dinaikkan kepada **RM450** daripada RM400
  - **Kadar Bantuan Kanak-kanak Keluarga Miskin** dinaikkan kepada **RM150 seorang anak berumur tujuh (7) tahun hingga 18 tahun** atau **RM200 seorang** anak **berumur enam (6) tahun dan ke bawah** dengan maksimum **RM1,000 sekeluarga** daripada RM100 seorang anak dengan maksimum RM450 sekeluarga

- Menggantikan Bantuan Sara Hidup atau BSH kepada **Bantuan Prihatin Rakyat** atau **BPR**
  - Pemberian BPR akan memanfaatkan **8.1 juta orang** dengan peruntukan **RM6.5 bilion**

PENDAPATAN ISI RUMAH	SEHINGGA SEORANG ANAK	DUA ANAK ATAU LEBIH
Berpendapatan bulanan **kurang RM2,500**	RM1,200	RM1,800
Berpendapatan bulanan antara **RM2,501 hingga RM4,000**	RM800	RM1,200
Berpendapatan bulanan antara **RM4,001 hingga RM5,000**	RM500	RM750

Individu bujang berpendapatan **RM2,500 ke bawah** akan menerima **RM350**. Had umur kelayakan 21 tahun berbanding 40 tahun sebelum ini

- Peruntukan **RM1.5 bilion** bagi melaksanakan **Program Jaringan PRIHATIN**
  - Mengurangkan beban kewangan golongan B40 mendapatkan kemudahan Internet
  - Bermula suku pertama 2021, lebih kurang **8 juta penerima** akan menerima bantuan **RM180 seorang** dalam bentuk kredit telekomunikasi
  - Boleh digunakan untuk **perbelanjaan langganan Internet** atau menampung **sebahagian kos pembelian telefon bimbit baharu**
  - Syarikat-syarikat telekomunikasi akan menyediakan manfaat bernilai **RM1.5 bilion** dalam bentuk **data percuma**

Langkah 2 : Meringankan Beban Hidup Rakyat



- **Penurunan kadar cukai pendapatan**
  - Diturunkan sebanyak **1 mata peratusan** untuk individu pemastautin bagi banjaran pendapatan bercukai **RM50,000 hingga RM70,000** yang memanfaatkan **1.4 juta pembayar cukai**

- **Menambah baik Bantuan Bayaran Bersasar kepada peminjam kategori B40** yang merupakan penerima BSH dan bakal penerima BPR dan kepada **perusahaan mikro** dengan jumlah pinjaman yang diluluskan sehingga **RM150 ribu** dengan pilihan seperti berikut:
  - Opsyen 1 – **Menangguhkan ansuran bulanan selama 3 bulan** atau
  - Opsyen 2 – Pengurangan ansuran bulanan sebanyak **50%** selama **6 bulan**
  - **Peminjam** daripada **golongan M40** hanya perlu membuat pengisytiharan kendiri atau *self-declaration* pengurangan pendapatan untuk mendapat bantuan bayaran balik.
    Fleksibiliti ini akan bermula pada **Disember 2020**

- **Kadar caruman minimum KWSP pekerja dikurangkan kepada 9% daripada 11% mulai Januari 2021 untuk 12 bulan**
  - Meningkatkan pendapatan boleh guna atau *take-home pay*
  - Memanfaatkan pencarum KWSP dengan nilai inisiatif sehingga RM9.3 bilion

- **Pengeluaran simpanan KWSP daripada Akaun 1 secara bersasar** sebanyak **RM500 sebulan dengan jumlah sehingga RM6,000 untuk 12 bulan**
  - Membantu ahli-ahli yang kehilangan pekerjaan dan dijangka meringankan beban kewangan kepada **600 ribu ahli yang terjejas**
  - Boleh memohon mulai Januari 2021

- **Permohonan pengeluaran simpanan Akaun 1 KWSP melalui Program i-Sinar diperluaskan**

kepada semua ahli yang **pendapatan terjejas** dengan ketara

- Tanpa mengira ahli aktif mencarum ataupun tidak dan sama ada ahli tersebut pekerja sektor formal atau bekerja sendiri
- **Memanfaatkan lebih 8 juta ahli** berbanding 2 juta ahli sebelum ini dan boleh mengeluarkan sehingga **RM10 ribu**
- Ahli hanya perlu mengemukakan bukti mengenai kehilangan pekerjaan, notis cuti tanpa gaji, potongan gaji, elaun atau over time (OT) mahupun pengurangan pendapatan jika bekerja sendiri

- **Pelanjutan Sistem Insurans Pekerjaan**
  - **Tempoh Elaun Mencari Kerja akan dilanjutkan selama 3 bulan** dan **kadar layak menuntut daripada 80% gaji bagi bulan pertama, 50% bagi bulan kedua hingga keenam** dan seterusnya **30% bagi tiga bulan terakhir**
  - Peruntukan **RM150 juta** akan disediakan dan memanfaatkan **130 ribu orang pencari kerja**

- **Had pengecualian cukai pendapatan** bagi bayaran pampasan atas kehilangan pekerjaan akan **dinaikkan** kepada **RM20 ribu** daripada RM10 ribu setiap tahun genap perkhidmatan

- **Penyediaan RM28 bilion khusus untuk subsidi, bantuan dan insentif**
  - Bantuan pengangkutan dan kebajikan serta subsidi bagi mengawal kenaikan harga barangan dan perkhidmatan

- **Peruntukan RM200 juta** daripada RM150 juta untuk melaksanakan **Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming***
  - Termasuk **meluaskan** pelaksanaannya ke **34 kawasan baharu antaranya di Pulau Sakar di Sabah dan Ulu Mujok di Sarawak**
  - Barangan asas seperti beras, gula,tepung, minyak masak, gas LPG, petrol RON95 dan diesel dapat dinikmati oleh lebih **1.1 juta** rakyat pada harga yang dikawal



Langkah 3 : Bantuan kepada Petani, Peladang dan Nelayan



- **Peruntukan Insentif Pengeluaran Getah** ditingkatkan kepada **RM300 juta** daripada RM150 juta
  - **Pendapatan 150 ribu pekebun kecil getah persendirian dapat distabilkan**

- Peruntukan **RM1.7 bilion** dalam bentuk subsidi, bantuan dan **insentif kepada petani dan nelayan**
  - Subsidi harga padi **RM570 juta**
  - Subsidi dan insentif tanaman padi berjumlah **RM960 juta**

termasuk subsidi baja padi bukit yang diperkenalkan semula sebanyak **RM40 juta**

- Memanfaatkan **lebih 300 ribu pesawah** di seluruh negara termasuk penanam padi bukit di Nabawan, Sabah dan Kanowit, Sarawak

- Peruntukan sebanyak **RM153 juta** untuk **bantuan nelayan** termasuk:
  - **Elaun sara hidup nelayan** akan dinaikkan kepada **RM300 sebulan** daripada RM250 bermula tahun 2021 dan memanfaatkan lebih **40 ribu nelayan**
  - **Elaun sara hidup nelayan darat** akan dinaikkan kepada **RM250 sebulan** daripada RM200

- Peruntukan **RM400 juta** untuk **menghapus faedah hutang kebun peneroka** dan menyediakan program pembangunan peneroka bagi mendapatkan hasil baharu

- Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) akan diteruskan
  - Bayaran sebanyak **RM300 sebulan** akan dibayar kepada pekebun kecil yang layak di bawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS)
  - Disalurkan pada bulan **Disember 2020, Januari 2021 dan Disember 2021**
  - **Memanfaatkan lebih daripada 300,000 pemilik kebun getah dan penoreh getah**

- Peruntukan **RM80 juta** untuk **Tabung Bencana Pertanian**
  - Memanfaatkan petani yang terdiri daripada **pesawah, nelayan** dan **pengusaha akuakultur, pekebun dan penternak** yang mengalami kehilangan pengeluaran hasil tanaman kesan daripada bencana alam



MATLAMAT PERTAMA : KESEJAHTERAAN RAKYAT

STRATEGI 3 : Menjana dan Mengekalkan Pekerjaan



- Melaksanakan **Skim Jaminan Penjanaan Pekerjaan (JanaKerja)**
  - Melibatkan **penyediaan 500 ribu peluang pekerjaan** baharu termasuk pelbagai program peningkatan kemahiran dan latihan semula
  - Perbelanjaan kerajaan **RM3.7 bilion**

Langkah 1 : Insentif PenjanaKerjaya

- **Meneruskan inisiatif pengambilan pekerja** di bawah PERKESO yang dikenali sebagai **PenjanaKerjaya.** Peruntukan **RM2 bilion** dan dijangka dapat menyediakan **peluang pekerjaan kepada 250 ribu pencari kerja**
  - Insentif untuk pekerja bergaji **RM1,500 ke atas** akan **dinaikkan** kepada **40% daripada gaji bulanan** daripada kadar rata RM800 sebulan **(maksimum RM4,000 sebulan)**
  - **Menggalakkan peluang pekerjaan kepada golongan OKU, penganggur jangka panjang dan pekerja yang diberhentikan, majikan** akan diberi **insentif tambahan sebanyak 20%** menjadikan keseluruhan insentif majikan berjumlah 60 peratus
  - **Sektor** dengan **kebergantungan tinggi kepada pekerja asing** seperti pembinaan dan perladangan, **insentif khas 60% daripada gaji bulanan** disediakan dengan **40% disalurkan** terus kepada **majikan** dan **20%** kepada **pekerja tempatan** yang menggantikan pekerja asing **(untuk tempoh 6 bulan)**
  - Bagi mereka yang telah **diambil bekerja di bawah Penjana Kerjaya, kos maksimum program latihan** yang layak **dituntut majikan** dinaikkan kepada **RM7,000** daripada

RM4,000 bagi menjalani program kemahiran tinggi atau sijil profesional

- Pembentukan **Majlis Pekerjaan Negara** yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri
  - Menyelaras pelbagai inisiatif merentas Kementerian dan agensi dalam mencipta peluang pekerjaan, peningkatan kemahiran dan latihan pekerja
  - Agensi LAKSANA akan bertanggungjawab untuk memantau keberkesanan segala inisiatif bagi memastikan rakyat Malaysia terus mendapat peluang pekerjaan

Langkah 2 : *Reskilling and Upskilling*

- **Program peningkatan kemahiran dan latihan semula atau *reskilling* and *upskilling*** akan dilaksanakan. Peruntukan **RM1 bilion untuk 200 ribu pelatih**
  - Peruntukan **RM150 juta** bagi program Kementerian Pengajian Tinggi persijilan profesional (KPT-PACE) iaitu graduan baharu ditawarkan **baucar bernilai RM3,000 seorang** untuk mengambil kursus sijil profesional di universiti awam dan swasta. **Memanfaatkan 50,000 graduan**
  - Peruntukan **RM100 juta** kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad atau HRDF bagi melaksanakan **program latihan dan kerja secara usahasama dengan majikan sektor swasta**
  - Peruntukan **RM100 juta** kepada MDEC untuk memudahkan **peralihan bakat tenaga kerja sedia ada bagi mengisi keperluan dalam industri ICT**
  - Peruntukan RM100 juta kepada pihak berkuasa pembangunan wilayah terutamanya IRDA dan SEDIA **untuk melengkapkan kemahiran baharu kepada tenaga kerja yang terjejas teruk** akibat penutupan sempadan agar memudahkan mereka mendapat peluang kerja atau sumber pendapatan baharu
  - Peruntukan RM30 juta kepada PERHEBAT untuk program latihan kemahiran dan keusahawanan yang dijangka memanfaatkan 12 ribu veteran Angkatan Tentera Malaysia
- **Skop pelepasan cukai yuran pengajian akan diperluas meliputi perbelanjaan menghadiri kursus peningkatan kemahiran** oleh badan-badan bertauliah, terhad kepada **RM1,000** bagi setiap tahun taksiran

Langkah 3 : MySTEP

- Memperkenalkan inisiatif MySTEP atau *Short-term Employment Programme* dengan peruntukan **RM700 juta**



  - Inisiatif ini akan menawarkan **50 ribu peluang pekerjaan** secara **kontrak bermula Januari 2021**
  - **35 ribu** peluang pekerjaan **dalam sektor awam** dengan keutamaan mengisi perjawatan seperti jururawat, *medical attendant,* pegawai kebajikan masyarakat, serta guru sementara

- **15 ribu** peluang pekerjaan dalam **Syarikat Berkaitan Kerajaan atau GLC** yang mengutamakan bidang teknikal dan kewangan serta turut dipanjangkan kepada graduan untuk menjalani program perantisan

Langkah 4 : Program Subsidi Upah Bersasar

- **Pelanjutan pelaksanaan Program Subsidi Upah bersasar selama 3 bulan**
  - Bagi sektor pelancongan termasuk sektor peruncitan
  - Kadar **RM600** sebulan bagi pekerja bergaji RM4,000 dan ke bawah
  - Had bagi setiap permohonan ditingkatkan kepada **500 pekerja** berbanding 200 pekerja
  - Peruntukan **RM1.5 bilion** dan membantu **70 ribu majikan** dan **900 ribu pekerja**



Langkah 5 : Perlindungan Sosial

- **Pengeluaran simpanan Akaun 2 KWSP** untuk **membeli produk perlindungan insurans dan takaful hayat dan penyakit kritikal bagi diri dan keluarga**

- **Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM3,000** ke atas caruman **Skim Persaraan Swasta (PRS) dilanjutkan** sehingga tahun taksiran **2025**

- Penyediaan **RM24 juta** bagi caruman penuh di bawah **Skim Bencana Pekerjaan PERKESO. Memanfaatkan 100 ribu pekerja**
  - Anggota Pasukan Sukarelawan Angkatan Tentera, Sukarelawan Simpanan Polis, Sukarelawan Pertahanan Awam Malaysia, dan Sukarelawan Maritim Malaysia
  - Guru takmir, imam, bilal, siak, noja, dan marbut
  - Pekerja sektor awam berstatus *Contract for Service*
  - 40 ribu *delivery riders*



MATLAMAT PERTAMA : KESEJAHTERAAN RAKYAT

STRATEGI 4 : Mengutama Agenda Keterangkuman



Langkah 1 : Pemerkasaan Bumiputera

- Peruntukan **RM11.1 bilion** disediakan, iaitu tambahan 3.1 bilion ringgit berbanding tahun sebelum ini

- Peruntukan **RM6.5 bilion** untuk **menyediakan akses pendidikan berkualiti kepada institusi Bumiputera seperti MARA dan UiTM**
  - Bagi menjalankan program khusus termasuklah pendigitalan pembelajaran TVET dan menaik taraf program peringkat sijil ke diploma

- Peruntukan **RM4.6 bilion bagi melonjak** dan **memperkasa usahawan Bumiputera**
  - **RM510 juta** kepada PKS dan PKS mikro Bumiputera melalui TEKUN dan PUNB
  - **RM800 juta** melalui program peningkatan keupayaan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan SME Bank
  - **RM2 bilion** bagi membantu pembiayaan PKS Bumiputera melalui syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP)
  - **RM1.3 bilion** untuk program peningkatan kapasiti termasuk pembangunan profesional, Dana Kemakmuran Bumiputera serta program atau projek khusus untuk Bumiputera

- Penyediaan **RM750 juta** bagi mengoptimumkan nilai tanah rizab Melayu di kawasan-kawasan strategik
  - Bagi **meningkatkan nilai pegangan Bumiputera** dalam sektor hartanah terutama bagi pembangunan komersial atas tanah rizab Melayu

Langkah 2 : Memartabatkan Syiar Islam



- Peruntukan **RM1.4 bilion** bagi pengurusan dan pembangunan hal ehwal Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri

- **Memperkasa pengurusan wakaf** melalui kerjasama antara Yayasan Wakaf Malaysia dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, GLC dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC)
  - Pelan Induk Wakaf Nasional akan diwujudkan

- **PNB** melalui Amanah Saham Nasional Berhad atau ASNB akan memperkenalkan **perkhidmatan wakaf kepada semua pemegang unit amanah ASNB**
  - Pemegang unit **boleh mewakafkan sebahagian unit mereka ke dalam tabung wakaf ASNB**
  - Layak mendapat potongan cukai pendapatan
  - **Pulangan berterusan** dari tabung wakaf tersebut akan disalurkan kepada **projek wakaf berkepentingan nasional** yang akan dikenal pasti PNB

- **Kadar elaun Guru Takmir** dinaikkan kepada **RM900 sebulan** daripada RM800 bagi menghargai jasa **4,000 Guru Takmir**

- **Bayaran Khas *one-off* RM500** kepada para Imam, Bilal, Siak, Noja, Marbut, Guru Takmir, dan Guru KAFA. **Memanfaatkan 70,000 orang**

Langkah 3 : Memperkasa Golongan Wanita

- Sejumlah RM95 juta pembiayaan mikro kredit khas disediakan melalui TEKUN, MARA dan AgroBank

- **RM50 juta** disediakan di bawah **Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)** bagi menyokong **aktiviti pembiayaan Islam melalui Ar-Rahnu BizNita**
  - Program bimbingan terutama dalam aspek pembungkusan dan pelabelan, strategi pemasaran serta bimbingan **teknikal perniagaan kepada lebih 2,000 usahawan wanita melalui Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro atau BizMe**
  - Kerajaan juga akan menyediakan program khusus untuk kontraktor wanita Bumiputera bagi meningkatkan penglibatan mereka dalam kontrak kerajaan

- Peruntukan **RM21 juta** bagi penyediaan Pusat Sokongan Sosial Setempat
  - Pusat ini dengan kerjasama NGO akan **menyediakan perlindungan sosial dan sokongan moral kepada golongan wanita** terutamanya dalam **mendepani masalah keganasan rumah tangga, penceraian dan penderaan**

- Peruntukan **RM30 juta** untuk menyediakan **taska di bangunan-bangunan kerajaan, terutamanya di hospital**
  - **Sektor swasta, geran padanan** sehingga **RM20 juta** akan disediakan untuk menggalakkan sektor swasta menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di premis mereka
- Peruntukan **RM10 juta** bagi **program saringan kanser serviks dan insentif subsidi ujian mamogram** kepada wanita berisiko tinggi mendapat kanser payudara

Langkah 4 : Tumpuan Mengikut Komuniti



- Bagi **kaum Cina**, peruntukan **RM177 juta** untuk program pembaikan fasiliti pendidikan, rumah dan kemajuan kampung baru termasuk **RM100 juta** pembiayaan perniagaan komuniti Cina melalui BSN

- Bagi **kaum India**, peruntukan **RM100 juta** kepada Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) bagi memperkasa kedudukan sosioekonomi komuniti India

- **TEKUN** akan menyediakan **RM20 juta** untuk program **Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI)** dan **RM5 juta** untuk pembangunan usahawan bagi komuniti lain

- **Menaikkan nilai geran bagi setiap Kawasan Rukun Tetangga atau KRT** kepada **RM6,000** daripada RM4,800 dengan peruntukan **RM50 juta**
  - Geran ini akan **memanfaatkan lebih 8,000 KRT**

- Peruntukan **RM50 juta** bagi **projek-projek pembaikan, penyelenggaraan dan pembangunan kecil rumah-rumah ibadat di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan**
  - Merangkumi pelaksanaan program perpaduan dengan kerjasama pengurusan rumah ibadat dan komuniti setempat

- Peruntukan **RM20 juta** kepada **Jabatan Penjara Malaysia bagi Program Pembangunan Insan**
  - Memberikan kemahiran vokasional kepada banduan
  - Banduan penjara telah menghasilkan pelbagai jenis produk di bawah **MyPRIDE dan Tenun Pahang Diraja**

- **Potongan cukai tambahan** kepada **majikan yang menggaji golongan bekas banduan dan bekas penagih dadah dilanjutkan** sehingga tahun taksiran **2025**

- Peruntukan **RM15 juta** kepada **Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya atau CENDANA**
  - Melaksanakan pelbagai program kesenian dan kebudayaan dan **memanfaatkan lebih 5,000 penggiat seni dan petugas produksi belakang tabir**

- Peruntukan **RM158 juta untuk kesejahteraan komuniti Orang Asli**
  - Program bantuan sosial
  - Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli
  - Menaik taraf dan membina 14 buah tabika baharu antaranya seperti di Pos Slim Sungai Kinta, Perak dan Pos Sungai Kelai Jempol, Negeri Sembilan

- Peruntukan **RM5 juta** bagi menjalankan kerja-kerja ukur tanah untuk menanda sempadan di 21 perkampungan Orang Asli

- Peruntukan **RM41 juta** bagi program *Native Customary Rights* di Sabah dan Sarawak

- **Program Khidmat Bantu di Rumah** untuk menjaga kebajikan **golongan warga emas dan OKU**
  - Menaikkan **nilai saguhati** kepada **sukarelawan kepada maksimum RM400** daripada RM150
  - **Nilai saguhati kepada klien program** dinaikkan kepada **RM80** daripada **RM30**
  - **Memanfaatkan lebih 2,000** sukarelawan **dan lebih 8,000 warga emas dan OKU**

- **Had pelepasan cukai bagi pasangan OKU** akan **dinaikkan** kepada **RM5,000** daripada RM3,500

- Peruntukan **RM100 juta** Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
  - **Kadar petugas dinaikkan** kepada **RM1,200 sebulan** daripada RM800
  - **Kadar penyelia dinaikkan** kepada **RM1,500 sebulan** daripada RM1,200
  - **Memanfaatkan 3,500 petugas dan penyelia PDK** seluruh negara

- Menaikkan bantuan kewangan tahunan bagi **pengendalian Pusat Aktiviti Warga Emas** yang dikendalikan oleh NGO kepada **RM50 ribu daripada RM33 ribu**
  - Memberi **manfaat kepada 150 buah pusat aktiviti warga emas**

- **Potongan cukai tambahan** akan diberikan **kepada majikan yang menggaji warga emas.** Potongan ini akan dilanjutkan sehingga **tahun 2025**

- Peruntukan **RM170 juta** bagi **program pendidikan awal kanak-kanak oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat atau KEMAS**
  - Membiayai Bantuan Makanan Tambahan
  - Bantuan Per Kapita
  - Penyelenggaraan dan pembaikan Tabika dan Taman Asuhan Kanak-Kanak, TASKA

- Peruntukan **RM20 juta** untuk menyediakan **Pusat Komuniti dengan kerjasama NGO** sebagai **tempat jagaan kepada anak anak selepas tamat sesi persekolahan**
  - Dilengkapi kemudahan penjagaan diri, kelas tuisyen, perpustakaan mini dan program bimbingan mentor



Langkah 5 : Penambahbaikan Infrastruktur Luar Bandar





- Peruntukan **RM2.7 bilion** bagi melaksanakan **pelbagai program dan projek penambahbaikan infrastruktur luar bandar**
  - **RM1.3 bilion** bagi melaksanakan **projek jalan luar bandar** dan **jalan perhubungan desa** sepanjang **920 kilometer** yang **memanfaatkan 290 ribu penduduk**
  - **RM632 juta** bagi **bekalan air luar bandar** dan **bekalan air alternatif** dengan sasaran 4,800 buah rumah
  - **RM250 juta** untuk bekalan elektrik luar bandar dengan sasaran lebih 1,100 buah rumah
  - **RM355 juta** bagi **Program Bantuan Rumah** kepada golongan miskin iaitu **membina rumah baharu dan membaik pulih rumah dengan sasaran 15 ribu buah rumah**
  - **RM121 juta** bagi **memasang 27 ribu unit lampu** serta **menanggung kos operasi dan penyelenggaraan 500 ribu unit Lampu Jalan Kampung**
- Memperluas **perkhidmatan bank bergerak di negeri Sabah dan Sarawak**
  - Membantu masyarakat yang sukar mendapat akses perbankan asas seperti pemindahan wang, pembayaran bil dan kemudahan mengeluarkan wang bantuan kerajaan seperti BPR
- **Had kelayakan penggunaan dana** di bawah **Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia atau MARRIS dinaikkan** sehingga **20%** atau **RM50 juta,** yang mana lebih rendah bagi membiayai kerja penyelenggaraan jalan di luar skop biasa MARRIS

Langkah 6 : Pembangunan Belia dan Sukan



- Peruntukan **RM250 juta** bagi **program perantisan**
  - Insentif kepada **majikan swasta RM1,000 sebulan** sehingga **3 bulan** bagi setiap graduan baharu yang menyertai program perantisan
  - **Geran** sehingga **RM4,000** untuk program latihan bagi perantis tersebut
  - **Memanfaatkan 50 ribu graduan baharu**
- Menambah baik **program eBelia** dengan peruntukan **RM200 juta**
  - Program khas secara *one-off* ke dalam akaun *e-wallet* belia dinaikkan kepada **RM100** daripada RM50

- Diperluaskan kepada **1.1 juta mahasiswa** di **IPT** dan **IPTS** termasuk yang **berumur lebih daripada 20 tahun**

- Peruntukan **RM19 juta** bagi **Agenda Nasional Malaysia Sihat**
  - Memantapkan amalan gaya hidup sihat demi mengurangkan risiko menghidapi penyakit diabetes, hipertensi dan obesiti
  - **RM28 juta** disediakan bagi melaksanakan program *MyFit,* Hari Sukan Negara dan Program Inspire bagi komuniti OKU
- Peruntukan **RM103 juta** untuk membina, menaik taraf dan menyelenggarakan kemudahan sukan
- Peruntukan **RM55 juta** untuk program **pembangunan sukan berprestasi tinggi**
  - Hoki, ragbi, badminton, berbasikal, pembangunan atlet wanita termasuk **RM15 juta** kepada **pembangunan *e-Sports***
- Peruntukan **RM20 juta** sebagai pinjaman mudah di bawah skim **TEKUN Sukan** bagi **pengusaha industri** sukan
  - Memastikan kelangsungan operator fasiliti sukan
- **Had pelepasan cukai pendapatan bagi gaya hidup dinaikkan** kepada **RM3,000** daripada RM2,500
  - Bagi perbelanjaan pembelian peralatan sukan, bayaran penyertaan pertandingan sukan dan meliputi langganan surat khabar elektronik



MATLAMAT PERTAMA : KESEJAHTERAAN RAKYAT

STRATEGI 5 : Menjamin Kesejahteraan Hidup Rakyat



Langkah 1 : Kesalinghubungan Digital

- Peruntukan **RM500 juta** untuk melaksanakan inisiatif **Jalinan Digital Negara, JENDELA**
  - Memastikan kesalinghubungan sejumlah **430 buah sekolah** di seluruh Malaysia meliputi semua negeri
  - **Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia** Malaysia akan memperuntukkan RM7.4 bilion untuk tahun 2021 dan 2022 bagi memperluas perkhidmatan jalur lebar



- **GLC dan GLIC** akan **menyumbang RM150 juta** ke dalam **Tabung CERDIK** bagi **pemberian komputer riba** kepada **150 ribu murid** di **500 buah sekolah** sebagai projek rintis
  - Projek ini akan diselia oleh Yayasan Hasanah

Langkah 2 : Akses kepada Pendidikan Berkualiti



- Peruntukan keseluruhan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia berjumlah **RM50.4 bilion**

- Peruntukan **RM420 juta untuk** penambahbaikan **Rancangan Makanan Tambahan**
  - **Penyediaan bekalan susu setiap hari persekolahan** berbanding dua kali seminggu sebelum ini
  - **Dikhaskan kepada pengeluar susu tempatan**

- Peruntukan **RM800 juta** untuk **kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan**
  - Kerja-kerja menaik taraf dan membina **dewan terbuka atau struktur berbumbung** bagi menyediakan tempat berhimpun yang selesa dan selamat di sekolah-sekolah kerajaan
- Peruntukan **RM725 juta** bagi **menaik taraf bangunan serta infrastruktur di 50 buah sekolah-sekolah daif**
  - Melaksanakan **184 projek pembinaan** dan p**emasangan bekalan air telaga tiub baharu** di sekolah luar bandar Sabah dan Sarawak dengan kos keseluruhan projek berjumlah **RM120 juta**
- Peruntukan **RM45 juta** untuk **memperkasa pendidikan khas**
- **Peruntukan keseluruhan Kementerian Pengajian Tinggi** adalah **RM14.4 bilion**
  - **RM50 juta** bagi projek membaik pulih infrastruktur dan peralatan usang di universiti-universiti awam
  - **RM50 juta** untuk menaik taraf talian akses *Malaysian Research & Education Network* atau MYREN kepada 500Mbps hingga 10Gbps
- Kerajaan bekerjasama dengan BSN dalam penyediaan **RM100 juta** bagi **pembiayaan Skim BSN MyRinggit-i COMSIS iaitu skim pinjaman komputer riba**
- **Melanjutkan pelepasan cukai** sehingga **RM8,000 bagi simpanan bersih** Skim Simpanan Pendidikan Nasional **sehingga tahun taksiran 2022**
- Peruntukan **RM6 bilion untuk memperkasa bidang *Technical and Vocational Education* and Training atau TVET**
  - Menyediakan pinjaman **kepada 24 ribu peserta** program TVET di institusi latihan kemahiran awam dan swasta
  - **RM300 juta** disediakan melalui **Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran atau PTPK**



- Peruntukan **RM60 juta** untuk **menaikkan elaun Sistem Latihan Dual Nasional atau SLDN** kepada **RM1,000** daripada RM625
  - **Memanfaatkan kepada 10 ribu peserta**
- Peruntukan **RM29 juta** bagi melaksanakan program-program TVET di bawah KPT
  - Inisiatif pendidikan Islam dan pembelajaran sepanjang hayat kepada **15 ribu pelajar di institusi tahfiz dan sekolah pondok**





Langkah 3 : Meningkatkan Pemilikan Rumah

- Bagi terus **menggalakkan pemilikan rumah, inisiatif berikut** akan dilaksanakan:
  - **Pengecualian duti setem sepenuhnya** diberikan ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman **bagi pembelian rumah kediaman pertama bernilai sehingga RM500 ribu.** Pengecualian ini adalah untuk perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai **1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2025**
  - **Pengecualian duti setem** ke atas perjanjian pinjaman dan surat cara pindah milik **diberikan kepada kontraktor penyelamat dan pembeli asal rumah terbengkalai dilanjutkan bagi tempoh 5 tahun lagi.** Pengecualian ini adalah untuk perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai **1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2025** bagi projek perumahan terbengkalai yang disahkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

- Peruntukan **RM1.2 bilion** bagi **penyediaan perumahan yang selesa dan berkualiti kepada golongan berpendapatan rendah**
  - **RM500 juta** untuk **membina sehingga 14 ribu unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat**
  - **RM315 juta** untuk **pembinaan 3,000 unit Rumah Mesra Rakyat oleh SPNB**
  - **RM125 juta bagi penyelenggaraan perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah serta bantuan membaik pulih rumah usang dan yang mengalami kerosakan akibat bencana alam**
  - **RM310 juta** untuk **Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia**

- Menyediakan ***Skim Rent-to-Own***
  - Dilaksanakan sehingga **tahun 2022**
  - Melibatkan **5,000 buah rumah PR1MA** dengan nilai keseluruhan lebih **RM1 bilion**
  - Dikhaskan untuk **pembeli rumah pertama**





Langkah 4 : Kemudahan Pengangkutan

- **Pelaksanaan inisiatif pas perjalanan tanpa had My30**
  - Diperluaskan ke **Pulau Pinang dan bandar Kuantan** dengan peruntukan **RM300 juta**
  - Pengguna menikmati **perkhidmatan bas dan rel** kendalian Kumpulan Prasarana dengan harga **RM30 sebulan**

- **Pas perjalanan bulanan tanpa had** dengan harga **RM5**
  - Diperkenalkan kepada pelajar sekolah **tahun 1 hingga tingkatan 6** yang berulang-alik ke sekolah dan golongan OKU
  - Bagi perkhidmatan tren komuter Lembah Klang, komuter utara, tren antara bandar Kuala Lipis dan Tumpat dan tren Sabah di jajaran Beaufort-Tenom)

- Peruntukan **RM150 juta** bagi perluasan **Program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti** ke Johor Bahru, Kuching, Kota Kinabalu dan Kuantan

- **Pengecualian cukai jualan bagi pembelian bas siap**
  - Dilanjutkan bagi **tempoh 2 tahun** berkuat kuasa 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2022

Langkah 5 : Pertahanan Negara dan Ketenteraman Awam



- Peruntukan **RM16 bilion** bagi **Kementerian Pertahanan**

- Peruntukan **RM17 bilion** bagi **Kementerian Dalam Negeri**

- **Peruntukan RM2.3 bilion bagi penyelenggaraan aset-aset utama ATM**

- Peruntukan **RM27 juta** kepada CyberSecurity Malaysia untuk **meningkatkan kawalan keselamatan siber negara**

- **Menyelenggara dan membina kemudahan Rumah Keluarga Angkatan Tentera** sedia ada
  - Meluluskan **pembinaan sebanyak hampir 1,000 buah unit baharu** dengan kos keseluruhan berjumlah **RM500 juta**
  - Peruntukan **RM153 juta** untuk menaik taraf kemudahan di pusat latihan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)



MATLAMAT KEDUA : KELANGSUNGAN PERNIAGAAN

STRATEGI 01	Memacu Pelaburan
STRATEGI 02	Memperkukuh Sektor-sektor Tumpuan
STRATEGI 03	Mengutama Automasi dan Pendigitalan
STRATEGI 04	Memudah Akses Pembiayaan



MATLAMAT KEDUA : KELANGSUNGAN PERNIAGAAN

STRATEGI 1 : Memacu Pelaburan



Langkah 1 : Pelaburan Dalam Sektor Utama

- Peruntukan **RM1 bilion** sebagai pakej **galakan pelaburan berteknologi dan nilai tambah tinggi**
Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS)
Level 16, Surian Tower
No.1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya
Selangor

☎ : 03 7710 7171
🖷 : 03 7710 7173
🖱 : www.ekuinas.com.my

Malaysia Petroleum Resources Corporation Berhad
Unit 20-11, Level 20, G-Tower
199 Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

☎ : 03 2858 8555
🖷 : -
🖱 : www.mprc.gov.my

Johor Petroleum Development Corporation
Suite 17.03A, level 17, Menara MSC Cyberport
No.5, Jalan Bukit Meldrum
80300 Johor Bahru
Johor

☎ : 07 2672 900
🖷 : 07 2672 999
🖱 : www.jpdc.gov.my

Urus Setia Jawatankuasa Kerja Tanah
Aras 4, Blok 1, Menara Seri Wilayah Presint 2
62100 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : -
🖱 : www.jpm.gov.my

BADAN BERKANUN

Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua Yang di-Pertua Negeri
482 Jalan Bukit Petaling
50682 Kuala Lumpur

: 03 2148 5373
: 03 2142 2080
: www.majlisraja-raja.gov.my

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
Menara FELDA
Platinum Park
No. 11, Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur

: 03 2191 2191
: 03 2191 2590
: www.felda.gov.my

Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah
Aras 5 & 6, LCDA Tower, Lot 2879
The Isthmus, Off Jalan Bako
93050 Kuching
Sarawak

: 08 255 1199 | 08 255 1189
: 08 255 1190
: www.recoda.com

Lembaga Tabung Haji
201, Bangunan Tabung Haji
Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

: 03 2054 2233
: 03 2163 2308
: www.tabunghaji.gov.my

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Aras 1, 7, 9-11, Bangunan PERKIM
No. 150, Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh)
51200 Kuala Lumpur

: 03 4047 9444
: 03 4044 9444
: www.maiwp.gov.my

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur
Level 3, Menara PjH
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya

: 03 8885 0000
: 03 8885 0020
: www.ecerdc.com.my

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utama
No 1114, Jalan Perindustrian 14
Taman Perindustrian Bukit Minyak
14100 Simpang Ampat
Pulau Pinang

: 04 502 0708
: -
: www.ncer.com.my

Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Koridor Wilayah Sabah
Lot 1, Wisma SEDIA,
Off Jalan Pintas-Penampang
P.O.Box 17251
88873 Kota Kinabalu
Sabah

: -
: -
: www.sedia.com.my

Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)
G-01, Block 8
Danga Bay, Jalan Skudai
80200 Johor Bahru

: 07 233 3000
: 07 233 3001
: www.irda.com.my

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
Tingkat 11, Menara TH Perdana
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

: 03 2612 5600
: 03 2612 5620
: www.suhakam.org.my

SYARIKAT

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
No. 2, Langgak Tunku Off
Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

: 03 6204 6200
: -
: www.ikim.gov.my

MyHSR Coporation Sdn. Bhd.
Level 9, Menara 1 Dutamas, Solaris Dutamas
No. 1, Jalan Dutamas 1
50480, Kuala Lumpur

: 03 6412 2600
: -
: www.myhsr.com.my

Pelaburan Hartanah Berhad
Level 9, Block D, Dataran PHB
Saujana Resort, Section U2
40150 Shah Alam
Selangor

: 03 7711 3000
: 03 7711 3030
: www.phb.com.my

Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
Tingkat 10, Blok 1B, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, KL Sentral
50470 Kuala Lumpur

: 03 2785 1515
: 03 2780 2100
: www.punb.com.my

Permodalan Nasional Berhad
Tingkat 4, Menara PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

: 03 2050 5653
: -
: www.pnb.com.my

Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS)
Tower 1, Menara Berkembar PETRONAS
Pusat Bandaraya Kuala Lumpu
50088 Kuala Lumpur

: 03 2051 5000
: -
: www.petronas.com

Unit Peneraju Agenda Bumiputera
Surian Tower, No 1
Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya
Selangor

: 03 7839 8000
: -
: www.teraju.gov.my

Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (bawah PHB)
Aras 9, Blok D, Dataran PHB
Saujana Resort, Section U2
40150, Shah Alam
Selangor

: 03 7711 3000
: 03 7711 3030
: -

Yayasan Ekuiti Nasional
Aras 16, Surian Tower
No. 1, Jalan PJU 7/3
Mutiara Damansara
47810, Petaling Jaya
Selangor

: 03 7710 7171
: 03 7710 7173
: www.ekuinas.com.my

Yayasan Pelaburan Bumiputera
Aras 4, Menara PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

: 03 2050 5653
: -
: www.pnb.com.my

Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera
Tingkat 15-1,
Mercu UEM Jalan Stesen Sentral 5, KL Sentral
50470, Kuala Lumpur

: 03 2727 9000
: -
: yayasanpeneraju.com.my

YAYASAN

Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (bawah JBG)

: 1 800 88 9245
: -
: -

PERTUBUHAN ANTARABANGSA

Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) (AIAC)
Bangunan Sulaiman
Jalan Sultan Hishamuddin
Kampung Attap
50000 Kuala Lumpur

: 03 2271 1000
: 03 2271 1010
: www.aiac.world

KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

Blok F11, Kompleks F, Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya

☎ : 03 8091 7000
🖷 : -
🖱 : www.kasa.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man
Menteri



YB Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal bin Muhammad
Timbalan Menteri



YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) berusaha memastikan kelestarian alam sekitar dan air yang mampan melalui penggubalan dasar, pematuhan perundangan, aktiviti mitigasi, adaptasi dan pendidikan, selaras dengan standard serta amalan antarabangsa selaras dengan wawasan kementerian ini sebagai peneraju kelestarian alam sekitar dan air yang mampan.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PENUBUHAN UNIT CEGAH JENAYAH ALAM SEKITAR (UCJAS)



Menteri Alam Sekitar dan Air, YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man membuat lawatan OPS Gempur di Bangi

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) amat memandang serius berhubung kejadian pencemaran alam sekitar yang semakin berleluasa di Malaysia dan isu ini perlu ditangani secara holistik dan proaktif. Justeru, KASA mengambil inisiatif baru berbentuk *cross-agency collaboration* antara unit penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Biokeselamatan (JBK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membanteras jenayah alam sekitar.

DENAI SUNGAI KEBANGSAAN (PROGRAM PREVENTIF MESRA ALAM)

Denai Sungai Kebangsaan merupakan inisiatif baru KASA bagi memastikan kelestarian dan keindahan sungai, sekaligus mengawal aktiviti pencemaran sungai. Perasmian Denai Sungai Pengkalan Datu adalah salah satu daripada kejayaan KASA dalam inisiatif Denai Sungai Kebangsaan (DSK). Denai Sungai Pengkalan Datu kini menjadi lokasi pelancongan domestik di samping menjana pendapatan kepada penduduk setempat.

Sepanjang tahun 2020, 220km denai telah dibaiki dan dibina.



Menteri Alam Sekitar dan Air, YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man merasmikan pembukaan Denai Sungai Pengkalan Hulu sebagai lokasi pelancongan domestik

ANUGERAH PENGUATKUASAAN ALAM SEKITAR ASIA (UNEP) 2020

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menerima Anugerah Asia Environmental Enforcement Award 2020 daripada United Nations Environment Programme (UNEP) di program *Ceremony for the Asia Environmental Enforcement Awards* 2020 yang diadakan secara maya. JAS telah berjaya menghantar semula 254 kontena ke negara pengeksport dengan anggaran berat 5,512 metrik tan sisa plastik tanpa melibatkan sebarang kos oleh Kerajaan Malaysia. JAS juga telah berjaya menahan operasi 204 kilang kitar semula sisa plastik haram sepanjang tempoh tersebut.



Keratan akhbar mengenai pencapaian KASA

MENANDATANGANI PENSTRUKTURAN SEMULA PERKHIDMATAN AIR DI NEGERI PAHANG, KEDAH DAN PERLIS

Dengan termeterainya perjanjian ini, Kerajaan Persekutuan bersetuju melaksanakan:-

Pahang
Hapus kira pinjaman bekalan air luar bandar kerajaan negeri sebanyak RM1 bilion, pengambilalihan baki pinjaman RM1.1 bilion (RM 2.1 bilion pinjaman dikeluarkan dari tanggungan kerajaan negeri)

Kedah
Hapus kira pinjaman bekalan air luar bandar kerajaan negeri sebanyak RM699juta, pengambilalihan baki pinjaman RM1.12 bilion (RM 1.82 bilion pinjaman dikeluarkan dari tanggungan kerajaan negeri)

Perlis
Hapus kira pinjaman bekalan air luar bandar kerajaan negeri sebanyak RM185.41 juta, pengambilalihan baki pinjaman RM45.33 juta (RM 230.74 juta pinjaman dikeluarkan dari tanggungan kerajaan negeri)



Menteri Alam Sekitar dan Air, YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man dan Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail menandatangani perjanjian Penstrukturan Semula Perkhidmatan Air di Pahang

PENUBUHAN TABUNG WAKAF TUNAI KHAS PERKHIDMATAN AIR MALAYSIA (WAKAF AIR)

Program Wakaf Air merupakan inisiatif KASA melalui kerjasama Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) bertujuan menyediakan sumber pembiayaan alternatif projek-projek perkhidmatan air berskala kecil khususnya di luar bandar dan kawasan pedalaman secara mudah, cepat dan mapan melalui instrumen wakaf. Setakat ini, lima (5) projek perintis sedang dilaksana dan jumlah kutipan sehingga 5 Mac 2021 sebanyak RM2,369,895.74.



Sesi menandatangani persetujuan Penubuhan Tabung Wakaf Air antara Kementerian Alam Sekitar dan Air dengan Yayasan Waqaf Malaysia

INTERNATIONAL GREENTECH & ECO PRODUCTS EXHIBITION & CONFERENCE MALAYSIA (IGEM 2020)

Persidangan dan Pameran Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko Malaysia atau *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia* (IGEM) yang ke-11 telah diadakan secara maya pada 19 – 23 Oktober 2020 IGEM 2020 berjaya mencatatkan lebih daripada dua kali

ganda sasaran petunjuk perniagaan iaitu sebanyak RM1.6 bilion dengan mencapai tahap pelaburan bernilai RM3.4 bilion.



Menteri Alam Sekitar dan Air, YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man ketika sesi temu bual bersama media di Persidangan dan Pameran Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko Malaysia (IGEM 2020)

PENYERAHAN PERKHIDMATAN SISTEM PEMBETUNGAN AWAM NEGERI KELANTAN KEPADA INDAH WATER KONSORTIUM (IWK)

Bermula 1 Januari 2021, Majaari Services Sdn Bhd (Majaari) telah bersetuju untuk menyerahkan tanggungjawab operasi dan penyelenggaraan sistem pembetungan awam kepada Kerajaan Persekutuan melalui Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd.

Inisiatif ini melibatkan pengambilalihan 33 loji rawatan air sisa, 13 stesen pam awam dan menyedia perkhidmatan nyahenap cemar kepada 81,275 tangki septik individu dan 259,343 tangki tandas tradisional di Kelantan.



Menteri Alam Sekitar dan Air, YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man menyerahkan cenderamata kepada Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Haji Ahmad bin Yakob

MYPUBLIC INFO BANJIR

Laman sesawang versi terbaharu *Public* Infobanjir dan aplikasi mudah alih *MyPublic Infobanjir* telah dilancarkan pada 11 November 2020. Laman sesawang *Public Infobanjir* telah ditambah baik dengan memasukkan dua (2) elemen baharu iaitu;

i. Paparan yang informatif termasuk gabungan peta lokasi dan senarai kawasan yang dijangka akan mengalami banjir

ii. Maklumat ramalan dan amaran banjir boleh diperolehi dua (2) hari lebih awal di lokasi-lokasi terpilih

Bagi aplikasi mudah alih *MyPublic Infobanjir,* ia dibangunkan untuk kegunaan semua pengguna telefon pintar mudah alih supaya maklumat dan notifikasi mengenai situasi hujan dan aras air sungai semasa dan hebahan amaran banjir boleh diakses secara masa nyata (*real-time*).



Wakil dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memberikan taklimat kepada Menteri Alam Sekitar dan Air, YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man berkenaan MyPublic InfoBanjir

JABATAN DAN AGENSI

Jabatan Pengairan dan Saliran
Jalan Sultan Salahuddin
50626 Kuala Lumpur

☎ : 03 2616 1500
🖷 : 03 2698 7973
🖱 : www.water.gov.my

Jabatan Alam Sekitar
Aras 1 – 4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya

☎ : 03 8871 2000 /2200
🖷 : 03 8888 9987/03 8889 1040
🖱 : www.doe.gov.my

Jabatan Meteorologi Malaysia
Jalan Sultan
46667 Petaling Jaya
Selangor

☎ : 03 7967 8000 / 8200
🖷 : 03 7955 0964
🖱 : www.met.gov.my

Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia
Lot 5377, Jalan Putra Permai
43300 Seri Kembangan
Selangor, Malaysia

☎ : 03 8947 6400
🖷 : 03 8948 3044
🖱 : www.nahrim.gov.my

Jabatan Perkhidmatan Pembetungan
Blok B, Aras 2 & 3, Suasana PjH
No 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya

☎ : 03 8861 9000
🖷 : 03 8861 9010
🖱 : www.jpp.gov.my

Jabatan Biokeselamatan
Kementerian Alam Sekitar dan Air
Aras 1, Podium 2, Wisma Sumber Asli No. 25
Persiaran Perdana, Presint 4
62574 Putrajaya

☎ : 03 8886 1580
🖷 : 03 8890 4935
🖱 : www.biosafety.gov.my

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
Ground Floor and First Floor
Prima Avenue 7
Block 3510, Jalan Teknokrat 6
63000 Cyberjaya, Selangor

☎ : 03 8317 9333 / 334 / 335
🖷 : 03 8317 9336
🖱 : www.span.gov.my

Indah Water Konsortium
No 44, Jalan Dungun
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

☎ : 03 2780 1100
🖷 : 03 2780 1101
🖱 : www.iwk.com.my

Pengurusan Aset Air Berhad
24th Floor, Menara Multi-Purpose
8, Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur

☎ : 03 2614 5555
🖷 : 03 2614 5588
🖱 : www.paab.my

Malaysian Green Technology And Climate Change Centre
No.2, Jalan 9/10, Persiaran Usahawan
Seksyen 9 43650 Bandar Baru Bangi
Selangor

☎ : 03 8921 0800
🖷 : 03 8921 0801 / 0802
🖱 : www.mgtc.gov.my

Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan
902-4, Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur

☎ : 03 2691 0651
🖷 : 03 2694 5858
🖱 : www.ypasm.my

Bahagian Bekalan Air
Level 1 & 4 , Block E 4/5 Parcel E
62100 Putrajaya

☎ : 03 8883 6000
🖷 : -
🖱 : www.kasa.gov.my

KEMENTERIAN KEWANGAN

No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8882 3893 / 03 8882 3894
🖱 : www.mof.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz
Menteri



YB Datuk Abd. Rahim bin Bakri
Timbalan Menteri I



YB Tuan Mohd Shahar bin Abdullah
Timbalan Menteri II



YBhg. Dato' Asri bin Hamidon
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

PENGENALAN

Kementerian Kewangan adalah sebuah kementerian yang bertanggungjawab terhadap perbelanjaan kerajaan dan penjanaan pendapatan.

Peranan kementerian adalah untuk membangunkan dasar ekonomi dan menyediakan belanjawan persekutuan Malaysia serta bertindak sebagai peneraju strategik keberhasilan kewangan dan ekonomi bagi memastikan pertumbuhan mampan demi kemakmuran rakyat dan negara. Kementerian Kewangan juga menyelia undang-undang dan peraturan kewangan.

Objektif utama kementerian adalah menggubal dan melaksanakan dasar fiskal dan kewangan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi secara berterusan, memperkukuh daya saing dan ketahanan ekonomi negara, memastikan pengurusan kewangan yang berkesan dan berhemah serta menjamin kekayaan negara diagihkan dengan saksama serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

SUKUK PRIHATIN RM500 JUTA DILANCAR, SUKUK DIGITAL PERTAMA MALAYSIA



Majlis perasmian Sukuk Prihatin telah disaksikan oleh Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan disempurnakan YAB Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin

Penerbitan Sukuk Prihatin berjumlah RM500 juta yang merupakan sukuk digital pertama Malaysia dan patuh syariah boleh dilanggan dengan pelaburan minimum RM500 serta tiada had maksimum langganan ditetapkan. Ia berlandaskan prinsip Tawarruq melalui pengaturan Komoditi Murabahah untuk warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas.

Sukuk itu diterbitkan hasil permintaan pelbagai pihak untuk turut sama membantu dalam usaha pemulihan negara dan ia boleh dilanggan atau dibeli seratus peratus melalui perkhidmatan perbankan digital, menggunakan kemudahan JomPAY dan DuitNow.

Langganan daripada terbitan Sukuk Prihatin ini akan disalurkan ke dalam Kumpulan Wang COVID-19 yang akan membiayai program-program bagi manfaat pihak yang terkesan oleh COVID-19. Antaranya, menambah baik kesalinghubungan kepada sekolah-sekolah luar bandar, membiayai perusahaan kecil dan sederhana serta mikro terutama usahawan wanita dan menampung geran penyelidikan penyakit-penyakit berjangkit.

ASIA-PACIFIC ECONOMIC COOPERATION (APEC) VIRTUAL FINANCE MINISTERS' MEETING (AVFMM) 2020 SECARA MAYA JADI PLATFORM SOKONG EKONOMI DALAM USAHA TANGANI PANDEMIK COVID-19

Tema AVFMM yang dianjurkan oleh Malaysia "Mengoptimumkan Potensi Insan ke arah Masa Depan Perkongsian Kemakmuran: Keterubahan, Keutamaan, Kemajuan" menggambarkan betapa pentingnya falsafah kemakmuran bersama. Ia adalah landasan baik untuk berbincang dan bertukar-tukar pandangan mengenai pembangunan ekonomi dan kewangan Asia-Pasifik serta isu sosio-ekonomi nasional dan serantau.

Mesyuarat tersebut yang dianjurkan buat julung kalinya secara maya, menyediakan sebuah landasan untuk berkongsi idea mengenai intervensi fiskal dan kewangan bagi mengurangkan impak ekonomi berikutan pandemik COVID-19 selain membangunkan ekonomi lebih berdaya tahan. Kenyataan bersama menteri-menteri menggariskan bagaimana APEC secara keseluruhan menangani pandemik COVID-19 melalui langkah fiskal dan kewangan yang bertujuan untuk menyelamatkan nyawa dan mata pencarian masyarakat serta perniagaan di negara masing-masing.

APEC juga menyedari digitalisasi berperanan penting dalam memastikan integrasi dan keterangkuman kewangan



Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) Virtual Finance Ministers' Meeting (AVFMM) 2020 yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz telah diadakan di Kementerian Kewangan Malaysia

serta perlunya ada ketersediaan kewangan melalui pembiayaan dan insurans risiko bencana. New Zealand telah dialu-alukan selaku pengerusi seterusnya bagi Proses Menteri-Menteri Kewangan APEC 2021 yang akan datang. Sebagai tuan rumah pada tahun ini, Malaysia bersedia untuk menghulurkan bantuan dan sokongan kepada proses Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan pada tahun hadapan. Kali terakhir Malaysia menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan APEC adalah pada 1999.



Wakil kementerian-kementerian kewangan, bank-bank pusat dan pengawal selia kewangan daripada 21 anggota APEC serta organisasi antarabangsa

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI

Negara berhadapan dengan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, kejatuhan harga minyak, halangan dan sekatan perdagangan oleh negara tertentu dan penularan wabak COVID-19 yang bukan sahaja mengancam nyawa malah turut memberi kesan besar kepada ekonomi negara. Bagi mendepani cabaran ini, Kerajaan menerusi Kementerian Kewangan telah mengambil inisiatif bagi menyelamatkan rakyat dan mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi, antaranya:

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI

Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)

Bermatlamat melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan memperkukuh ekonomi dalam menghadapi kesan pandemik COVID-19.

Pakej PRIHATIN Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Tambahan

PKS merupakan tunjang utama ekonomi Malaysia yang menyumbang lebih dua pertiga daripada jumlah pekerjaan di negara ini, di samping hampir 40 peratus kepada ekonomi.

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)

Bertemakan Bersama Menjana Ekonomi bagi menangani impak pandemik COVID-19. Antara tiga teras utama ialah:

- Memperkasakan Rakyat;
- Melonjakkan Perniagaan; dan
- Merangsang Ekonomi

Pakej Rangsangan Ekonomi Kita Prihatin (KITA PRIHATIN) – 23 September 2020

Tertumpu kepada empat golongan - B40 berkeluarga dan bujang, M40 berkeluarga dan bujang golongan pekerja pelbagai bidang dan peniaga mikro pelbagai bidang.

PERDANA MENTERI LANCAR PAPAN PEMUKA DIGITAL DIBANGUNKAN OLEH LAKSANA

Lawatan Perdana Menteri ke Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) adalah bagi meninjau operasi dan status pelaksanaan pakej rangsangan PRIHATIN serta PENJANA.



Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin telah melancarkan Papan Pemuka Digital yang berupaya menghubungkan data daripada 53 kementerian dan agensi yang terlibat

Kerajaan boleh bertindak secara dinamik dan segera berdasarkan data raya dalam usaha membuat keputusan, memastikan keberkesanan penyampaian bantuan serta perkhidmatan. Pengumpulan data secara berpusat dan langsung yang dipaparkan melalui Papan Pemuka Digital ini adalah hasil kerjasama antara kementerian dan agensi, selaras dengan usaha kerajaan ke arah e-pelaksanaan sebagai persediaan untuk Revolusi Industri 4.0 serta anjakan menghadapi norma baharu.

Beliau telah diiringi oleh Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Timbalan Menteri Kewangan II, YB Mohd Shahar bin Abdullah, Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, YBhg. Dato' Asri bin Hamidon, dan Pengarah LAKSANA, YBhg. Datuk Shahrul Nazri bin Abdul Rahim.

PEMBENTANGAN BELANJAWAN 2021

Belanjawan 2021 yang bertemakan 'Teguh Kita Menang Bersama' dirangka berdasarkan tiga matlamat induk iaitu :





Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz telah membentangkan #Belanjawan2021 di Parlimen Malaysia

JABATAN DAN AGENSI

Bank Negara Malaysia (BNM)
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur

: 03 2698 8044
: 03 2691 2990
: www.bnm.gov.my

Bank Simpanan Nasional
Wisma BSN, 117 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

: 03 2162 3222
: 03 2161 1429
: www.mybsn.com.my

Bursa Malaysia Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

: 03 2034 7000
: 03 2026 3684
: www.bursamalaysia.com

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 1-8,Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint
62594 Putrajaya

: 03 8882 1000
: 03 8882 1042
: www.anm.gov.my

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2
62596 Putrajaya

: 03 8882 2100
: 03 8889 5884
: www.customs.gov.my

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan, Aras 9
Perbendaharaan 2, No. 7
Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya

: 03 8886 9000
: 03 8886 9004
: www.jpph.gov.my

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
Tingkat 36, Menara Integra
The Intermark
348, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

: 03 2174 8000
: 03 2174 8510
: www.kwap.gov.my

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
Jabatan Hal Ehwal Korporat
Tingkat 9, Bangunan KWSP
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

: 03 2616 2207
: 03 2693 3224
: www.kwsp.gov.my

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LABUAN FSA)
Tingkat 17, Menara Pejabat Utama
Kompleks Ujana Kewangan
Jalan Merdeka
87000 Wilayah Persekutuan Labuan

: 087 591 200
: 087 453 442
: www.labuanibfc.com

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)
Kompleks LADA
Persiaran Putra
07000 Langkawi
Kedah

: 04 9600 600
: 03 9600 509
: www.lada.gov.my

Ibu Pejabat LHDNM, Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya
Selangor

: 03 8313 8888
: 03 8911 1000
: www.hasil.gov.my

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
Kompleks Kementerian Kewangan
No.9, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya.

☎ : 03 8880 2000
🖷 : 03 8880 2440
🖱 : www.lppsa.gov.my

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Aras 12, Menara Axiata
No. 9, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur
☎ : 03 2173 7436 / 03 2265 6565
🖷 : 03 2173 7527
🖱 : www.pidm.gov.my

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
No. 3, Persiaran Bukit Kiara, Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur

☎ : 03 6204 8000
🖷 : 03 6201 5058
🖱 : www.sc.com.my

Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak
CG, Level 11, Menara KEN
Jalan Burhanuddin Helmi
Taman Tun Dr Ismail
60000 Kuala Lumpur

☎ :-
🖷 :-
🖱 : www.yayasantunrazak.org.my

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000 (MyGCC)
🖷 : 03 8000 8001 (MyGCC)
🖱 : www.mohe.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad
Menteri



YB Dato' Mansor bin Haji Othman
Timbalan Menteri



YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusoff
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Berikutan penstrukturan semula Kementerian Pendidikan pada 9 Mac 2020 menerusi satu sidang media khas oleh YAB Perdana Menteri, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diwujudkan semula dengan rasminya bersesuaian dengan peruntukan akta yang berkaitan dengan pendidikan tinggi.

KPT berperanan penting dalam mewujudkan ekosistem pengajian tinggi yang terbaik di universiti awam (UA), institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), politeknik dan juga kolej komuniti. Semua institusi ini merupakan komponen utama ekosistem pendidikan dan latihan negara yang akan menjana para pemikir, ilmuwan, sarjana, tenaga kerja mahir dan separa mahir sesuai dengan peranan masing-masing.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN





Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin menyaksikan penyerahan Pelantikan Pusat Latihan PENJANA KPT-CAP daripada Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad kepada Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor Universiti Awam mewakili 20 Naib Canselor Universiti Awam, YBhg. Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran pada Majlis Pelancaran PENJANA KPT-CAP di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi



Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad menyampaikan ucapan dalam Majlis Pelancaran Pakej Data & Peranti Kepada Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi secara dalam talian di Kementerian Pengajian Tinggi





MENCIPTA SINERGI, MEMPERLUAS JARINGAN

KPT secara aktif bertukar-tukar pandangan melalui forum komunikasi seperti sidang video dengan kedutaan negara luar. Ini bertujuan untuk membincangkan sinergi dalam bidang pendidikan tinggi antara Kerajaan Malaysia dengan beberapa negara luar, di samping mendapatkan solusi kepada beberapa isu berbangkit melibatkan pelajar antarabangsa.

JABATAN DAN AGENSI

Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)
Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya

☎ : 03 8870 6000
🖷 : 03 8870 6885
🖱 : www.jpt.mohe.gov.my

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)
Aras 4-7, Galeria PjH
Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100, Putrajaya Putrajaya

☎ : 03 8891 9000
🖷 : 03 8891 9300
🖱 : www.mypolycc.edu.my

Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT)
Lebuh Enstek, Bandar Enstek
71760, Bandar Enstek, Negeri Sembilan

☎ : 06 7979400
🖷 : 06 7997440
🖱 : www.akept.mohe.gov.my

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur

☎ : 03 2193 3000
🖷 : 03 21931263
🖱 : www.ptptn.gov.my

Agensi Kelayakan Malaysia
Mercu MQA, No. 3539
Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya, Selangor

☎ : 03 8688 1900
🖷 : 03 8688 1911
🖱 : www.mqa.gov.my

Education Malaysia Global Services (EMGS)
Suite A-21-1, Level 21, 157 Hampshire Place
Office, 1 Jalan Mayang Sari
50450 Kuala Lumpur

☎ : 03 2180 0800
🖷 : 03 2180 0700
🖱 : www.educationmalaysia.gov.my

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)
Aras 5, Menara 2, Kementerian Pengajian Tinggi, Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya

☎ : 03 8870 6123
🖷 : 03 8870 6869
🖱 : www.sukarelawansiswa.my

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kompleks E, Blok E1, E3, E6, E7 & E10
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8888 6187
🖱 : www.moh.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba
Menteri



YB Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali
Timbalan Menteri I



YB Datuk Aaron Ago Dagang
Timbalan Menteri II



YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah sebuah institusi yang digerakkan secara intensif dan bersepadu menerusi perkhidmatan kesihatan eksklusif yang cakna kepada rakyat dengan memberi jaminan terhadap kemudahan kesihatan yang saksama dan berkualiti.

Perkembangan fasiliti kesihatan kini telah menjangkaui perkhidmatan yang lebih inklusif dan universal menerusi penumpuan terhadap perubatan moden dan kontemporari seiring dengan perkembangan sains dan teknologi serta mudah diakses tanpa mengira latar belakang, bangsa dan agama.

Sejajar dengan nilai-nilai teras dalam membentuk budaya korporat berdasarkan kepada penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan, kementerian ini komited untuk menaik taraf nilai perkhidmatan kesihatan. Kementerian ini turut menekankan pemerkasaan *"Whole Government And Whole Society Approach"* melalui pendekatan libat urus dengan pelbagai pihak dalam usaha memberikan perkhidmatan kesihatan bertaraf dunia dan memerangi COVID-19 seterusnya mereformasikan sistem kesihatan di negara ini selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PERASMIAN HOSPITAL TUNKU AZIZAH OLEH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj menyantuni pesakit di Hospital Tunku Azizah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj bercemar duli berangkat bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Hospital Tunku Azizah yang sebelum ini dinamakan Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur (HWKKKL) pada 20 Januari 2020.

Seiring dengan perkembangan dunia perubatan, kerajaan telah menaik taraf prasarana di negara dengan membina hospital-hospital baru yang lebih selesa, kelengkapan yang serba canggih, memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan juga persekitaran yang lebih memuaskan. Untuk menghasilkan generasi yang bermutu, kerajaan akan memastikan penjagaan perawatan kesihatan generasi-

generasi baharu dijaga dengan baik dari awal kandungan hinggalah dewasa.

Hospital Tunku Azizah beroperasi sepenuhnya pada 16 Ogos 2019 sebagai hospital rujukan kebangsaan dan pusat kecemerlangan perkhidmatan perawatan kesihatan, khusus untuk wanita dan kanak-kanak. Ia menawarkan perkhidmatan kepakaran bagi Obstetrik dan Ginekologi dan juga Pediatrik.

LAWATAN DYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG DAN SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG KE CPRC DI KKM

DYMM Seri Paduka Baginda Yang dipertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berangkat bercemar duli ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) di Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya pada 18 Mac 2020. Baginda berdua berkenan mendengar taklimat mengenai operasi pemantauan, pengumpulan, perkongsian maklumat dan perkembangan semasa mengenai pandemik COVID-19.

Kesudian ke majlis ini menunjukkan keprihatinan Baginda Tuanku terhadap perkembangan dan kemajuan yang dilaksanakan untuk rakyat jelata terutamanya dalam bidang kesihatan.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang dipertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong bercemar duli ke Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) di Kementerian Kesihatan Malaysia

LAWATAN YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA KE PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19 BERISIKO RENDAH, MAEPS

Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 ini dibina sebagai persediaan bagi menempatkan pesakit COVID-19 jika bilangan kes positif wabak terus meningkat. Pusat ini mampu menempatkan sehingga 600 orang pesakit COVID-19 pada satu masa. Ia diselaraskan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dengan kerjasama KKM, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Kerja Raya.

Antara perkhidmatan yang disediakan di pusat ini ialah perkhidmatan klinikal, Wad Pesakit Dalam untuk pesakit COVID-19, ruang *"resuscitation"* untuk menstabilkan pesakit dalam keadaan kecemasan, perkhidmatan ambulans, perkhidmatan farmasi, perkhidmatan X-ray dan perkhidmatan makmal patologi. Penyediaan Pusat ini adalah salah satu langkah kesiapsiagaan kerajaan dalam menghadapi penularan wabak ini.



Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 berisiko rendah di MAEPS, Serdang, Selangor pada 30 Mac 2020. Turut hadir bersama Menteri Kesihatan, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan, YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min dan Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah

SUMBANGAN COVID-19 KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Majlis penyerahan sumbangan COVID-19 merupakan sumbangan prihatin orang awam kepada KKM sama ada dalam bentuk kewangan kepada Tabung Perubatan COVID-19 atau sumbangan dalam bentuk peralatan seperti pelitup muka, peralatan perlindungan diri (PPE) serta alat-alat kesihatan. Sumbangan tersebut bertujuan untuk membantu KKM dalam menangani penularan wabak COVID-19 yang berlaku bukan sahaja di Malaysia malah diseluruh dunia. Pihak KKM amat menghargai segala sumbangan dan sokongan daripada semua penyumbang yang terlibat dalam menangani pandemik COVID-19 di negara ini.



Kementerian Kesihatan Malaysia menerima sumbangan prihatin orang awam dalam bentuk kewangan daripada Tabung Perubatan COVID-19 serta dalam bentuk peralatan keperluan kesihatan dalam Majlis Penyerahan Sumbangan COVID-19

MYSEJAHTERA: APLIKASI KKM MEMBANTERAS COVID-19

MySejahtera merupakan aplikasi yang dibangunkan oleh kerajaan



Menteri Kesihatan, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba telah menyempurnakan Majlis Pra Pelancaran Aplikasi MySejahtera bersama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah dan Ketua Pengarah Keselamatan Negara, YBrs. Tuan Haji Mohd Rabin bin Basir di Bilik Gerakan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Malaysia untuk membantu KKM bagi mendapatkan maklumat awal dalam pengawasan penularan wabak COVID-19 seterusnya memutuskan rantaian jangkitan di dalam negara dengan membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan kendiri, membantu individu mendapatkan bantuan kesihatan dan tindakan yang perlu diambil jika dijangkiti COVID-19. Selain itu, aplikasi ini membantu individu mengenal pasti hospital dan klinik terdekat untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan COVID-19.

Aplikasi MySejahtera dibangunkan melalui kerjasama strategik antara Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Unit Pemodenan Tadbiran, Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

MENANDATANGANI PERJANJIAN DENGAN PFIZER UNTUK VAKSIN COVID-19

Malaysia bakal menerima sebanyak 12.8 juta dos vaksin COVID-19 bagi menampung keperluan imunisasi untuk 20 peratus atau 6.4 juta rakyat Malaysia pada awal tahun 2021. Ini adalah antara usaha berterusan kerajaan bagi mendapatkan akses kepada vaksin COVID-19 yang secukupnya untuk rakyat Malaysia. Kerajaan Malaysia sangat prihatin terhadap keperluan rakyat untuk mendapatkan vaksin yang selamat dan halal. Marilah kita bersama-sama memperkasakan komuniti dengan menjalani kehidupan norma baharu untuk memutuskan rantaian virus COVID-19. #kitajagakita #kitamestimenang.



Menteri Kesihatan, YB Dato' Sri Dr Adham bin Baba menandatangani perjanjian pembelian vaksin COVID-19 dengan syarikat farmaseutikal Pfizer

ANUGERAH KEPIMPINAN CEMERLANG 2020 SERTA SIJIL PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN KEPADA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah turut mengucapkan terima kasih kepada rakyat atas kesabaran dan kerjasama yang telah diberikan kepada barisan hadapan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakkan (PKP)



Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah telah menerima anugerah dari The World Brands Foundation atas pengiktirafan yang diberikan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai pemenang Anugerah The BrandLaureate, iaitu Certificate of Recognition and Appreciation serta Anugerah Outstanding Brand Leadership Award 2020

dan juga semua barisan hadapan serta yang telah bekerja di belakang tabir yang berusaha membendung COVID-19. Beliau juga turut menyatakan bahawa kedua-dua anugerah ini mencerminkan dedikasi, komitmen, pengorbanan dan ketahanan setiap individu dalam kementerian dan pelbagai agensi untuk memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik untuk rakyat dan negara.

TUDM-KKM: KERJASAMA ERAT UNTUK HANTAR KEPERLUAN KRITIKAL PESAKIT COVID-19

Bermula akhir bulan September 2020, kes COVID-19 di negeri Sabah semakin meningkat secara mendadak dan memerlukan bantuan dari segi peralatan dan juga penempatan pegawai kesihatan ke negeri sabah. Antara barangan yang dibawa adalah set peralatan perlindungan peribadi (PPE), pelitup muka, sarung tangan, cecair pembasmi kuman, mesin x-ray, mesin bius, ventilator, bekalan kit ujian COVID-19, sampel COVID-19, peralatan memasak dan makanan.

Selain itu, sepanjang Oktober 2020 sebanyak 471 kotak sampel COVID-19 dari Labuan, Kota Kinabalu dan Tawau telah dibawa menggunakan pesawat TUDM untuk diserahkan kepada pihak KKM di Pengkalan Udara Subang bagi pelaksanaan ujian pengesahan di makmal-makmal Semenanjung Malaysia.



Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin bersama Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dan Menteri Kesihatan, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba meninjau persiapan yang dilaksanakan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia di Pangkalan Udara Subang bagi penghantaran keperluan barang-barang kritikal bagi menangani pandemik COVID-19 di Sabah

JABATAN DAN AGENSI

Insititut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan
Blok B4, Kompleks Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH), No.1, Jalan Setia Murni U13/52, Seksyen U13 Setia Alam
40170 Shah Alam
Selangor

☎ : 03 3362 7600
🖷 : 03 3362 7601
🖱 : www.iptk.moh.gov.my

Institut Kanser Negara
No. 4, Jalan P7, Presint 7
62250 Putrajaya
WP Putrajaya

☎ : 03 8892 5555
🖷 : 03 8892 5588
🖱 : www.nci.moh.gov.my

Institut Kesihatan Umum
Blok B5 & B6, Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH)
No.1, Jalan Setia Murni U13/52, Seksyen U13 Setia Alam
40170 Shah Alam
Selangor

☎ : 03 3362 7800
🖷 : 03 3362 7801
🖱 : www.iku.moh.gov.my

Institut Pengurusan Kesihatan
Blok B1, Kompleks Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH)
No.1, Jalan Setia Murni U13/52, Seksyen U13 Setia Alam
40170 Shah Alam
Selangor

☎ : 03 3362 7400
🖷 : 03 3362 7401
🖱 : www.ihm.moh.gov.my

Institut Penyelidikan Perubatan
Blok C7, Kompleks Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH)
No.1, Jalan Setia Murni U13/52, Seksyen U13 Setia Alam
40170 Shah Alam
Selangor

☎ : 03 2616 2666
🖷 : 03 2693 9335
🖱 : www.imr.moh.gov.my

Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan
Blok B2, Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH), No.1, Jalan Setia Murni U13/52
Seksyen U13 Setia Alam
40170 Shah Alam
Selangor

☎ : 03 3362 7500
🖷 : 03 3362 7501
🖱 : www.ihsr.moh.gov.my

Institut Perubatan Respiratori
Hospital Kuala Lumpur, Jalan Pahang
50586 Kuala Lumpur
WP Kuala Lumpur

☎ : 03 4023 2966
🖷 : 03 4021 8807
🖱 : www.moh.gov.my

Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia
Unit No 13-4, Aras 4, Galleria Cyberjaya
Jalan Teknokrat 6, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor

☎ : 03 8311 9300
🖷 : 03 8322 5959
🖱 : www.mysihat.gov.my

Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia
Level 28, Lot 28-01, Tower 2, Menara Kembar Bank Rakyat
Jalan Rakyat
50470 WP Kuala Lumpur

☎ : 03 2267 6888
🖷 : 03 2267 6868
🖱 : www.mhtc.org.my

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP)
Level 6, Prima 9, Prima Avenue II
Block 3547, Persiaran APEC
63000 Cyberjaya
Selangor

☎ : 03 8230 0300
🖷 : 03 8230 0200
🖱 : www.mdb.gov.my

Pusat Darah Negara
Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
WP Kuala Lumpur

: 03 2613 2688
: 03 2698 0362
: www.pdn.gov.my

Pusat Kawalan Kusta Negara Sungai Buloh
47000 Sungai Buloh
Selangor

: 03 6156 1321
: 03 6156 2470
:-

Pusat Penyelidikan Klinikal
Blok B3, Kompleks Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH)
No.1, Jalan Setia Murni U13/52, Seksyen U13
Setia Alam
40170 Shah Alam
Selangor

: 03 3362 7700
: 03 3362 7701
: www.crc.moh.gov.my

Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia
No. 3, Jalan Sepoy Lines
10450
Pulau Pinang

: 04 2299233
: 04 2296313
: www.ppkkklpm.moh.gov.my

Pusat Perubatan Nuklear Dan Radioterapi Hospital Wanita Dan Kanak-Kanak Sabah
Karung Berkunci No. 187
88996 Kota Kinabalu
Sabah

: 088 522600
: 088 438512
:-

Institut Penyelidikan Perubatan
Jalan Pahang
50588 Kuala Lumpur

: 03 26986033
: 03 26938306
: www.imr.moh.gov.my

Majlis Perubatan Malaysia
Blok C, Aras 1
Bilik Sumber, Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur

: 03 2691 2171
: 03 8230 0200
: www.mmc.gov.my

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8911 5183
🖱 : www.kkmm.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Dato' Saifuddin bin Abdullah
Menteri



YB Datuk Zahidi bin Zainul Abidin
Timbalan Menteri



YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad
Ketua Setiausaha
(Hingga November 2020)



YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek
Ketua Setiausaha
(Bermula November 2020)

PENGENALAN

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bertanggungjawab dalam menyediakan infrastruktur komunikasi yang komprehensif dan inklusif; memacu pertumbuhan ekonomi digital, memperkasakan jaringan dan infrastruktur telekomunikasi digital dan komunikasi negara, memperluas dan memperdalam penyampaian dan penyebaran maklumat secara strategik.

Matlamat KKMM adalah untuk memacu kecendekiaan dalam masyarakat yang terhubung, berinformasi, kreatif dan berbudaya digital. Masyarakat yang bermaklumat, terhubung menerusi penerangan, penyiaran dan informasi yang berkualiti, berkesan dan berintegriti dapat dicapai seiring dengan misi dan visi KKMM.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PELAN JALINAN DIGITAL NEGARA (JENDELA)



Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin merasmikan Pelancaran Gerbang Sabah

Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) merupakan inisiatif oleh kerajaan dan pemain industri bagi mempertingkatkan tahap kesalinghubungan digital serta kualiti pengalaman perkhidmatan komunikasi di seluruh negara melalui pembangunan infrastruktur digital yang lebih cepat dan holistik.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) diberikan tanggungjawab untuk memacu JENDELA yang dilaksanakan secara berfasa. Fasa Satu (1) bermula tahun 2020 sehingga penghujung 2022, memberi fokus kepada pembangunan infrastruktur digital.

Fasa Satu (1) juga melibatkan penamatan rangkaian 3G secara berperingkat sehingga hujung 2021 untuk pemantapan rangkaian 4G serta memperkukuhkan asas bagi rangkaian 5G. Bagi Fasa Dua (2) pula, merupakan peralihan kepada 5G selepas platform yang kukuh pada Fasa Satu (1) tercapai, selaras dengan perancangan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

Menerusi JENDELA, KKMM telah memperluaskan liputan jalur lebar mudah alih 4G di kawasan berpenduduk daripada 91.8% kepada 92.03% dan

mempertingkatkan purata kelajuan jalur lebar mudah alih kepada 25Mbps. Jumlah premis yang tersedia dengan capaian rangkaian gentian optik telah ditambah daripada 4.95 juta premis kepada 5.366 juta premis. Sabah merupakan penerima terbesar peruntukan pembangunan infrastruktur yang dilaksanakan di bawah pelan JENDELA bagi meningkatkan kemudahan jalur lebar di negeri itu.

Penambahan sebanyak 382 menara komunikasi baharu dirancang dan 924 alat pemancar di menara sedia ada akan dinaik taraf di bawah program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS), sementara 35 menara baharu dan 1,048 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada akan dinaik taraf secara komersial oleh pemberi perkhidmatan bagi meningkatkan liputan 4G. Sarawak juga menerima manfaat apabila 636 menara komunikasi baharu dirancang dan 977 alat pemancar komunikasi sedia ada akan dinaik taraf di bawah program PPS. Sebanyak 49 menara baharu dan 825 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada akan dinaik taraf secara komersial.

PENUBUHAN *DIGITAL ECONOMIC TASK FORCE* (DETF)

Pasukan Petugas Ekonomi Digital atau *Digital Economic Task Force* (DETF) telah ditubuhkan dalam usaha memacu pemulihan ekonomi negara melalui pemerkasaan kerangka Ekonomi Digital. Pasukan yang terdiri daripada 32 ahli pelbagai kementerian dan agensi berkaitan serta wakil industri dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).



Mesyuarat pertama DETF telah dipengerusikan secara bersama-sama oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, YB Dato' Saifuddin bin Abdullah dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar.

Gerak kerja DETF yang berpaksikan kepada empat teras iaitu memperkasakan rakyat, melonjakkan perniagaan, merangsang ekonomi dan pemboleh daya telah menggariskan 15 program berimpak tinggi dalam mempercepat pendigitalan ekonomi negara dan menjadikan Malaysia negara digital dan berteknologi tinggi.

Aspek kepercayaan dan keselamatan siber juga diberi penekanan, untuk menggalakkan penggunaan platform digital dalam transaksi perniagaan dan perkongsian data. Penubuhan DETF ini juga tepat pada masanya serta memainkan peranan penting dalam menyelaras pelaksanaan pelbagai inisiatif ekonomi digital bagi memacu pemulihan ekonomi negara berikutan krisis pandemik COVID-19.

'KLUSTER INFRASTRUKTUR DIGITAL DAN DATA' DI BAWAH MAJLIS EKONOMI DIGITAL DAN 4IR NEGARA

Penubuhan Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara (MED4IR) telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 28 Ogos 2020. Terdapat enam (6) kluster di bawah MED4IR dan salah satunya adalah Kluster Infrastruktur Digital dan Data (DID) yang berperanan menyelaras dan menyelia pelaksanaan keseluruhan program dan inisiatif meliputi skop *Hard Infrastructure, Soft Infrastructure* dan Data.

Mesyuarat pertama Kluster DID telah dilaksanakan pada 3 November 2020. Dua (2) kertas kerja telah dibentangkan yang kemudiannya diangkat ke Mesyuarat MED4IR pertama pada 10 November 2020 bertajuk 'Pembentangan Inisiatif Identiti Digital Nasional' dan 'Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).



Kluster Infrastruktur Digital dan Data (DID) yang dipengerusikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, YB Dato' Saifuddin bin Abdullah

INFO ON WHEELS (IOW)

Info on Wheels (IOW) yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) merupakan kaedah penyampaian maklumat dasar-dasar dan inisiatif kerajaan melalui hebahan Unit Bergerak Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) sebagai medium penerangan dan edaran bahan-bahan penerbitan oleh pegawai-pegawai penerangan.

IOW memainkan peranan mempromosikan dasar-dasar kerajaan melalui ceramah, edaran bahan-bahan penerbitan dan hebahan mengenai pencegahan pandemik COVID-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sepanjang tahun 2020, IOW telah menjelajah ke 75,116 lokasi merangkumi 156 daerah di seluruh negara dengan jumlah khalayak seramai 1,250,603 orang.

Sepanjang IOW Merdeka berlangsung, Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Dato' Saifuddin bin Abdullah dan Timbalan

Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Datuk Zahidi bin Zainul Abidin telah turut serta ke beberapa negeri, antaranya di Kuala Lumpur, Sabah, Sarawak dan Pahang untuk menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kebangsaan 2020 di samping menyebarkan maklumat berkenaan pencegahan COVID-19.



Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin melakukan pelepasan pasukan konvoi Info On Wheels Merdeka (IOW Merdeka) sempena pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020 di Dataran Perdana, Putrajaya

MAJLIS PERUNDANGAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (MPKM)

Majlis Perundangan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MPKM) telah ditubuhkan sebagai satu platform bagi kerajaan mendapatkan pandangan daripada semua pemegang taruh termasuklah masyarakat dalam merencanakan pendekatan dan dasar yang bersesuaian bagi isu-isu komunikasi dan multimedia, dan mempunyai kesan langsung ke atas pembangunan negara.

Keanggotaan MPKM terdiri daripada 13 ahli merangkumi pengurusan tertinggi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), wakil-wakil dari Badan Berkanun Bukan Kerajaan, ahli akademik, badan pemikir, pakar sesuatu bidang, badan profesional, badan perniagaan dan sebagainya.



Mesyuarat pertama MPKM telah dipengerusikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, YB Dato' Saifuddin bin Abdullah

PENUBUHAN PASUKAN RESPONS PANTAS (PRP)

Pasukan Respons Pantas (PRP) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) ditubuhkan bertujuan menangkis berita-berita palsu daripada terus ditularkan dengan mendapatkan pengesahan kesahihan sesuatu maklumat atau berita.

Melihat kepada situasi semasa, penyebaran berita-berita palsu dan belum ditentusahkan telah menimbulkan keresahan dalam kalangan masyarakat. Maka, PRP memainkan peranan membuat penafian dengan kadar segera sebelum maklumat-maklumat palsu tersebut disebarkan dengan lebih meluas.



KENYATAAN MEDIA

PASUKAN RESPONS PANTAS
TELAH JELASKAN 205 BERITA PALSU

Pasukan Respons Pantas (PRP) yang ditubuhkan pada 24 Mac 2020 setakat ini telah menjelaskan 205 berita palsu kepada orang ramai.

Berita palsu yang dijelaskan oleh PRP ialah berita-berita atau hebahan-hebahan yang melibatkan perkara seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan hal-hal berhubung pandemik COVID-19 yang menjadi topik perbincangan dalam kalangan masyarakat.

PRP dianggotai oleh kakitangan Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN). Pasukan ini akan bekerja sepanjang PKP berkuatkuasa.

Fokus PRP adalah untuk memantau dan menjelaskan berita-berita mahupun hebahan-hebahan yang mencurigakan kesahihannya dan mendapatkan penjelasan daripada pihak-pihak terlibat agar berita dan hebahan tidak menyebabkan keresahan dan kebimbangan dalam kalangan rakyat.

Rakyat Malaysia dimohon untuk menyemak sebelum berkongsi berita yang tidak ditentukan kesahihannya. Untuk memastikan kesahihan berita orang ramai diseru untuk menyemak di portal Sebenarnya.my (https://sebenarnya.my/).

Duduklah di rumah, kerapkah basuh tangan dan jarakkan diri satu meter.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
21 APRIL 2020

Kenyataan media Penubuhan Pasukan Respons Pantas (PRP) untuk menangkis penyebaran berita palsu

JABATAN DAN AGENSI

Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)
Radio Televisyen Malaysia
Angkasapuri
50614 Kuala Lumpur

: 03 2282 5333
: 03 2284 7591
: www.rtm.gov.my

Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen)
Aras 5,8-16 dan 18
Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia
No. 4G9
Persiaran Perdana
Presint ,
62100 Putrajaya

: 03 8911 3440
: 03 8911 3466
: www.penerangan.gov.my

Jabatan Perlindungan Data Peribadi
Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia
Lot 4G9, Persiaran Perdana
Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

: 03 8000 8000
: 03 8911 7959
: www.pdp.gov.my

Institut Penyiaran Dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR)
Peti Surat 12163
Jalan Pantai Baharu
59700 Kuala Lumpur

: 03 2295 7555
: 03 2295 7575 / 03 2282 4796
: www.ipptar.gov.my

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)
Wisma BERNAMA
No. 28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

: 03 2693 9933
: 03 2698 1102
: www.bernama.com

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)
Kompleks Studio Merdeka
Jalan Hulu Kelang
68000 Ampang
Selangor

: 03 4104 1300
: 03 4107 5216
: www.finas.gov.my

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)
Menara 1 SKMM, Jalan Impact
Cyber 6, 63000 Cyberjaya
Selangor

: 03 8688 8000
: 03 8688 1000
: www.mcmc.gov.my

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)
2360 Persiaran APEC
63000 Cyberjaya, Selangor

: 1 800 88 8338
: 03 8315 3115
: www.mdec.my

MYNIC
Level 3, Tower 2, Menara Cyber Axis
Jalan Impact, 63000 Cyberjaya, Selangor

: 03 8008 2000
: 03 8008 2020
: www.mynic.my

CyberSecurity Malaysia
Level 7 Tower 1, Menara Cyber Axis,
Jalan Impact, 63000 Cyberjaya, Selangor

: 03 8800 7999
: 03 8008 7000
: www.cybersecurity.my

MyCreative Ventures
G-15-01, No, Block G Tower 1,
Mercu Mustapha Kamal, Neo Damansara 1,
Jalan PJU 8/1, Bandar Damansara Perdana
47820 Petaling Jaya, Selangor

: 03 7712 7212
: 03 7712 7202
: www.mycreative.com.my

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Menara MITI, No. 7
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 6206 4693
🖱 : www.miti.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
Menteri



YB. Senator Datuk Lim Ban Hong
Timbalan Menteri



YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) ditubuhkan pada April 1956, ditempatkan ibu pejabatnya di Pejabat Kerajaan, Jalan Raja, Kuala Lumpur. Pada Februari 1972, kementerian ini ditukar nama kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Kemudian, pada 27 Oktober 1990, Kementerian ini dipisahkan pula kepada dua Kementerian yang berasingan iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN). Susulan terpisahnya kedua-dua kementerian tersebut, maka terbentuklah Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK).

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

APEC *ECONOMIC LEADERS'* MEETING (AELM)



APEC Economic Leaders' Meeting (AELM) 2020 pada 20 November yang disertai 21 pemimpin ekonomi APEC seperti Mantan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump, Presiden Rusia Vladimir Putin, Presiden China Xi Jinping, Perdana Menteri New Zealand Jacinda Ardern dan Perdana Menteri Kanada Justin Trudeau. AELM 2020 secara maya ini telah dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin

Malaysia mengakhiri peranannya sebagai tuan rumah Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik atau *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) 2020 dengan cemerlang menerusi kejayaan mengisytiharkan Wawasan Putrajaya 2040 dan Deklarasi Kuala Lumpur pada tahun 2020. APEC 2020 juga adalah APEC yang pertama dianjurkan secara maya dalam sejarah.

Wawasan Putrajaya 2040 adalah untuk menggantikan Matlamat Bogor, yang dilancarkan pada tahun 1994 dan berakhir pada tahun 2020. Wawasan Putrajaya mengimpikan sebuah komuniti Asia Pasifik yang terbuka, dinamik, berdaya tahan dan damai menjelang 2040 untuk kesejahteraan semua rakyat dan generasi masa depannya.

Melalui Deklarasi Kuala Lumpur pula, semua pemimpin APEC menekankan keperluan memastikan akses yang saksama untuk vaksin COVID-19 yang selamat, berkesan dan berpatutan. Mereka juga menyatakan kepentingan persekitaran perdagangan dan pelaburan yang bebas, terbuka, adil, tiada diskriminasi, telus dan boleh dijangka bagi mendorong pemulihan ekonomi.

PEMETERAIAN PERJANJIAN *THE REGIONAL COMPREHENSIVE ECONOMIC PARTNERSHIP* (RCEP)

Pada 15 November 2020, Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali telah menandatangani Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau atau *The Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) dalam sidang kemuncak ASEAN yang diketuai oleh YAB Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin. Perjanjian ini disertai 14 buah negara peserta RCEP. Ia merupakan penanda aras yang penting dalam penyatuan dan pemacu pertumbuhan ekonomi antara negara-negara yang terlibat. RCEP merupakan sebuah Perjanjian Perdagangan Bebas atau *Free Trade Agreement* (FTA) yang diterajui ASEAN dan rundingan itu merangkumi negara peserta yang terdiri daripada pelbagai tahap pembangunan ekonomi termasuk negara-negara yang berstatus negara kurang membangun.



Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali menandatangani Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif (RCEP) di dalam sidang kemuncak ASEAN yang diketuai oleh Perdana Menteri YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin

MALAYSIA MENCATATKAN RM164 BILION JUMLAH PELABURAN YANG DILULUSKAN PADA 2020 MESKIPUN ADA PANDEMIK GLOBAL

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) komited untuk memastikan Malaysia terus diposisikan sebagai lokasi yang mesra pelabur untuk pertumbuhan jangka panjang bagi perniagaan asing dan domestik meskipun berdepan cabaran COVID-19.

Malaysia mencatat sejumlah RM164 bilion pelaburan yang diluluskan melalui

4,599 projek dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama pada tahun 2020. Pelaburan ini diharapkan dapat mewujudkan 114,673 pekerjaan baharu dalam pelbagai sektor ekonomi setelah dilaksanakan. Sebaliknya, sejumlah 5,287 projek dengan pelaburan berjumlah RM211.4 bilion telah diluluskan pada tahun 2019. Penurunan ini disebabkan oleh sektor perkhidmatan dan utama yang secara langsung dipengaruhi oleh penurunan permintaan global akibat pandemik dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pada tahun 2020, Pelaburan Langsung Domestik atau *Domestic Direct Investment* (DDI) menyumbang sebahagian besar dari jumlah pelaburan yang diluluskan dengan sumbangan 60.9 peratus (RM99.8 bilion), sementara Pelaburan Langsung Asing atau *Foreign Direct Investment* (FDI) merangkumi baki RM64.2 bilion (39.1%). Sektor perkilangan menerajui jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2020 dengan mencatat pelaburan sebanyak RM91.3 bilion, diikuti oleh sektor perkhidmatan RM66.7 bilion dan sektor utama dengan RM6.0 bilion.

Republik Rakyat China (RM18.1 bilion), Singapura (RM10.0 bilion) dan Belanda (RM7.0 bilion) adalah tiga (3) sumber FDI teratas daripada keseluruhan sektor ekonomi di Malaysia, menyumbang lebih daripada separuh (54.8%) daripada jumlah FDI yang diluluskan untuk tahun ini.

Selangor (RM38.7 bilion) mencatatkan pelaburan tertinggi yang diluluskan tahun lalu diikuti oleh Sabah (RM21.0 bilion), Sarawak (RM19.6 bilion), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM17.1 bilion) dan Pulau Pinang (RM16.0 bilion). Lima negeri ini sahaja menyumbang lebih daripada 60 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan untuk tahun 2020.

STATISTIK PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Kawalan pergerakan yang dilaksanakan oleh kebanyakan negara akibat pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada perdagangan global. Rangkaian global dari segi mobiliti barangan dan perkhidmatan serta pembuatan mengalami kerencatan.

Walaupun berdepan situasi luar jangkaan ini, prestasi perdagangan luar Malaysia masih memberangsangkan apabila catatan eksport negara kembali pulih pada separuh tahun kedua 2020 berbanding pertumbuhan negatif yang dicatatkan pada separuh tahun pertama. Ini berlaku kerana langkah membuka semula ekonomi yang dilaksanakan secara berperingkat dan jumlah permintaan luar yang kembali meningkat. Eksport pada bulan Disember mencatatkan nilai bulanan tertinggi yang direkodkan pada tahun 2020.

Eksport ke China pada tahun 2020 juga telah merekodkan nilai eksport yang tertinggi setakat ini manakala eksport ke Amerika Syarikat (AS) mencatatkan jumlah eksport terbesar sejak sedekad yang lalu. Kita juga menyaksikan pertumbuhan eksport yang signifikan ke beberapa pasaran baharu seperti Costa Rica, Kazakhstan, Kenya, Nigeria, Ghana dan Cote d'Ivoire. Keluaran

getah, barangan elektrik dan elektronik (E&E) serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit juga mencatatkan peningkatan eksport yang memberangsangkan.

Sementara itu, Malaysia buat julung kalinya mencatatkan lebihan dagangan *(trade surplus)* yang tertinggi pernah dicapai setakat ini dan negara masih mengekalkan lebihan dagangan untuk 23 tahun berturut-turut semenjak 1998. Prestasi perdagangan Malaysia adalah selari dengan negara di rantau ini khususnya Indonesia, Singapura, Republik Korea (ROK) dan Thailand.

SYARIKAT MALAYSIA KEKAL DALAM RANTAIAN BEKALAN GLOBAL



JABATAN DAN AGENSI

Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)
MIDA Sentral
No.5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

☎ : 03 2267 3633
🖷 : 03 2274 7970
🖱 : www.mida.gov.my

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
Menara MATRADE
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

☎ : 03 6207 7077
🖷 : 03 6203 7037
🖱 : www.matrade.gov.my

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti
Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya

☎ : 03 7955 7266
🖷 : 03 7957 8068
🖱 : www.mpc.gov.my

Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)
Aras 19
Menara MIDF
82 Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur

☎ : 03 2173 8888
🖷 : 03 2173 8877
🖱 : www.midf.com.my

Malaysia Automotive Robotics And IoT Institute (MARII)
Block 2280
Jalan Usahawan 2
Cyber 6
63000 Cyberjaya
Selangor

☎ : 03 8318 7742
🖷 : 03 8318 7743
🖱 : www.marii.my

Institut Keluli Malaysia (MSI)
Level 26, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
Kompleks Kerajaan
50480 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

☎ : 03 6208 4657
🖷 : 03 6211 2445
🖱 : www.malaysiasteelinstitute.com

Jabatan Standard Malaysia
No. 7, Tower 2
Menara Cyber Axis
Jalan Impact, Cyber 6
63000 Cyberjaya
Selangor

☎ : 03 8008 2900
🖷 : 03 8008 2901
🖱 : www.jsm.gov.my

Invest KL Malaysia
16th Floor, Menara SSM@Sentral
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur

☎ : 03 2260 2270
🖷 : 03 2260 2292
🖱 : www.investkl.gov.my

EXIM Bank
Jabatan Standard Malaysia
Tingkat 1, EXIM Bank
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

☎ : 03 2601 2000
🖷 : 03 2601 2100
🖱 : www.exim.com.my

SIRIM Berhad
1, Persiaran Dato' Menteri
P.O. Box 7035, Section 2
40700 Shah Alam
Selangor

☎ : 03 5544 6000 /1-300-88-7035
🖷 : 03 5544 6694
🖱 : www.sirim.my

Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC)
5.02, Level 5
Menara KPMG, First Avenue
Persiaran Bandar Utama
47800 Petaling Jaya
Selangor

☎ : 03 7965 5555
☎ : 1800 880 555 (dalam Malaysia) / 03 7965 5400 (di luar Malaysia)
🖷 : 03 7965 5500
🖱 : www.hdcglobal.com

Majlis Rekabentuk Malaysia
Lot 5285
Lebuhraya Sungai Besi-Puchong
57000 Bukit Jalil
Kuala Lumpur

☎ : 03 8992 6043
🖱 : www.mrm.gov.my

Majlis Pengukuran Kebangsaan (MPK)
Lot PT 4803
Bandar Baru Salak Tinggi
43900 Sepang
Selangor

☎ : 03 8778 1605
🖷 : 03 8778 1616
☎ : www.nmim.gov.my

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Aras 1-7, Blok C4 & C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662, Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8888 9070
🖱 : www.mosti.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar
Menteri



YB Datuk Haji Ahmad Amzad bin Hashim
Timbalan Menteri



YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Berikutan perubahan tampuk kepimpinan kerajaan pada Februari 2020, beberapa kementerian telah distrukturkan semula dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah dibentuk.

Pembentukan MOSTI ini adalah untuk memacu kemajuan Malaysia dan mencapai sasaran menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi.

MOSTI menggariskan tiga fungsi teras iaitu:

- Pembangunan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE)
- Perkhidmatan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI)
- Perancangan dan Pembangunan STIE

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

DASAR SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (DSTIN) 2021-2030 DAN RANGKA KERJA 10-10 SAINS, TEKNOLOGI, INOVASI DAN EKONOMI MALAYSIA (MYSTIE)



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar telah menyembah taklimat kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mengenai Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030

Pada 8 Disember 2020, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Khairy Jamaluddin telah melancarkan dua inisiatif nasional iaitu Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021- 2030 serta Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE).

DSTIN 2021-2030 menggariskan enam (6) teras strategik, 20 strategi dan 46 inisiatif bagi memperhebatkan usaha-usaha pembangunan dan pengaplikasian teknologi tempatan dalam usaha mentransformasikan negara daripada pengguna teknologi kepada pembangun teknologi. Rangka Kerja 10-10 MySTIE pula berfungsi sebagai pemangkin bagi mencapai usaha ini melalui penetapan 30 bidang keutamaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) negara yang memenuhi keperluan industri.

Pelaksanaan DSTIN 2021-2030 ini turut merangkumi 10 Program Lonjakan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE), antaranya ialah mewujudkan *Technology Commercialisation Accelerator* (TCA), *Malaysia Science Endowment* (MSE), *National Technology Innovation Sandbox* (NTIS) dan penubuhan *National Vaccine Centre,* yang akan memacu usaha-usaha pembangunan teknologi tempatan dan pengkomersialan hasil R&D negara.

Kedua-dua inisiatif DSTIN 2021-2030 dan 10-10 Rangka Kerja MySTIE akan melonjakkan peranan sains, teknologi dan inovasi (STI) negara dalam pertumbuhan ekonomi bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi.

NATIONAL TECHNOLOGY INNOVATION SANDBOX (NTIS)

National Technology Innovation Sandbox (NTIS) adalah sebuah inisiatif untuk memacu Malaysia ke arah negara berteknologi canggih



Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin diberi penerangan mengenai Ethovent Ventilator oleh Jurutera Saora Industri, Encik Ganesh Muren ketika melawat Pameran Projek Rintis NTIS yang diadakan bersempena dengan Majlis Pelancaran NTIS di Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC), Cyberjaya

dan berpendapatan tinggi melalui penyelesaian yang didorong oleh inovasi dengan penyediaan akses kepada pembiayaan, mendorong perkembangan bakat untuk memenuhi potensi Malaysia untuk menjadi sebuah negara berteknologi tinggi dan mempercepatkan R&D dan pengkomersialan melalui dasar dan peraturan yang dipermudahkan.

Program ini diterajui oleh MOSTI dengan *Malaysian Global Innovation & Creativity* Centre (MaGIC) sebagai sekretariat utama dibantu oleh Technology Park Malaysia (TPM), MIMOS Berhad, Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) dan Futurise Sdn. Bhd.

NTIS membolehkan penyelidik, penginovasi, syarikat pemula dan usahawan teknologi tinggi untuk menjalankan ujian kekuatan produk, perkhidmatan, model perniagaan dan mekanisme penyampaian dalam persekitaran yang terkawal, justeru membantu mempercepatkan penerapan teknologi maju serta membantu pemulihan ekonomi dengan menggunakan inovasi dan ciptaan yang dibangunkan syarikat tempatan.

Pelaksanaan NTIS dapat membantu menangani cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dan kerajaan pada peringkat tempatan, persekutuan dan nasional. Antaranya ialah mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing; meningkatkan peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia; meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)/Keluaran Negara Kasar (KNK); meningkatkan penglibatan, pelaburan dan kolaborasi dalam penyelidikan oleh sektor swasta; dan meningkatkan kadar pengkomersialan dan inovasi.

MYHACKATHON 2020

Program *MYHackathon* 2020 di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) ini terbuka kepada semua inovator, jurutera perisian, pakar industri dan rakyat Malaysia yang prihatin. Program ini diadakan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan penyelesaian digital kepada rakyat Malaysia yang merangkumi lebih dari 100 pernyataan masalah yang dikenal pasti pada peringkat Kerajaan persekutuan sehingga negeri dan daerah. Program di bawah MOSTI ini diterajui oleh Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle), disokong oleh Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC), Unit Pemodenan Tadbiran & Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), *University Makers* (UniMAKER), Telekom Malaysia dan rakan negeri tempatan.

Antara manfaat dan hasil program ini adalah membantu segenap lapisan rakyat Malaysia terutamanya golongan B40 untuk meningkatkan penyampaian penyelesaian digital Kerajaan; merangsang ekonomi rakyat Malaysia, syarikat-syarikat pemula teknologi peringkat awal, terutamanya ketika pandemik COVID-19; meningkatkan pengalaman, kemampanan dan daya tahan rakyat Malaysia, syarikat-syarikat pemula dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi mendepani cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0); dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.



Sesi Couching yang diadakan semasa Program MyHackathon Pusingan Kuala Lumpur

MINGGU SAINS NEGARA 2020

Minggu Sains Negara merupakan salah satu daripada inisiatif MOSTI dalam usaha memupuk minat masyarakat terhadap ilmu sains. Program ini dijadikan platform untuk menyemarak dan membudayakan sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat selain memberi kesedaran kepada rakyat betapa pentingnya STI dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju tanpa mengira rentasan sempadan bandar dan luar bandar.

Susulan itu, pada tahun 2020, Kementerian meneruskan program Minggu Sains Negara 2020 bermula pada minggu pertama April 2020 di seluruh negara secara serentak. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia, kebanyakan program dan aktiviti yang dirancang secara fizikal telah diubah suai pelaksanaannya mengikut pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan Kerajaan. Hampir 95% program dan aktiviti dilaksanakan secara dalam talian. Jumlah aktiviti dan program adalah sebanyak 115 yang mana 104 aktiviti adalah secara maya dan 11 aktiviti secara fizikal. Jumlah penyertaan yang direkod adalah seramai 2,482,059.



Karnival Mini Sains telah diadakan bersempena dengan penganjuran Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Selangor bertempat di STEM 4All Makerspace, Da Men Mall Subang Jaya

Antara aktiviti yang dilaksanakan sempena sambutan Minggu Sains Negara 2020 yang melibatkan guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah adalah seperti bengkel interaktif inovasi sains dan teknologi, sesi *hands-on* percetakan 3D, robotik, coding, *Augmented Reality* (AI) dan *Virtual Reality* (VR), seminar, forum, webinar, pertandingan poster, video, kuiz, *pocket talk* dan *virtual explore race.* Program dan pertandingan yang diadakan melibatkan semua sekolah, pelajar dan orang awam. Pertandingan yang dianjurkan secara atas dalam melibatkan peringkat negeri dan kebangsaan.

DANA DAN GERAN

International Collaboration Fund (ICF)

International Collaboration Fund (ICF) yang melibatkan kerjasama antara penyelidik dari Malaysia dan negara lain bertujuan untuk menyediakan saluran bagi pelaburan dalam memperluas dan meningkatkan keupayaan penyelidikan dan meningkatkan kerjasama kolaboratif R&D untuk projek-projek R&D yang kompetitif dan inovatif, memberikan impak tinggi dan selanjutnya dapat menyumbang pada kemajuan peningkatan pengetahuan dan teknologi yang menyumbang kepada pengkomersialan.

ICF terbuka kepada semua penyelidik, saintis dan jurutera yang bekerja secara tetap atau kontrak dari organisasi-organisasi seperti yang berikut:

- Institut Penyelidikan Awam
- Agensi Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Kerajaan
- Institut Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta dengan program penyelidikan yang diiktiraf

Bagi tahun 2020, sebanyak 16 projek ICF telah diluluskan dengan dana berjumlah RM5.40 juta.

Dana Penyelidikan dan Pembangunan MOSTI

Dana Penyelidikan dan Pembangunan MOSTI (Dana MOSTI R&D) adalah merupakan inisiatif kerajaan yang terbuka kepada perniagaan dan penyelidik yang berminat mendapatkan dana bagi melaksanakan projek bagi mencapai pertumbuhan ekonomi dan kemaslahatan masyarakat. Antara manfaat dan hasil dana ini adalah seperti yang berikut:

- pengembangan eksperimen ke arah pengkomersialan dengan mengurangkan jurang kegagalan projek; dan
- merangsang pertumbuhan dan meningkatkan kemampuan dan keupayaan dari kerjasama antara Industri, Pusat Penyelidikan Kerajaan Malaysia dan dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Dana ini terbuka untuk syarikat kecil dan sederhana (PKS) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Kerajaan, Agensi Sains, Teknologi dan Inovasi Kerajaan dan Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPT).

Bagi tahun 2020, sebanyak lapan (8) projek Dana MOSTI R&D telah diluluskan dengan dana berjumlah RM5.40 juta.

Geran Pemadanan Impak Sosial (Geran SIM)

Geran Pemadanan Impak Sosial (SIM) yang bernilai RM10 juta adalah inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) yang diperkenalkan untuk menyokong perusahaan dan inovasi sosial untuk meneruskan inisiatif dan program mereka dalam tempoh pandemik COVID-19 di Malaysia. MOSTI melalui Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) dipertanggungjawabkan untuk mentadbir Geran SIM bagi pihak Kerajaan Malaysia.

Bagi setiap ringgit yang diperoleh melalui pendanaan awam, Geran SIM akan memadankannya pada kadar 1:1. Geran SIM ini dilaksanakan bagi menyokong usahawan perusahaan sosial, membangunkan penyelesaian sosial dan menggalakkan penyertaan rakyat. Bidang sasaran Impak di bawah Geran SIM ialah:

- Perlindungan Alam Sekitar;
- Keselamatan Makanan;
- Kesihatan dan Kesejahteraan Sosial;
- Pendapatan Komuniti; dan
- Pemeliharaan Warisan

Sehingga Disember 2020, sebanyak 97 permohonan lengkap telah diterima dengan lapan (8) permohonan diluluskan. Jumlah geran yang telah diluluskan pula adalah sebanyak RM638,248.



YB Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar, Menteri Sains Teknologi dan Inovasi melawat pameran perusahaan sosial yang diadakan bersempena dengan Majlis Pelancaran Geran Pemadanan Impak Sosial (SIM) di Pusat Sains Negara

Technology Start-Ups Funding Relief Facility (TSFRF)

Program pembiayaan *Technology Start-Ups Funding Relief Facility* (TSFRF) yang dilancarkan pada Mei 2020, menawarkan dana sejumlah RM100 juta untuk syarikat-syarikat pemula teknologi yang disokong dan dibiayai oleh syarikat-syarikat modal teroka dan agensi-agensi kerajaan. Pembiayaan TSFRF ini bertujuan untuk memberikan bantuan kepada syarikat-syarikat pemula teknologi yang terjejas oleh keadaan ekonomi semasa dan sedang menghadapi kekangan kewangan akibat pandemik COVID-19. Kemudahan ini ditawarkan dengan kadar faedah sebanyak 3.5 peratus setahun ke atas jumlah pinjaman tertunggak.

TSFRF adalah sama dengan kemudahan kredit pusingan, yang mana pengeluaran dapat diminta berdasarkan permintaan atau berdasarkan keperluan aliran tunai enam bulan per pemohon. Baki tertunggak daripada prinsipal boleh diserahkan setiap tahun, memberikan fleksibiliti dalam menguruskan pembayaran balik. Pembiayaan TSFRF yang ditawarkan bermatlamat menyediakan bantuan aliran tunai segera, berpatutan dan bersasar kepada syarikat-syarikat pemula teknologi yang disokong/dibiayai oleh syarikat-syarikat modal teroka dan agensi-agensi kerajaan yang terkesan oleh pandemik COVID-19.

Sehingga penghujung 2020, sebanyak RM55.22 juta telah diluluskan kepada 49 pemohon. Daripada jumlah pemohon yang telah diluluskan, RM5.93 juta telah dikeluarkan (*disbursed*).

TAHUN PENGKOMERSIALAN MALAYSIA (MCY) 2020

Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) yang mula dilaksanakan sebagai agenda nasional sejak tahun 2016, merupakan platform bagi membantu golongan penyelidik, inovator dan usahawan tempatan melonjakkan pengkomersialan produk hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dibiayai oleh dana Kerajaan ke pasaran tempatan dan antarabangsa.

Bagi tahun 2020, satu Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY Summit 2020) telah diadakan pada 17 dan 18 Disember 2020 secara dalam talian untuk mengiktiraf pencapaian penyelidik dan usahawan tempatan yang telah berjaya mengkomersialkan produk hasil R&D mereka di pasaran tempatan dan antarabangsa sepanjang tempoh 2016 hingga 2020. Selain itu, Program MCY Summit 2020 turut memuatkan aspek berkaitan ekosistem pengkomersialan termasuk inisiatif pembiayaan.

Sehingga tahun 2020, MCY telah berjaya mengenal pasti dan membantu pengkomersialan kepada 386 produk, teknologi, perkhidmatan dengan nilai jualan lebih daripada RM402 juta.

- Membantu teknologi tempatan supaya dapat menembusi pasaran yang lebih baik di dalam dan luar negara;
- Meningkatkan pengiktirafan dunia terhadap produk/ teknologi/ perkhidmatan R&D negara;
- Mewujudkan pasaran khusus



Sesi Interaksi Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar bersama Pemenang Anugerah MCY 2020

berdasarkan kemampuan penghasilan teknologi baharu di dalam negara; dan

- Mengurangkan pertindihan program dan inisiatif di antara kementerian dan agensi kerajaan, serta menggalakkan penyertaan dan perkongsian sumber antara kementerian

JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV)

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19 (JKJAV) yang dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Kesihatan Malaysia dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah ditubuhkan pada Oktober 2020 untuk memastikan akses bekalan kepada vaksin COVID-19 untuk negara dapat diperoleh dengan segera, selamat dan sempurna. Jawatankuasa ini juga memainkan peranan penting dalam merancang, melaksana dan memantau keseluruhan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang dilaksanakan bermula pada suku pertama tahun 2021.

Kerajaan telah melaksanakan pendekatan pelbagai hala *(multi-pronged approach)* bagi membolehkan Malaysia memperoleh jaminan akses kepada bekalan vaksin COVID-19 yang dibangunkan di seluruh dunia. Pendekatan diplomasi sains telah digerakkan secara bersama antara MOSTI, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan Kementerian Luar Negeri (KLN) bermula pada April 2020. Kerjasama strategik antarabangsa sama ada multilateral ataupun bilateral merupakan langkah Malaysia dalam mendukung aspirasi nasional dan usaha solidariti global ke arah memerangi COVID-19. Kerjasama ini membantu dalam mempelbagaikan pilihan

perolehan vaksin untuk negara dan bagi mengurangkan kebergantungan kepada satu sumber sahaja.

Pada 13 November 2020, kerajaan telah bersetuju untuk memuktamadkan penyertaan Malaysia dalam Fasiliti COVID-19 *Vaccine Global Access* (COVAX). Fasiliti COVAX merupakan salah satu inisiatif global yang dilancarkan oleh *Global Alliance for Vaccines and Immunisation* (GAVI), *Coalition for Epidemic Preparedness Innovation* (CEPI) dan *World Health Organization* (WHO) bertujuan untuk memberikan akses pada peringkat global kepada diagnostik, rawatan dan vaksin dengan saksama. Penyertaan dalam fasiliti ini memberi jaminan bekalan vaksin untuk 10% penduduk Malaysia.

Kerajaan Malaysia dan Republik Rakyat China telah menandatangani perjanjian kerjasama pembangunan dan akses kepada vaksin pada 18 November 2020. Perjanjian ini merupakan platform bagi memberikan Malaysia keutamaan dalam mendapatkan akses kepada vaksin COVID-19 yang dihasilkan oleh Republik Rakyat China selain daripada untuk perkongsian ilmu, kepakaran dan memudahkan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi antara kedua belah pihak selaras dengan hasrat untuk memajukan industri vaksin kedua-dua negara.

Kerajaan juga melaksanakan rundingan dengan pengeluar-pengeluar vaksin COVID-19 bagi melihat bukan sahaja daripada sudut teknikal seperti ketahanan, kaedah,



kestabilan, kontraindikasi, penduduk sasaran, keselamatan, keberkesanan, dos, pendaftaran dan akses, tetapi juga daripada sudut komersial iaitu harga, pemulangan pembayaran, jadual penghantaran, bayaran pendahuluan dan juga logistik. Selain



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar dan Pengurusan Tertinggi MOSTI telah menyembah taklimat kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mengenai perancangan Kerajaan dalam perolehan vaksin dan Pelan Vaksinasi COVID-19 di Istana Negara

daripada itu, rundingan turut meliputi aspek kerjasama dan nilai tambah kepada pembangunan vaksin negara. Ini termasuklah melakukan proses pengilangan vaksin secara *fill and finish*, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pemindahan teknologi dan pembuatan (*manufacturing)* vaksin.

JABATAN DAN AGENSI

Agensi Angkasa Malaysia (MYSA)
No. 13, Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur

☎ : 03 2697 3400
🖷 : 03 2697 3350
🖱 : www.mysa.gov.my

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia)
Bangi
43000 Kajang
Selangor

☎ : 03 8911 2000
🖷 : 03 8911 2153
🖱 : www.nuclearmalaysia.gov.my

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)
Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil
Selangor

☎ : 03 8922 5888
🖷 : 03 8922 3685
🖱 : www.aelb.gov.my

Jabatan Kimia Malaysia (JKM)
Jalan Sultan
46661 Petaling Jaya
Selangor

☎ : 03 7985 3000
🖷 : 03 7985 3092
🖱 : www.kimia.gov.my

Akademi Sains Malaysia
Level 20, West Wing, MATRADE Tower
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

☎ : 03 6203 0633
🖷 : 03 6203 0634
🖱 : www.akademisains.gov.my

Cradle Fund Sdn. Bhd.
Aras 20, Sunway Putra Tower
100 Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur

☎ : 03 4045 8600
🖷 : 03 4045 8611
🖱 : www.cradle.com.my

Inno Bio Ventures Sdn. Bhd. (INNOBIO)
Lot 1, Persiaran Negeri BBN
Putra Nilai
71800 Nilai
Negeri Sembilan

☎ : 06 799 6661
🖷 :-
🖱 :-

Kumpulan Modal Perdana (KMP)
L15-01-02 PJX HM Shah Tower
No. 16A Persiaran Barat
46050 Petaling Jaya
Selangor

☎ : 03 7964 5200
🖷 : 03 7964 5201
🖱 : modalperdana.com

Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV)
Aras 5, Menara Bank Pembangunan
1016 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

☎ : 03 2617 2888
🖷 : 03 2697 9068
🖱 : www.mdv.com.my

Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP)
Level 10, Menara ILHAM
No 8, Jalan Binjai
50450 Kuala Lumpur

☎ : 03 2109 3000
🖱 : www.mavcap.com
🖱 :-

Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC)
Ground Floor, Menara Yayasan Tun Razak
Jalan Bukit Bintang
55100 Kuala Lumpur

☎ : 03 2172 6000
🖷 : 03 2163 7541
🖱 : www.mtdc.com.my

MIMOS Berhad
Technology Park Malaysia
57000 Kuala Lumpur

☎ : 03 8995 5000
🖷 : 03 8996 2755
🖱 : www.mimos.my

Technology Park Malaysia
Aras 5, Enterprise 4
Lebuhraya Puchong – Sg. Besi
57000 Kuala Lumpur

☎ : 03 8998 2020
🖷 : www.tpm.com.my
🖱 :-

Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)
Block 3730 Persiaran APEC
63000 Cyberjaya
Selangor

☎ : 03 8324 4801
🖷 : www.mymagic.my
🖱 :-

Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT)
MIGHT Partnership Hub
Jalan IMPACT
63000 Cyberjaya
Selangor

☎ : 03 8315 7888
🖷 : www.might.org.my
🖱 :-

Nano Malaysia Berhad (NanoMalaysia)
A-2-2 & A-2-3, Aras 2
157 Hampshire Place Office
No. 1 Jalan Mayang Sari
50450 Kuala Lumpur

☎ : 03 2166 8849
🖷 : 03 2181 8849
🖱 : www.nanomalaysia.com.my

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM)
Aras 2, Blok A Agro-Biotechnology Institute Malaysia (ABI) Complex
Jalan Eksotika off Persiaran MARDI-UPM
43400 Serdang
Selangor

☎ : 03 8949 5600
🖷 : 03 8940 8692
🖱 : www.nibm.my

Yayasan Inovasi Malaysia
Unit L3-E-1A & L3-E-1B
Aras 3, Enterprise 4
Technology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur

☎ : 03 8996 1714
🖷 : 03 8996 1715
🖱 : www.yim.my

Institut Kimia Malaysia
127B, Jalan Aminuddin Baki
Taman Tun Dr Ismail
60000 Kuala Lumpur

☎ : 03 7728 3272 / 3858
🖷 : 03 7728 9909
🖱 : www.ikm.org.my

Pusat Sains Negara
Persiaran Bukit Kiara
50662 Bukit Kiara
Kuala Lumpur

☎ : 03 2089 3400
🖷 : 03 2089 3401
🖱 : www.psn.gov.my

Planetarium Negara
53, Jalan Perdana
50480 Kuala Lumpur

☎ : 03 2273 4303
🖷 : 03 2273 5488
🖱 : www.planetariumnegara.gov.my

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Wisma Putra
No. 1, Jalan Wisma Putra
Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62602 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : -
🖱 : www.kln.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein
Menteri



YB Dato' Kamarudin bin Jaffar
Timbalan Menteri



YBhg. Dato' Sri Muhammad Shahrul Ikram bin Yaakob
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Ditubuhkan pada tahun 1956, Kementerian Luar Negeri (KLN) sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Luar.

Pada mulanya ia berpusat di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur sebelum dipindahkan ke kompleksnya sendiri di Bukit Petaling pada tahun 1966 dan mengambil nama Wisma Putra seperti yang dikenali sekarang sebelum akhirnya berpindah ke Putrajaya pada tahun 2001. Perwakilan Diplomatik Malaysia yang pertama ditubuhkan di London, Washington, Canberra, New York, New Delhi, Jakarta dan Bangkok. Pada hari ini, Malaysia mempunyai 107 perwakilan diplomatik dan satu Pejabat Persahabatan dan Perdagangan di serata dunia. Teras utama Dasar Luar Negeri Malaysia adalah untuk melindungi kedaulatan serta mempertahankan kepentingan negara melalui diplomasi yang efektif, dinamik dan proaktif.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

MENINGKATKAN USAHA DAN KERJASAMA DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN SEMASA PANDEMIK COVID-19



Majlis Penyerahan Sumbangan Peralatan Perubatan oleh Duta Besar Republik Rakyat China ke Malaysia

Atas usaha kementerian, Malaysia telah berjaya mendapatkan sumbangan dan sokongan dalam bentuk perkongsian maklumat serta strategi untuk menangani COVID-19. Malaysia juga telah menerima sumbangan peralatan perubatan daripada China, Emiriah Arab Bersatu dan Arab Saudi.

MENGATURKAN INISIATIF *MALAYSIA'S DIPLOMATIC EQUIPMENT STOCKPILE* (MDES) UNTUK DIPLOMAT MALAYSIA DI DALAM DAN DI LUAR NEGARA

Malaysia's Diplomatic Equipment Stockpile (MDES) merupakan satu inisiatif yang diilhamkan oleh Menteri Luar Negeri, YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein pada 30 Mac 2020. MDES diwujudkan untuk membantu pegawai-pegawai yang bertugas di Perwakilan Malaysia di seluruh dunia dalam menghadapi bencana dan penularan wabak penyakit (epidemik / pandemik). Mereka dikategorikan sebagai *"frontliners"* Kerajaan Malaysia di luar negeri yang turut memerlukan sokongan dan bantuan. MDES kini dijadikan platform untuk mengumpul dan menyelaras sumbangan serta bantuan yang diterima daripada semua

pihak kepada Perwakilan Malaysia di luar negeri bagi membanteras penularan wabak penyakit COVID-19.



Majlis Penyerahan Sumbangan Peralatan Perubatan oleh Duta Besar Emeriah Arab Bersatu ke Malaysia

MEMUDAH CARA KEPULANGAN 27,054 RAKYAT MALAYSIA YANG TERKANDAS DI 99 BUAH NEGARA

Dalam memerangi pandemik COVID-19, antara peranan utama Kementerian Luar Negeri adalah untuk menghulurkan bantuan sewajarnya kepada rakyat Malaysia di luar negara yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19 termasuk membantu memudah cara urusan rakyat Malaysia yang terkandas di luar negara disebabkan sekatan perjalanan dan penggantungan penerbangan.



Wisma Putra telah memudah cara kepulangan 27,054 rakyat Malaysia yang terkandas di 99 buah negara

Dalam menjayakan usaha-usaha ini, Wisma Putra membantu dari segi bantuan logistik serta rundingan bersama Kerajaan dengan negara-negara yang terlibat. Sehingga 22 Februari 2021, KLN telah berjaya melaksanakan koordinasi evakuasi dan repatriasi 27,054 orang rakyat Malaysia yang terkandas di 99 buah negara ke tanah air. Usaha ini direalisasikan melalui 556 buah penerbangan komersial dan pesawat sewaan khas.

MERUNDINGKAN PEMBUKAAN SEMPADAN SECARA TERKAWAL DAN BERFASA PERTAMA DENGAN SINGAPURA : *RECIPROCAL GREEN LANE* (RGL) DAN *PERIODIC COMMUTING ARRANGEMENT* (PCA) MALAYSIA-SINGAPURA UNTUK MANFAAT EKONOMI

Pelaksanaan *Reciprocal Green Lane* (RGL) atau Laluan Hijau Timbal Balik dan *Periodic Commuting Arrangement* (PCA) atau Pengaturan Ulang Alik Berkala antara Malaysia dan Singapura. Ini merupakan gelembung perjalanan pertama antara Malaysia dengan negara lain di era pandemik COVID-19, sekaligus membawa manfaat ekonomi kepada negara.



Pertemuan dengan Menteri Luar Negeri Singapura semasa perbincangan Reciprocal Green Lane (RGL) dan Periodic Commuting Arrangement (PCA) Malaysia-Singapura

DIPLOMASI VAKSIN



Mencari kesepakatan dengan negara-negara serantau dalam menjayakan diplomasi vaksin

Sejak dilantik sebagai Menteri Luar Negeri pada Mac 2020, YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein telah memulakan inisiatif *first mover advantage* supaya KLN menjadi penghubung di antara kerajaan Malaysia dengan negara-negara pengeluar vaksin COVID-19. Inisiatif tersebut telah memberikan platform yang bersesuaian untuk Malaysia menerokai peluang kerjasama dengan China dan Rusia dalam diplomasi vaksin.

Wisma Putra, melalui Perwakilan Tetap Malaysia ke PBB di Geneva, terlibat secara langsung dalam usaha mendapatkan bekalan vaksin untuk Malaysia melalui *COVAX Facility.* Fasiliti itu adalah inisiatif global yang diterajui bersama WHO, *Coalition for Epidemic Preparedness Innovations* (CEPI) dan *GAVI Vaccine Alliance,* yang membolehkan negara peserta mendapat akses kepada bekalan vaksin COVID-19 secara adil, selamat dan berpatutan.

MENAMBAH BAIK HUBUNGAN DUA HALA ANTARA MALAYSIA DENGAN BEBERAPA NEGARA, TERMASUK CHINA, INDIA DAN TIMUR TENGAH

Hubungan yang baik ini telah meningkatkan jumlah eksport minyak sawit Malaysia, terutamanya ke India dan China. Bagi Timur Tengah, hubungan yang baik antara Malaysia dengan UAE dan Arab Saudi telah secara tidak langsung meningkatkan hubungan perdagangan negara dengan negara-negara Timur Tengah yang lain.

MENERIMA LAWATAN RASMI PERTAMA DARIPADA CHINA KE MALAYSIA : LAWATAN RASMI TYT WANG YI, PENASIHAT NEGARA DAN MENTERI LUAR NEGERI REPUBLIK RAKYAT CHINA KE MALAYSIA



Lawatan Rasmi TYT Wang Yi, Penasihat Negara dan Menteri Luar Negeri Republik Rakyat China ke Malaysia

Lawatan rasmi pertama dari China ke Malaysia di bawah Kerajaan Perikatan Nasional bagi merapatkan hubungan antara pemimpin kanan Malaysia dan China. TYT Wang Yi telah mengadakan mesyuarat dua hala bersama Menteri Luar Negeri, YB Dato' Seri Hishammuddinbin Tun Hussein dan mengadakan kunjungan hormat secara maya ke atas YAB Perdana Menteri semasa lawatan tersebut.

MAJLIS MENANDATANGANI SURAT CARA PENGRATIFIKASIAN TRITI MENGENAI PENGHARAMAN SENJATA NUKLEAR (TPNW)

Malaysia menandatangani surat cara pengratifikasian Triti Mengenai Pengharaman Senjata Nuklear atau *Treaty on the Prohibition of Nuclear Weapons* (TPNW). Pengratifikasian TPNW oleh Malaysia adalah suatu usaha penting ke arah pelucutan senjata nuklear di persada antarabangsa dan mengukuhkan komitmen dan sokongan Malaysia terhadap penghapusan senjata nuklear secara menyeluruh.



Malaysia adalah negara ke-50 yang meratifikasikan Triti Mengenai Pengharaman Senjata Nuklear (TPNW)

MEMPERJUANGKAN HAK PALESTIN DI PLATFORM ANTARABANGSA

Di peringkat domestik, isu ini juga diketengahkan melalui pelbagai mekanisme termasuk Kempen *Unite for Palestine* dengan kerjasama Kedutaan Besar Palestin di Kuala Lumpur. Kempen ini diadakan di Parlimen Malaysia dari 27 Julai sehingga 6 Ogos 2020, di mana kempen berkenaan telah berjaya mengumpul sokongan 200 ahli Parlimen Kerajaan dan pembangkang.



Kempen Unite for Palestine di Parlimen Malaysia

JABATAN DAN AGENSI

Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR)
Jalan Wisma Putra
Bukit Petaling
50460 Kuala Lumpur

☎ : 03 2149 1000
🖷 : 03 2144 5640
🖱 : www.idfr.gov.my

Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT)
Lot 516, Persiaran Tuanku Ja'afar
Bukit Persekutuan
50480, Kuala Lumpur

☎ : 03 2280 2800
🖷 : 03 2274 9487
🖱 : www.searcct.gov.my

Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia
Bangunan Institiut Antara Bangsa
Jalan Parlimen
50480 Kuala Lumpur

☎ : 03 2693 9366
🖷 : 03 2691 5435 / 03 2691 3210
🖱 : www.isis.org.my

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

No.13
Persiaran Perdana, Presint 2
62623 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : -
🖱 : www.kpdnhep.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi
Menteri



YB Dato' Rosol bin Wahid
Timbalan Menteri



YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menggubal dasar, strategi dan mengkaji perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan perdagangan dalam negeri, khususnya dalam sektor perdagangan pengedaran dan kepenggunaan.

Kementerian ini komited dalam mengadaptasi langkah pemulihan ekonomi yang terkesan akibat penularan COVID-19 di samping memastikan bekalan dan harga barangan keperluan sentiasa stabil dan bersama kerajaan untuk memulihkan eknomi negara secepat mungkin.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PEMANTAUAN BERTERUSAN TERHADAP BARANG-BARANG KEPERLUAN ASAS SEPANJANG TEMPOH PKP SELURUH NEGARA



Penguatkuasa membuat pemeriksaan harga barang-barang keperluan asas di pasaraya

Pemantauan berterusan terhadap barang-barang keperluan asas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seluruh negara dilaksanakan bertujuan memantau dan mengawal selia kecukupan bekalan barangan keperluan asas sepanjang tempoh penularan COVID-19.

Pelaksanaan pemantauan khas ini merangkumi 2711 peruncit daerah terpilih, 1039 pemborong daerah terpilih dan 198 pengilang daerah terpilih dari seluruh negara. Pelaksanaan pemantauan khas ini bertujuan memastikan bekalan barang kawalan dan keperluan asas mencukupi dan mudah diperolehi dengan harga yang berpatutan sekaligus menyelesaikan isu-isu dan aduan berhubung bekalan barang kawalan dan keperluan asas dalam tempoh pandemik COVID-19.

KOLOKIUM PERDAGANGAN PENGEDARAN 2020

Kolokium Perdagangan Pengedaran di Malaysia Tahun 2020 melibatkan seramai 237 peserta daripada industri perdagangan pengedaran. Objektif penganjuran kolokium ini adalah untuk menyediakan platform kepada penggubal dasar, pemain industri, ahli akademik serta pihak yang berkepentingan untuk membincangkan hala tuju perdagangan pengedaran di Malaysia serta mendapatkan pandangan dan strategi pendigitalan

sektor peruncitan daripada pemegang taruh dan pemain industri dalam memperkasakan digitalisasi sektor peruncitan pasca-PKP. Amalan terbaik *(best practices)* telah dikongsikan dalam kalangan pemain industri berkaitan dengan fokus Kementerian untuk memperhebatkan lagi sektor perdagangan pengedaran dalam industri peruncitan.



Menteri KPDNHEP, YB Dato Sri Dr. Sri Alexander Nanta Linggi berucap di Kolokium Perdagangan Pengedaran 2020 bertempat di Berjaya Times Square

PROGRAM CITARASA MALAYSIA (PCM) 2020

Program Citarasa Malaysia (PCM) merupakan salah satu inisiatif KPDNHEP dalam membantu memasar dan mempromosikan produk-produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk dikenali oleh pengguna dan seterusnya mendapat peluang untuk dipasarkan di dalam rangkaian peruncitan di Malaysia. Program promosi ini dijalankan sepanjang tahun di pasaraya yang terpilih dan setiap program akan diadakan selama tiga (3) hingga empat (4) hari bergantung kepada lokasi yang dipilih bagi memberi peluang kepada usahawan PKS untuk mempromosi dan memasarkan produk mereka. Sepanjang tahun 2020, sebanyak tujuh (7) lokasi telah dipilih bagi pelaksanaan program ini, namun disebabkan oleh penularan



Menteri KPDNHEP, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi turun padang sewaktu Program Citarasa Malaysia (PCM) 2020 berlangsung

wabak COVID-19 dan beberapa siri pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PCM 2020 telah dijalankan di empat (4) lokasi berbeza sekitar Malaysia melibatkan seramai 68 syarikat PKS dengan mencatatkan nilaian jualan sebanyak RM109,341.90 untuk tempoh sepanjang program tersebut dilaksanakan.

SESI PERBINCANGAN MEJA BULAT YB MENTERI KPDNHEP BERSAMA INDUSTRI FRANCAIS

Sesi Perbincangan Meja Bulat Yang Berhormat Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama Industri Francais diadakan bertujuan untuk membincangkan isu-isu yang dihadapi oleh francaisor dan francaisi semasa berlakunya pandemik COVID-19.

Selain terkesan dengan pandemik COVID-19, sesi perbincangan ini menjadi platform bagi mendengar dan berkomunikasi secara langsung dengan industri francais mengenai cabaran dan harapan untuk mengembangkan perniagaan francais di dalam dan luar negara.

Antara isu dan perkara yang telah dibincangkan semasa sesi meja bulat ini adalah:

- penglibatan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam industri francais;
- mewujudkan semula francais mikro dalam pengembangan industri francais;
- penganjuran semula program francais komuniti;
- pengoperasian pusat pendidikan dan perkembangan kanak-kanak melibatkan pelbagai kementerian; dan
- hala tuju untuk mengembangkan dan merancakkan industri francais



Menteri KPDNHEP, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi berucap pada sesi Perbincangan Meja Bulat Bersama Industri Francais

PROGRAM SIRI JELAJAH *FRANCHISE BAY* 2020

Program ini adalah pameran berskala kecil yang diadakan di ruang legar kompleks membeli-belah yang dikenal pasti berpotensi untuk komuniti francais. Program ini bertujuan untuk mempromosi perniagaan francais ke seluruh negara di samping memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai sistem perniagaan francais yang ada di pasaran. Para pengunjung yang hadir dapat mengetahui pakej-pakej perniagaan francais yang ada di samping program-program pembiayaan yang disediakan oleh kerajaan. Program ini turut melibatkan para pelajar daripada institusi-institusi pengajian tinggi dalam lokaliti yang sama untuk diberi pendedahan mengenai perniagaan francais.

Program ini telah melibatkan 12 pempamer syarikat francais yang terdiri daripada pelbagai sektor termasuk makanan dan minuman, perkhidmatan dan pendidikan awal kanak-kanak. Jelajah *Franchise Bay* telah memberikan pendedahan dan kesan yang positif bukan sahaja kepada pempamer malah pihak kementerian dan komuniti yang berkunjung ke *MyTown*, Kuala Lumpur.



Siri Jelajah Franchise Bay dirasmikan oleh Ketua Setiausaha (KSU), KPDNHEP, YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad bertempat di MyTown, Kuala Lumpur

SIRI JELAJAH KBBM

KPDNHEP telah mengadakan siri jelajah Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) ke setiap negeri di seluruh Malaysia yang turut melibatkan pihak berkuasa tempatan, agensi dan pemain industri dalam sektor peruncitan. Kerjasama ini melibatkan penyediaan ruang pameran dan *booth* jualan barangan Malaysia di pusat beli-belah utama di seluruh negara. Siri Jelajah KBBM telah dilaksanakan di negeri-negeri seperti Melaka, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Perlis, Negeri Sembilan, Terengganu, Perak, Sabah dan Sarawak.



Majlis Pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Program Jualan Mega telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin di Suria KLCC, Kuala Lumpur

JABATAN DAN AGENSI

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
Menara SSM@Sentral
No 7, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur

☎ : 03 7721 4000
🖷 : 03 7721 4001
🖱 : www.ssm.com.my

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
Unit 1-7, Aras Bawah, Tower B, Menara UOA
Bangsar
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur

☎ : 03 2299 8400
🖷 : 03 2299 8989
🖱 : www.myipo.gov.my

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)
Level 15, Menara SSM@Sentral
7 Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur

☎ : 03 2273 2277
🖷 : 03 2272 2293 / 03 2272 1692
🖱 : www.mycc.gov.my

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8889 3712
🖱 : www.medac.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar
Menteri



YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Hj Samsudin
Timbalan Menteri



YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek
Ketua Setiausaha
(Hingga November 2020)



YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad
Ketua Setiausaha
(Bermula November 2020)

PENGENALAN

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) berwawasan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan unggul yang bersatu, makmur dan bermaruah dalam usaha mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif untuk menyokong agenda pembangunan keusahawanan negara yang inklusif, mampan serta dipacu oleh pengetahuan dan inovasi.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PELANCARAN PLATFORM WARONG *RIDER* PERINGKAT KEBANGSAAN



Majlis perasmian Pelancaran Platform Warong Rider Peringkat Kebangsaan telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar

MEDAC melalui SME Corp. Malaysia telah bekerjasama dengan Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja & Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM) melalui Program *Micro Connector* dalam memperkenalkan satu platform servis penghantaran Warong *Rider* yang boleh digunakan oleh semua golongan penjaja dan peniaga kecil di seluruh negara. Melalui kerjasama ini, rider di bawah platform Warong *Rider* akan dibekalkan dengan startup kit (beg penghantaran serta pakaian seragam) bernilai RM250 di mana 70% daripada kos tersebut dibiayai oleh SME Corp. Malaysia melalui Program *Micro Connector*. Pembiayaan ini dilihat dapat membantu mengurangkan

kos kepada golongan belia B40 yang menyertai platform dan sekaligus membuka peluang kepada mereka menjana pendapatan melalui perniagaan.

Khidmat penghantaran baharu iaitu Warong Rider ini bukan sahaja bertujuan membantu usahawan dalam kalangan penjaja dan peniaga kecil menggunakan perkhidmatan mereka, malah menjana peluang pekerjaan kepada rakyat terutamanya belia yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

MESYUARAT MENTERI-MENTERI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) KERJASAMA EKONOMI ASIA PASIFIK KE-26 (APEC)

Menteri-menteri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik ke-26 (APEC) telah mencapai kata sepakat mengenai kepentingan proses pendigitalan untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) kembali pulih dan membina daya tahan dalam persekitaran pandemik COVID-19. Negara anggota APEC yang mengambil bahagian dalam mesyuarat tersebut menyatakan betapa penting peranan pendigitalan, inovasi dan teknologi dalam membina daya tahan MSME. Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi APEC 2020 di mana usaha yang lebih bersepadu oleh negara anggota APEC dijangka dapat terus mempromosikan perdagangan dan pelaburan bebas, adil dan terbuka di antara negara terutamanya dalam meningkatkan pertumbuhan dan memperkukuhkan daya tahan dalam rantaian bekalan global (GVC). Menteri-menteri di Mesyuarat PKS APEC menyokong Pelan Strategik Kumpulan Kerja APEC PKS 2021-2024 yang menetapkan objektif dalam lima bidang keutamaan iaitu keusahawanan,



Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar mempengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik ke-26 (APEC)

inovasi dan syarikat mula niaga; akses PKS ke pasaran antarabangsa dan GVC; pembangunan keupayaan inklusif ke arah pendigitalan; akses kepada kewangan dan penyelesaian kewangan alternatif; serta interaksi antara kerajaan dan perniagaan.

PROGRAM TEKUN *MOBILEPRENEUR* TEKUN NASIONAL

Program TEKUN *Mobilepreneur* diwujudkan untuk membuka peluang perniagaan serta bantuan pembiayaan perniagaan kepada golongan yang hilang pekerjaan akibat terkesan dengan wabak COVID-19 untuk menjadi *Gig worker/rider* bagi syarikat penghantaran makanan, barangan dan keperluan harian.

Pembiayaan TEKUN *Mobilepreneur* disediakan kepada peserta untuk tujuan pembelian motosikal, baik pulih motosikal dan modal pusingan. Jumlah had pembiayaan maksimum sehingga RM10,000.00. Sebanyak 17 syarikat e-hailing telah menyertai Program TEKUN *Mobilepreneur* TEKUN Nasional. Sehingga 30 November 2020, sebanyak RM20.98 juta telah disalurkan kepada 2,542 orang *rider* di bawah Program *TEKUN Mobilepreneur* di seluruh negara.



Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar menyampaikan replika cek kepada peserta Program Tekun Mobilepreneur

PROGRAM KPT – MEDAC *SISWAPRENEUR*

Program KPT – MEDAC *Siswapreneur* merupakan program pembudayaan keusahawanan kepada pelajar yang berhasrat memulakan atau menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan semasa dalam tempoh pembelajaran di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), politeknik dan kolej komuniti. Inisiatif ini selaras dengan Dasar Keusahawanan Negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah *"Entrepreneurial Nation"* dengan mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan lestari di setiap universiti awam.

TEKUN Nasional berperanan sebagai agensi pembiaya dan akan bekerjasama dengan Pusat-pusat Pembangunan Keusahawanan IPT yang akan menyelaraskan pemilihan peserta yang berkelayakan, permohonan pembiayaan serta pemantauan perkembangan perniagaan pelajar. Proses permohonan pembiayaan akan diuruskan oleh semua Pejabat Cawangan TEKUN Nasional di seluruh negara berdasarkan lokasi IPT yang ditentukan. Program KPT – MEDAC *Siswapreneur* ini mensasarkan 4,000 orang peserta dengan peruntukan RM20 juta.



Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar berucap sewaktu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Program KPT-Medac Siswapreneur

DIALOG KEUSAHAWANAN WANITA 2020

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) buat julung kalinya telah berkolaborasi dengan agensi di bawahnya seperti Bank Rakyat, SME Corp. Malaysia dan TEKUN Nasional dalam penganjuran program "Dialog Keusahawanan Wanita 2020" bersama Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Shamsudin.

Sesi dialog juga dapat diikuti secara maya melalui aplikasi *FB Live* dan *Google Meet* oleh kumpulan sasar berkenaan dan individu yang berminat. Penganjuran dialog ini telah mencapai objektifnya di mana melalui platform ini, wakil koperasi/ usahawan wanita (pelbagai lapisan) telah mengetengahkan secara langsung isu-isu dan cabaran yang dihadapi, serta cadangan penambahbaikan bagi dasar dan program keusahawanan wanita sedia ada, khususnya dalam menghadapi cabaran pandemik COVID-19 ini yang menyebabkan banyak pihak dan industri terkesan terutamanya komuniti usahawan.



Dialog Keusahawanan Wanita 2020 bersama Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin diadakan di Dewan Tun Abdul Razak, Menara Kembar Bank Rakyat

JABATAN DAN AGENSI

Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan
Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

☎ : 03 2083 4000
🖷 : 03 2083 4100
🖱 : www.skm.gov.my

Institut Koperasi Malaysia
103 Jalan Templer
46700 Petaling Jaya
Selangor

☎ : 03 7964 9000
🖷 : 03 7957 0434
🖱 : www.ikkm.edu.my

SME Corporation Malaysia
Level 6
SME 1, Block B
Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

☎ : 1300 30 6000
🖷 : 03 2775 6001
🖱 : www.smecorp.gov.my

Kumpulan SME Bank
Menara SME Bank
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

☎ : 03 2615 2020
🖷 : 03 2698 1748
🖱 : www.smebank.com.my

Bank Rakyat
Menara 1
Menara Kembar Bank Rakyat
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral
50470 Kuala Lumpur

☎ : 1 300 80 5454
🖷 : 03 5526 9000
🖱 : www.bankrakyat.com.my

TEKUN Nasional
Ibu Pejabat TEKUN Nasional
T5-01-01, Menara 5
Jalan Lingkaran Tengah
Lingkaran Maju (Maju Link)
57000 Bandar Tasik Selatan
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

☎ : 03 9059 8990
🖷 : 03 9059 9292
🖱 : www.tekun.gov.my

UDA Holdings Berhad
Blok Menara, Kompleks Pertama
Jalan Tuanku Abdul Rahman
50100 Kuala Lumpur

☎ : 03 2730 8500
🖷 : 03 2713 8500
🖱 : www.uda.com.my

Perbadanan Nasional (PNS)
Aras 13A, Menara PNS, Tower 7
Avenue 7, Bangsar South City
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur

☎ : 03 2082 7788
🖷 : 03 2082 7787
🖱 : www.pns.com.my

Institut Keusahawanan Negara
Kampus INSKEN, CoPlace 1
2270 Jalan Usahawan 2
Cyber 6
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

☎ : 03 8314 8800
🖷 : 03 8314 8900
🖱 : www.insken.gov.my

KEMENTERIAN KERJA RAYA

Tingkat 1-14, Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 Kuala Lumpur

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 2711 1101
🖱 : www.kkr.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof
Menteri



YB Dato' Eddin Syazlee bin Shith
Timbalan Menteri



YBhg. Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Kerja Raya (KKR) ditubuhkan sebagai kementerian utama di Malaysia yang bertanggungjawab mengkaji, merancang, menilai dan menggubal dasar - dasar baharu untuk industri pembinaan (infrastruktur dan bangunan) selaras dengan pembangunan negara.

Selain itu, KKR juga bertanggungjawab dalam perancangan, pembangunan dan penyenggaraan jalan raya, lebuhraya, cerun di Jalan Persekutuan serta Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP).

KKR merupakan kementerian yang terlibat dalam meningkatkan kompetensi sumber manusia dengan membangunkan kepakaran kejuruteraan dan teknikal. Secara tidak langsung, KKR juga merupakan peneraju pelaksanaan *Intelligence Transportation* System (ITS) negara bagi meningkatkan keberkesanan rangkaian jalan raya, keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PEMBUKAAN *CENTRAL SPINE ROAD* SEKSYEN 3E1: MENTARA KE MERAPOH, PAHANG MEMBERI KESELESAAN DAN KESELAMATAN PEMANDUAN KEPADA RAKYAT



Acara perasmian pelepasan kenderaan oleh Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri. Haji Fadillah bin Haji Yusof dan Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail sebagai simbolik perasmian

Skop utama Seksyen 3E1 dari Mentara ke Merapoh Pahang melibatkan pembinaan jalan baharu empat (4) lorong dua (2) hala mengikut piawaian JKR R5. Seksyen ini telah dimulakan pada 19 September 2016 dan berjaya disiapkan pada 16 Februari 2020 dengan kos pembinaan sebanyak RM93.58 juta. Pembukaan jajaran sepanjang 5.4 kilometer ini menjadikan jumlah keseluruhan jajaran CSR yang telah dibuka kepada pengguna adalah sepanjang 61 kilometer. Projek CSR sepanjang 347 kilometer dilaksanakan secara enam (6) pakej utama, bermula RMKe-9 dengan keutamaan pelaksanaan di pakej 3 disebabkan isu keselamatan (kawasan kemalangan).

PROJEK MENAIK TARAF JALAN MRR2 DAN LALUAN MASUK HUB TERMINAL BERSEPADU GOMBAK MELANCARKAN ALIRAN TRAFIK

Projek Menaiktaraf Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2), Persimpangan Taman Melati dan laluan masuk Hub Terminal Bersepadu Gombak menjadi satu lagi

projek yang memberi impak tinggi kepada rakyat setelah berjaya disiapkan. Projek naik taraf jalan sepanjang 2.5 kilometer ini bakal memberikan keselesaan kepada pengguna jalan raya dan membantu mengurangkan masalah kesesakan trafik di kawasan Terminal Bersepadu Gombak semasa waktu puncak atau musim perayaan.

Projek ini dilaksanakan secara kontrak Reka dan Bina, di mana, peruntukan projek adalah melalui Dana Mudahcara *Public Private Partnership* (PPP) yang disalurkan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri. Kos semasa projek adalah sebanyak RM106 juta dan penjimatan sebanyak RM763,200. Skop projek melibatkan naik taraf jalan sedia ada daripada laluan tiga (3) lorong dua (2) hala kepada lima (5) lorong dua (2) hala dengan piawaian JKR R5.

Projek di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) ini bermula pada 13 September 2016 dan telah siap sepenuhnya pada 2 0gos 2019. Pihak lain yang terlibat dalam pelaksanaan projek ini ialah Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) dan pihak Kontraktor Terminal Bersepadu Gombak Sdn. Bhd. (TEGAS).



Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof merasmikan projek naik taraf disaksikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali

PEMBUDAYAAN SOP PEMBINAAN SEBAGAI NORMA BAHARU MENDEPANI PANDEMIK COVID-19

Sebagai kementerian yang bertanggungjawab menyebarluas Prosedur Operasi Standard (SOP) sektor pembinaan sewaktu pandemik COVID-19 di negara ini, beberapa siri penerangan telah dilaksanakan melalui medium media utama nasional.



Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof sewaktu ditemubual dalam rancangan Bicara Politikonomi TV1 RTM

Usaha membudayakan norma baharu dalam kalangan pemain industri pembinaan ini amat penting kerana kawasan tapak pembinaan dan kawasan penginapan pekerja berisiko untuk penularan wabak sekiranya SOP diabaikan. Sebarang kealpaan dalam memberikan panduan dan kesedaran akan memberikan kesan besar terhadap tahap kesihatan dan juga ekonomi negara kerana sektor pembinaan mencatatkan purata nilai projek sebanyak RM140 bilion setahun dan ia juga mempunyai nilai gandaan *(multiplier effect)* sebanyak dua (2) kali ganda.

Antara SOP yang perlu dipatuhi oleh setiap projek pembinaan termasuk memastikan semua pekerja warga asing menjalani ujian saringan COVID-19 dan disahkan bebas daripada jangkitan sebelum boleh mula bekerja.

TINJAUAN TAHAP PEMATUHAN SOP DI TAPAK PEMBINAAN

Kerjasama dan kesediaan pemaju projek dan kontraktor untuk sentiasa mematuhi amalan terbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) mampu menghalang penularan wabak COVID-19 di tapak pembinaan. Ini akan membolehkan projek-projek pembinaan diteruskan bagi memangkin pembangunan ekonomi negara.

Hasil pemeriksaan mendapati terdapat inisiatif yang diambil syarikat kontraktor seperti membangunkan aplikasi khas bagi merekodkan kehadiran serta status kesihatan pekerja dan mengesan pergerakan pekerja supaya tidak melepasi kawasan projek semasa waktu bekerja. Selain itu, kontraktor tersebut juga mengasingkan tempat rehat bagi pekerja mengikut bidang di aras berlainan di tapak pembinaan untuk memastikan penjarakan sosial pada waktu rehat.



Sesi turun padang meninjau pelaksanaan dan pematuhan SOP Sektor Pembinaan oleh Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof

MEMPERKASA AKTA BERHUBUNG PENGINAPAN PEKERJA DI TAPAK PEMBINAAN

Syarikat pembinaan yang menyediakan kemudahan perumahan dan penginapan pekerja di kawasan tapak pembinaan adalah tertakluk kepada Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990. Selain itu,



Pemeriksaan Penginapan Tapak Pembinaan oleh Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof

penginapan ini turut mengikut piawaian *Malaysian Standard for Temporary Construction Workers' Amenities and Accomodation* (MS 2593:2015) yang dibangunkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA).

Secara amnya semua penempatan pekerja yang terletak di dalam mahupun di luar tapak pembinaan perlulah memenuhi tiga (3) perkara asas, iaitu selamat, bersih dan selesa mempunyai keluasan yang sesuai dengan jumlah penghuni dan mematuhi peraturan dan undang-undang di semua peringkat. Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakaan Pemulihan (PKPP) semua penempatan pekerja turut perlu mematuhi SOP yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Berdasarkan laporan oleh Kementerian Kesihatan (KKM), penempatan pekerja boleh menjadi tempat penularan wabak COVID-19 jika Prosedur Operasi Standard (SOP) tidak dipatuhi. Oleh yang demikian, aktiviti pembersihan dan pembasmian kuman, penyemburan serangga atau *fogging*, serta kawalan makhluk perosak juga dilakukan secara berkala bagi mengelakkan penyebaran penyakit.

KEMPEN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU PERINGKAT KKR DI HENTIAN REHAT DAN RAWAT LEBUHRAYA

Mesej utama kempen ini ialah kawalan kendiri, pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan pembudayaan norma baharu dengan kerap mencuci tangan, memakai pelitup muka, mengimbas aplikasi MySejahtera dan mengamalkan penjarakan fizikal satu (1) meter.

Bagi meningkatkan kesedaran rakyat, maklumat-maklumat disebarkan melalui bahan cetakan seperti gegantung, *bunting*, edaran poster dan pelekat kenderaan serta paparan mesej kempen di 184 *Variable Message Sign* (VMS) dan *LED lightbox* di seluruh Lebuh raya Konsesi di bawah Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM). Kaedah ini mampu disebar-luaskan secara berskala besar kerana pengguna lebuh raya di negara ini mencecah 1.5 juta orang sehari.



Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Dato' Eddin Syazlee bin Shith membuat tinjauan Kempen Pembudayaan Norma Baharu di R&R Restoran Jejantas Sg. Buloh

SARINGAN COVID-19 BERKELOMPOK PEKERJA PEMBINAAN WARGA ASING KOLABORASI PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO) DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)

Program Saringan Prihatin (PSP) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah diadakan secara berkelompok kepada pekerja asing di sektor pembinaan di Selangor dan Kuala Lumpur.

Inisiatif ini berjaya menarik penyertaan daripada 700 pekerja warga asing dari 59 syarikat kontraktor untuk menjalani ujian tersebut di Pusat Konvensyen Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Sehingga Julai, lebih 13,000 pekerja warga asing di dalam sektor pembinaan telah menjalani ujian saringan melalui program ini sejak mula dilaksanakan pada 27 April 2020. Bermula 1 Jun 2020, skop PSP PERKESO telah diperluaskan melalui subsidi sehingga RM150 bagi satu saringan sebagai langkah meningkatkan bilangan pekerja yang disaring.



Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan meninjau pelaksanaan ujian saringan COVID-19

KPPA IKTIRAF 13 PAKAR BIDANG KHUSUS (SME) JKR

Seramai 13 pegawai Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert* – SME) Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menerima watikah Kenaikan Pangkat bagi mengiktiraf kepakaran dan sumbangan mereka dalam bidang kejuruteraan dan teknikal. Program pembangunan Pakar Bidang Khusus antara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah bermula sejak tahun 2016.

JABATAN DAN AGENSI

Jabatan Kerja Raya
Menara Kerja Raya (Blok G)
Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur

☎ : 03 2610 8888 / 03 2618 9000
🖷 : 03 2618 8799
🖱 : www.jkr.gov.my

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
Tingkat 10, Menara Dato' Onn
Putra World Centre (PWTC)
No. 45, Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur

☎ : 03 4047 7000
🖷 : 03 4047 7070
🖱 : www.cidb.gov.my

Lembaga Lebuhraya Malaysia
Wisma Lebuhraya
KM 6 Jalan Serdang - Kajang
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

☎ : 03 87373000
🖷 : 03 87373555
🖱 : www.llm.gov.my

Lembaga Jurutera Malaysia
Ibu Pejabat JKR, Tingkat 17
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

☎ : 03 26912090
🖷 : 03 2692 5017
🖱 : www.bem.org.my

Lembaga Arkitek Malaysia
Ibu Pejabat JKR, Tingkat 17
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

☎ : 03 2698 2878 / 03 2696 7087
🖷 : 03 2693 6881
🖱 : www.lam.gov.my

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia
Level 17, Block F
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

☎ : 03 2610 7809
🖷 : 03 2692 5680
🖱 : www.bqsm.gov.my

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana
Presint 4
62574 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8889 2672
🖱 : www.ketsa.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah
Menteri



YB Datuk Ali bin Biju
Timbalan Menteri



YBhg. Datuk Zurinah binti Pawanteh
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) secara rasminya ditubuhkan pada 10 Mac 2020 susulan penstrukturan semula kabinet di peringkat persekutuan.

Bidang tanggungjawab Kementerian ini adalah hasil penggabungan bahagian dan jabatan daripada dua kementerian iaitu sektor Tenaga daripada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar (MESTECC), digabungkan bersama Sektor Sumber Asli daripada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS). Terdapat enam (6) buah Jabatan di bawah KeTSA, satu (1) Suruhanjaya, tiga (3) Badan Berkanun, dua (2) Badan Profesional dan satu (1) Yayasan.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

KETSA TAWARKAN 1,000MW KUOTA SOLAR DI BAWAH PROGRAM LSS@MENTARI



Menteri Tenaga dan Sumber Asli, YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Hj Nasarah berucap dalam sidang media Program LSS@Mentari

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Suruhanjaya Tenaga (ST) membuka proses bidaan secara kompetitif untuk Program Solar Berskala Besar oleh Industri Elektrik Malaysia bagi Menarik Pelaburan Tenaga Boleh Diperbaharui (LSS@MenTARI). Menerusi LSS@MenTARI, sebanyak 1,000 megawatt (MW) kuota solar ditawarkan melalui proses bidaan dan hanya dibuka kepada syarikat milik tempatan sepenuhnya atau sekurangnya-

kurangnya 75 peratus pegangan saham tempatan untuk syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Tawaran kuota kali ini adalah yang terbesar di bawah program LSS yang mana sebanyak 370MW solar ditawarkan semasa LSS-1, LSS-2 (520MW) dan LSS-3 (500MW). Langkah itu bertujuan memulihkan dan merangsang ekonomi yang terjejas susulan penularan pandemik COVID-19. Selain itu, ia juga bertujuan merancakkan pembangunan industri pembekalan elektrik negara khususnya Tenaga Boleh Diperbaharui. Kementerian menetapkan kapasiti maksimum yang boleh dibida oleh setiap pemaju diturunkan daripada 100MW sebelum ini kepada hanya 50MW bagi memberi peluang kepada lebih ramai pengiat industri solar membuat bidaan. Program LSS@MenTARI akan menarik pelaburan sebanyak RM4 bilion dan menjana 12,000 peluang pekerjaan.

BANTUAN PRIHATIN ELEKTRIK : DISKAUN TAMBAHAN BIL ELEKTRIK SEPANJANG TEMPOH PKP

Kerajaan telah meluluskan RM947 juta melalui Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) yang memberi manfaat kepada 7.66 juta pengguna domestik di Semenanjung Malaysia dengan tujuan meringankan beban ekoran peningkatan bil elektrik sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa Mac 2020. Seramai empat (4) juta daripada penerima manfaat dengan penggunaan elektrik 300kWj ke bawah atau bil elektrik RM77 ke bawah telah menikmati bekalan elektrik secara percuma bagi bulan April, Jun dan Julai.

Pakej bantuan BPE ini berbeza dengan Diskaun Prihatin Elektrik yang diumumkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi di mana ia diberikan kepada pengguna bermula April sehingga September 2020.



Menteri Tenaga dan Sumber Asli, YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Hj Nasarah mengumumkan Bantuan Prihatin Elektrik (BPE)

PENURUNAN SURCAJ 2 SEN/KWJ BAGI PENGGUNA BUKAN DOMESTIK, TARIF DOMESTIK KEKAL, DISKAUN BIL ELEKTRIK PENGGUNA DOMESTIK

Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dan peka dalam membantu meringankan beban rakyat yang terkesan dengan penularan wabak COVID-19, Kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan pemberian diskaun bil elektrik sedia ada sehingga 31 Disember 2020 untuk semua pengguna domestik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Ini adalah tambahan kepada pengumuman yang dibuat oleh Suruhanjaya Tenaga pada 30 Jun 2020 yang memaklumkan bahawa pengguna bukan domestik akan menikmati penurunan surcaj sebanyak 2 sen/kWj bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2020 manakala pengguna elektrik domestik kekal membayar kadar tarif sedia ada.

Seramai 7.66 juta pengguna domestik di Semenanjung Malaysia akan terus menikmati diskaun bil elektrik di antara 2% hingga 50% dari 1 Oktober sehingga 31 Disember 2020 sebagai lanjutan kepada diskaun elektrik yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Mac 2020 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Pelanjutan ini turut terpakai bagi pengguna elektrik dengan penggunaan di antara 601 hingga 900kWj yang mula mendapat diskaun 10% di bawah Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) yang diumumkan oleh Kerajaan pada 20 Jun 2020.



Pengguna domestik di Sabah dan Sarawak pula akan terus menerima diskaun bil elektrik sebanyak 2% sehingga 31 Disember 2020 yang akan memanfaatkan sekitar 520,000 pengguna di Sabah dan 580,000 pengguna di Sarawak. Pelanjutan diskaun selama tiga (3) bulan bagi pengguna-pengguna di Semenanjung



Menteri Tenaga dan Sumber Asli, YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Hj Nasarah menyantuni orang awam yang membuat urusan pembayaran bil elektrik

Malaysia akan dibiayai menggunakan dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) dengan anggaran sebanyak RM392 juta, manakala diskaun bagi Sabah dan Sarawak akan dibiayai oleh Kementerian Kewangan dengan anggaran peruntukan sebanyak RM6 juta. Ini menjadikan kos keseluruhan pemberian diskaun bil elektrik dari April hingga Disember 2020 adalah berjumlah RM2.62 bilion.

REPATRIASI 9 EKOR ORANG UTAN SUMATERA (PONGO ABELII) KE JAKARTA, INDONESIA

Proses repatriasi ini melibatkan kerjasama antara KeTSA melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dengan Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan (KLHK) Republik Indonesia. Penghantaran pulang Orang Utan Sumatera ini adalah obligasi negara di bawah peruntukan Artikel VIII, Teks Konvensyen Tentang Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam (CITES) dan Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686].

Jabatan PERHILITAN telah menerima sembilan (9) ekor Orang Utan Sumatera hasil rampasan daripada beberapa aktiviti penguatkuasaan perdagangan haram hidupan liar di Semenanjung Malaysia. Tujuh (7) ekor daripadanya adalah hasil rampasan daripada tiga (3) kes pada tahun 2018 dan 2019 oleh Jabatan PERHILITAN, Pasukan Polis Marin (PPM) dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) yang diseludup masuk melalui jalan laut. Manakala dua (2) ekor lagi adalah daripada serahan kepada Jabatan PERHILITAN dan aduan orang awam pada tahun 2018.

Kesemua Orang Utan Sumatera tersebut ditempatkan di bawah jagaan Jabatan PERHILITAN di Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) Sungkai, Perak. Hasil ujian DNA oleh Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan Jabatan PERHILITAN, kesemua orang utan tersebut telah disahkan berasal daripada spesies Pongo Abelii *(Sumatran orangutan)*. Kerajaan Indonesia telah bersetuju untuk menerima repatriasi orang utan ini ke Indonesia.



Orang Utan yang dikenal pasti daripada spesies Pongo Abelii dipersetujui untuk penghantaran pulang ke Indonesia

JABATAN DAN AGENSI

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG)
Aras 4, Podium, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana Presint 4
62574 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8889 3855
🖱 : www.jkptg.gov.my

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)
Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50660 Kuala Lumpur

☎ : 03 2616 4488
🖷 : 03 2692 5657
🖱 : www.forestry.gov.my

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
Wisma JUPEM, Jalan Sultan Yahya Petra
50578 Kuala Lumpur

☎ : 03 2617 0800
🖷 : 03 2691 7457
🖱 : www.jupem.gov.my

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)
Aras 9, Menara PjH
No.2, Jalan Tun Abdul Razak
Presint 2
62100 Putrajaya

☎ : 03 8871 6000
🖷 : 03 8871 6145/46
🖱 : www.jmg.gov.my

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
KM 10, Jalan Cheras
56100 Kuala Lumpur

☎ : 03 9086 6800
🖷 : 03 9075 2873
🖱 : www.wildlife.gov.my

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Behrang
35950 Tanjong Malim
Perak

☎ : 05 454 2825
🖷 : 05 454 2837
🖱 : www.instun.gov.my

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
52109 Kepong
Selangor

☎ : 03 6279 7000
🖷 : 03 6273 1314
🖱 : www.frim.gov.my

Suruhanjaya Tenaga (ST)
No. 12, Jalan Tun Hussein
Presint 2
62100, Putrajaya

☎ : 03 8870 8500
🖷 : 03 8888 8637
🖱 : www.st.gov.my

Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA)
Galeri PjH, Aras 9, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya

☎ : 03 8870 5800
🖷 :03 8870 5900
🖱 : www.seda.gov.my

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Blok 9, Parcel F
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya

☎ : 03 8091 8000
🖷 : 03 8091 8000
🖱 : www.perpaduan.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique
Menteri



YB Senator Dato' Sri Ti Lian Ker
Timbalan Menteri



YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Perpaduan Negara merupakan satu kementerian di bawah kerajaan Malaysia yang terbentuk selepas portfolio perpaduan nasional dikeluarkan daripada Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

Portfolio ini mula diperkenalkan pada 1 Julai 1969 dengan penubuhan Jabatan Perpaduan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pada 1 Julai 1969, Jabatan Perpaduan Negara mula ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai tindak balas daripada peristiwa 13 Mei yang dialami Malaysia. Pada 1972, portfolio ini dinaik taraf menjadi sebuah kementerian penuh yang dinamakan Kementerian Perpaduan Negara.

Pada 1980, portfolio ini diserap semula di bawah Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1990. Selepas pilihan raya umum Malaysia 1990, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pula ditubuhkan sehingga 2004.

Pada 2004 hingga 2008, ini diserap semula dalam Jabatan Perdana Menteri. Kemudian, portfolio ini digabungkan dalam kementerian kebudayaan menjadi Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Selepas pertukaran Perdana Menteri pada 2009, portfolio perpaduan diserap semula ke dalam Jabatan Perdana Menteri. Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan semula pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

MAJLIS PENGHARGAAN KELAB RUKUN NEGARA DAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA SEMPENA 50 TAHUN RUKUN NEGARA



Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique menyerahkan replika cek kepada pemenang Pertandingan Video Kreatif Bertemakan Perpaduan Dan Norma Baharu

Kelab Rukun Negara (KRN) mula ditubuhkan di sekolah-sekolah Malaysia pada tahun 2000 diikuti dengan penubuhan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) pada tahun 2004. Sehingga kini, terdapat 6,621 KRN ditubuhkan merangkumi 5,864 sekolah rendah dan menengah kebangsaan, 521 sekolah rendah dan menengah jenis kebangsaan Cina dan 236 SRJK Tamil. Bagi SRN pula, terdapat 172 telah ditubuhkan di IPT di seluruh Malaysia.

Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara merupakan platform berkesan dalam menyemai dan memperkukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar dan mahasiswa. Selain itu KRN dan SRN juga berperanan meningkatkan kesedaran untuk mempraktikkan lima prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian ke arah melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri, setia, bersatu padu, berwawasan, bermaruah, bersikap terbuka dan beretika sejajar dengan wawasan negara. Dalam usaha memperkasakan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia menangani wabak COVID-19 ini, Kementerian Perpaduan Negara turut menganjurkan program perkongsian video pendek dalam tiga (3) kategori dan seramai 39 orang pemenang pertandingan menerima Sijil Simpanan Premium BSN dengan nilai keseluruhan RM13,000.00.

MAJLIS PELANCARAN LAGU "SAYA ANAK MALAYSIA" SEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2020



Selari dengan Kempen Pembudayaan Norma Baharu peringkat Kementerian yang telah dilancarkan pada 28 Ogos yang lepas, kanak-kanak Tabika Perpaduan Taman Soon Hup Sibu turut mengadakan demonstrasi aktiviti "Take 5 Cuci Tangan" sebelum majlis pelancaran bermula

Bagi menyemarakkan semangat perpaduan menjelang Sambutan Hari Malaysia 2020, Kementerian Perpaduan Negara hari ini melancarkan video lagu "Saya Anak Malaysia" yang telah disusun semula dan dinyanyikan oleh 26 orang artis tempatan yang berbilang bangsa dan umur. Video lagu "Saya Anak Malaysia" ini boleh dimuat turun di laman web dan media

sosial Kementerian Perpaduan Negara. Kementerian mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk bersama menghayati dan menghargai perpaduan Malaysia yang ditampilkan melalui lagu ini.

Pertandingan fotografi dan video ini juga merupakan antara inisiatif kementerian untuk menggalakkan rakyat Malaysia menzahirkan pengertian perpaduan di Malaysia melalui kreativiti tersendiri menggunakan lensa kamera. Mengulas mengenai pertandingan ini, Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique berkata, "Kita sedar bahawa rakyat Malaysia amat kreatif dalam meluahkan rasa cinta dan sayang kepada negara. Melalui lagu popular, "Saya Anak Malaysia", kementerian ingin mengambil peluang ini untuk menggalakkan rakyat Malaysia untuk berkongsi makna perpaduan dengan cara kreatif mereka tersendiri. Pertandingan ini juga diharap akan dapat menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia bagi sambutan Hari Malaysia pada tahun ini."



Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique menyerahkan replika cek kepada pemenang Pertandingan Video Kreatif Bertemakan Perpaduan Dan Norma Baharu

MAJLIS PENYERAHAN KIT PERALATAN RONDAAN SKIM RONDAAN SUKARELA UNTUK RONDAAN TETANGGA

Skim Rondaan Sukarela (SRS) di bawah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah dibenarkan beroperasi bermula pada 20 Jun 2020 selaras dengan keputusan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri pada 6 Jun 2020 yang telah meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan Tugas Rondaan di Zon Hijau. Kit peralatan rondaan SRS ini seterusnya akan diedarkan kepada 1,079 SRS untuk digunakan oleh 68,410 anggota dan kit ini mengandungi peralatan seperti cecair sanitasi tangan, pelitup muka, wisel, ves keselamatan,

topi SRS, *flash baton*, meter suhu *(thermometer)* dan lampu suluh.

Semua peronda SRS juga akan diwajibkan menggunakan aplikasi MySejahtera untuk membolehkan pelaksanaan penilaian kesihatan kendiri dalam mengawal penularan pandemik COVID-19. Penyediaan kit peralatan rondaan ini adalah bagi memastikan pematuhan anggota-anggota SRS kepada protokol kesihatan seperti yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Operasi rondaan SRS ini akan terus memantapkan peranan KRT dalam memperkasakan masyarakat setempat (community empowerment) bagi memastikan Zon Hijau dan Zon Kuning terus kekal selamat daripada penularan wabak COVID-19.

PENUBUHAN MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA PERINGKAT KEBANGSAAN

Kementerian Perpaduan Negara telah menubuhkan Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) di peringkat kebangsaan selari dengan pengemaskinian dan penyusunan semula struktur jawatankuasa-jawatankuasa perpaduan sedia ada dan teras utama dan hala tuju baharu kerajaan semasa. MPPN dipengerusikan oleh YB Menteri Kanan Kluster Sosial dan dianggotai oleh tokoh-tokoh masyarakat merangkumi pelbagai sektor termasuk wakil dari Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan individu yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang perpaduan. Keahlian MPPN adalah dilantik oleh YAB Perdana Menteri bagi tempoh dua (2) tahun. MPPN akan bersidang sebanyak enam (6) kali setahun bagi membincangkan isu-isu perpaduan dan keharmonian rakyat Malaysia



Penubuhan Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) di peringkat kebangsaan

yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum. MPPN ini disokong oleh Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara yang dipengerusikan oleh YB Menteri Perpaduan Negara di peringkat kementerian dan Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri yang dipengerusikan oleh ahli-ahli YB EXCO Perpaduan Negeri di peringkat negeri masing-masing.

MPPN akan bertanggungjawab menasihati kerajaan melalui kementerian dalam hal ehwal perpaduan serta membincangkan isu-isu perpaduan, usaha-usaha penyatuan nasional dari pelbagai sudut dan mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk menangani isu dan cabaran perpaduan bagi terus mengukuhkan agenda perpaduan nasional.

Langkah penubuhan MPPN di peringkat kebangsaan dan jawatankuasa-jawatankuasa perpaduan di peringkat Kementerian serta negeri adalah bagi memperkukuhkan hal ehwal perpaduan dan integrasi nasional secara bersepadu demi kepentingan rakyat dan negara Malaysia.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN BERSAMA BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN) DAN AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK)

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman bersama Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah dilaksanakan secara atas talian sejajar dengan pembudayaan norma baharu mencegah penularan wabak COVID-19.

Inisiatif kerjasama bersama BSN dan AKPK ini akan membantu komuniti jentera perpaduan untuk menambahbaik kualiti kehidupan melalui pengurusan kewangan dan kredit yang teratur serta memberi pendedahan mengenai kepentingan pengurusan kewangan dan kredit. Menurut Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, kerjasama ini akan dapat meningkatkan kesejahteraan sosial dalam komuniti dan dilaksanakan melalui tiga (3) kaedah utama iaitu khidmat nasihat kewangan, penyediaan ekosistem pengurusan kredit bagi golongan yang terjejas serta pemerkasaan modal sosial.

Program kerjasama bersama AKPK dan BSN ini menyasarkan secara khusus kepada jentera perpaduan kementerian terutama Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Tabika Perpaduan, Taska Genius Perpaduan dan Sekretariat Rukun Negara di seluruh Negara. Antara program yang telah dirangka adalah Program *"DUIT for BABY"* dan modul-modul pembelajaran seperti "Hemah Bicara Hemat Belanja, Ringgit Dijaga Keluarga Sejahtera" dan "Ringgit Sentap Kasi Mantap." Program jangka panjang berbentuk *"Customised Solution"* bagi jentera perpaduan juga sedang dirangka bagi menyediakan pendekatan secara komprehensif merangkumi pelbagai lapisan umur penerima manfaat.



Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Perpaduan Negara dan Bank Simpanan Nasional (BSN) serta Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

JABATAN DAN AGENSI

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)
Aras 7-10, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

☎ : 03 8883 7000
🖷 : 03 8888 8584
🖱 : www.jpnin.gov.my

Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA)
Aras 6, Blok F9, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur A
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000, Wilayah Persekutuan Putrajaya

☎ : 03 8091 8198
🖷 : -
🖱 : www.mitra.gov.my

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

No. 26
Jalan Tun Hussein
Presint 4
62100 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8888 0158
🖱 : www.mot.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong
Menteri



YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah
Timbalan Menteri



YBhg. Datuk Isham bin Ishak
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Pengangkutan merangka dasar, strategi dan aktiviti pengangkutan awam yang merangkumi sektor darat, udara dan maritim untuk kesejahteraan serta sistem pengangkutan Malaysia yang mampan.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

KEJAYAAN MOT MEREALISASIKAN PEWARTAAN RUU PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2020



Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong telah menandatangani instrumen dalam satu majlis yang ringkas, turut disaksikan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Datuk Isham bin Ishak, Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Operasi) JPJ Malaysia, Encik Zamakhshari bin Hanipah

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) memandang serius isu berkaitan pemandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah atau memandu secara melulu dan merbahaya yang menyebabkan kemalangan sehingga meragut nyawa pengguna jalan raya lain termasuk anggota penguatkuasa yang sedang bertugas. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah diminta untuk meneliti semula Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) berhubung perkara ini khususnya Seksyen 41 hingga Seksyen 45 mengenai hukuman terhadap mereka yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah atau memandu secara melulu atau merbahaya.

Pada masa yang sama, Seksyen 45 dan 45A yang berkaitan menjaga kenderaan motor semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah dan dengan kepekatan

alkohol melebihi had yang ditetapkan masing-masing juga diteliti semula.

Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 yang mengenakan hukuman lebih berat terhadap pesalah jalan raya khususnya melibatkan Seksyen 41 hingga Seksyen 45 telah mula dikuatkuasakan pada 23 Oktober 2020.

MAJLIS PECAH TANAH PROJEK SISTEM TRANSIT RAPID (RTS) LINK SECARA MAYA

Bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor yang jatuh pada 22 November, majlis diadakan di tapak projek bangunan Imigresen, Kastam dan Kuarantin di Bukit Chagar dengan disaksikan oleh Baginda Tuanku Sultan secara maya dari Balai Mengadap Istana Bukit Serene, Johor Bahru. Baginda Tuanku Sultan turut berkenan menandatangani plak perasmian, disusuli dengan simbolik pecah tanah oleh mesin cerucuk di Bukit Chagar.

Berangkat sama pada majlis ini ialah Tunku Mahkota Johor, Duli Yang Amat Mulia Mejar Jeneral Tunku Ismail ibni Sultan Ibrahim dan turut dihadiri oleh Menteri Besar Johor, YAB Datuk Hasni bin Mohammad dan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, YB Dato' Azmi Rohani. Turut hadir Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr Wee Ka Siong bersama Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Datuk Isham bin Ishak. Majlis penuh bersejarah ini turut disaksikan hampir 200 orang di pelbagai lokasi berbeza di Johor Bahru, Putrajaya dan Kuala Lumpur menerusi aplikasi zoom.



DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar telah berkenan menyempurnakan "Majlis Pecah Tanah Projek Sistem Transit Rapid (RTS) Link" yang menghubungkan Johor Bahru dan Singapura. Bagi mengekang penularan wabak COVID-19, majlis telah diadakan secara maya seiring dengan titah nasihat DYMM Sultan Johor

PENYERAPAN PERANAN DAN FUNGSI JKJR KE DALAM JPJ

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah memutuskan bahawa peranan dan fungsi Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR) diserap ke dalam Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berkuatkuasa pada 1 Mei 2020 bertujuan untuk memperkasakan serta memantapkan lagi Jabatan/ Agensi di bawah MOT. Penyerapan ini adalah mengikut peruntukan undang-undang berkaitan pengangkutan jalan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Kaedah – Kaedah Pengangkutan Jalan.

Penyerapan ini tidak melibatkan pembuangan kakitangan, sebaliknya kakitangan JKJR akan terus berkhidmat di JPJ bagi menjalankan tugas sebagai peneraju advokasi keselamatan jalan raya demi meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya serta mengurangkan kadar kematian dan kecederaan akibat kemalangan di jalan raya. MOT mengharapkan penyerapan ini akan menambahbaik dan mempertingkatkan lagi urus tadbir jabatan khususnya dalam soal keselamatan jalan raya sekaligus membawa manfaat kepada rakyat Malaysia.

KLIA TERSENARAI DI ANTARA 10 LAPANGAN TERKEMUKA DUNIA

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) telah tersenarai antara 10 lapangan terbang terkemuka di dunia, hasil daripada tinjauan *Global Airport Service Quality* (ASQ). KLIA telah melonjak ke kedudukan kesembilan (9) dengan mencatat skor 4.94 daripada 5.00 bagi separuh pertama 2020 berbanding tempat ke-17 pada tahun lalu dengan skor 4.69, bagi lapangan terbang yang mempunyai kapasiti serupa meskipun dalam keadaan yang mencabar.



ASQ adalah program kendalian Majlis Lapangan Terbang Antarabangsa (ACI) yang menetapkan ciri-ciri garis panduan standard perkhidmatan, protokol dan operasi untuk lapangan terbang di serata dunia. Selain itu, KLIA turut mencatat angka penuh lima (5) dari segi kepuasan menyeluruh oleh penumpang perniagaan serta mereka yang bercuti meraih skor 4.99 bagi kebersihan terminal lapangan terbang serta 4.97 untuk aspek ketersediaan bilik air.



Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

PAS PERJALANAN TANPA HAD MY30 DIPERKENALKAN

RapidKL memperkenalkan pas My30 kepada semua warganegara Malaysia. Pas My30 memberikan penjimatan berganda untuk mengurangkan kesan COVID-19 dalam kalangan pengguna pengangkutan awam di mana pengguna hanya perlu membayar RM30 sahaja sebulan. Pas My30 boleh dilanggan menerusi MyKad atau MyTentera yang mempunyai fungsi Touch 'n Go atau kad konsensi MyRapid bagi pelajar yang berumur 12 tahun ke bawah. Insentif My30 yang diumumkan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) ini memberi manfaat kepada lebih satu (1) juta pengguna sehari di Lembah Klang.



Pas Perjalanan tanpa had MY30

JABATAN DAN AGENSI

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)
Level 8, Galeria PJH
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya

☎ : 03 8893 4188
🖷 : 03 8893 4163
🖱 : www.caam.gov.my

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM)
Tingkat 19, Menara 1 Sentrum 201
Jalan Tun Sambanthan
50470 Kuala Lumpur

☎ : 03 2772 0600
🖷 : 03 2772 0601
🖱 : www.mavcom.my

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
Kementerian Pengangkutan Malaysia
Aras 3-5, No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8881 0194
🖱 : www.jpj.gov.my

Agensi Pengangkutan Awam Darat Malaysia (APAD)
Aras G, Menara Tun Ismail Mohamed Ali
No. 25 Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

☎ : 03 2603 6700 / 03 2603 6727 / 03 2603 6728
🖷 : 03 2603 6710 / 03 2603 6770
🖱 : www.apad.gov.my

Jabatan Laut Malaysia (JLM)
Ibu Pejabat Laut, Peti Surat 12
Jalan Limbungan
42007, Pelabuhan Klang
Selangor

☎ : 03 3346 7620 / 03 3346 7766 / 03 3346 7777
🖷 : 03 3168 5289
🖱 : www.marine.gov.my

Institut Maritim Malaysia (MIMA)
B-06-08, Megan Avenue II
12, Jalan Yap Kwang Seng
50450 Kuala Lumpur

☎ : 03 2161 2960
🖷 : 03 2161 4035
🖱 : www.mima.gov.my

Lembaga Pelabuhan Klang
Beg Berkunci 202
Jalan Pelabuhan Utara
42005 Pelabuhan Klang
Selangor

☎ : 03 3168 8211
🖷 : 03 3168 7626
🖱 : www.pka.gov.my

Lembaga Pelabuhan Johor
Jalan Mawar Merah 2
Pusat Perdagangan Pasir Gudang 2
81700
Johor

☎ : 07 253 4000
🖷 : 07 251 7684
🖱 : www.lpj.gov.my

Lembaga Pelabuhan Kuantan
Tanjung Gelang, Peti Surat 161
25720 Kuantan
Pahang

☎ : 09 585 8000
🖷 : 09 583 3866
🖱 : www.lpktn.gov.my

Lembaga Pelabuhan Bintulu
Tingkat 8, 9 & 10, Menara Kidurong
12th Mile, Jalan Tg. Kidurong
(P.O.Box 296)
97007 Bintulu
Sarawak

☎ : 086 253888 / 086 232800
🖷 : 086 252929
🖱 : www.bpa.gov.my

Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang
Level 2, Swettenham Pier Cruise Terminal
No. 1A, King Edward Place
10300 George Town
Pulau Pinang

☎ : 04 263 3211
🖷 : 04 262 6211
🖱 : www.penangport.gov.my

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

No. 47
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8888 2025
🖱 : www.rurallink.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Datuk Dr. Abd Latiff bin Ahmad
Menteri



YB Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad
Timbalan Menteri I



YB Dato Henry Sum Agong
Timbalan Menteri II



YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) memperkenalkan Tranformasi Luar Bandar dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar secara menyeluruh dan berkesan melalui konsep 'Membandarkan Luar Bandar'.

Konsep memajukan luar bandar melangkau penyediaan infrastruktur asas di mana kawasan yang kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan yang sama dinikmati penduduk di bandar.

Selain itu, penglibatan swasta melalui aktiviti ekonomi, keusahawanan dan peluang pekerjaan di luar-luar bandar juga dapat menjana pendapatan masyarakat di samping perubahan sikap dan pemikiran perlu dalam meningkatkan ilmu dan kemahiran. Peningkatan kemudahan sosial tanpa menjejaskan persekitaran desa dan masyarakat dapat menggalakkan generasi muda terus menetap dan membina masa depan di luar bandar.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

DESAMALL@KPLB SASAR 80,000 USAHAWAN LUAR BANDAR



Majlis Pelancaran Gudang Desamall@KPLB yang disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, YB Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad

Program DesaMall@KPLB bertujuan membantu usahawan luar bandar mempromosikan produk di platform e-Dagang dan *On Demand* bersesuaian dengan era globalisasi pada masa kini. Pada awalnya, KPLB bekerjasama dengan satu platform e-Dagang sahaja iaitu *11Street* yang kini dikenali sebagai *PrestoMall* KPLB kemudian dipasarkan ke beberapa platform seperti e-Dagang seperti *Lazada, Shopee* dan *eBay*. Sehingga kini, seramai 1,660 usahawan luar bandar memanfaatkan Program DesaMall@KPLB sebagai platform untuk memasarkan produk dan barang yang dihasilkan oleh mereka secara dalam talian.

DesaMall@KPLB mencatatkan jumlah jualan usahawan luar bandar sebanyak RM1.45 juta dengan 1,572 produk dipasarkan membabitkan 21,498 *Stock Keeping Unit* (SKU). Keutamaan kerajaan pada masa kini adalah membuka lebih banyak peluang dalam bidang keusahawanan secara dalam talian serta mewujudkan peluang pekerjaan dan pasaran yang baharu bagi membantu rakyat terutamanya pasca COVID-19.

Inisiatif itu diharap dapat meningkatkan hasil jualan usahawan luar bandar kepada 10 peratus sehingga 30 peratus setahun menerusi perniagaan dan pemasaran dalam talian dan membantu menambah baik mutu serta kualiti produk untuk kesediaan berniaga dalam talian. Johor terpilih sebagai satu daripada pusat pewujudan Stor Konsep dinamakan Galeri DesaMall@ Mersing yang mempamerkan produk usahawan luar bandar secara fizikal.

Program ini adalah satu daripada komitmen untuk memasarkan produk luar bandar ke seluruh pelusuk negara malah mampu membuka peluang produk tempatan bersaing di persada dunia menerusi platform dalam talian. KPLB dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) mengadakan Karnival Mini DesaMall@ KPLB yang turut disertai agensi KPLB antaranya Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA).

Selari dengan norma baharu, KPLB memulakan perluasan Program DesaMall@KPLB yang menyaksikan kerjasama strategik antara KPLB menerusi syarikat pentadbir iaitu eLokal Sdn. Bhd. dengan Grab Malaysia yang bertujuan untuk berkolaborasi dalam mempromosi dan memacu penerimaan e-Dagang bagi membantu usahawan luar bandar memasarkan produk secara dalam talian bagi memenuhi permintaan *'on demand*' yang semakin meningkat.

Karnival Mini itu turut membabitkan penyertaan rakan strategik KPLB seperti Telekom Malaysia (TM) Berhad, CELCOM Axiata Berhad dan juga dari eLokal Sdn. Bhd. yang merangkumi jualan produk dan juga aktiviti tarikan pengunjung.

Manakala, Grab Malaysia pula mengadakan *'recruitment drive'*

bertujuan pengambilan pemandu atau penunggang penghantar cepat serta pendaftaran peniaga atau pedagang bagi tujuan inisiatif GrabMart atau GrabFood.

KPLB TAWAR 30,000 PELUANG TVET

Sebanyak 30,000 peluang Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada golongan belia di seluruh negara setiap tahun manakala 345 program ditawarkan menerusi pelbagai institut kemahiran di bawah agensi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Program yang ditawarkan itu bukan sahaja membabitkan program pendidikan dan kemahiran malah membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat luar bandar terutama golongan belia yang menyertai program berkenaan. Selain menyediakan latihan kemahiran, KPLB turut mengadakan kerjasama bersama rakan strategi industri untuk menawarkan peluang pekerjaan bagi pelajar yang tamat kursus TVET di institusi pengajian KPLB.

Secara keseluruhannya, kebolehpasaran pelajar selepas melanjutkan TVET di KPLB melebihi 70 peratus, yang mana MARA sebanyak 85 peratus manakala PERDA sebanyak 74 peratus yang memperlihatkan bahawa di KPLB bukan sahaja menyediakan latihan kemahiran namun mensasarkan pelajar untuk mendapat pekerjaan. Kementerian ini turut melihat potensi pelajar di bawah



kementeriannya untuk mendapat peluang bekerja di Jepun berikutan terdapat permintaan daripada negara matahari terbit itu.



Ketua Setiausaha KPLB, YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus meninjau kilang pembuatan automotif untuk pelajar TVET

KARNIVAL USAHAWAN DESA SECARA DALAM TALIAN (EKUD@KPLB)

EKUD@KPLB 2020 memberi tumpuan khusus kepada usaha untuk membantu memperluaskan akses pasaran produk atau perkhidmatan luar bandar melalui gabungan pelbagai strategi pemasaran khususnya dalam talian akibat terkesan dengan pandemik COVID-19. Lebih 500 pempamer digital yang terlibat bagi sesi *Match2Match* (sesi padanan perniagaan).

Respon positif ini menunjukkan reputasi EKUD@KPLB serta penerimaan golongan usahawan terhadap program keusahawanan sebegini sentiasa dinanti-nantikan sebagai platform untuk memasarkan produk / perkhidmatan mereka walaupun secara dalam talian mampu menarik perhatian pengguna.

Dengan kepelbagaian kategori usahawan ini, rakan niaga mempunyai pilihan kepada lebih daripada 1,000 produk dan juga perkhidmatan. Semua ini akan menjadikan EKUD@KPLB sebagai satu himpunan produk dan perniagaan luar bandar, aktiviti perluasan rangkaian dan jaringan perniagaan serta industri dalam talian bagi usahawan-usahawan luar bandar yang terbesar di peringkat negara.

Malah peluang ini boleh dimanfaatkan oleh profesional perniagaan yang berminat mencari peluang niaga bersama usahawan luar bandar dan menjadikan EKUD@KPLB sebagai sumber bagi perluasan rangkaian perniagaan mereka dalam budaya norma baharu.



Menteri Pembangunan Luar Bandar, YB Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad bersama Chef Zam dalam Program Masakan sempena Karnival EKUD@KPLB

JABATAN DAN AGENSI

Majlis Amanah Rakyat (MARA)
Tingkat 22, Ibu Pejabat MARA
21, Jalan Raja Laut
50609 Kuala Lumpur

☎ : 03 2613 2000
🖷 : 03 2692 7386
🖱 : www.mara.gov.my

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
Bangunan RISDA
Km 7, Jalan Ampang
Karung Berkunci 11067
50990 Kuala Lumpur

☎ : 03 42564022
🖷 : 03 42576726
🖱 : www.risda.gov.my

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Aras 5-9, No.47
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

☎ : 03 8891 2682
🖷 : 03 8888 2312
🖱 : www.kemas.gov.my

Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah (FELCRA)
Wisma FELCRA
Lot 4780, Jalan Rejang, Setapak Jaya
Peti Surat 12254
50772 Kuala Lumpur

☎ : 03 41455000
🖷 : 03 41428162
🖱 : www.felcra.com.my

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
Tkt. 3, 5, 20 & 20m, West Block
Wisma Golden Eagle Realty
142-c, Jalan Ampang
50548 Kuala Lumpur

☎ : 03 2161 0577
🖷 : 03 2162 1470
🖱 : www.jakoa.gov.my

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
No. 1, Lorong Kampung Gajah 2
Jalan Kampung Gajah
12200 Butterworth
Pulau Pinang

☎ : 04 314 1100
🖷 : 04 310 3178
🖱 : www.perda.gov.my

Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
Beg Berkunci No 3
23409, Al-Muktafi Billah Shah
Terengganu

☎ : 09 823 1000
🖷 : 09 8223 105
🖱 : www.ketengah.gov.my

Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
Bandar Gua Musang
18300 Gua Musang
Kelantan

☎ : 09 9132200
🖷 : 09 9121211
🖱 : www.kesedar.gov.my

Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)
Tingkat 2-5, Bangunan Tunku
Jalan Tunku Ibrahim
Peti Surat 195
05720 Alor Setar
Kedah

☎ : 04 7205 300
🖷 : 04 7340 958
🖱 : www.keda.gov.my

Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
Bangunan Ibu Pejabat KEJORA
Jalan Dato' Hj. Hassan Yunus
81930 Bandar Penawar
Johor

☎ : 07 8843 000
🖷 : 07 8221 600
🖱 : www.kejora.gov.my

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Blok D3 & D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8889 2389
🖱 : www.mohr.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Datuk Seri. M. Saravanan
Menteri



YB Datuk Haji Awang bin Hashim
Timbalan Menteri



YBhg. Dato' Jamil bin Rakon
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerja, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

MESYUARAT KHAS MENTERI-MENTERI BURUH ASEAN



Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M. Saravanan mempengerusikan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Buruh ASEAN

Satu Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Buruh ASEAN telah berlangsung di Putrajaya bagi membincangkan tindak balas dan inisiatif yang diambil oleh negara anggota ASEAN dalam meringankan bebanan yang ditanggung oleh pekerja dan majikan di rantau ini akibat daripada penularan wabak COVID-19.

Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M. Saravanan berkongsi maklumat mengenai tindakan dan inisiatif yang diambil oleh Malaysia dalam menangani pandemik COVID-19 menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri, YAB Tan SriDato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin.

Satu program di bawah tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia (KSM) adalah Program Subsidi Upah yang akan memberi manfaat kepada 8.1 juta pekerja. Penangguhan bayaran Pinjaman

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) pula akan meringankan beban majikan dan pelatih kemahiran. Sementara itu, mesyuarat juga bersetuju dan memperakukan kenyataan bersama oleh Menteri-Menteri Buruh ASEAN, antaranya menyentuh isu hak pekerja yang akan sentiasa dilindungi terutama dari segi pekerjaan, gaji, akses kepada kemudahan, kesihatan dan jaminan keselamatan.

PELANCARAN INISIATIF PENJANA *HUMAN RESOURCES DEVELOPMENT FUND* (HRDF)

Pelancaran ini menampilkan sepuluh (10) organisasi dan persatuan yang mewakili industri mereka dan komited untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada pencari kerja.

Lebih 20,000 peluang pekerjaan ditawarkan menerusi Inisiatif *Human Resources Development Fund* (HRDF) di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) sebagaimana yang diumumkan oleh Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin. Melalui PENJANA HRDF ini sebanyak lima (5) strategi utama disediakan oleh HRDF yang terdiri daripada Penempatan dan Latihan; Peningkatan Kemahiran dan Latihan Kemahiran Baru; Pembangunan Perusahan Kecil Sederhana (PKS); Pembangunan B40 dan Gerak Insan Cemerlang.

Selain itu juga, HRDF mensasarkan lebih 40,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Oleh itu, seluruh rakyat Malaysia terutama golongan belia dan pencari kerja digalakkan mengambil peluang dan manfaat menerusi insentif ini.

Antara organisasi dan syarikat yang menjayakan inisiatif dan menawarkan peluang pekerjaan adalah Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia, Brickfields Asia College, Persekutuan Pengeluar Malaysia, 7 Eleven, Kelly, AEON, Grab dan *Care Concierge*.



Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M. Saravanan telah merasmikan Majlis Pelancaran Inisiatif PENJANA HRDF

MAJLIS PENGHARGAAN PELAKSANAAN GARIS PANDUAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN INDUSTRI PEMBINAAN (PENGURUSAN)

Kadar kemalangan di tempat kerja menunjukkan peningkatan sebanyak 13% iaitu 2.71/1,000 pekerja berbanding 2.40/1,000 pekerja pada tahun 2018. Kadar kemalangan maut pula telah menurun pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 iaitu dari 3.83/100,000 pekerja berbanding 4.14/100,000. Sektor pembinaan mencatat penurunan kadar kemalangan maut sebanyak 16% iaitu 11.28 bagi setiap 100,000 pekerja berbanding 13.44 bagi setiap 100,000 pekerja pada tahun 2018.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) telah pun membangunkan Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Industri Pembinaan (Pengurusan) atau OSHCIM sebagai mekanisme bagi pihak Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan tanggungjawab pihak berkaitan. Garis panduan ini juga memberi panduan praktikal kepada klien, pereka bentuk dan kontraktor tentang pengurusan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa merancang dan menjalankan projek-projek pembinaan. Sebanyak 10 projek telah berjaya diiktiraf sebagai Projek Perintis OSHCIM sehingga hujung tahun 2019. 10 projek ini melibatkan tiga (3) projek Kerajaan di bawah kawalan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan tujuh (7) lagi adalah projek swasta.



Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M. Saravanan merasmikan Majlis Penghargaan Pelaksaan Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Industri Pembinaan (Pengurusan) bertempat di Stadium Merdeka

MAJLIS *GO TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING* (TVET) ORANG ASLI BAGI MEMPERKASAKAN MASYARAKAT ORANG ASLI

Go Technical and Vocational Education and Training (TVET) merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam memperkasakan masyarakat Orang Asli (JAKOA). Go TVET dimulakan dengan projek rintis di sekitar Cameron Highlands sejak Januari 2020. Seramai 46 belia Orang Asli Berjaya ditempatkan di Institut Perindustrian (ILP) Ipoh yang merupakan sebuah institusi di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM) bagi mengikuti kursus-kursus seperti Teknologi Seramik, Teknologi Penyejukbekuan dan Penyaman Udara, Teknologi Kimpalan dan Teknologi Elektrik.



Majlis Go TVET Orang Asli dianjurkan oleh Human Resources Development Fund (HRDF) dengan kerjasama Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Jabatan Tenaga Kerja (JTK) serta Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

JABATAN DAN AGENSI

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)
Aras 5, Blok D3, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530, Putrajaya

: 03 8000 8000
: 03 8889 2368
: www.jtksm.mohr.gov.my

Jabatan Tenaga Kerja Sabah (JTK Sabah)
Tingkat 1, Blok C&D, Bangunan KWSP
Peti Surat 14557, 88852 Kota Kinabalu, Sabah

: 088 238755 / 233820
: 088 242455 / 235750
: www.jtksbh.mohr.gov.my

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK Sarawak)
Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga, 93532 Kuching, Sarawak

: 082 242261
: 082 244909 / 082 237051
: www.jtkswk.gov.my

Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Malaysia (JHEKS)
Aras 2, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

: 03 8886 5499
: 03 8889 2429
: www.jheks.mohr.gov.my

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
Aras 7 & 8, Blok D4, Kompleks D
62530 Putrajaya

: 03 8886 5589
: 03 8889 2423
: www.dsd.gov.my

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)
Aras 9, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530, Putrajaya

: 03 8886 5460
: 03 8889 2355
: www.jpp.mohr.gov.my

Mahkamah Perusahaan Malaysia (MP)
Tingkat 14, Wisma PERKESO
No.155, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

: 03 92365000
: 03 26810100
: www.mp.gov.my

Jabatan Tenaga Manusia (JTM)
Aras 6, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

: 03 88865555
: 03 88892417
: www.jtm.gov.my

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP)
Aras 1, 3, 4 & 5, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

: 03 8000 8000
: 03 8889 2443
: www.dosh.gov.my

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
45, Jalan Tun Ismail
50530, Kuala Lumpur

: 03 4047 6200
: 03 4047 6142
: www.ptpk.gov.my

Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor

: 03 8769 2100/03 8911 3800
: 03 8926 2900
: www.niosh.com.my

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)
Wisma HRDF, Jalan Beringin
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

☎ : 1800 88 4800
🖷 : 03 2096 4999
🖱 : www.hrdf.com.my

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Menara PERKESO
281, Jalan Ampang
50538 Kuala Lumpur

☎ : 1 300 22 8000
🖷 : 03 42567798
🖱 : www.perkeso.gov.my

Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp)
Level 6, Surian Tower
No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya
Selangor

☎ : 03 7839 7000
🖷 : -
🖱 : www.talentcorp.com.my

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634, Kuala Lumpur

☎ : 03 2059 8400
🖷 : 03 2691 4163
🖰 : www.mod.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob
Menteri



YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz
Timbalan Menteri



YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Pertahanan mempunyai dua (2) perkhidmatan utama iaitu Perkhidmatan Awam yang diketuai oleh Ketua Setiausaha dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang diketuai oleh Panglima Angkatan Tentera.

Mendokong visi sebagai peneraju pertahanan negara yang berwibawa dengan misi untuk memastikan pengurusan pertahanan negara sentiasa cekap, siap siaga dan dinamik. Kementerian Pertahanan telah menggariskan objektif dalam melindungi dan mempertahankan kepentingan negara menjadi teras kepada kedaulatan, keutuhan wilayah dan kesejahteraan ekonomi.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

NATIONAL TASK FORCE (NTF)



National Task Force (NTF) telah ditubuhkan pada 6 Mei 2020 lanjutan daripada Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) Bilangan Enam (6) tahun 2020 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Persetujuan telah dibuat agar Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan pemantauan dan kawalan keselamatan di semua laluan masuk sempadan negara.

NTF adalah gabungan daripada 19 agensi penguatkuasaan dan pasukan keselamatan negara bertujuan untuk membendung pendatang asing tanpa izin (PATI), jenayah rentas sempadan dan mengekang penularan wabak COVID-19.

Penubuhan NTF telah menggariskan enam (6) objektif utama iaitu :



NTF juga berperanan mengkoordinasikan Operasi Bersepadu yang dikenali sebagai Op BENTENG yang diselaraskan oleh ATM sebagai *lead agency* dan ia menggabungkan kesemua agensi penguatkuasaan daratan dan maritim negara melalui tiga (3) komponen utama iaitu darat melalui *Land Component Commander* (LCC), laut melalui *Maritime Component Commander* (MCC) dan udara melalui *Air Component Commander* (ACC) yang melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dan agensi keselamatan lain.

Misi utama Op BENTENG adalah untuk memperkukuhkan kawalan sempadan negara daripada terus dibolosi oleh PATI sama ada melalui jalan darat, laut dan udara. Op BENTENG memfokuskan kawalan sempadan di enam (6) kawasan utama yang menjadi kawasan tumpuan iaitu Perairan Utara Selat Melaka, Perairan Pantai Barat Semenanjung, Perairan Johor Tenggara, Sempadan Daratan di Utara, Pantai Barat dan sebahagian Tenggara Johor, Perairan Tanjung Datu dan Sempadan Daratan Sabah dan Sarawak dengan Kalimantan dan Pesisir Pantai Barat dan Pantai Timur Sabah.

Sepanjang pelaksanaan Op BENTENG, lebih kurang 500 titik panas laluan telah dikenal pasti menjadi pilihan PATI untuk membolosi sempadan negara. Manakala bagi kawasan maritim, lokasi yang dikenal pasti adalah di Pulau Langkawi, Kedah, Kuala Selangor, Tanjung Piai dan Tenggara Johor. Kekuatan anggota untuk operasi ini adalah tidak kurang daripada 10,000 anggota yang melibatkan semua agensi dan bertugas selama 24 jam memantau serta mengawal sempadan negara.

Sejak ditubuhkan pada bulan Mei sehingga 13 Disember 2020 sejumlah 10,859 tangkapan telah berjaya dilakukan yang melibatkan seramai 831 orang tekong, 9,654 orang PATI dan 374 orang penyeludup. Selain itu, rampasan segala aset yang benilai jutaan ringgit juga berjaya dilakukan.

NTF berikrar akan sentiasa berusaha sehingga ke akar umbi untuk mengenal pasti mereka yang terlibat dalam aktiviti rentas sempadan agar kawalan sempadan negara terus diperkasakan dan terpelihara sama ada melalui daratan atau pengairan dari terus dibolosi PATI. Secara tidak langsung ianya dapat mengekang penularan wabak COVID-19 yang di bawa oleh PATI menjadi misi utama NTF.

KUTIPAN TABUNG PAHLAWAN 2020 CAPAI SASARAN RM10 JUTA



Majlis Pelancaran Kempen Tabung Pahlawan (KTP) Tahun 2020 diadakan pada 19 Ogos 2020 dan telah disempurnakan oleh Penaung Tabung Pahlawan 2020, Yang Amat Berbahagia Puan Sri Datin Paduka Hajah Noorainee binti Haji Abdul Rahman

Kutipan Tabung Pahlawan 2020 telah berjaya mencapai sasaran RM10 juta. Kutipan ini bertujuan untuk menyokong usaha kerajaan dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM terbela secara menyeluruh terutama veteran kelainan upaya (VKU), balu veteran serta ahli keluarga serta Veteran ATM kategori asnaf.

COVID-19: BANTUAN PERKHIDMATAN PERUBATAN OLEH ATM

Kementerian Pertahanan telah mengambil inisiatif membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan mewujudkan kerjasama dua (2) hala dalam mendepani ancaman pandemik COVID-19 yang melanda negara.

Hospital Medan di Tawau, *Makeshift Treatment Centre* (MTC) di Penjara Pokok Sena, Kedah dan di Kota Kinabalu, Sabah merupakan antara strategi dan kerjasama yang digembleng antara dua agensi penting Negara iaitu KKM bersama dengan pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Kor Kesihatan Diraja (KKD) bagi menghadapi peningkatan kes COVID -19. Hospital Medan di Tawau dikhususkan bagi membantu Hospital Tawau merawat kes bukan COVID-19, manakala MTC di kedua-dua kawasan bagi merawat tahanan di pusat tahanan yang disahkan positif COVID-19.



Bantuan Perkhidmatan Perubatan Oleh Petugas Barisan Hadapan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Hospital Medan, Tawau

OP MURNI DAN OP PENAWAR BUKTI KEUPAYAAN ATM LAKSANA TUGAS SEKUNDER

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah mengaktifkan Op MURNI semasa bencana banjir yang melanda negara khususnya di negeri-negeri Pantai Timur dan Johor bagi menyalurkan bantuan yang diperlukan.

ATM telah mengatur gerak seramai 4,983 pegawai dan anggota beserta 1,015 aset termasuk sepuluh (10) jambatan *bailey bridge.* ATM turut terlibat dalam operasi pasca banjir termasuk pembersihan premis awam dan kediaman penduduk yang terjejas. Selain itu, ATM turut terlibat dalam Op PENAWAR bagi membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaksanakan sekatan jalan raya dan operasi pematuhan SOP pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Lebih 7,000 anggota ATM



Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob menyerahkan bantuan kepada mangsa banjir

telah terlibat melaksanakan penugasan dalam operasi ini.

PENGHANTARAN KEPERLUAN KRITIKAL COVID-19 KE SABAH

Penghantaran keperluan kritikal COVID-19 ke Sabah telah dilaksanakan bertempat di Pangkalan Udara Subang. Operasi ini melibatkan dua (2) buah pesawat angkut telah diatur gerak oleh TUDM bagi misi ini iaitu A400M dari No.22 Skuadron dan C-130H daripada No.20 Skuadron yang membawa peralatan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Kementerian Pertahanan turut menyumbangkan beberapa keperluan iaitu pelitup muka dan alat pelindung



Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin diiringi Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kesihatan, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz serta Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad, telah hadir untuk meninjau persiapan penghantaran barang-barang kritikal

diri atau *Personal Protective Equipment* (PPE) sebanyak 44 kotak serta barangan daripada *Sunway Healthcare* dengan peralatan ventilator unit (2 ea), pelitup muka (25 kotak) dan cecair sanitasi tangan (22 kotak). Sebanyak 17 penerbangan telah berjaya dilaksanakan oleh TUDM yang melibatkan jumlah muatan barang bantuan seberat 433,886.5 kg bermula dari 22 Mac hingga 27 Oktober 2020.

PELAYARAN ULUNG KD KERIS

Kapal *Littoral Mission Ship* (LMS) KD KERIS merupakan kapal LMS yang pertama dan terbaru dalam armada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Kapal ini telah selamat tiba di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu pada 17 Januari 2020. Ketibaan kapal ini disambut oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah bersama-sama Jawatankuasa Laksamana TLDM. Pelayaran ulung KD KERIS dari Pelabuhan Zhang Hua Bang ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu tanpa kapal pengiring membuktikan tahap profesionalisme warga TLDM yang tinggi dalam mengendalikan aset serta teknologi yang baharu. Berbekalkan ilmu dan latihan selama empat (4) bulan di China, warga KD KERIS telah berjaya memastikan pelayaran ulung kapal ini berjalan dengan lancar dan selamat. Pelayaran pulang sejauh 1715.76 batu nautika dan mengambil masa selama enam (6) hari menjadi medan pembuktian keupayaan platform buatan negara China yang julung kali dimiliki oleh TLDM selain mengenal pasti tahap keupayaan sebenar kelengkapan dan peralatan yang terdapat di kapal tersebut.

Selain itu, TLDM juga bakal menerima sebuah lagi LMS iaitu KD SUNDANG yang dijangka tiba di Malaysia pada Januari 2021.



Tuan Yang Terutama Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Dr. Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin bergambar bersama-sama Jawatankuasa Laksamana Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)

JABATAN DAN AGENSI

Bahagian Komunikasi dan Elektronik Pertahanan (KOMLEK)
Markas Angkatan Tentera Malaysia
Wisma Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur

☎ : 03 2059 8133
🖷 : 03 2059 8397
🖱 : www.mafhq.mil.my

Tentera Darat Malaysia
Markas Tentera Darat
Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur

☎ : 03 20598400
🖷 : 03 26921419
🖱 : www.army.mod.gov.my

Markas Tentera Laut
Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur

☎ : 03 2059 8400
🖷 : 03 2691 5897
🖱 : www.navy.mil.my

Markas Tentera Udara
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634, Kuala Lumpur

☎ : 03 2071 4077
🖷 : 03 2692 5975
🖱 : www.airforce.mil.my

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM
301 Medan Tuanku
Jalan Tuanku Abdul Rahman
50802 Kuala Lumpur

☎ : 03 2050 8000
🖷 : 03 2691 7546
🖱 : www.jhev.gov.my

Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE)
Kompleks Induk STRIDE
Taman Bukit Mewah Fasa 9
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

☎ : 03 8732 4400
🖷 : 03 8733 5979
🖱 : www.stride.gov.my

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
Kem Sungai Besi
57000 Kuala Lumpur

☎ : 03 9051 3400
🖷 : 03 9051 3028
🖱 : www.upnm.edu.my

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

No. 2, Menara 1, Jalan P5/6
Presint 5
62200 Putrajaya

☎ : 03 2059 8400
🖷 : 03 8891 7100
🖱 : www.motac.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri
Menteri



YB Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan
Timbalan Menteri



YBhg. Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Seiring dengan wawasan untuk memajukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan kebudayaan bertaraf dunia menjelang tahun 2020 serta mengekalkan jati diri bangsa yang berteraskan seni, budaya dan warisan negara.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) berhasrat memacu sektor pelancongan dan kebudayaan sebagai pemangkin pertumbuhan sosioekonomi yang mampan serta memperkasa, memelihara dan memulihara seni, budaya dan warisan negara.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

MALAYSIA DUDUKI TEMPAT PERTAMA PELANCONGAN MESRA MUSLIM



Malaysia menduduki tempat pertama (1) dalam empat (4) daripada enam (6) sektor dalam Laporan Ekonomi Negara Islam Global (SGIE) 2020/21

Malaysia dipilih sebagai negara terbaik bagi sektor Pelancongan Mesra Muslim atau *Muslim-Friendly Tourism* (MFT). Mengikut laporan yang dikeluarkan firma antarabangsa kajian strategik DinarStandard, Malaysia juga menerima markah terbaik bagi sektor Makanan Halal, Kewangan Islam, Kosmetik dan Farmaseutikal. Malaysia turut diletakkan masing-masing di tempat kedua dan keempat untuk Media dan Rekreasi dan *'Modest Fashion'.*

Bagi kategori MFT, Kerajaan Malaysia berada pada kedudukan tertinggi dalam dua (2) daripada empat (4) dimensi tanda aras, iaitu dalam tadbir urus yang merujuk kepada peraturan

berkaitan industri pelancongan dan kesedaran dari segi liputan media dan latihan pemegang taruh. Dalam dua (2) lagi sektor, Malaysia berada di tempat kedua dalam Bantuan Kewangan untuk perbelanjaan pelancongan dalam negeri dan ketiga dalam Dimensi Sosial yang berkaitan impak sektor itu terhadap pekerjaan.

PENGIKTIRAFAN UPACARA ONG CHUN/ WANGCHUAN/ WANGKANG DAN PANTUN DI BAWAH *REPRESENTATIVE LIST OF THE INTANGIBLE CULTURAL HERITAGE OF HUMANITY UNESCO* TAHUN 2020

Upacara Ong Chun/ Wangchuan/ Wangkang yang lebih dikenali sebagai Upacara Wangkang di Melaka dan Pantun telah berjaya disenaraikan dalam kategori *Representative List* of the *Intangible Cultural Heritage of Humanity* UNESCO secara Multi-National Nomination. Upacara Wangkang telah dicalonkan bersama Republik Rakyat China manakala Pantun telah dicalonkan bersama Indonesia.

Penyenaraian yang cukup berprestij ini telah diputuskan oleh *Intergovernmental Committee for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage* UNESCO yang dianggotai oleh 24 Negara Anggota 2003 *Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage* yang dipengerusikan oleh wakil negara Jamaica.

Penyenaraian ini memperlihatkan komitmen Malaysia dalam melindungi warisan kebudayaan tidak ketara di Malaysia. Secara tidak langsung ia akan mengangkat kebolehlihatan Malaysia di mata dunia sebagai antara negara yang mempunyai pelbagai khazanah warisan kebudayaan tidak ketara yang boleh menjadi produk pelancongan negara. Kejayaan ini merupakan testimoni kepada hubungan Malaysia dengan China dan Indonesia yang terjalin sejak berkurun lamanya, yang menyumbang kepada kepelbagaian dan keunikan warisan kebudayaan di negara ini.



MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA SESI KE-44 'INSTITUSI DIRAJA'

Majlis Polemik Sejarah Malaysia (MPSM) bagi Sesi Ke-44 anjuran Kementerian menerusi agensi Arkib Negara Malaysia (ANM) berlangsung dengan tema 'Institusi Diraja'. Seramai 213 orang peserta yang terdiri daripada ahli

akademik, wakil persatuan sejarah, pegawai dan kakitangan kerajaan, dan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi dan sekolah menghadiri majlis ini yang diadakan secara langsung di Laman Facebook Rasmi ANM. Dua (2) kertas kerja telah dibentangkan iaitu 'Institusi Raja Melayu: Pertabalan dan Kemahkotaan' oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali dari Universiti Malaya dan 'Evolusi Raja Berperlembagaan di Malaysia: Satu Pemerhatian Sejarah dan Perundangan' oleh Prof. Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



Majlis yang diadakan di Mahkota II, Hotel Istana Kuala Lumpur ini telah dirasmikan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri

PESTA ANGIN TIMUR 2020

Pesta Angin Timur (PAT) mengambil nama sempena peredaran musim daripada sejuk ke panas yang dibawa angin dari sebelah timur ke negeri Perlis. PAT 2020 kali kelapan (8) ini, telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja negeri Perlis. Program ini memberi ruang kepada masyarakat umum khususnya komuniti di utara Malaysia bergiat dalam seni budaya di samping mengangkat keunikan program tempatan sebagai pemacu ekonomi dan industri pelancongan negara. Berkonsepkan suasana kampung, program ini diterjemahkan melalui



PAT2020 adalah acara pembukaan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 (TMM2020) dan memasuki tahun kelapan (8) dalam penganjurannya tahun ini

pelbagai aktiviti di bendang menjurus kepada kepelbagaian cara hidup golongan pesawah. Pada tahun 2020, sebanyak 127,160 orang pengunjung hadir dan 26% daripadanya merupakan pelancong domestik dan luar negara.

E-KRAF BAZAR



Inisiatif Kementerian melalui agensi Kraftangan E-Kraf Bazar telah diperkenalkan menerusi aplikasi media sosial - Facebook Group. E-Kraf Bazar ini merupakan inisiatif pemasaran yang

diwujudkan bertujuan memasarkan produk kraf dalam talian bermula sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga kini. E-Kraf Bazar telah diikuti seramai lebih 12,000 ahli yang merupakan kumpulan usahawan kraf dan pembeli/ pelanggan serta peminat produk kraf. Inisiatif ini membuka peluang kepada pengguna perkhidmatan dalam talian untuk terlibat dalam memasarkan produk kraf, membeli-belah pelbagai produk kraf (dari lima bidang iaitu tekstil, hasil rimba, hasil logam, hasil tanah, dan, aneka kraf), berinteraksi dan menonton aktiviti demonstrasi kraf secara LIVE serta info-info terkini industri kraf negara.

FESTIVAL GERAK ANGIN



Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) menganjurkan festival kesenian secara atas talian yang dikenali sebagai Gerak Angin, pada 16 September hingga 2 Oktober 2020. Ia melibatkan penyertaan 17 syarikat produksi merentasi tarian, muzik dan teater serta lebih 200 individu dalam industri seni persembahan. Dengan adanya festival secara maya ini, ia dapat membantu anak-anak seni persembahan untuk terus berkarya dalam norma baharu dan mempraktikkan bakat mereka menerusi platform media sosial. Ia juga sebagai satu strategi bagi menarik perhatian peminat seni persembahan dari luar negara yang tidak dapat datang ke Malaysia untuk menonton persembahan hasil sentuhan bakat tempatan. Gerak Angin disiarkan sekali sehari di platform Youtube mampu memberikan peminat pengalaman seni persembahan Malaysia yang belum pernah dilihat sebelumnya.

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DALAM BIDANG KEBUDAYAAN, SENI DAN WARISAN BERSAMA REPUBLIK KOREA

Sempena ulang tahun ke-60 hubungan diplomatik Malaysia – Korea, satu memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang kebudayaan, seni dan budaya warisan telah ditandatangani bersama Republik Korea. MoU ini telah disempurnakan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri yang mewakili Malaysia, manakala Republik Korea diwakili oleh Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan, TYT Park Yang-Woo. MoU ditandatangani bagi mengukuhkan lagi hubungan dua (2) hala serta kerjasama dalam bidang kebudayaan di antara Malaysia dan Republik Korea, seiring dengan sambutan ulang tahun ke-60 hubungan diplomatik kedua-dua negara. Ia akan menjadi platform terbaik bagi kedua-dua buah negara

dalam meningkatkan lagi kolaborasi dalam bidang kebudayaan selain berupaya memberi nilai tambah kepada pembangunan produk dan perkhidmatan bidang seni, budaya dan warisan negara melalui perkongsian ilmu dan kepakaran.



MoU ini telah disempurnakan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri yang mewakili Malaysia, manakala Republik Korea diwakili oleh Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan, TYT Park Yang-Woo

MAJLIS RUMAH TERBUKA MALAYSIA (MRTM) TAHUN BARU CINA 2020 SEMARAK TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2020

Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tahun Baru Cina 2020 diadakan bertujuan untuk menghimpunkan masyarakat pelbagai kaum bagi menyambut tradisi perayaan Tahun Baru Cina. Sambutan ini juga menggalakkan dan mempromosikan nilai-nilai keharmonian, perpaduan dan kedamaian antara kaum di Malaysia menerusi program sisipan seperti pesta makanan tempatan ala *food truck,* demonstrasi masakan dan penyediaan kuih kapit, kuih bangkit Cina, kuih bakul/ bakul goreng, kuih bahulu dan penyediaan makanan khas tradisional sempena Tahun Baru Cina iaitu "Yee Sang" selain bengkel interaktif kesenian Cina. Persembahan khas juga diadakan bagi mengetengahkan tradisi dan budaya sempena sambutan Tahun Baru Cina di Malaysia kepada pengunjung dan pelancong luar.

Penganjuran program MRTM Tahun Baru Cina ini dapat meningkatkan semangat bersatu hati dan toleransi serta menyemai nilai-nilai murni dan budaya yang tinggi dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum untuk lebih bersifat terbuka dan saling hormat-menghormati. Program ini juga merupakan sebahagian daripada inisiatif kerajaan untuk untuk menyemarakkan industri pelancongan negara serta memperkenalkan seni dan budaya negara terutamanya di negeri Pulau Pinang yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia.

Program MRTM Tahun Baru Cina 2020 memberikan impak yang tinggi dengan kunjungan 15,000 orang ke gerai pameran interaktif. Seramai 75 orang rakan media sosial telah membuat liputan dengan anggaran tiga (3) juta orang mendapat hebahan/ maklumat mengenai MRTM Tahun Baharu Cina 2020 serta hampir 17 juta warganet yang aktif.



Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tahun Baru Cina 2020 disambut meriah dan turut dikunjungi oleh pelancong asing

JABATAN DAN AGENSI

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (*Tourism Malaysia*)
Aras 9, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
62200, Putrajaya

: 03 8891 8000 / 1 300 88 5050
: -
: www.tourism.gov.my

Arkib Negara Malaysia
Jalan Tuanku Abdul Halim (Jalan Duta)
50568 Kuala Lumpur

: 03 6209 0600 / 03 6205 6800
: 03 6201 5679
: www.arkib.gov.my

Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur

: 03 2687 1700
: 03 2694 2490
: www.pnm.gov.my

Jabatan Muzium Malaysia
Jalan Damansara
50566 Kuala Lumpur

: 03 2267 1000
: 03 2284 9103
: www.jmm.gov.my

Jabatan Warisan Negara
Blok A dan B, Bangunan Sultan Abdul Samad
Jalan Raja 50050 Kuala Lumpur

: 03 2612 7200
: 03 2604 4900
: www.heritage.gov.my

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Aras 16, 18, 19, 26, 27, 30 dan 34
Lot 1001, Menara TH Perdana
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

: 03 2614 8200
: 03 2697 0884
: www.jkkn.gov.my

Istana Budaya
Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia, Jalan Tun Razak
50694 Kuala Lumpur

: 03 4026 5555
: 03 4025 5975
: www.istanabudaya.gov.my

Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)
464, Jalan Tun Ismail
50480, Kuala Lumpur

: 03 2778 5999
: 03 2778 5903
: www.aswara.edu.my

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
Kompleks Kraf Kuala Lumpur
Seksyen 63, Jalan Conlay
50450 Kuala Lumpur

: 03 2162 7459/ 03 2162 7533
: 03 2161 2622
: www.kraftangan.gov.my

Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara
No. 2, Jalan Temerloh
Off Jalan Tun Razak
53200 Kuala Lumpur

: 03 4026 7000
: 03 4025 4987
: www.artgallery.gov.my

Pusat Pelancongan Islam
Pintu A, Aras 13, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
62200, Putrajaya

: 03 8891 7177
: 03 8881 0686
: www.itc.gov.my

Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB)
Level 9, Menara Z10
Jalan Alamanda 2, Presint 1
62000 Putrajaya
: 03 8893 4500
: 03 2276 4092
: www.myceb.com.my

Hotel Seri Malaysia
Suite A-32-7
Menara UOA Bangsar
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur

: 03 2299 7800
: 03 2299 7788
: www.serimalaysia.com.my

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

No 55
Persiaran Perdana Presint 4
62100 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8323 2000
🖱 : www.kpwkm.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun
Menteri



YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff
Timbalan Menteri



YBhg. Dato' Dr. Junaidah binti Kamarruddin
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada awal penubuhannya dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Wanita yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 17 Januari 2001.

Fungsi Kementerian kemudiannya telah diperluas dan ditukar namanya kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) mulai 15 Februari 2001. Penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) adalah manifestasi pelaksanaan iltizam negara yang dibuat di Persidangan Sedunia Keempat Wanita di Beijing pada tahun 1995 seperti yang terkandung dalam dokumen Landasan Tindakan bagi memajukan wanita ke tahun 2000 iaitu: 'Pewujudan sebuah kementerian yang lengkap menggambarkan komitmen Kerajaan yang tinggi untuk meningkatkan martabat wanita di negara ini'.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PROGRAM KEMBARA PRIHATIN NEGARA



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun menerima sumbangan keperluan asas yang akan diterbangkan ke Sabah menggunakan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk disalurkan kepada masyarakat yang terkesan akibat pandemik COVID-19



Kembara Prihatin Negara Peringkat Negeri Kelantan telah dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan, Yang Amat Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Yakob, dan turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff

Program Kembara Prihatin Negara 2020 yang bertemakan 'Tautan Sepakat Membantu Rakyat' merupakan program turun padang untuk membantu dan menyantuni rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 di samping menyebar luas perkhidmatan dan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memenuhi keperluan dan keinginan rakyat. Program ini juga meningkatkan kolaborasi strategik antara kementerian bersama sektor korporat dengan penglibatan bersama masyarakat setempat.

PERKHIDMATAN E-KAUNSELING @ TALIAN KASIH 15999

Talian Kasih telah melakukan dua (2) penambahbaikan kepada perkhidmatan yang disediakan iaitu perkhidmatan *Whatsapp* Talian Kasih dan juga perkhidmatan tele kaunseling. Perkhidmatan *Whatsapp* Talian Kasih melalui nombor 019-2615999 disediakan untuk memudahkan orang ramai termasuk Orang Kurang Upaya (OKU) pendengaran dan pertuturan mengajukan sebarang pertanyaan dan aduan berkaitan isu-isu masyarakat.

Perkhidmatan e-kaunseling oleh kaunselor berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) diperkenalkan bagi menangani panggilan berkaitan masalah keluarga, tekanan, *anxiety, panic attack* dan memerlukan sokongan emosi. Rakyat yang kehilangan pekerjaan akibat pandemik COVID-19 adalah antara golongan yang amat terkesan dengan situasi ini. KPWKM turut bekerjasama dengan 60 buah NGO untuk menyediakan perkhidmatan e-kaunseling ini.



APLIKASI MYKAFETEEN

Aplikasi *Edutainment* MyKafeTEEN memberi fokus kepada pendidikan dan perkhidmatan runding cara kesihatan reproduktif dan seksual. Sepanjang tempoh pandemik COVID-19 yang bermula pada Mac 2020, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melalui Pusat Remaja KafeTEEN telah menyebarluaskan lagi perkhidmatan dan penyampaian maklumat Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial melalui platform ini. Aplikasi secara maya ini adalah bertujuan untuk mendidik dan memberikan khidmat sokongan kepada remaja khususnya kepada remaja yang *high risk* dan *most at risk.* Melalui aplikasi ini remaja mempunyai pilihan untuk

tidak mendedahkan identiti mereka dan boleh berkongsi masalah peribadi berkaitan seksualiti menerusi platform *live forum* dan *Teen Chat.*



BABY HATCH 24 JAM DI YAYASAN *ORPHANCARE*

Yayasan ini menyediakan tempat untuk meletakkan bayi atau dikenali sebagai *Baby Hatch* yang beroperasi 24 jam sebagai satu usaha yang baik dari *Non-Governmental Organization* (NGO) untuk menyelamatkan bayi-bayi daripada dibuang ke tempat yang tidak sepatutnya. Terdapat tiga (3) buah *Baby Hatch* di bawah Yayasan *Orphancare* di Petaling Jaya, Johor Bahru dan Sungai Petani serta di lapan (8) buah di bawah *KPJ Healthcare* seluruh negara.



Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff mengadakan lawatan ke Yayasan OrphanCare di Petaling Jaya

JABATAN DAN AGENSI

Institut Sosial Malaysia (ISM)
Lot PT 13856
Km 6 Lebuhraya Kuala Lumpur - Seremban
Sungai Besi
57100 Kuala Lumpur

☎ : 03 7985 3333
🖷 : 03 7985 3300
🖱 : www.ism.gov.my

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
Aras 6, 9-18
No 55, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8323 2045
🖱 : www.jkm.gov.my

Jabatan Pembangunan Wanita (JPM)
Aras 23-25, No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8323 2034
🖱 : www.jpw.gov.my

Lembaga Penduduk Dan Pembangunan
Keluarga Negara (LPPKN)
No. 12B, Bangunan LPPKN
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur

☎ : 03 2613 7555
🖷 : 03 2693 7250
🖱 : www.lppkn.gov.my

Yayasan Kebajikan Negara (YKN)
Aras 8
No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 Putrajaya

☎ : 03 8323 2451
🖷 : 03 8323 2062
🖱 : www.yknm.org.my

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8891 5557
🖱 : www.kpkt.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Datuk Hajah Zuraida binti Kamaruddin
Menteri



YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib
Timbalan Menteri



YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berperanan menyediakan platform, memberi tunjuk ajar, sokongan dan dorongan terhadap komuniti bagi mengharungi pandemik COVID-19.

Pelbagai usaha proaktif sentiasa dilaksanakan bagi membolehkan rakyat meneruskan kehidupan dalam situasi yang mencabar ini. Kementerian ini terus komited dalam memperjuangkan perumahan untuk semua dalam persekitaran yang harmoni, lestari dan hijau - seiring dengan tema tahun 2020 KPKT iaitu 'Kesejahteraan Komuniti'.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

MAJLIS PELANCARAN PORTAL PBTPAY



Portal PBTPay secara maya yang disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Zuraida binti Kamaruddin

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan Portal PBTPay secara maya yang disempurnakan oleh Menteri KPKT, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Menteri KPKT, YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib dan Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan.

PBTpay merupakan portal yang dibangunkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) bagi membolehkan pembayar cukai taksiran daripada seluruh Semenanjung Malaysia membuat semakan dan sekaligus membuat bayaran secara atas talian tunggal. Sistem ini juga membolehkan pemilik membuat bayaran cukai taksiran

secara pukal berbanding secara berasingan seperti yang dilaksanakan sebelum ini.

Pembangunan portal ini sejajar dengan inisiatif kerajaan ke arah *counterless* dan ia juga turut menyumbang kepada penyelesaian risiko jangkitan COVID-19 di mana rakyat tidak digalakkan untuk keluar rumah dan boleh melaksanakan urusan secara atas talian. Pelancaran PBTPay amat tepat pada masanya kerana ini merupakan sebahagian daripada norma baharu dalam kehidupan masa kini selain dapat menjimatkan kos kerana orang ramai boleh melaksanakan transaksi tanpa terhad kepada waktu pejabat.

Projek PBTpay ini telah dan akan dibangunkan secara berfasa melibatkan proses libat urus dan pewujudan *Application Programming Interface* (API) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Fasa tersebut merangkumi :

- Fasa 1: Selesai dan telah melibatkan sebanyak 46 buah PBT di Semenanjung Malaysia) dan telah *go live* pada 15 Januari 2020.

- Fasa 2: Telah bermula pada Februari 2020 - Disember 2020 (dijangka baki 57 daripada 103 buah PBT di Semenanjung Malaysia akan menggunakan PBTPay iaitu semua 99 buah PBT di Semenanjung Malaysia dan termasuk empat (4) buah PBT bertaraf PBT *hybrid*)

PBTPay dijangka akan digunakan oleh semua PBT bagi kemudahan bayaran cukai taksiran secara individu atau pukal. Modul PBTPay juga akan diperluaskan kepada lain-lain modul pembayaran seperti kompaun, lesen dan lain-lain sistem di KPKT yang menggunakan kaedah pembayaran secara bersepadu. PBTPay juga merupakan salah satu elemen dalam inisiatif *City Gateway*@ KPKT yang sedang dibangunkan bagi merangkumi semua perkhidmatan KPKT yang berkait rapat dengan orang ramai.

PROGRAM SAMBUTAN HARI PEMBERSIHAN SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2020

Pada tahun ini sejumlah 45 lokasi di tujuh (7) negeri yang menerima pakai Akta 672 (Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) telah menyambut Hari Pembersihan Sedunia 2020 yang turut dikenali *World Cleanup Day* 2020.



Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib telah menyempurnakan Sambutan Hari Pembersihan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2020 di Perkarangan Surau Al-Hijrah Jalan Gelam, Kampung Pendas Baru, Mukim Tanjung Kupang, Gelang Patah, Johor

Sambutan hari istimewa ini dianjurkan selari dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersih, indah dan sejahtera selain memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan menjaga

kebersihan alam sekitar. Dalam program ini, aktiviti pembersihan melibatkan seramai 474 orang yang terdiri daripada sukarelawan dan masyarakat tempatan. Hasil aktiviti pembersihan ini telah berjaya mengumpulkan sebanyak 909 kg sampah di kawasan sekitar Kg. Pendas baru. Walaupun ramai terlibat dengan aktiviti pembersihan ini, amalan norma baharu dan pematuhan SOP tetap didahulukan.

Sambutan Hari Pembersihan Sedunia ini merupakan sebuah program membersihkan kawasan tertentu secara global dengan erti kata lain pada hari ini hampir seluruh penduduk di dunia akan keluar bersama-sama untuk membersihkan kawasan mereka.

HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS)

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) disambut pada lapan (8) November setiap tahun di seluruh dunia dan Malaysia telah menyambutnya selama 32 tahun sejak 1988. Pada tahun 2020, Malaysia menyambutnya secara dalam talian. Sambutan HPBS merupakan tanda penghargaan kepada perancangan bandar dalam perancangan dan pembangunan negara kita demi mewujudkan kehidupan yang berkualiti dan sejahtera serta mampan. Pindaan dua (2) akta iaitu Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dituntut bagi memperkasakan peranan serta bidang penguatkuasaan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia). Tambahan pula, PLANMalaysia perlu diberi kuasa penguatkuasaan supaya perancangan yang dibuat di peringkat Persekutuan dapat dilaksanakan selain memastikan pembangunan negara lebih mampan dan tidak menjejaskan perancangan jangka panjang.



Majlis ini disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Zuraida binti Kamaruddin dan turut hadir bersama-sama beliau adalah Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib dan juga Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan

Anugerah Khas Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan diberikan kepada Komuniti Rukun Tetangga Al-Husna, Seksyen 20, Shah Alam manakala Penghargaan Bandar Mampan 2020 pula dianugerahkan kepada Majlis Bandaraya Johor Bharu.

HARI TANDAS SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2020

Tujuan sambutan ini adalah sebagai tanda peringatan kepentingan kebersihan tandas di dalam kehidupan manusia di samping menanam semangat cintakan tandas dalam kalangan rakyat Malaysia sekaligus meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya menjaga kebersihan tandas. Hal ini secara tidak langsung meningkatkan imej kebersihan tandas awam di Malaysia. Sambutan pada kali ini adalah bertemakan 'Komuniti Prihatin, Tandas Bersih'.



Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, mewakili Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Zuraida binti Kamaruddin merasmikan Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 yang berlangsung secara maya melalui laman rasmi Facebook KPKT

Penggunaan tandas tidak lari dari risiko jangkitan COVID-19 kerana jangkitan penyakit boleh berlaku di mana-mana tempat awam dan kawasan yang tidak bersih. Sebelum masuk ke tandas, semua pengguna tandas awam perlu mengamalkan etika penggunaan tandas mengikut norma baharu seperti memakai pelitup muka, membuat pemeriksaan suhu badan dan melengkapkan maklumat diri menggunakan aplikasi MySejahtera dan menggunakan cecair sanitiasi tangan *(hand sanitizer)* sebelum memasuki tandas awam. Semasa berada dalam tandas, pengguna perlu menjaga penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter, cuci tangan dengan sabun, membuang sampah atau tisu ke dalam tong sampah yang disediakan dan tidak dibenarkan meludah ke dalam sinki.

Sambutan Hari Tandas Kebangsaan turut dimeriahkan dengan pertandingan Pengiktirafan Tandas Awam Bersih Peringkat Kebangsaan di mana sejumlah 12 kategori tandas awam dipertandingkan. Pertandingan ini melibatkan kerjasama beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkepentingan dalam penjagaan tandas seperti Persatuan Pegawai Kesihatan Persekitaran Malaysia (EHOM), Persatuan Bilik Air Berkualiti Malaysia (QRAM) dan *Malaysian Association of Environmental Health* (MAEH). Tujuan penganjuran pertandingan ini adalah sebagai usaha mempromosikan budaya penjagaan tandas yang bersih, selamat dan selesa di Malaysia selari dengan aspirasi Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat kebangsaan yang bermula sejak tahun 2010.

MALAYSIA URBAN FORUM 2020

URBANICE MALAYSIA dan UN-Habitat telah menjadi hos penganjuran persidangan *Malaysia Urban Forum 2020* (MUF2020) yang bertemakan *Sustainable Urban Nation 2020 – 'The Transformative Pathway and Actions to Deliver the Sustainable Agenda'* disertai dan dibahaskan oleh lebih 200 pakar dalam bidang masing-masing, ahli panel dan moderator yang aktif menyumbang ke arah kemampanan negara.

MUF2020 juga turut dikongsi siaran langsung di platform medial sosial *termasuk di Facebook dan* Youtube dengan jumlah penonton selama tiga (3) hari adalah sebanyak 1,145,003 (1.145 juta) penonton dalam talian daripada 70 buah negara seluruh dunia. Pencapaian utama persidangan ini adalah *MUF2020 Statement of Actions*. *MUF2020* menjadi *trending* sepanjang penganjurannya dan UN-Habitat telah menjadikan contoh model penganjuran persidangan *National Urban Forum* secara dalam talian atau *hybrid*. Sepanjang tiga (3) hari *MUF2020*, seramai 500 peserta hadir dan 4,000 peserta berdaftar. Salain itu, 12,279 penyertaan maya dan 3,000 orang melawat pameran secara atas talian.



Malaysia Urban Forum 2020 telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin

JABATAN DAN AGENSI

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
Lebuh Wawasan, Presint 7
62250 Putrajaya

☎ : 03 8892 7600
🖷 : 03 8888 0025
🖱 : www.bomba.gov.my

Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (PLANMalaysia)
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Blok F5, Kompleks F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya

☎ : 03 8091 0000
🖷 : 03 8091 0455
🖱 : www.planmalaysia.gov.my

Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)
Aras 25-29, No.51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8891 3090
🖱 : www.jkt.kpkt.gov.my

Jabatan Perumahan Negara (JPN)
Aras 30-38, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8891 4088
🖱 : www.ehome.kpkt.gov.my

Jabatan Landskap Negara (JLN)
Aras 10, Blok F10
Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya

☎ : 03 8091 0500
🖷 : 03 8091 0670
🖱 : www.jln.gov.my

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)
Aras 23, 24 Dan 34
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8891 3190
🖱 : www.jpspn.kpkt.gov.my

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
Bangunan Ibu Pejabat SWCorp
Blok J, MKN Embassy Techzone
Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya
Selangor

☎ : 03 83124000
🖷 : 03 83124003
🖱 : www.swcorp.gov.my

Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
Aras 3-4, No.51
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya

☎ : 03 8891 3284
🖷 : 03 8891 4755
🖱 : -

Institut Latihan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
KM 48, Persimpangan Bertingkat Lebuhraya Karak, 28750 Berjaya Hills, Bukit Tinggi
Pahang

☎ : 09 222 9000
🖷 : 09 222 9014
🖱 : www.ikpkt.kpkt.gov.my

Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)
Aras 1, Blok C, Dataran PHB, Saujana Resort
Seksyen U2, Shah Alam, Selangor

☎ : 03 7849 2000
🖷 : 03 7849 2020
🖱 : www.spnb.com.my

Perbadanan Pr1ma Malaysia
Aras 7, Blok F
No. 2, Jalan PJU 1A/7A
Oasis Square, Ara Damansara
47301 Petaling Jaya
Selangor

☎ : 03 7495 9888
🖷 : 03 7840 0268
🖱 : www.pr1ma.my

Urbanice Malaysia
5, Jalan Chelagi
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

☎ : 03 2011 0921
🖷 : -
🖱 : www.urbanicemalaysia.com.my

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Blok D1, D2 & D9, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8889 1613 / 03 8889 1610
🖱 : www.moha.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin
Menteri



YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said
Timbalan Menteri I



YB Tuan Jonathan Yasin
Timbalan Menteri II



YBhg. Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah berjaya melalui tahun 2020 dalam usaha memastikan keselamatan dan ketenteraman negara terjamin walaupun negara berhadapan dengan dugaan dan cabaran sepanjang tahun 2020.

Dengan semangat yang jitu, KDN dapat melaluinya dan bangkit dengan lebih kuat dan matang terutamanya dalam menangani cabaran terbesar negara iaitu pandemik COVID-19.

KDN telah menetapkan tiga teras pada awal tahun 2020 yang menjadi fokus utama iaitu :

- pemerkasaan keselamatan dan ketenteraman awam
- pengukuhan keselamatan sempadan, kawasan maritim dan pintu masuk
- pemantapan institusi dan sistem perkhidmatan

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

TERAS 1: PEMERKASAAN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

Aspek perundangan di bawah bidang kuasa KDN diperkukuhkan lagi dengan beberapa kajian semula dan pindaan ke atas akta sedia ada antaranya:

- **Dasar Pengalihan Penyalahgunaan Dadah**
- **Kajian semula Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007**
- **Draf Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) 2020**
- **Kajian semula Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan**
- **Draf Rang undang-undang Pesara dan Bekas Polis**
- **Kajian semula Akta Hasutan 1948**

Kajian semula ke atas undang-undang sedia ada ini sangat penting untuk memperkasakan aspek perundangan supaya penguatkuasaan yang lebih efektif dan berkesan dapat dilaksanakan. Hasil pelaksanaan inisiatif oleh jabatan dan agensi di bawah KDN menunjukkan persepsi rasa selamat rakyat Malaysia berada pada tahap 60 peratus seperti yang disasarkan dalam kajian *Perception of Security Indicator (PSI).*

Indeks jenayah telah menunjukkan penurunan sasaran sebanyak 240 kes bagi setiap 100,000 penduduk ke 194 kes iaitu sebanyak 19 peratus berbanding tahun 2019. Penurunan ini turut disumbangkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan bermula Mac 2020. Selain itu, Orang Kena Pengawasan (OKP) yang kekal pulih bagi tempoh dua (2) tahun telah meningkat sebanyak 69 peratus. Ini menunjukkan komitmen serius KDN untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah dan substans telah menunjukkan keberhasilan yang nyata.

Projek Rintis Inisiatif Bersepadu telah dilaksanakan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah, substans dan pelencongan sosial di 12 kawasan yang melibatkan tujuh (7) negeri yang dikenal pasti sebagai Kawasan Berisiko Tinggi (KBT). Sehingga 31 Disember 2020, sembilan (9) daripada 12 kawasan rintis tersebut telah berjaya dihijaukan.

Rondaan keselamatan turut dilaksanakan oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) untuk menyokong usaha pengurangan jenayah dan meningkatkan rasa selamat. Sepanjang tahun 2020, sebanyak 4,819 rondaan dilaksanakan di 157 daerah yang dikenal pasti berisiko.

Dalam aspek pertubuhan, tahap pematuhan dalam kalangan pertubuhan yang diperiksa telah meningkat kepada 83 peratus pada tahun 2020 berbanding 2019 iaitu peningkatan sebanyak 13 peratus khususnya bagi tiga (3) kategori pertubuhan iaitu kebajikan, agama dan sosial. Pematuhan terhadap kalangan pertubuhan ini adalah sangat penting kerana ketiga-tiga kategori turut dipantau oleh badan antarabangsa bagi mengelakkan berlakunya penyalahgunaan pertubuhan bagi tujuan pengubahan wang haram.



Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin bersama Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M.Saravanan di Sidang Media Program Rekalibrasi PATI

Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) merupakan salah satu cabaran utama kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN). Sehubungan dengan itu, KDN dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah melaksanakan Pelan Rekalibrasi PATI yang terbahagi kepada dua program iaitu:

- **Program Rekalibrasi Pulang** yang membenarkan PATI pulang ke negara asal secara sukarela tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan

- **Program Rekalibrasi Tenaga Kerja** yang meregularisasikan PATI untuk bekerja secara sah dengan majikan dalam empat (4) sektor iaitu perkilangan, pembinaan, perladangan dan pertanian tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan

Sehingga 31 Disember 2020, seramai 304 orang PATI telah berdaftar bagi program rekalibrasi tenaga kerja dan sebanyak 178 telah lulus verifikasi. Manakala bagi program rekalibrasi pulang, seramai 7,464 PATI telah berdaftar dengan jumlah kutipan hasil dari kompaun dan pas khas sebanyak RM3.65 juta.

Pada tahun 2020, JIM terus mempergiatkan operasi membanteras PATI dan majikan yang menggaji PATI. Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 6,634 operasi ke atas PATI telah dilaksanakan dan seramai 22,522 orang PATI dan 387 orang majikan telah ditangkap. Ini menunjukkan kerajaan tidak sedikit pun berkompromi dalam isu PATI terutamanya dalam usaha membendung penularan COVID-19.

Selain operasi penguatkuasaan, JIM juga turut memberi penekanan dalam membanteras sindiket-sindiket berkaitan PATI dan jenayah rentas sempadan. Sepanjang tahun 2020, JIM telah berjaya menumpaskan sebanyak 11 sindiket berkaitan PATI dan jenayah rentas sempadan. Seramai 111 orang dalang dan ahli sindiket daripada pelbagai warganegara telah ditahan. Antara sindiket yang berjaya ditumpaskan ialah sindiket pemalsuan dokumen, penipuan dan salah guna pas, agen haram dan pemalsuan cap keselamatan JIM.



Operasi Penguatkuasaan Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia

TERAS 2: PENGUKUHAN KESELAMATAN SEMPADAN, KAWASAN MARITIM DAN PINTU MASUK

Satu Jawatankuasa Pemantapan Kawalan Sempadan Negara yang dipengerusikan oleh YB Menteri Dalam Negeri telah ditubuhkan bagi menambah baik kawalan sempadan negara. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memperhalusi cadangan penambahbaikan dan dasar berkaitan keselamatan sempadan.

Bagi mengukuhkan keselamatan maritim, KDN melalui Agensi

Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah melaksanakan 434 pengusiran ke atas bot nelayan asing di Zon Maritim Malaysia. Selain daripada jumlah tersebut, sebanyak 909 tangkapan telah dibuat oleh APMM atas pelbagai kesalahan maritim. Selain itu, melalui Pasukan Polis Marin (PPM), Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Cawangan Perisikan dan Siasatan Khas (CPSK) PDRM, telah melaksanakan hampir 2,000 operasi yang melibatkan kes-kes penyeludupan, migran dan khazanah negara dengan nilai rampasan bernilai RM 225.6 juta.

Dalam usaha meningkatkan keselamatan dan mengambil kira permasalahan rakyat, KDN telah mengenal pasti 23 inisiatif yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Khas Menangani Kesesakan di Tambak Johor. Sebanyak 57 peratus atau 13 daripada 23 inisiatif telah berjaya dilaksanakan yang melibatkan inisiatif yang disasarkan dalam jangka masa pendek dan sebahagiannya dalam jangka sederhana. Antara inisiatif yang telah selesai dilaksanakan bagi mengurangkan kesesakan di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) ialah:

- Pengambilalihan BSI dan KSAB bermula Januari 2020 bagi melancarkan pengurusan di kedua-dua bangunan. Pengambilalihan ini telah dapat mengenal pasti keperluan strategik keselamatan, pembangunan dan aset di BSI dan KSAB
- Melaksanakan 37 projek bagi menaik taraf fasiliti. Daripada jumlah tersebut 48 peratus telah selesai dilaksanakan termasuk menambah laluan kontra bagi kenderaan berat dan kemudahan bagi pengguna di kedua-dua ICQ
- Melantik Ketua Penyelaras bagi memastikan aspek pengurusan dan penguatkuasaan di kedua-dua ICQ lebih teratur dan terselaras
- Pengecualian dasar kawalan perjawatan kepada JIM dan mewujudkan *flexible shift* bagi membolehkan kaunter pemeriksaan beroperasi sepenuhnya

Dalam memastikan keberkesanan usaha membanteras jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, KDN melalui Pejabat Strategik Nasional Majlis Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (NSO MAPO) dengan kerjasama agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan agensi antarabangsa telah berjaya membangunkan Garis Panduan Nasional untuk Indikator Pemerdagangan Orang (NGHTI) yang akan menjadi dokumen tunggal dan komprehensif untuk rujukan pegawai penguatkuasa dan pegawai pelindung daripada agensi Kerajaan serta *Civil Society Organization* (CSO) dalam mengenal pasti mangsa pemerdagangan orang.

Pada tahun 2020 juga, NSO MAPO telah membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Pemerdagangan Orang Tahun 2021-2025 yang berada dalam fasa akhir dan dijangka akan

dimuktamadkan pada awal tahun 2021.

TERAS 3: PEMANTAPAN INSTITUSI DAN SISTEM PERKHIDMATAN

Pada tahun 2020, KDN telah berjaya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dalam talian secara *end to end* (E2E). Sebanyak 12 perkhidmatan dalam talian sedia ada telah ditingkatkan kepada perkhidmatan E2E. Antara perkhidmatan berkenaan adalah:

- *Electronic Security Industry Management System* (eSIMS)
- *MyAADK*: Sistem Pengurusan Profil Klien
- Semakan Permohonan Pembantu Rumah Asing (Sistem *Maid Online*)

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) beberapa perkhidmatan utama telah diperkenalkan secara dalam talian seperti berikut:

- Permohonan Pendaftaran Kelahiran;
- Permohonan Cabutan Rekod Kelahiran
- Permohonan Kad Pengenalan 12 Tahun
- Permohonan Cabutan Rekod Kad Pengenalan
- Permohonan Pendaftaran Perkahwinan

Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) Kementerian Dalam Negeri 2020-2024 telah dilancarkan pada 5 November 2020. Pelan ini akan memastikan isu-isu tadbir urus, integriti dan anti rasuah ditangani secara menyeluruh melalui strategi-strategi



Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Pendaftaran Negara

yang telah digariskan. Di bawah Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) KDN yang disasarkan bagi tempoh 2019-2023, KDN telah menyelesaikan lima (5) daripada 11 inisiatif di bawah NACP KDN.

FOKUS KDN SEMASA PANDEMIK COVID-19

KDN telah meningkatkan beberapa pendekatan dan telah menetapkan beberapa keutamaan, antaranya ialah:

- Kawalan sempadan daripada pencerobohan pendatang asing tanpa izin
- Penguatkuasaan terhadap pematuhan PKP/PKPP/PKPB
- Penambahbaikan terhadap pusat-pusat tahanan sedia ada
- Pembukaan pusat-pusat tahanan sementara
- Kawalan kemasukan warga asing khususnya daripada 23 negara

Sejak PKP dilaksanakan, sebanyak hampir 101,000 orang anggota keselamatan dan penguatkuasa dari Polis Diraja Malaysia (PDRM), JIM, APMM, RELA, Jabatan Penjara (PENJARA), AADK, *Eastern Sabah Secutity Command* (ESSCOM) dan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) telah digerakkan sepanjang empat (4) fasa PKP.

PDRM dengan kerjasama beberapa agensi penguatkuasa lain telah melaksanakan:

- 2,300 Sekatan Jalan Raya (SJR) sepanjang PKP/PKPB/PKPD
- Kawalan di 116 pusat kuarantin dan 17 hospital yang merawat pesakit COVID-19
- Hampir 39,000 rondaan berjadual di premis atau kawasan sasaran seperti di tapak pembinaan, premis perniagaan dan rondaan *Home Surveillance Order* (HSO)

Berikut merupakan tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap individu yang tidak mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan:

- 64,651 kompaun telah dikeluarkan
- 30,921 tangkapan telah dibuat ke atas pesalah ingkar PKP
- 3,460 reman
- 23,012 pendakwaan telah dilaksanakan

KDN telah bertindak proaktif dengan mewartakan 11 buah penjara sementara dan dalam perancangan untuk menggunakan lima kem PLKN bagi kesalahan ringan dan juga kepada pesalah ingkar PKP.

KDN bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan dasar kawalan kemasukan warga asing di pintu-pintu masuk negara sebagai salah satu usaha untuk mengelakkan penularan COVID-19 dan jangkitan kluster baharu. Antara dasar tersebut ialah:

- Kemudahan pengecualian visa (ENTRi) bagi warganegara Republik Rakyat China (RRC) dan India ditamatkan
- Warga asing pemegang pas jangka panjang sedia ada dibenarkan masuk tertakluk kepada syarat-syarat
- Pelaksanaan kuarantin 14 hari bagi warga asing pemegang pas jangka panjang yang dibenarkan masuk



Petugas Polis Diraja Malaysia dalam Operasi Sekatan Jalan Raya (SJR) bagi mencegah penularan COVID-19

tertakluk kepada syarat-syarat tertentu

- Kelonggaran syarat bagi pertukaran majikan dan sektor bagi pekerja asing pemegang PLKS yang sudah berada dalam negara
- Sekatan sepenuhnya diteruskan terhadap kemasukan pelancong dan warganegara asing dari negara yang berisiko tinggi
- Penggunaan aplikasi MySejahtera dan pengintegrasian dengan MyIMMs
- Membenarkan *sign on & sign off* bagi anak kapal warganegara asing;
- Pelaksanaan *Reciprocal Green Lane* (RGL) dan *Periodic Commuting Arrangement* (PCA)
- Pencegahan penularan wabak melalui pembatalan eNTRI

Beberapa pendekatan telah diperkenalkan oleh agensi-agensi di bawah KDN. Antaranya ialah:

- Permohonan Temujanji Secara Dalam Talian oleh JPN dan JIM
- Pembayaran Tanpa Tunai *(Cashless)* di JPN
- Sistem Pertanyaan Dalam Talian (SPO) JIM
- Sistem *MyTravelPass* (MTP) di JIM yang merupakan *single window portal* bagi semua permohonan pergerakan keluar masuk negara semasa PKP

JABATAN DAN AGENSI

Polis Diraja Malaysia
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
50560 Kuala Lumpur

☎ : 03 2266 2222
🖷 : 03 2070 7500
🖱 : www.rmp.gov.my

Jabatan Penjara Malaysia
Ibu Pejabat Penjara Malaysia
Kajang-Semenyih By Pass
43000 Kajang,
Selangor

☎ : 03 8732 8000
🖷 : 03 8737 1098
🖱 : www.prison.gov.my

Jabatan Imigresen Malaysia
No. 15, Tingkat 1-7 Blok 2G4 (Menara & Podium)
Persiaran Perdana
Presint 2, 62550 Wilayah Persekutuan
Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 :-
🖱 : www.imi.gov.my

Jabatan Pendaftaran Negara
Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara
Putrajaya
No 20, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62551 Wilayah Persekutuan Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8880 8288
🖱 : www.jpn.gov.my

Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia
Kementerian Dalam Negeri
Jalan Maktab Perguruan Islam
43000 Kajang, Selangor

☎ : 03 8911 2200
🖷 : 03 8926 2055
🖱 : www.adk.gov.my

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
Aras 8 & 9, Blok D7, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya

☎ : 03 88702601/03 88702617
🖷 : 03 8870 2659
🖱 : www.ros.gov.my

Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)
Aras 7, 8 & 9
Blok D9, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8890 5532
🖱 : www.rela.gov.my

Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM)
Blok D1, D2 & D9, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 88891613/03 88891610
🖱 : www.moha.gov.my

Institut Keselamatan Awam Malaysia
Kementerian Dalam Negeri
Aras 7, Blok D1, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya

☎ : 03 8886 á8228
🖷 : 03 8889 1676
🖱 : www.moha.gov.my

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Kementerian Dalam Negeri
Aras 4-11, One IOI Square
IOI Resort, 62502 Putrajaya

☎ : 03 8995 7000
🖷 : 03 8941 4000
🖱 : www.mmea.gov.my

Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)
Kementerian Dalam Negeri
Blok B, Aras G
Kompleks Komersial Bandar Harbour
Jalan Pantai
91100 Lahad Datu
Sabah

☎ : 089 863 582
🖷 : 089 863 587
🖱 : www.esscom.gov.my

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 1 & Blok 2, Menara Seri Wilayah
Presint 2, 62100 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8889 7957
🖱 : www.kwp.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Tan Sri TPr Annuar bin Hj Musa
Menteri



YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P
Timbalan Menteri



YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida binti Jaafar
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) mengutamakan lapan (8) teras utama iaitu wilayah bersih, keselamatan awam, sistem pengangkutan efisien, sosio ekonomi mampan, persekitaran Hijau, Komuniti Inklusif, Perancangan dan pengurusan guna tanah yang mampan serta mengukuhkan tadbir urus dan keupayaan organisasi menjadi hala tuju baharu KWP bagi tempoh lima (5) tahun akan datang.

Inisiatif ini mensasarkan penyediaan taraf hidup yang wajar *(decent standard of living*) yang memberi manfaat menyeluruh kepada warga Wilayah Persekutuan khususnya dan pembangunan mampan negara menjelang 2030.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2020 DISAMBUT MERIAH



Konvoi motosikal yang membawa bendera Wilayah Persekutuan yang dianjurkan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan berjaya mengegarkan Dataran Merdeka dengan deruan enjin 1,500 buah motosikal

Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) disambut pada tarikh 1 Februari setiap tahun, bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Pelaksanaan program SHWP memberi fokus kepada program yang berkonsepkan patriotik, perpaduan, sayangi Wilayah Persekutuan serta elemen mesra rakyat.

Festival SHWP menjadi acara pembukaan dengan pelbagai aktiviti dijalankan seperti sukan tradisional, konvoi motosikal, Konsert Sayangi

Wilayahku, *'Putrajaya Base Jump'* sempena Sambutan Jubli Perak, SHWP dan Tahun Melawat Malaysia 2020. Tidak ketinggalan, acara bertemakan keagamaan dan ilmiah dalam slot Prima Dakwah Wilayahku dan *signature* program SHWP iaitu Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan.

INISIATIF WILAYAH PRIHATIN DINAMIK DAN MENYELURUH

Kementerian Wilayah Persekutuan memperkenalkan inisiatif baharu iaitu 'Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin' dengan 13 teras utama yang bersifat dinamik dan menyeluruh berikutan manfaatnya tidak terhenti kepada golongan B40 serta miskin bandar sahaja. 13 teras utama tersebut ialah teras usahawan, kemiskinan, pendidikan, perumahan, gelandangan, keselamatan, perpaduan, keindahan, kebersihan, sukan, asnaf, kehijauan dan seni budaya. Pelaksanaan inisiatif ini bertujuan untuk membantu golongan miskin bandar, kumpulan B40, pelajar, gelandangan dan peniaga kecil serta penjaja bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan mereka terjaga. Melalui teras usahawan, kemiskinan dan pendidikan, masyarakat kota khususnya di Kuala Lumpur dapat merancang strategi khas dalam pengurusan kewangan serta kehidupan harian masing-masing terutama dalam tempoh COVID-19. Bagi teras perumahan pula, peluang pemilikan rumah menerusi Residensi@Wilayah membantu golongan asnaf dan ibu tunggal memiliki kediaman sendiri. Selain itu, teras gelandangan, keselamatan, perpaduan, keindahan,kebersihan, sukan, asnaf, kehijauan dan seni budaya turut memberi nilai tambah kepada warga kota kerana ia mensejahterakan keseluruhan Wilayah Persekutuan.



Melalui Cakna Kemiskinan dan Cakna Asnaf ia membantu mengurangkan beban tanggungan keluarga miskin

INISIATIF WILAYAH CAKNA MENSEJAHTERAKAN RAKYAT WILAYAH PERSEKUTUAN

Prihatin dengan nasib menimpa warga Wilayah Persekutuan (WP), KWP melancarkan dan menyediakan pelbagai insentif menerusi Inisiatif Wilayah Cakna (IWC) sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020. Ia melibatkan peruntukan sebanyak RM151.32 juta yang meliputi 51 inisiatif utama kepada 526,000 orang penerima manfaat yang terdiri daripada golongan B40, asnaf dan berpendapatan rendah, peniaga dan penjaja berlesen, penghuni rumah PPR dan PA DBKL, komuniti, atlet, jurulatih, dan gelandangan.

Antara insentif yang diberikan termasuk bantuan kepada warga Wilayah Persekutuan dalam menguruskan impak penularan COVID-19, petugas barisan hadapan WP, mangsa COVID-19 dan hospital, golongan miskin bandar, kumpulan B40, pelajar, gelandangan, dan peniaga kecil serta penjaja. Antara insentif dan bantuan yang diberikan termasuk pengecualian bayaran sewa rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Sumbangan *'food pack'* juga diberikan kepada keluarga miskin B40 dan gelandangan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.



Cakna Usahawan yang dilaksanakan sebagai salah satu usaha meningkatkan peluang pendapatan serta taraf hidup warga Wilayah Persekutuan

PROGRAM MY5 BANTU GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH



Seramai 32,000 ketua isi rumah mendapat manfaat menerusi MYFood@Wilayah dengan anggaran setiap bakul makanan yang disumbangkan berjumlah RM50.00 seunit

Program MY5, *MYFood*@Wilayah, *MYGrocer*@Wilayah, *MYSchoolbus*@Wilayah, *MYMedic*@Wilayah dan *MYJob*@Wilayah merupakan program membasmi kemiskinan bandar di Wilayah Persekutuan yang dirangka dan dilaksanakan oleh KWP selaras dengan Inisiatif Wilayah Cakna (IWC) dalam agenda Wilayah Prihatin yang diperkenalkan kementerian bagi membantu dan meringankan beban golongan terkesan akibat COVID-19. Ia juga satu usaha bagi membantu mengurangkan kos sara hidup yang ditanggung golongan miskin bandar. Program MY5 ini bersifat menyeluruh, meliputi pemberian bantuan makanan, penyediaan peluang pekerjaan, perkhidmatan perubatan, bas sekolah percuma, penjualan barangan makanan dengan harga 5% hingga 20% lebih rendah dari pasar awam.

Program ini menyasarkan golongan B40 dan miskin bandar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Kelima-lima program ini dilaksanakan secara berterusan untuk meringankan dan membantu menambah baik social *safety net* dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan yang berstatus miskin bandar. Lebih 35,000 orang dan ketua isi rumah serta 331 perumahan kos rendah KL menerima bantuan langsung melalui program MY5 yang dilaksanakan.

INISIATIF WILAYAH BEBAS BERNIAGA (IWBB) RINGANKAN BEBAN PENIAGA

Bagi meringankan beban tanggungan keluarga dan meneruskan kelangsungan hidup, KWP mengumumkan satu lagi inisiatif khas buat warga Wilayah Persekutuan menerusi Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB). IWBB yang bermula dari 15 November 2020 hingga April 2021, merupakan salah satu inisiatif yang dijalankan kementerian bagi merangsang ekonomi negara melalui aktiviti keusahawanan dan memberi kelangsungan hidup khususnya kepada warga Wilayah Persekutuan. Seramai 4,642 peniaga dan penjaja yang telah memohon dengan 2,495 permohonan diluluskan. Wilayah Persekutuan merupakan negeri pertama (1) yang melaksanakan inisiatif seumpama ini di Malaysia memanfaatkan hampir 2,500 peniaga dan penjaja di Wilayah Persekutuan.



Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB) memanfaatkan hampir 5,000 peniaga sepanjang pelaksanaannya

PROGRAM USAHAWAN ANAK MUDA KOTA GALAK ANAK MUDA BERNIAGA

Kementerian terus komited membantu golongan belia yang terkesan akibat kehilangan punca pendapatan dan sukar mendapat pekerjaan disebabkan pandemik COVID-19 dengan memperkenalkan Program Usahawan Anak Muda Kota. Inisiatif ini bertujuan untuk mewujudkan peluang perniagaan kepada golongan belia khususnya di Kuala Lumpur dan Putrajaya selain menggalakkan belia mencari pendapatan dan mengurangkan kadar pengganggguran.

Kementerian telah mengenalpasti kira-kira 1,122 lokasi yang dibuka secara berperingkat dan pemilihan usahawan dilakukan oleh jawatankuasa khas yang dibentuk di peringkat kementerian. Program ini terbuka kepada belia berumur 18 tahun ke atas dengan keutamaan kepada mereka yang cenderung dan mempunyai minat mendalam dalam bidang keusahawanan. Seramai 275 orang usahawan muda telah dibantu menerusi program ini. Bagi anak muda yang berminat, permohonan boleh dibuat menerusi portal https://usahawanwp.kwp.gov.my.



Program Usahawan Muda Kota membantu golongan belia yang terkesan akibat COVID-19

JABATAN DAN AGENSI

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

: 03 2617 9000
: 03 2698 0460
: www.dbkl.gov.my

Perbadanan Putrajaya (PPJ)
Kompleks Perbadanan Putrajaya
24, Persiaran Perdana, Presint 3
62675 Putrajaya

: 03 8000 8000
: -
: www.ppj.gov.my

Perbadanan Labuan (PL)
Wisma Perbadanan Labuan
Peti Surat 81245
87022, WP Labuan

: 087 408600 / 087-408601
: 087 419400
: www.pl.gov.my

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB)
Aras Bawah, 1 & 2, Lot 61 Rumah Rohas
Jalan Raja Abdullah
Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

: 03 2692 6733
: 03 2693 4733
: www.pkb.gov.my

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP)
Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2
62100 Putrajaya

: 03 8892 6600
: 03 8892 6616
: www.wipers.gov.my

Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP)
Aras G-6, Rumah Persekutuan
Jalan Sultan Hishamudin
50678 Kuala Lumpur

: 03 2610 3300
: 03 2610 3499
www.ptgwp.gov.my

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

No. 15, Aras 6-13
Persiaran Perdana, Presint 2
62654 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8880 3482
🖱 : www.mpic.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Dato'. Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali
Menteri



YB Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng
Timbalan Menteri I



YB Datuk Willie Anak Mongin
Timbalan Menteri II



YBhg. Datuk Ravi Muthayah
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) bertanggungjawab dalam prestasi sektor agrikomoditi dari pengeluaran, pemprosesan, pembuatan sehingga ke pemasaran.

Sektor ini telah berkembang dari pengeluaran dan pengeksportan bahan mentah kepada penghasilan produk separa proses, produk yang telah diproses dan produk akhir seterusnya menjana lebih banyak produk bernilai tambah dalam memenuhi permintaan global yang semakin meningkat. Subsektor agrikomoditi yang merangkumi minyak sawit, getah, kayu, koko, lada dan kenaf menjadi antara pemacu ekonomi negara yang turut menyumbang kepada pendapatan eksport, mewujudkan peluang pekerjaan dalam masa yang sama menjana pendapatan terutamanya kepada pekebun kecil.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

KEMPEN SAWIT ANUGERAH TUHAN



Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, YB Dato'. Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali berucap sempena pra pelancaran Kempen Sawit Anugerah Tuhan

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) mengambil inisiatif untuk melancarkan Kempen Sawit Anugerah Tuhan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kempen ini bertujuan untuk menghargai sumbangan besar industri sawit kepada negara selama ini, di samping meningkatkan kesedaran terhadap khasiat dan kebaikan minyak sawit Malaysia kepada masyarakat. Sebagai permulaan pra-pelancaran kempen telah diadakan pada 19 November 2020.

KPPK melalui Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) melaksanakan kempen ini dengan memberi tumpuan kepada peranan yang dimainkan oleh industri

sawit negara dalam pembangunan sosioekonomi negara. Selain itu, sumbangan sektor sawit terhadap industri makanan dan bukan makanan merangkumi produk kesihatan serta pemuliharaan alam sekitar akan turut diberi penekanan. Penggunaan media baharu dan aplikasi sosial menjadi keutamaan dengan elemen pendidikan, kesedaran, tarikan visual serta nilai diterapkan dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat.

Sempena pra-pelancaran kempen, KPPK mengedarkan sebanyak 550 pelitup muka dengan logo rasmi kempen dengan cecair pembersih tangan kepada semua ahli parlimen, orang kenamaan dan media sebagai simbolik kesepaduan kempen ini dengan usaha memerangi pandemik COVID-19 selain menzahirkan pelaksanaan kempen dengan norma baharu. Usaha promosi ini diteruskan dari peringkat akar umbi kementerian.

HARGA MINYAK SAWIT TERTINGGI SEJAK MEI 2012

Harga minyak sawit pada 6 November 2020 telah mencatatkan pencapaian tertinggi sejak Mei 2012 pada kadar RM3,429.50 satu tan. Aliran positif ini didorong permintaan tinggi daripada pembeli termasuk India dan China. Kenaikan harga Minyak Sawit Mentah (MSM) bukan sahaja menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, malah memberi manfaat kepada pekebun dan pemain industri sawit Malaysia yang berdepan dengan kemelut kewangan kesan daripada pandemik COVID-19.

PEMBINAAN SURAU BULUH SEBAGAI TARIKAN PELANCONGAN DI TERENGGANU

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) sedang dalam pembinaan sebuah surau berasaskan buluh di Dataran Tembesu, Kuala Nerus. Pembinaan surau tersebut melibatkan kos RM400,000 merangkumi kos pembangunan dan penyelidikan dan mengambil masa Sembilan (9) bulan untuk disiapkan. Surau berkeluasan 3,000 kaki persegi dijadikan contoh penyelidikan dalam bidang buluh. Proses pembinaannya direkodkan untuk dijadikan bahan kajian. Surau buluh ini akan turut menjadi ikon pelancongan terbaru di Terengganu.

Projek tersebut dilaksanakan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dengan kerjasama Pejabat Darerah dan Tanah Kuala Nerus serta *Bamboo Jungle Adventures Sdn Bhd* (BJA). Kerjasama ini dimeterai melalui Memorandum Perjanjian (MoA) di antara Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), *Bamboo Jungle Adventure Sdn Bhd* (BJA) dan *Golden Pharos Berhad* di Hotel Paya Bunga, Kuala Terengganu yang disaksikan oleh Menteri Perusahaan Perladangan Komoditi, YB Dato' Dr Mohd Khairuddin bin Aman Razali. MoA tersebut membabitkan pembangunan manual aplikasi buluh dalam industri pembinaan untuk menjadi rujukan kepada pihak yang ingin mendirikan bangunan menggunakan buluh.

PENSIJILAN MINYAK SAWIT MAMPAN MALAYSIA (MSPO) PEKEBUN KECIL SAWIT

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) giat melaksanakan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) bagi memastikan pengeluaran minyak sawit mampan Malaysia. Pensijilan MSPO telah dilaksanakan secara mandatori meliputi sektor ladang, kilang kelapa sawit dan pekebun kecil. Sehingga 2020, pelaksanaan Pensijilan MSPO bagi pekebun kecil tersusun telah berjaya mencapai sasaran penuh 100 peratus. Pensijilan MSPO pekebun kecil yang dilaksanakan MPOB bersama agensi kerajaan persekutuan dan negeri melibatkan keluasan tanaman sawit 724,633.32 hektar.

Bagi pensijilan sektor ladang dan kilang kelapa sawit juga hampir mencapai sasaran sepenuhnya. Seluas 5.20 juta hektar atau 88.25 peratus daripada 5.9 juta hektar kawasan tanaman sawit di Malaysia telah memperoleh sijil MSPO manakala 434 kilang kelapa sawit atau 96.02 peratus daripada 452 buah kilang kelapa sawit telah memperoleh sijil MSPO. Bagi pekebun kecil persendirian, seluas 311,739.51 hektar atau 31.61 peratus kawasan tanaman sawit telah dipersijilkan MSPO. MPOB mengambil inisiatif menubuhkan Kelompok Pensijilan Minyak Sawit Mampan (SPOC) bagi melaksanakan pensijilan MSPO pekebun kecil persendirian yang mengusahakan kebun sawit. Sebanyak 162 SPOC yang telah ditubuhkan di seluruh negara telah memperolehi pensijilan MSPO.



Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, YB Dato'. Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali menyampaikan sijil kepada pekebun kecil sawit

CUPLUMP MODIFIED BITUMEN (CMB) JALAN RAYA GETAH



Jalan Parlimen sepanjang 1.5 km yang diturap semula menggunakan Cuplump Modified Bitumen (CMB)

Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah memenangi Anugerah Keseluruhan sempena Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersilan Malaysia (MCY) 2020 anjuran Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi inovasi *Cuplump Modified Bitumen* (CMB). CMB ialah produk inovasi campuran getah sekerap dan bitumen bagi kegunaan turapan jalan dan telah diusahakan oleh penyelidik LGM sejak tahun 2014. Pembangunan produk inovasi ini juga bertujuan untuk menstabilkan harga getah dan mengatasi lebihan bekalan serta mengurangkan impak kejatuhan harga getah ke atas pendapatan hampir 450,000 orang pekebun kecil getah di Malaysia. LGM juga telah bekerjasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menurap semula Jalan Parlimen sepanjang 1.5 km dengan menggunakan CMB, dan ini adalah satu lokasi sesuai bagi memperlihatkan keberkesanan teknologi ini.

APLIKASI RRIMNIAGA

Lembaga Getah Malaysia telah memperkenalkan aplikasi telefon pintar 'RRIMniaga' pada tahun 2020 untuk memperkasakan program Insentif Pengeluaran Getah (IPG) yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak tahun 2015. RRIMniaga diperkenalkan untuk mempercepatkan proses pembayaran insentif kepada pekebun kecil yang layak, dan penggunaannya telah diwajibkan mulai 1 Januari 2021.



Aplikasi ini telah dilancarkan oleh Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, YB Dato'. Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali

PELANCARAN PENGGUNAAN BIODIESEL B20 UNTUK SEKTOR PENGANGKUTAN

Seiring perkembangan global, Malaysia melaksanakan penggunaan adunan biodiesel bersama diesel petroleum sebagai bahan api mesra alam untuk sektor pengangkutan sejak 2011. Bermula dengan adunan lima (5) peratus biodiesel sawit B5, penggunaan biodiesel sawit dipertingkatkan kepada



B7, B10 dan seterusnya B20. Pelancaran penggunaan B20 untuk sektor pengangkutan telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri pada 20 Februari 2020 di Kuala Lumpur.

Pelaksanaan Program Biodiesel B20 adalah antara usaha untuk meningkatkan permintaan sawit secara domestik. Menerusi pelaksanaan adunan biodiesel B20, penggunaan minyak sawit dianggarkan meningkat sebanyak 534,000 tan kepada 1.3 juta tan setahun. Peningkatan penggunaan minyak sawit menerusi pelaksanaan program biodiesel menyediakan sokongan mampan ke atas permintaan minyak sawit seterusnya memastikan harga komoditi sawit terus kukuh.

PELANCARAN HAB COKLAT LANGKAWI



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, YB Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali telah merasmikan Majlis Penutup Kursus Asas Pembangunan Usahawan Coklat Buatan Tangan dan Pelancaran Hab Cokat Langkawi di Kuah, Langkawi Kedah

Selari dengan pertumbuhan industri hiliran koko di Malaysia, kerjasama strategik dari kementerian, jabatan dan pihak swasta yang berkaitan adalah amat penting dalam mewujudkan pertumbuhan pelaburan baharu dalam sektor nilai tambah pembuatan produk-produk akhir koko terutamanya coklat. Sehubungan dengan itu, inisiatif kementerian untuk membangunkan Hab Coklat di Langkawi dilihat sebagai pemangkin kepada pertumbuhan semula industri koko dan mempromosikan produk

coklat keluaran tempatan serta diyakini dapat memulihkan industri ini seterusnya membawa Malaysia ke era kegemilangan koko yang pernah dicapai pada dua (2) dekad yang lalu.

Antara impak membangunkan Hab Usahawan Coklat seperti yang dicadangkan tersebut adalah berupaya menjana pendapatan dan peningkatan hasil jualan usahawan coklat dan produk-produk koko sedia ada, peningkatan bilangan pengusaha dan pengeluar produk-produk koko tempatan, peningkatan penggunaan koko dalam kalangan penduduk tempatan serta peningkatan peluang pekerjaan terutamanya di sektor pembuatan dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

PELANCARAN BANTUAN PRIHATIN KOKO 2020



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, YB Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali menyempurnakan Majlis Penutup Kursus Lanjutan Teknologi Koko Pasca Tuai anjuran Lembaga Koko Malaysia (LKM)

Kerajaan telah memperuntukkan RM2.69 juta di bawah PRE PRIHATIN 2020 bagi 3,134 hektar dalam bentuk bantuan input pertanian kepada 4,566 orang pekebun kecil koko di seluruh negara.

Pemberian bantuan input pertanian ini bertujuan untuk membantu pekebun kecil koko yang terkesan daripada penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Dalam hal ini,

BANTUAN PRIHATIN KENAF UNTUK PENANAM KENAF TERKESAN AKIBAT COVID-19

Sejumlah RM 968,680 telah diperuntukkan oleh kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) sebagai Bantuan Prihatin Kenaf 2020 khusus kepada penanam - penanam kenaf di negara ini yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Peruntukan yang disalurkan melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) ini diberikan dalam bentuk input pertanian pada kadar RM500 bagi setiap hektar tanaman. Kerajaan amat prihatin terhadap rakyat termasuk penanam kenaf atas musibah pandemik COVID-19 yang melanda sekarang serta perintah kawalan pergerakan yang mengekang aktiviti ekonomi mereka.



Majlis penyampaian replika cek sumbangan bagi penanam - penanam kenaf negeri-negeri yang terlibat (Kedah, Terengganu, Kelantan, Pahang dan lain-lain) telah disempurnakan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, YB Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI (PRE) PRIHATIN DAN SKIM TANAMAN BAHARU LADA

Pada tahun 2020, kerajaan telah meluluskan Pakej Ransangan Ekonomi (PRE) Prihatin 2020 bagi membantu pekebun kecil lada yang terkesan disebabkan penularan wabak COVID-19 dengan jumlah peruntukkan sebanyak RM16.1 juta. Melalui PRE ini, pekebun kecil lada telah dibantu dengan penyaluran baucar input pertanian dan peralatan ladang bagi meringankan beban yang dihadapi oleh pekebun kecil lada.



Majlis tersebut telah disempurnakan dengan jayanya oleh Timbalan Menteri II Perusahaan Perladangan dan Komoditi, YB Datuk Willie Anak Mongin

JABATAN DAN AGENSI

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
6, Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang
Selangor

☎ : 03 8769 4400
🖷 : 03 8925 9446
🖱 : www.mpob.gov.my

Lembaga Getah Malaysia (MRB)
Tkt 17 & 18 Bangunan Getah Asli (Menara)
148 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

☎ : 03 9206 2000
🖷 : 03 2163 4492
🖱 : www.lgm.gov.my

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
Aras 13 - 17 Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras
56100, Kuala Lumpur

☎ : 03 9282 2235
🖷 : 03 9200 3769
🖱 : www.mtib.gov.my

Lembaga Koko Malaysia (LKM)
Tingkat 5, 6 & 7, Wisma SEDCO
Beg Berkunci 211
88999 Kota Kinabalu
Sabah

☎ : 088 206 400
🖷 : 088 239575
🖱 : www.koko.gov.my

Lembaga Lada Malaysia (MPB)
Lot 1115
Jalan Utama
93450, Kuching
Sarawak

☎ : 082 331811
🖷 : 082 336877
🖱 : www.mpb.gov.my

Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)
Kubang Kerian
16150 Kota Bharu
Kelantan

☎ : 09 766 8000
🖷 : 09 766 8071
🖱 : www.lktn.gov.my

Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC)
No 6, Persiaran Institusi Bandar Baru Bangi
43000 Kajang
Selangor, Malaysia

☎ : 03 8769 3826
🖷 : 03 8920 1749
🖱 : www.impac.edu.my

Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC)
Aras 7, Menara Axis
No 2, Jalan 51A/223, Seksyen 51A
46100 Petaling Jaya
Selangor

☎ : 03 7806 4097
🖷 : 03 7806 2272
🖱 : www.mpoc.org.my

Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC)
Unit 2-1, Aras 2, Menara 2B
UOA Business Park, No 1
Jalan Pengaturcara U1/51A
Seksyen U1, 40150, Shah Alam
Selangor

☎ : 03 5569 9676 / 017 395 3511
🖷 : -
🖱 : www.mpocc.org.my

Majlis Getah Malaysia
Unit No 36-02, Aras 36, Q Sentral
2A Jalan Stesen Sentral 2,KL Sentral
50470 Kuala Lumpur

☎ : 03 2782 2100
🖷 : 03 2782 2199
🖱 : www.myrubbercouncil.com

Majlis Kayu Kayan Malaysia
Aras 18 Menara PGRM
8 Jalan Pudu Ulu Cheras
56100, Kuala Lumpur

☎ : 03 9281 1999
🖷 : 03 9282 8999
🖱 : www.mtc.com.my

Majlis Pensijilan Kayu Malaysia
C-08-05, Blok C, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur

☎ : 03 2161 2298
🖷 : 03 2161 2293
🖱 : www.mtcc.com.my

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

☎ : 03 8884 6456
🖷 : 03 8884 6411
🖱 : www.moe.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB. Datuk Dr. Radzi bin Jidin
Menteri



YB. Tuan Muslimin bin Yahaya
Timbalan Menteri I



YB. Dato' Dr. Mah Hang Soon
Timbalan Menteri II



YBhg. Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti bertaraf dunia bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dalam memenuhi aspirasi negara.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PERTANDINGAN KV SKILLS PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-5 2020



Keberangkatan Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajudin Jamalullail ke Majlis Perasmian Penutupan Kolej Vokasional Peringkat Kebangsaan kali ke-5 Tahun 2020

Pertandingan Kolej Vokasional *Skills* Kali ke-5 Tahun 2020 telah diadakan pada 9 - 12 Mac 2020 di Kolej Vokasional Arau, Perlis. Bertemakan *We Create Our Future*, penganjuran pertandingan KV Skills merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional untuk mencungkil bakat, kreativiti dan daya inovasi dalam kalangan pelajar kolej vokasional.

Pertandingan ini telah menghasilkan beberapa orang pelajar Kolej Vokasional menyertai *WorldSkills* Malaysia Belia, ASEAN dan *WorldSkills Competition.* Pelajar perempuan daripada Kolej Vokasional Kajang dalam bidang automotif telah terpilih untuk mewakili Malaysia ke *ASEAN Skills Competition* di Singapura pada bulan Julai 2020.

MESYUARAT PENASIHAT PERSIDANGAN MENTERI-MENTERI PENDIDIKAN NEGARA ANGGOTA *ISLAMIC WORLD EDUCATIONAL, SCIENTIFIC AND CULTURAL ORGANISATIONAL* (ICESCO)

Mesyuarat Penasihat Persidangan Menteri-Menteri Pendidikan bagi negara anggota *Islamic World Educational, Scientific and Cultural Organisational* (ICESCO) yang bertemakan *"Education Systems in the Face of Crises and Emergencies (COVID-19)"* disertai sebanyak 43 negara anggota dan 11 pertubuhan antarabangsa yang menyatakan komitmen bagi mencapai sasaran SDG4 pada tahun 2030 dalam kesaksamaan pendidikan yang berkualiti dan inklusif serta mempromosikan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.



Menteri Kanan Pendidikan, YB Datuk Dr. Radzi bin Jidin telah menyertai persidangan secara maya

SELAMAT KEMBALI KE SEKOLAH

Selepas hampir tiga (3) bulan sekolah diarahkan tutup dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan diikuti Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akibat penularan wabak COVID-19, sesi persekolahan membabitkan pelajar mengambil peperiksaan awam, dimulakan semula pada 24 Jun 2020.

Persiapan rapi telah dilakukan oleh pihak sekolah dan pematuhan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah. Pembukaan sektor pendidikan dilihat penting terutama bagi pelajar tingkatan lima serta tingkatan enam bakal menduduki peperiksaan awam iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil

Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan peperiksaan antarabangsa yang setara. Guru dan pelajar hadir ke sekolah dengan mengamalkan peraturan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) norma baharu yang ditetapkan.



Menteri Kanan Pendidikan, YB Datuk Dr. Radzi bin Jidin telah mengadakan lawatan ke SMK Cochrane dan SMK Taman Maluri, Kuala Lumpur untuk meninjau keadaan hari pertama murid kembali ke sekolah

DYMM YANG DI-PERTUAN AGONG MENCEMAR DULI BERANGKAT MEMANTAU PELAKSANAAN SOP PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH DI SMK DANAU KOTA, KUALA LUMPUR

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan mencemar duli bagi meninjau pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan sesi pembelajaran secara bersemuka pada 26 Jun 2020 di Sekolah Menengah Kebangsaan Danau Kota, Kuala Lumpur.

Hal ini susulan pembukaan semula sesi persekolahan membabitkan kelas peperiksaan awam, khususnya tingkatan lima dan enam melalui proses pengajaran dan pembelajaran norma baharu, kira-kira tiga bulan terhenti akibat pandemik COVID-19.



Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah menyapa salah seorang pelajar di SMK Danau Kota, Kuala Lumpur

DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, diiringi anakandanya Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah, berangkat tiba di sekolah berkenaan pada jam 10 pagi dan disambut oleh Menteri Kanan Pendidikan, YB Datuk Dr. Radzi bin Jidin serta pegawai-pegawai kanan KPM.

Sejurus tiba, guru bertugas terlebih dahulu membuat pemeriksaan suhu ke atas baginda sebelum DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan menggunakan cecair sanitasi yang diletakkan di atas alat hasil inovasi pelajar yang hanya memerlukan seseorang memijak alat itu untuk mengeluarkan cecair berkenaan.

KPM ANJUR KONVOI JALUR GEMILANG

Menjelang sambutan Hari Kebangsaan 31 Ogos, KPM dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Jabatan Pendidikan Selangor telah menganjurkan Konvoi Jalur Gemilang di lobi bangunan Kementerian Pendidikan Malaysia, E8, Parcel E, Putrajaya.

Tujuan konvoi ini diadakan adalah bagi menyemarakkan semangat patriotisme dan cintakan negara melalui kibaran Jalur Gemilang dalam kalangan warga KPM dan sekolah. Pelepasan konvoi disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan I, YB Tuan Muslimin bin Yahaya diiringi oleh Ketua Setiausaha KPM, YBhg. Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof dan warga kerja KPM. Penyerahan Jalur Gemilang dan nyanyian lagu Negaraku melibatkan lima (5) buah sekolah sekitar Putrajaya.



Konvoi yang disertai oleh pengetua-pengetua dan guru-guru sekolah sekitar Putrajaya dan Selangor ini melibatkan sebanyak 130 buah kenderaan pelbagai jenis terdiri daripada 30 buah kereta dan 100 buah motosikal

JABATAN DAN AGENSI

Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP)
Menara DBP
Jalan Dewan Bahasa
50460 Kuala Lumpur

☎ : 03 2147 9000
🖷 : 03 2147 9601
🖱 : www.lamanweb.dbp.gov.my

Majlis Peperiksaan Malaysia
Persiaran 1
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves
Selangor

☎ : 03 6126 1600
🖷 : 03 6136 1488
🖱 : www.mpm.edu.my

Institut Terjemahan & Buku Malaysia
Wisma ITBM, 2, Jalan 2/27e
Seksyen 10 Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur

☎ : 03 4145 1800
🖷 : -
🖱 : www.itbm.com.my

Perbadanan Kota Buku
D3-06-01, Centre Court, Tamarind Square
Persiaran Multimedia, Cyber 10
63000 Cyberjaya
Selangor

☎ : 03 8230 8058 / 018 203 6330
🖷 : -
🖱 : www.kotabuku.my

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)
Aras 3, Blok E9, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

☎ : 03 88881001
🖷 : 03 88881146
🖱 : www.padu.edu.my

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Menara KBS
No 27 Persiaran Perdana,Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya

☎ : 03 8871 3333 / 03 8871 3000
🖷 : 03 8888 8770
🖱 : www.kbs.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican
Menteri



YB Senator Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal
Timbalan Menteri



YBhg. Datuk M. Noor Azman bin Taib
Ketua Setiausaha

PENGENALAN

Penubuhan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bermula pada tahun 1953 dengan tertubuhnya Bahagian Kebudayaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah diberi tanggungjawab mengenai belia.

Seterusnya pada tahun 1964 Bahagian Kebudayaan ini telah dipindahkan di bawah Kementerian Penerangan. Pada masa yang sama berikutan kegiatan belia secara berpersatuan yang semakin berkembang, maka bagi tujuan memupuk serta memantau perkembangan tersebut, Bahagian Belia telah ditubuhkan di bawah kementerian berkenaan. Selain itu, di bawah Kementerian Penerangan ini juga telah ditubuhkan Bahagian Sukan.
Kementerian Belia dan Sukan dengan rasminya diwujudkan pada 15 Mei 1964 iaitu bersempena Hari Belia Negara pada tahun tersebut. Pada tahun 1972, Bahagian Kebudayaan telah diwujudkan dan dengan itu nama Kementerian Belia dan Sukan ini telah diubah kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sehingga tahun 1987 apabila Bahagian Kebudayaan telah dipindahkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ia telah kembali kepada nama asalnya iaitu Kementerian Belia dan Sukan sehingga sekarang.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PENYERAHAN SUMBANGAN MAKANAN KEPADA GELANDANGAN SERTA PENYERAHAN PELITUP MUKA DAN CECAIR SANITASI TANGAN KEPADA *RIDERS GIG* EKONOMI



Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican menyantuni golongan belia

Kementerian Belia Sukan (KBS) telah bekerjasama dengan tujuh (7) persatuan belia yang bernaung dibawah Majlis Belia Malaysia (MBM) telah menyumbangkan makanan, pelitup muka dan cecair sanitasi tangan kepada golongan gelandangan dan belia-belia yang bekerja sebagai penghantar makanan di sekitar Sunway Putra Mall, KL dan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur.

Program penyampaian sumbangan kepada para belia disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican diiringi Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal. Turut hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KBS dan Presiden Majlis Belia Malaysia, YBhg Datuk M. Noor bin Azman Taib dan Saudara Jufitri bin Joha.

STRATEGI EKONOMI BELIA PASCA COVID-19 (SEKTOR PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN)

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) membuka ruang yang lebih luas untuk golongan belia yang terpilih bagi mengusahakan pertanian nilai tinggi melalui latihan di Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). Para belia juga diberi peluang menggunakan kemudahan hab pemprosesan makanan zon utara yang terletak di IKBN Naka, Kedah.

Usaha ini merupakan salah satu inisiatif KBS dengan kolaborasi rentas kementerian, yang memberi manfaat kepada lebih sepuluh (10) juta belia yang terkesan dengan pandemik COVID-19. Siri kolaborasi rentas kementerian diperluaskan dengan kunjungan YB Menteri dan YB Timbalan Menteri Belia dan Sukan ke Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI) bertujuan untuk membangkitkan aspirasi belia serta sinergi melalui kerjasama strategik KBS – MAFI.



Kunjungan Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican ke Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MAFI)

SKIM PERANTISAN NASIONAL

Skim Perantisan Nasional (SPN) merupakan inisiatif Kolaborasi Rentas Kementerian pasca penularan COVID-19 yang diterajui oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia (KSM) serta Kementerian Kerja Raya (KKR). Program ini dirasmikan secara bersama oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri Saravanan A/L Murugan dan Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Hj. Fadillah bin Haji Yusof di Menara KBS, Putrajaya.



Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican berucap ketika Majlis Perasmian Program Skim Perantisan Nasional (SPN)

HARI BELIA NEGARA 2020

Sambutan Hari Belia Negara 2020 turut menghargai jasa dan sumbangan belia dalam tempoh penularan COVID-19. Terdapat 357 percalonan seluruh negara dan seramai enam (6) telah dipilih untuk menerima anugerah Wira Belia COVID-19 bertempat di Persada Johor *International Convention Centre,* Johor.



Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin merasmikan Hari Belia Negara 2020

MAJLIS PELANCARAN *PROGRAM 'ISN INSPIRE, IT'S TIME TO INSPIRE!'*



Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican menyempurnakan gimik perasmian

Majlis Pelancaran Program 'ISN INSPIRE' telah dirasmikan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican dengan majlis memeterai MoU antara beberapa universiti awam. Majlis ini juga memperkenalkan rakan strategik dan penaja Institut Sukan Negara serta pelancaran Studio Fit Malaysia X.

MAJLIS PERASMIAN *ESPORTS INTEGRATED*

KBS telah memberikan mandat kepada Impact Integrated, sebuah agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk menerajui dan bertindak sebagai pemangkin pertumbuhan industri e-sukan Malaysia yang rancak, mampan dan inklusif. Inisiatif-inisiatif diperkenalkan dapat merancakkan industri e-sukan seterusnya mewujudkan sebuah ekosistem yang memberangsangkan di Malaysia. Majlis dirasmikan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican. Turut bersama menjayakan majlis ialah Timbalan Menteri KBS, YYB Senator Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal, Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Datuk M. Noor Azman bin Taib dan Ketua Pegawai Eksekutif *Impact Integrated,* En. Ahmed Faris Amir serta barisan penggemar e-sukan Malaysia.



Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican berucap ketika Majlis Perasmian ESports Integrated

MAJLIS PELANCARAN SIRI DOKUMENTARI JALUR 14 – *'A TALE OF 14 HEROES'*

Kementerian Belia dan Sukan (KBS), *Esports Integrated* (ESI) dan *Impact Integrated* berganding bahu dengan saluran dan platform e-sukan Astro, *eGG Network* dengan menghasilkan satu siri dokumentari khas mengenai kebangkitan dunia e-sukan di negara ini. Siri dokumentari tersebut mengumpulkan kisah pahit manis para pejuang e-sukan sepanjang 14 tahun berhempas pulas mengharumkan nama negara. Jalur 14 menceritakan tentang 14 personaliti e-sukan tanah air seperti Chai 'Mushi' Yee Fung, Ng 'YamateH' Wei Poong, Dr. Yew Weng Kean, Mohd Fariz 'Soloz' Zakaria, Ahmad Fuad 'Fredo Sameon' Bin Razali, Andriyana Binti Mohamed Ghazali, *'ChuChu Gaming'* dan ramai lagi.



Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican secara virtual di Menara KBS

JABATAN DAN AGENSI

Majlis Sukan Negara (MSN)
Kompleks Sukan Negara
Bukit Jalil
57000 Sri Petaling
Kuala Lumpur

: 03 8992 9600
: 03 8996 7400
: www.nsc.gov.my

Perbadanan Stadium Malaysia (PSM)
Level 2, Stadium Nasional, Kuala Lumpur
Sports City (KLSC)
Sri Petaling

57700 Kuala Lumpur
: 03 8992 0888
: 03 8994 4663
: www.stadium.gov.my

Institut Sukan Negara (ISN)
Institut Sukan Negara
Kompleks Sukan Negara
Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur

: 03 8991 4877 / 4800
: 03 8996 8748
: www.isn.gov.my

Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS)
Aras 2, Gimnasium 3
Kuala Lumpur Sports City
57000 Seri Petaling
Kuala Lumpur

: 03 8994 4800
: 03 8994 4810
: www.pps.kbs.gov.my

Institut Pembangunan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD)
Aras 4-6, Block F10, Kompleks Banggunan Kerajaan Parcel F
No. 2, Lebuh Perdana Timur A, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya

: 03 8000 8000
: 03 8888 4788
: i-lead.gov.my

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
Aras 10, Menara KBS, No. 27 Persiaran Perdana
Presint 4,Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya

: 03 8871 3417
: 03 8871 3342
: www. iyres.gov.my

Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)
Aras 14, Menara KBS
Kementerian Belia dan Sukan
No 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya

: 03 8871 3000
: 03 8888 8723
: www.jbsn.gov.my

Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB) -
Institusi Latihan Kemahiran Belia & Sukan (ILKBS)
Aras 3, Menara KBS
Kementerian Belia dan Sukan
No 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya

: 03 8871 3000
: 03 8888 8723
: www.kemahiran.kbs.gov.my

Pusat Belia Antarabangsa
International Youth Centre (IYC)
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak
56000 Cheras Kuala Lumpur

: 03 9171 9204
: 03 9172 3599
: www.iyckul.org.my

Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS)
Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) Aras 7
Menara KBS, Kementerian Belia dan Sukan
No.27 Persiaran Perdana, Presint 4
62570 Putrajaya

: 03 8871 3569
: 03 8888 8730
: www.adamas.gov.my

Sepang Iinternational Circuit (SIC)
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.
Jalan Pekeliling, 64000 KLIA
Selangor

☎ : 03 8778 2200
🖷 : -
🖱 : www.sepangcircuit.com

Impact Integrated
Impact Malaysia
c/o Spacerubix
Jalan TPP 1/7
Taman Perindustrian Puchong
47100 Puchong
Selangor

☎ : 03 8064 4488/ 011 5641 9519
🖷 : -
🖱 : www.impactintegrated.my

Pendaftar Pertubuhan Belia
Aras 4, Blok C7, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62520 Putrajaya

☎ : 03 8881 0842 / 1284 / 1933
🖷 : 03 8881 0058
🖱 : www.roy.kbs.gov.my

Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS)
Aras 9, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya

☎ : 03 8871 3230
🖷 : 03 8890 5524
🖱 : www.subanggolf.com

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Blok 4G1, Wisma Tani
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8888 6020
🖱 : www.mafi.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI



YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee
Menteri



YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah
Timbalan Menteri I



YB Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi
Timbalan Menteri II



YBhg. Dato' Haji Zainal Azman bin Abu Seman
Ketua Setiausaha
(Bermula November 2021)

PENGENALAN

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan amat komited terhadap usaha mentransformasikan sektor pertanian kepada perniagaan tani dan mewujudkan model inklusif yang berteraskan aspek pasaran, ekonomi skala dan penyepaduan rantaian nilai sebagai tunjang utama.

Usaha ini selari dengan objektif Dasar Agromakanan Negara (DAN) untuk meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani dan menjadikan industri agromakanan sebagai industri yang berdaya saing di peringkat global. Transformasi minda ke arah penerimaan bahawa pertanian itu satu perniagaan adalah cabaran penting yang sedang dipikul oleh kementerian dalam menjayakan dasar kerajaan serta melaksanakan objektif DAN kepada kumpulan sasar khususnya dan rakyat secara amnya.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

MESYUARAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA



Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee buat pertama kalinya telah diadakan di Kuala Lumpur

Jawatankuasa Eksekutif ini membincangkan dan mempertimbangkan aspek tadbir urus jawatankuasa ini agar selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan Negara yang lebih holistik dan mampan dapat dicapai dengan baik.

Jawatankuasa Eksekutif ini dipengerusikan oleh YB Menteri dengan keahlian 17 ahli tetap yang terdiri daripada ketua-ketua setiausaha kementerian, ketua-ketua jabatan dan agensi. Turut terlibat bersama adalah ahli-ahli akademik, pemain-pemain industri

dan badan bukan kerajaan (NGO). Jawatankuasa ini bertanggungjawab sebagai *coordinating commitee* dalam mencadangkan strategi dan pelan tindakan berkaitan sekuriti makanan negara untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri kelak.

Selain itu, jawatankuasa ini juga bertanggungjawab dalam mengenal pasti intervensi kerajaan bagi mencapai objektif yang disasarkan seperti penggunaan teknologi terkini, pembiayaan kredit dan aktiviti pertanian yang mempunyai nilai tambah yang tinggi bagi menjadikan sektor pertanian antara penyumbang utama pertumbuhan ekonomi negara.

Jawatankuasa Eksekutif ini dibantu oleh empat (4) cadangan kluster berdasarkan dimensi yang digariskan dalam kerangka sekuriti makanan negara iaitu ketersediaan, kemampuan, keselamatan, kestabilan dan kemampanan yang bakal melibatkan mobilisasi jawatankuasa jabinet atau jajlis sedia ada di bawah jementerian dan jgensi. Idea dan saranan yang diketengahkan oleh Ahli jawatankuasa eksekutif ini akan dipertimbangkan agar dapat menyumbang dalam mengukuhkan Sekuriti Makanan Negara dan seterusnya meningkatkan kemakmuran bersama.

PELANCARAN SKIM SUBSIDI BAJA & RACUN PADI BUKIT HUMA, BEAUFORT, SABAH

Perdana Menteri mengumumkan beberapa skim dan bantuan khas bagi membantu meningkatkan taraf hidup kumpulan sasar di negeri Sabah. Kerajaan juga bersetuju mengembalikan jumlah Elaun Sara Hidup nelayan kepada RM300 sebulan. Selain itu bantuan khas khususnya untuk kerajaan negeri Sabah dan Sarawak di bawah Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit Huma berjumlah RM40.34 juta manakala di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), kerajaan melalui Agrobank memperuntukkan sasaran pembiayaan sebanyak RM38.7 juta untuk manfaat komuniti dan industri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sektor agromakanan di Sabah. Kesemua skim berkenaan melibatkan agensi seperti NAFAS, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Agrobank.



Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin telah menghadiri Program bersama Peladang, Penternak dan Nelayan di Sabah bagi menyempurnakan Pelancaran Skim Bantuan Subsidi Baja dan Racun Padi Huma di Beaufort, Sabah. Hadir sama pada majlis tersebut ialah Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee

ASEAN MINISTERIAL MEETING ON AGRICULTURE AND FORESTRY (AMAF) SECARA TELESIDANG

Mesyuarat Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan atau ASEAN *Ministerial Meeting on Agriculture and Forestry* (AMAF) membincangkan perkara berkaitan pertanian dan perhutanan di peringkat serantau. Mesyuarat itu juga mengesahkan cadangan-cadangan berkaitan dasar serta membuat keputusan ke atas syor-syor yang dikemukakan oleh kumpulan kerja di bawah AMAF di samping mengukuhkan hubungan serantau antara ASEAN dan rakan-rakan dialognya menerusi pelaksanaan rangka kerja dasar berkaitan kerjasama ASEAN dalam makanan, pertanian dan perhutanan.

Mesyuarat AMAF yang ke-42 ini adalah penting dalam usaha untuk menangani isu-isu keselamatan makanan di peringkat serantau. Malaysia khususnya, komited terhadap usaha menyeluruh yang ditunjukkan oleh pelbagai kumpulan kerja sektoral di bawah AMAF dalam merealisasikan rangka kerja dasar mengenai makanan, pertanian dan perhutanan. Hasil- hasil yang dipersetujui dari pertemuan mesyuarat ini akan menjadi panduan dasar bagi negara-negara anggota yang merangkumi piawaian pertanian terbaik serantau yang sekaligus akan membantu menyokong isu-isu keselamatan makanan yang semakin mencabar.



Delegasi Malaysia yang diketuai oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee bersama-sama dengan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, YB Datuk Seri Ahmad bin Hamzah telah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan (AMAF) secara telesidang

MENTERI MAFI MEMPENGERUSIKAN DIALOG DASAR MENTERI MENGENAI SEKURITI MAKANAN DI APEC 2020

Sesi dialog telah dihadiri oleh 21 negara *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) serta organisasi swasta yang diwakili oleh *APEC Business Advisory Council* (ABAC). Dialog yang dianjurkan buat julung kali secara maya itu telah menyediakan platform untuk berkongsi pandangan mengenai strategi-strategi berkaitan polisi sekuriti makanan dalam menghadapi ancaman pandemik COVID-19 dan memastikan sekuriti makanan di rantau Asia Pasifik terus proaktif, berdaya tahan dan mampan.

Sesi dialog itu memainkan peranan penting bagi ekonomi APEC untuk memperkukuhkan lagi usaha dan kerjasama dalam sekuriti makanan bagi menghadapi cabaran pasca COVID-19 di samping memastikan sistem makanan yang mampan di rantau ini. Dalam sesi dialog itu, pernyataan negara-negara ekonomi APEC memudahkan aliran produk makanan dan pertanian merentasi sempadan, meminimumkan gangguan pada rantaian bekalan makanan global serta memastikan



Dialog Dasar Menteri mengenai Sekuriti Makanan di Asean Pacific Economic Cooperation (APEC) secara maya telah dipengerusikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee. Hadir sama Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YB Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi

hubungan perdagangan tetap terbuka untuk kelestarian sekuriti makanan serantau. Pada masa sama, APEC juga menyedari peranan penting penggunaan teknologi digital dalam meningkatkan sekuriti makanan serta kemampanan dalam rantaian bekalan sekiranya berlaku bencana alam atau pandemik pada masa akan datang.

Rangka Kerja Sekuriti Makanan APEC 2020 diberikan penekanan dalam meningkatkan daya tahan sistem makanan memastikan sumber makanan yang mampan serta penggunaan teknologi dan digital ekonomi yang lebih menyeluruh dalam sektor pertanian. Keutamaan ini bagi memastikan negara-negara ekonomi APEC mampu menangani sebarang ketidaktentuan di masa hadapan.

MAFI LANCAR EMPAT KIT PENGESANAN PANTAS *MARDIsense*

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah melancarkan empat (4) produk inovasi bioteknologi yang mampu mengesan sisa antibiotik, bahan kimia, biotoksin dan bakteria dalam hasil pertanian sekali gus meningkatkan kualiti serta tahap keselamatan produk pertanian dan agromakanan.

Kit yang dihasilkan MARDI itu dilengkapi peranti biosensor mudah alih berasaskan Android dengan rangkaian 4G, sistem kedudukan global (GPS) dan aplikasi mudah alih bagi pengesanan di lapangan.

Empat (4) produk inovasi bioteknologi tersebut ialah :

- *Antibiotic Sensor Kit*
  mampu mengesan sisa antibiotik dalam industri ternakan dan akuakultur
- *Malachite Green Sensor Kit*
  mampu mengesan bahan kimia antikulat berbahaya yang digunakan bagi merawat parasit dan kulat pada ikan
- *Algae Bloom Biotoxin Sensor Kit*
  mengesan mikroalga dan biotoksin yang menyebabkan pencemaran kepada air laut serta keracunan kepada kerang-kerangan manakala kit pengesanan bakteria secara pantas
- *Foodborne Pathogen Test Kit*
  boleh mengenal pasti bakteria makanan seperti *E.coli, Salmonella* dan *Listeria* yang menyebabkan cirit-birit, muntah serta demam dan boleh membawa maut

Teknologi yang telah dihasilkan MARDI menerusi kajian selama lima (5) tahun itu berpotensi dimanfaatkan bukan sahaja oleh masyarakat Malaysia malah komuniti dunia yang mengutamakan keselamatan makanan. Kit pengesanan yang dibangunkan MARDI adalah mesra pengguna dan menjimatkan kos serta masa kerana hanya mengambil masa selama 48 jam bagi menganalisis pengesanan pencemaran berbanding kaedah kultur konvensional yang memerlukan tempoh sehingga enam (6) hari. Inovasi MARDI mampu memudahkan pemantauan dan penilaian aktiviti kawalan keselamatan makanan bagi mencegah, mengesan serta menguruskan risiko penyakit bawaan makanan.



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee melancarkan empat Teknologi Kit Pengesanan MARDIsense bersempena dengan National Conference on Precision Biotechnology In Agriculture (NCPBA) 2020

MAFI LANCAR NAIK TARAF PUSAT PROSES SARANG BURUNG WALET DI BELURAN, SABAH



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berucap sempena Majlis Pelancaran Naik Taraf Pusat Proses Sarang Burung Walet

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa memberi perhatian serius agar Industri Sarang Burung Walet (SBW) terus berkembang. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) melalui Pertubuhan Peladang kawasan Beluran proaktif dalam membeli, memproses dan mengeksport Sarang Burung Walet yang mendapat permintaan tinggi di negara China. Terdapat 1,180 buah rumah burung walet di seluruh negeri Sabah. Jumlah ini termasuk 843 buah rumah walet yang terdapat di daerah Beluran yang mampu mengeluarkan hasil sebanyak 8,150 kilogram setahun.

Pada masa kini, burung walet merupakan antara Projek Permulaan (EPP2) berimpak tinggi yang menyasarkan nilai eksport berjumlah RM3.5 billion pada tahun 2020. Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) juga tidak mempunyai halangan memberi lesen sah bagi menternak, menjual, mengeksport dan mengimport sarang burung walet selagi aspek-aspek berkaitan dipatuhi. Peruntukan sebanyak RM1.4 juta telah disampaikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee kepada PPK Beluran bagi menaiktaraf Pusat Proses Sarang Burung walet yang diusahakan.

Dengan adanya pusat ini membolehkan ahli peladang dan pengusaha di sini memperoleh pendapatan yang lebih tinggi. Pusat Proses Sarang Burung walet ini dibina selepas mengambil kira perbezaan harga sarang burung proses yang telah dibersihkan jauh lebih tinggi berbanding sarang burung yang belum dibersihkan.

Permintaan bagi sarang burung walet yang telah dibersihkan adalah tinggi di negara China iaitu dengan harga sarang burung gred 'AA' yang diproses bernilai RM16 ribu berbanding harga sarang burung yang tidak diproses yang harganya hanya RM4,200 sahaja. Satu Memorandum Persefahaman (MOU) antara Agrobank dan Pertubuhan Peladang kawasan Beluran diadakan untuk mewujudkan kerjasama dalam Pelan Pembangunan Usahawan Burung Walit (Mikro). Ini merupakan satu usaha yang sangat baik yang boleh merangsang peningkatan aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan.

Kerjasama ini merupakan inisiatif kementerian kepada pengusaha sarang burung walet yang sedia ada untuk diberi ilmu dan pendedahan kepada teknologi yang terkini agar pengusaha-pengusaha ini boleh menjana pendapatan yang maksimum. Sejumlah RM320,000 diperuntukan ke Tabung

Pembangunan Usahaniaga Peladang yang telah diluluskan kepada tujuh (7) orang pemohon. Peruntukan ini bagi membolehkan usahawan peladang yang mengusahakan rumah sarang burung walet membuat pembesaran projek dan menjadi pencetus penglibatan para belia dalam rantaian pengeluaran sarang burung walet.

Industri Sarang Burung Walet bukanlah satu industri baru di Malaysia malah negara ini merupakan negara ketiga terbesar pengeluar Sarang Burung Walet selepas Indonesia dan Thailand. Namun begitu penglibatan kaum bumiputra hanya sekitar 10 peratus sahaja. Penglibatan Pertubuhan Peladang kawasan Beluran dalam pengeluaran Sarang Burung Walet ini diharap menjadi langkah awal penglibatan kaum bumiputera dalam industri ini.

PENERBANGAN DRON DALAM SEKTOR PERTANIAN

Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta para petani telah menggunakan dron secara meluas dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian bagi tujuan semburan racun dan baja, pemantauan kawasan yang dijangkiti penyakit serta pemetaan kawasan. Walaupun MAFI menggalakkan penggunaan dron namun aspek keselamatan dan pematuhan peraturan berkaitan penggunaan dron sentiasa diberi perhatian serius.



Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) telah menyediakan draf Prosedur Operasi Standard (SOP) Semburan Racun Perosak bagi penerbangan Dron untuk dibincangkan bersama - sama pihak CAAM untuk memastikan peraturan serta arahan khusus melalui kerjasama MAFI dan CAAM menjamin keselamatan dan kebajikan penggunaan Dron oleh para petani

MAFI telah melaksanakan beberapa sesi libat urus bersama pihak Civil *Aviation Authority of Malaysia* (CAAM) berhubung penggunaan dron dalam sektor pertanian. MAFI mengambil maklum bahawa pihak CAAM sedang merangka satu arahan khusus bagi sektor pertanian dengan kerjasama MAFI dalam usaha meningkatkan kesedaran dan kepatuhan operator dron sektor pertanian mengenai kepentingan pendaftaran dan tahap keselamatan penggunaan dron di negara ini. MAFI juga telah berbincang dengan pihak CAAM supaya sebarang peraturan yang dikeluarkan tidak akan membebankan para petani terutama dari segi kos yang berkaitan agar prosedur dan proses permohonan serta tempoh kelulusan adalah lebih munasabah.

AGROBANK UMUM PEMENANG HADIAH CABUTAN KEMPEN KITA-KITA AJE 2 BERNILAI RM2 JUTA

Kempen Kita-Kita Aje 2 (KKA2) telah mendapat sambutan memberangsangkan dengan lebih 60,000 akaun mengambil bahagian dan Agrobank mensasarkan angka ini akan meningkat kepada 90,000 akaun menerusi kempen KKA3 yang sudah pun bermula pada 1 Ogos 2020. Kempen ini dibuka kepada semua pelanggan dan pemegang AgroPrimas di semua cawangan Agrobank dengan hanya membuat deposit serendah RM500 dan mengekalkan jumlah itu sehingga tamat tempoh kempen selama 12 bulan.



Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Perdana Kempen KKA2 Agrobank dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah. Hadir sama ialah Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YB Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi, ahli lembaga pengarah Agrobank, ahli jawatankuasa syariah Agrobank, pengurusan kanan Agrobank dan rakan-rakan media

Seramai 5,796 pemenang terpilih di bawah kategori Cabutan Bertuah Setempat dengan 21 pemenang daripada setiap cawangan Agrobank (138 cawangan Agrobank di seluruh negara) menerusi dua (2) kali cabutan hadiah dibuat. Manakala 31 pemenang diumumkan bagi Kategori Cabutan Perdana yang mempunyai dua (2) sub-kategori iaitu Kategori Umum dan Kategori Junior yang menawarkan pelbagai hadiah lumayan termasuk kenderaan *Ford Ranger XLT,* wang tunai berjumlah RM30,000 dan telefon pintar i-Phone XS.

Kempen KKA2 ini bukan sahaja berperanan sebagai satu (1) sistem ganjaran kepada pelanggan setia Agrobank, malah dalam masa yang sama dapat memupuk semangat menyimpan di kalangan para pelanggan Agrobank, tanpa mengira peringkat umur dan latar belakang terutamanya dalam menghadapi waktu sukar seperti sekarang ini.

Kempen KKA3 yang sedang berlangsung sehingga 31 Julai 2021, merupakan tahun ketiga penganjuran kempen itu. KKA3 menawarkan lebih banyak hadiah berupa wang tunai sebagai bantuan kewangan kepada pelanggan Agrobank dalam menghadapi COVID-19 dan ketidakstabilan ekonomi bagi tempoh satu (1) hingga dua (2) tahun.

JABATAN DAN AGENSI

Jabatan Pertanian (DOA)
Aras 7-17, Wisma Tani, No. 30
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 Putrajaya

☎ : 03 8870 3042
🖷 : 03 8870 3044
🖱 : www.doa.gov.my

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS)
Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62630 Putrajaya

☎ : 03 8870 2000
🖷 : 03 8888 6021
🖱 : www.dvs.gov.my

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)
Wisma Tani, Aras 1 - 6
Blok Menara 4G2, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62628 Putrajaya

☎ : 03 8000 8000
🖷 : 03 8889 5490
🖱 : www.dof.gov.my

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)
Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani
No.28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 Putrajaya

☎ : 03 8870 8000
🖷 : 03 8870 8056
🖱 : www.maqis.gov.my

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
Ibu Pejabat MARDI
Persiaran MARDI-UPM
43400 Serdang
Selangor

☎ : 03 8953 6000
🖷 : 03 8953 6011
🖱 : www.mardi.gov.my

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
Menara LPP
No. 20 , Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur

☎ : 03 2610 9600
🖷 : 03 2697 0987
🖱 : www.lpp.gov.my

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
Bangunan FAMA Point
Lot 17304 Jalan Persiaran 1
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves
Selangor

☎ : 03 6126 2020
🖷 : 03 6138 5200
🖱 : www.fama.gov.my

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti
47120 Puchong
Selangor

☎ : 03 8064 9000
🖷 : 03 8060 3726
🖱 : www.lkim.gov.my

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
Ibu Pejabat MADA
Ampang Jajar
05990 Alor Setar
Kedah

☎ : 04 772 8255
🖷 : 04 772 2667
🖱 : www.mada.gov.my

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)
Peti Surat 127
Jalan Dato' Lundang
15710 Kota Bharu
Kelantan

☎ : 09 7447088
🖷 : -
🖱 : www.kada.gov.my

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)
Wisma Nanas, No.5, Jalan Padi Mahsuri
Bandar Baru Uda
81200 Johor Bahru
Johor

: 07 236 1211 / 07 236 1012
: 07 236 5694 / 07 236 5451
: www.mpib.gov.my

Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)
Leboh Pasar Besar
50726, Kuala Lumpur

: 03 2731 1600
: 03 2691 4908
: www.agrobank.com.my

Taman Botani Negara Shah Alam
Bukit Cahaya Seri Alam
40000 Shah Alam
Selangor

: 03 5510 6922 / 03 5510 6923
: 03 5510 0922
: www.tbnsa.gov.my

Malaysian Bioeconomy Development
Corporation Sdn. Bhd.
Level 16, Menara Atlan
161B Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

: 03 2116 5588
: 03 2116 5411
: www.bioeconomycorporation.my

Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras, Bahagian Industri Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
Aras 2, Wisma Tani, No.28 Persiaran Perdana
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 Putrajaya

: 03 8870 1000
: 03 8888 6020
: www.elesen.moa.gov.my

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)
Lot 1, Jalan Teknologi 3/5
Taman Sains Selangor 1, Kota Damansara
47810 Petaling Jaya
Selangor

: 03 6144 1200
: 03 6144 1399
: www.nafas.com.my

Persatuan Nelayan Kebangsaan(NEKMAT)
No 152, Tingkat 1, Jalan 2/3A
KM 12, Off Jalan Ipoh
68100 Kuala Lumpur

: 03 6136 1808
: 03 6138 7819
: www.nekmat.com.my

PENGHARGAAN

Jabatan Penerangan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan **Buku Rasmi Tahunan 2020**

Kementerian-kementerian

Jabatan Perangkaan Malaysia

Jabatan dan Agensi Kerajaan

Bank Negara Malaysia



BUKU RASMI TAHUNAN 2020

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Kompleks KKMM, No. 4G9, Persiaran Perdana,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Putrajaya, Malaysia

: 03 8911 3440
: 03 8911 4957
: www.penerangan.gov.my
: webmaster@inform.gov.my

ISSN 0126-8627
Buku Rasmi Tahun 2020
B.013 (B.M) OKTOBER 2021 (002.)